

**PENILAIAN TERHADAP PENENTUAN AWAL RAMADHAN  
DAN SYAWAL OLEH INSTITUSI ISLAM DI ACEH  
MENURUT HADITH NABI**

**FAISAL**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**PENILAIAN TERHADAP PENENTUAN AWAL  
RAMADHANDAN SYAWALOLEH INSTITUSI ISLAM  
DI ACEH MENURUT HADITH NABI**

**FAISAL**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

## ABSTRAK

Terdapat beberapa institusi Islam di Aceh yang melakukan penetapan awal Ramadan dan Syawal dengan beberapa metode, sehingga pelaksanaan puasa pada bulan Ramadan dan hari raya di Aceh selalu dilakukan dalam tarikh yang berbeza-beza. Oleh itu, Objektif utama kajian ini adalah melakukan penilaian terhadap metode-metode yang diamalkan oleh beberapa institusi Islam di Aceh dalam menentukan awal Ramadan dan Syawal menurut Hadis Nabi. Bagi menjawab objektif tersebut, pengkaji menjalankan teknik temubual dengan beberapa institusi Islam di Aceh dan data-data tersebut dianalisis menggunakan analisis induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga metode yang telah digunakan dalam menentukan awal Ramadan dan Syawal oleh institusi Islam di Aceh iaitu pertama, metode *hisāb khamāṣī* dengan menggunakan kaedah *buleun tren* dan *buleuk ek*, serta menyempurnakan 30 hari bulan Ramadan sepanjang tahun. Kedua, metode *ru'yah hilāl bi fi'lī* dengan menggunakan *matla'* lapan darjah bujur. Ketiga, metode *imkān al-ru'yah* dengan *matla'* *wilāyah al-hukm* Kemenag RI. Selain itu, kajian ini mendapati terdapat institusi masjid yang mengikuti ketetapan daripada Kerajaan Arab Saudi dan mereka tidak mengambil perhatian terhadap sebarang metode. Hasil penilaian terhadap metode-metode tersebut, dirumuskan bahawa metode *hisāb khamāṣī* termasuk kepada *hisāb 'urfī* dan aplikasinya bercanggah dengan hadis. Adapun metode *ru'yah hilāl bi fi'lī* dengan menggunakan *matla'* lapan darjah bujur, dihasilkan daripada kefahaman tekstual terhadap hadis dengan tidak menggunakan kaedah sains semasa. Sedangkan institusi yang memberikan autoriti kepada Kerajaan Arab Saudi tidak disokong oleh dalil al-Qur'an dan hadis. Kajian ini diharapkan akan memberikan persepsi dan wacana baru kepada Kemenag RI dalam menyatukan tarikh awal Ramadan dan Syawal di Indonesia, serta memberikan maklumat kepada masyarakat Aceh dalam melaksanakan puasa Ramadan dan sambutan hari raya.

## ABSTRACT

There are several methods in setting the first ramadan and eid day used by some islamic institutions in Aceh, so the implementation of it is always be held in different dates. This study was conducted to analyze the method used in Islamic institution in Aceh in defining the first of Ramadan and Syawal. This study aim to assess the methods used by Islamic institution in Aceh in defining the first Ramadan and Syawal in accordance to the prophetic traditional (Hadis Nabi). In order to answer the objective, the writer conducted the interview with the Islamic institution that prescribed the first Ramadan and Syawal. The data were analyzed by using inductive, deductive and comparative analysis. The result found that there were three methods used in defining the first Ramadan and Syawal by Islamic institution in Aceh, which are; the first, *hisāb khamāsī* method by using *bulen tren* and *bulen ek*, and by completing 30 days of Ramadan throughout the year. The second, *ru'yah hilāl bi fi'lī* by using *maṭla* eight degree lengthwise. The third, *imkān al-ru'yah* method by *maṭla'* *wilāyah al-ḥukm* Ministry of Religion of Republic Indonesia. In addition, there also discovered here are some masjid institutions that follow the provision of Saudi Arabian Kingdom and they did not notice any other method. The result indicated by *hisāb khamāsī* method and its application has contradiction with the hadith of Prophet Muhammad SAW. While the institution that used *ru'yah hilāl bi fi'lī* method by using *maṭla* eight-degree lengthwise, conducted textual comprehension toward hadith of prophet by not using current scientific method. Whereas institution that follow the Saudi Arabian Kingdom provision was not supported by al-Qur'an and hadith. This study is expected to give the perception and discourse towards the Republic Indonesia Ministry of Religion in order to synchronize the first Ramadan and Syawal in Indonesia, and provide the information for Acehnese in fulfilling fasting month and welcoming the eid day.

## **PENGHARGAAN**

Segala puji dan syukur dipersembahkan kepada Allah SAW dan Selawat dan Salam juga dipersembahkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Kelancaran penulisan tesis ini tidak terlepas daripada rahmat serta petunjuk yang telah Allah berikan serta bantuan dan bimbingan pelbagai pihak. Untuk itu penulis ucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada:

1. Kerajaan Aceh dan Rakan-rakan pelajar Aceh di Universiti Malaya.
2. Dr. Faisal Ahmad Shah, selaku penyelia utama yang telah banyak meluangkan masa dan memberikan bimbingan serta ilmu di sela-sela kesibukan beliau.
3. Penghargaan khas dipersembahkan kepada keluarga saya: ayahanda tercinta Yahya Yacob, ibunda tercinta Aisyah Ahmad, abang dan kakak. Penghargaan jua diberikan kepada *zawjati* Sri Wahyuni Muhammad serta buah hatiku Hafiyah Thahirah Faisal, Ahmad Sakhi Faisal dan Atqa Alfaqih Faisal yang telah bersabar dalam penantian, telah memberikan banyak sokongan dan terima kasih atas doanya. Semoga Allah memberkati hidup kita di dunia ini dan memberikan kebahagian di akhirat nanti.

Penulis sedar, bahawa tesis ini masih banyak terdapat pelbagai kelemahan dan kekurangan, baik secara teori ataupun metodologi, untuk itu saran dan kritik amatlah diperlukan. Semoga karya ini dapat bermanfaat kepada penulis sendiri dan bagi semua pihak.

Sekian, Terima Kasih

Faisal Yahya Yacob

## **JADUAL KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK .....</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>v</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN .....</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>xv</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI .....</b>	<b>xvii</b>

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1. Pengenalan .....	1
1.2. Latar Belakang Masalah .....	1
1.3. Pernyataan Masalah .....	4
1.4. Objektif Kajian .....	5
1.5. Definisi Tajuk .....	6
1.6. Skop dan Batasan Penyelidikan .....	9
1.7. Kepentingan Penyelidikan .....	12
1.8. Ulasan Penyelidikan Lepas .....	13
1.9. Metodologi Penyelidikan .....	22
1.9.1. Jenis Penyelidikan .....	22
1.9.2. Metode Pengumpulan Data .....	24
1.9.2.1. Metode Perpustakaan .....	24
1.9.2.2. Metode Dokumentasi .....	25
1.9.2.3. Metode Temu bual .....	25

1.9.3. Analisis Data .....	28
1.10. Susunan Penulisan .....	29
1.11. Kesimpulan .....	31

## **BAB 2: HADIS-HADIS PENENTUAN AWAL RAMADAN**

### **DAN SYAWAL DALAM *Al-KUTUB AL-SITTAH***

2.1. Pengenalan .....	32
2.2. Hadis-hadis Penentuan Awal Ramadan dan Syawal.....	32
2.3. Hadis Kaedah Rukyatulhilal .....	34
2.3.1. Analisis Lafaz <i>Istikmāl</i> dalam Hadis Rukyatulhilal .....	36
2.3.2. Syarahan Hadis Kaedah Rukyatulhilal .....	39
2.4. Hadis Hisab Awal Bulan Hijrah.....	45
2.4.1. Syarahan Hadis Hisab Awal Bulan Hijrah .....	47
2.4.2. Hujah Penolakan Kaedah Hisab dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal .....	51
2.4.3. Hujah Penerimaan Kaedah Hisab dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal .....	60
2.5. Hadis Bilangan Hari Bulan Hijrah .....	78
2.5.1. Syarahan Hadis Bilangan Hari Bulan Hijrah.....	80
2.6. Hadis Kesaksian Rukyatulhilal .....	82
2.6.1. Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Ramadan .....	83
2.6.1.1. Analisis Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Ramadan .....	85
2.6.1.2. Syarahan Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Ramadan .....	87
2.6.2. Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Syawal .....	89
2.6.2.1. Syarahan Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Syawal.....	91

2.6.3. Kefahaman Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Menurut Konsep <i>Bayinah</i> .....	93
2.7. Hadis <i>Maṭla'</i> Anak Bulan .....	96
2.7.1. Syarahan Hadis <i>Maṭla'</i> Anak bulan.....	99
2.8. Hadis Puasa Ramadan pada Hari yang Diragukan.....	105
2.8.1. Syarahan Hadis Puasa Ramadan pada Hari yang Diragukan .....	106
2.9. Hadis Puasa Ramadan dan Hari Raya Secara Jemaah .....	108
2.9.1. Analisis Hadis Puasa Ramadan dan Hari Raya Secara Jemaah .....	108
2.9.2. Syarahan Hadis Puasa Ramadan dan Hari Raya Secara Jemaah.....	109
2.10. Kesimpulan .....	114

**BAB 3: PENENTUAN AWAL RAMADAN DAN SYAWAL OLEH  
KEMENTERIAN AGAMA REPUBLIK INDONESIA**

3.1. Pengenalan .....	116
3.2. Sejarah Penentuan Awal Ramadan dan Syawal di Indonesia .....	116
3.3. Autoriti Kementerian Agama RI dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal di Indonesia .....	122
3.3.1. Autoriti Kementerian Agama RI Menurut Enakmen Undang-undang RI .....	123
3.3.2. Fatwa Majlis Ulama Indonesia Tentang Autoriti Kementerian Agama RI .....	124
3.4. Metode Penentuan Awal Ramadan dan Syawal oleh Kementerian Agama RI .....	131

3.4.1. Kriteria Awal Bulan Ramadan dan Syawal	
Menurut Kementerian Agama RI .....	131
3.4.2. Metode Hisab Kementerian Agama RI .....	136
3.4.3. Metode Rukyatulhilal Kementerian Agama RI .....	140
3.5. Mekanisme Penentuan Awal Ramadan dan Syawal	
oleh Kementerian Agama RI .....	141
3.5.1. Mekanisme Rukyatulhilal .....	141
3.5.2. Mekanisme Isbat Kesaksian Rukyatulhilal .....	143
3.5.3. Mekanisme Pelaksanaan Sidang Isbat Penetapan Awal	
Ramadan dan Syawal .....	147
3.6. Analisis Proses Penentuan Awal Ramadan dan Syawal	
oleh Kementerian Agama RI .....	150
3.7. Analisis Autoriti Kementerian Agama RI dalam Penetapan	
Awal Ramadan dan Syawal di Indonesia .....	159
3.8. Kesimpulan .....	168

## **BAB 4: PENENTUAN AWAL RAMADAN DAN SYAWAL OLEH INSTITUSI ISLAM DI ACEH**

4.1. Pengenalan .....	170
4.2. Tarekat Syattariyah Abu Peulekung.....	171
4.2.1. Biografi Abu Peulekung dan Tarekat Syattariyah .....	171
4.2.1.1. Biografi Abu Peulekung .....	171
4.2.1.1. Sejarah Tarekat Syattariyah Abu Peulekung .....	173
4.2.2. Metode yang Digunakan dalam Penentuan Awal Ramadan	
dan Syawal .....	177
4.2.3. Ketaatan Kepada Hasil Sidang Isbat Kementerian Agama RI .....	182

4.3. Dayah Al-Madinatuddiniyah.....	185
4.3.1. Profil Dayah Al-Madinatuddiniyah .....	186
4.3.2. Metode yang Digunakan dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal .....	188
4.3.2.1. Proses dan lokasi Rukyah Dayah Al-Madinatuddiniyah .....	192
4.3.2.1. Konsep <i>Maṭla'</i> yang Diamalkan .....	193
4.3.3. Ketaatan Kepada Hasil Sidang Isbat Kementerian Agama RI .....	199
4.3.3.1. Menolak Konsep <i>Maṭla' Wilāyah al-Hukm</i> .....	199
4.3.3.2. Kritik Terhadap <i>Hukm al-Hākim</i> .....	201
4.4. Dayah Ma‘hadal ‘Ulum Diniyah Islamiyah Masjid Raya (MUDI Mesra) .....	204
4.4.1. Profil Dayah MUDI Mesra .....	204
4.4.2. Metode yang Digunakan dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal .....	207
4.4.2.1. Konsep <i>Maṭla'</i> yang Diamalkan .....	209
4.4.2.2. Ketaatan Kepada Hasil Sidang Isbat Kementerian Agama RI .....	215
4.5. Institusi yang Mengikuti Hasil Ketetapan Kerajaan Arab Saudi .....	216
4.6. Kesimpulan .....	220

## **BAB 5: PENILAIAN TERHADAP PROSES PENENTUAN AWAL RAMADAN**

### **DAN SYAWAL OLEH INSTITUSI ISLAMDI ACEH**

5.1. Pengenalan .....	222
5.2. Analisis Metode Penentuan Awal Ramadan dan Syawal oleh Institusi Islam di Aceh .....	222
5.2.1. Metode <i>Hisāb Khamāsī</i> Tarekat Syattariyah Abu Peulekung .....	223
5.2.1.1. Rujukan dan Dalil Pengunaan <i>Hisāb Khamāsī</i> .....	223

5.2.1.2. Analisis Aplikasi daripada kiraan <i>Hisāb Khamāsī</i> .....	231
5.2.1.3. Menguji Keabsahan Kiraan <i>Hisāb Khamāsī</i> .....	239
5.2.1.4. Perbandingan Pengamalan <i>Hisāb Khamāsī</i> di Indonesia .....	246
5.2.2. Metode <i>Ru'yah bi al-Fi'lī</i> Dayah Al-Madinatuddiniyah .....	248
5.2.3. Metode <i>Imkān al-Ru'yah</i> Dayah MUDI Mesra .....	249
5.3. Analisis terhadap Aplikasi dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal .....	255
5.3.1. Konsep <i>Maṭla'</i> Lapan Darjah Bujur .....	255
5.3.2. <i>Maṭla'</i> <i>Wilāyah al-Hukm</i> .....	260
5.3.3. Mengikuti Ketetapan Kerajaan Arab Saudi .....	262
5.4. Kesimpulan .....	265
<b>BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
6.1. Pengenalan .....	268
6.2. Rumusan Kajian .....	268
6.3. Cadangan dan Saranan .....	277
6.4. Penutup.....	280
<b>RUJUKAN</b> .....	282

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1.	Hadis-hadis Penetapan awal Ramadan dan Syawal dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>	34
Jadual 2.2.	Lafaz-lafaz <i>Istikmāl</i> dalam Hadis Rukyatulhilal	38
Jadual 2.3.	Hadis Kesaksian Rukyatulhilal	83
Jadual 3.1.	Hasil Sidang Isbat Kemenag RI daripada Tahun 1430 H Sampai 1436 H	148
Jadual 3.2.	Kesaksian Rukyatulhilal Awal Bulan Hijrah di Indonesia pada <i>Altitude</i> Anak Bulan di Bawah 4 Darjah	154
Jadual 4.1.	Perbandingan antara Awal Puasa Ramadan dan Hari Raya Oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dan Kemenag RI	179
Jadual 4.2.	Perbandingan antara Hasil Sidang Isbat Kemenag RI dan Dayah Al-Madinatuddiniyah	196
Jadual 4.3.	Senarai Dayah Cawangan daripada MUDI Mesra	205
Jadual 4.4.	Perbandingan Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah antara Kerajaan Arab Saudi, Muhammadiyah dan Kemenag RI	218

Jadual 5.1.	Perbandingan antara Kemenag RI dan Abu Peulekung dalam Penetapan Tarikh 1 Ramadan 1 Syawal dan 10 Zulhijah Tahun 1436 H	238
Jadual 5.2.	Perbandingan Pengamalan <i>Hisāb Khamāsī</i> di Indonesia	245
Jadual 5.3.	Penetapan Tarikh Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah Dayah Al-Madinatuddiniyah pada Kedudukan Anak Bulan <i>Imkān Ru'yah</i>	248

**SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1      *Imkān al-Ru'yah* MABIMS

135

University Of Malaya

## SENARAI SINGKATAN

AICIS	=	Annual International Conference of Islamic Studies
AHC 2.2.1	=	Accurate Hijri Calculator 2.2.1
ASIAN	=	Association of Southeast Asian Nations
AS	=	<i>'Alayh Salām</i>
AUASS	=	Arab Union for Astronomy and Space Science
BB	=	Bujur Barat
BT	=	Bujur Timur
BHR	=	Badan Hisab dan Rukyah
BMKG	=	Badan Meteorologi Klimatologi dan Giofisika
Dirjen Bimas	=	Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat
H	=	Hijrah
ICOP	=	Islamic Crescents' Observation Project
ITB	=	Institut Teknologi Bandung
Kanwil	=	Kantor Wilayah
Kemenag RI	=	Kementerian Agama Republik Indonesia
LAPAN	=	Lembaga Penerbangan dan Antariksa Nasional
M	=	Masihi
MABIMS	=	Majlis Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, dan Singapore.
MPU	=	Majelis Permusyawaratan Ulama
MUDI Mesra	=	Ma‘hadal ‘Ulum Diniyah Islamiyah Masjid Raya
MUI	=	Majelis Ulama Indonesia
NU	=	Nahdlatul Ulama
No.	=	Nombor

PRPM	=	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
UHC	=	Universal Hejrah Calendar
RHI	=	Rukyatul Hilal Indonesia
RA	=	<i>Rađiyallah ‘Anh/ha</i>
SAW	=	<i>Šallā Allāh ‘Alayh Wasallam</i>
SBY	=	Susilo Bambang Yudhoyono
SMS	=	<i>Short Message Service</i>
SWT	=	<i>Subḥānahu Wa Ta‘ālā</i>
UIN	=	Universitas Islam Negeri
W	=	Wafat
WIB	=	Waktu Indonesia Barat
Tgk	=	Tengku
t.p	=	Tanpa Penerbit
t.tp	=	Tanpa Tempat
t.t.	=	Tanpa Tarikh

## PANDUAN TRANSLITERASI<sup>1</sup>

### A. Konsonan

Arab	Roman
ء, ا	a,’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Arab	Roman
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	t,h

<sup>1</sup> Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, ed.ke-3 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012) 45

## B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ (Fathah)	a	قَنَّتْ	<i>qanata</i>
ـ (Kasrah)	i	سَلِيمٌ	<i>salima</i>
ـ (Dammah)	U	جُعْلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ى / ا	Ā	كُبْرَى / بَأْبُ	<i>bāb / kubrā</i>
ي	Ī	وَكِيلٌ	<i>wakīl</i>
و	Ū	سُورَةٌ	<i>sūrah</i>

## C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ ـ	Aw	قَوْلٌ	<i>qawl</i>
ـ ـ	Ay	خَيْرٌ	<i>khayr</i>
ـ ـ	Uww	قُوَّةٌ	<i>quwwah</i>
ـ ـ	iy/i	عَرَبِيٌّ	<i>'arabī/y</i>

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **1.1. Pengenalan**

Kajian ini membincangkan tentang proses penetapan tarikh satu Ramadan dan Syawal oleh institusi Islam di Aceh. Pendahuluan tentang huriaian kajian penyelidikan ini bermula dengan dijadikan bahagian ini sebagai satu panduan kepada penyelidik dalam menulis tesis ini, serta menjadi satu kemudahan kepada para pembaca dalam memahami alur pemikiran yang digunakan. Pendahuluan ini membicarakan tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif, definisi tajuk, skop dan batasan penyelidikan, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan.

### **1.2. Latar Belakang Masalah**

Penentuan tarikh satu Ramadan dan Syawal merupakan satu perkara yang amat penting di dalam agama Islam, kerana waktu-waktu tersebut sangat saling berkait rapat dengan amalan-amalan ibadah utama yang termasuk di dalam rukun Islam dan juga syiar agama seperti berpuasa pada bulan Ramadan, menunaikan haji serta hari raya. Amalan-amalan tersebut sangat berkait rapat dengan waktu yang ditetapkan oleh dalil al-Quran dan hadis yang menjadikan sebab ibadah tersebut diterima ataupun ditolak.

Proses penentuan awal bulan hijrah, terutamanya satu Ramadan dan Syawal tidak ditemukan secara jelas di dalam al-Quran, tetapi hanya disebutkan mengenai dua kaedah perhitungan kalendar iaitu bulan dan matahari. Oleh itu, metode penetapan tarikh awal bulan dalam Islam hanya berdasarkan pada hadis bukannya pada al-Quran.

Perbezaan pendapat dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal sering terjadi di Negara Republik Indonesia. Realiti yang asah menarik di Indonesia, menjelang tiba bulan Ramadan mahupun Syawal, hampir setiap tahun berlakunya kontroversi dalam penentuan tarikh tersebut. Perbezaan tersebut terjadi kerana banyaknya institusi Islam yang melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal dengan menggunakan kaedah yang berbeza-beza.<sup>1</sup>

Perbezaan metode yang boleh dikenal pasti iaitu pada institusi-institusi Islam di Indonesia antaranya iaitu Nahdlatul Ulama (NU), Muhammadiyah, Persatuan Islam (PI), Dewan Dakwah Islamiyah (DDI) dan Hizbuz Tahrir Indonesia (HTI). Sebahagian daripada mereka berpegang kepada kaedah rukyatulhilal dan sebahagian yang lain mengamalkan kaedah hisab dengan merujuk kepada teori hisab falak klasik ataupun moden. Konflik pemikiran daripada institusi-institusi Islam tersebut bukan sahaja di antara penganut rukyah dan hisab, tetapi juga sesama penganut rukyah dan juga sesama penganut hisab.<sup>2</sup>

Perbezaan asas dalam mengamalkan metode hisab dan rukyah disebabkan oleh pengaruh model pemikiran institusi-institusi tersebut dalam memahami hadis-hadis tentang penentuan awal puasa Ramadan dan Syawal, serta penerimaan mereka terhadap sains moden terutama ilmu astronomi dan ilmu hisab falak. Selain itu, perbezaan dalam mengamalkan rukyah dan hisab juga dipengaruhi oleh teologi politik mereka.<sup>3</sup>

Pemerintah Indonesia melalui Kementerian Agama Republik Indonesia (seterusnya disebut Kemenag RI) telah melakukan usaha untuk menyatukan seluruh institusi Islam dan masyarakat Indonesia dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan

<sup>1</sup> Ahmad Wahidi, "Menyatukan Penentuan 1 Ramadhan, Syawal dan Dzulhijjah di Indonesia," *Jurisdictie, Jurnal Hukum dan Syariah*, Vol. 2, No. 2 (Disember 2011), 85

<sup>2</sup> *Ibid*, 86

<sup>3</sup> Susiknan Azhari, "Karakteristik Hubungan Muhammadiyah dan NU dalam Menggunakan Hisab dan Rukyah", *Jurnal Al-Jami'ah*, Vol. 44, No. 2 (2006 M/1427 H), 454

dan hari raya. Usaha tersebut dilakukan dengan merumuskan sebuah metode yang dapat diakui dan diterima oleh pengikut rukyah dan hisab. Pemerintah juga melakukan penetapan tarikh awal bulan tersebut dengan kaedah mesyuarat dengan seluruh institusi Islam dan para pakar di Indonesia.

Usaha yang dilakukan oleh pihak pemerintah tersebut belum memperoleh hasil yang maksimum. Perbezaan penetapan awal Ramadan dan Syawal masih berlaku hampir setiap tahun sampai kepada sekarang. Di Indonesia, pelaksanaan awal ibadah puasa Ramadan dan berhari raya selalu dilakukan dalam dua sampai empat versi tarikh. Pada masa tertentu, hasil penetapan Kemenag RI dapat diterima oleh institusi Islam yang bertaraf nasional, namun banyak dari pada institusi-institusi Islam lainnya yang ada di seluruh Indonesia tidak bersetuju dengan hasil penetapan Kemenag RI.

Penolakan terhadap hasil penetapan Kemanag RI disebabkan kepada perbezaan metode yang diamalkan oleh institusi-institusi Islam. Hal lain juga diakibatkan oleh autoriti sosial yang ada dalam masyarakat lebih kuat pengaruhnya berbanding dengan autoriti pemerintah.<sup>4</sup>

Di Aceh, pelaksanaan ibadah puasa pada bulan Ramadan dan perayaan hari raya yang dilaksanakan adalah berbeza-beza. Perbezaan ini sudah terjadi dalam tempoh masa yang sangat lama. Snouck Hurgronje seorang orientalis menyebutkan dalam suratnya kepada Gabenor Jenderal Holland “Tak usah hairanlah jika di negeri ini hampir setiap tahun timbul perbezaan tentang awal dan akhir puasa. Bahkan terkadang perbezaan itu terjadi antara kampung-kampung yang berdekatan”.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Sriyatim, "Penentuan Awal Bulan Islam di Indonesia (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama RI tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadan, 1 Syawal dan 10 Zulhijjah)" (Tesis Kedoktoran, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2012), iii

<sup>5</sup> Perkataan Snouck Hurgronje tersebut di kutip dari majalah Tempo edisi 26 Mac 1994, Muchtar Ali et al., *Buku Saku Hisab Rukyah* (Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013), 94

Hasil pencarian yang telah dilakukan melalui media elektronik dan cetak di Aceh, didapati sejak daripada tahun 1430 H sehingga tahun 1434, ditemukan beberapa perbezaan di Aceh dalam pelaksana ibadah tersebut yang dilakukan dalam tiga masa. Misalnya pada hari raya Aidilfitri 1434 H, sebahagian masyarakat Aceh berhari raya mengikuti keputusan pemerintah iaitu pada hari Khamis 08 Ogos 2013, sedangkan sebahagian Dayah Aceh menyambutnya pada 09 Ogos, manakala bagi pengikut Tarekat Syattariyah Abu Peulekung pada tarikh 07 Ogos.<sup>6</sup> Padahal di peringkat kebangsaan di Indonesia terutama NU, Muhammadiyah dan institusi Islam lainnya telah dapat menerima keputusan pemerintah dalam merayakan hari raya tersebut.

Demikian halnya juga yang terjadi pada tahun 1432 H, Kemenag RI serta institusi Islam lainnya telah menetapkan tarikh awal berpuasa Ramadan pada 01 Ogos 2011, tetapi di Aceh, pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dimulai dalam dua masa iaitu Tarekat Syattariyah Abu Peulekung menetapkan dua hari lebih awal iaitu tarikh 30 Julai 2011, dan pengikut pemerintah tarikh 01 Ogos 2011. Perbezaan tersebut terjadi sepanjang tahun dan berlarut sehingga kini.<sup>7</sup>

### **1.3. Pernyataan Masalah**

Merujuk kepada permasalahan yang telah dinyatakan iaitu mengenai perselisihan dalam menetapkan tarikh awal bagi bulan Ramadan dan Syawal dalam kalangan umat Islam di Indonesia. Ketika institusi Islam bertaraf kebangsaan dan pemerintah Indonesia telah bersetuju tentang tarikh dalam mulai puasa Ramadan dan hari raya, namun di Aceh perbezaan tersebut masih sahaja terjadi, bahkan mereka melaksanakannya dalam tiga masa yang berbeza. Faktor perkara tersebut terjadi adalah kerana mereka mempunyai

<sup>6</sup> Misalnya Aidilfitri 1434 H, lihat. “Idul Fitri di Aceh Barat Tiga Versi, laman sesawang “*Serambi Indonesia*” dicapai 5 Mac 2014, <http://aceh.tribunnews.com/2013/08/12/idul-fitri-di-aceh-barat-tiga-versi>.

<sup>7</sup> “Hari Ini, Mayoritas Muslim Aceh, Idul Fitri”, leman sesawang “*Waspada*” dicapai 5 Mac 2014 .

fikrah dan aliran pemikiran yang berbeza dengan pemerintah Indonesia dan institusi Islam bertaraf kebangsaan dalam proses penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan dalam mengetahui proses yang diaplikasikan dalam menentukan tarikh awal bagi bulan Ramadan dan Syawal oleh institusi Islam di Aceh, serta dilakukan penilaian kebenaran terhadap proses yang dilakukan dan dianalisis mengikut perspektif hadis.

#### **1.4. Objektif Kajian**

Objektif kajian penyelidikan ini dengan mengambil kira terhadap latar belakang dan pernyataan masalah yang telah didedahkan di atas ialah:

- 1.4.1. Menganalisis hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal di dalam *al-kutub al-sittah*
- 1.4.2. Menganalisis proses dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kementerian Agama Republik Indonesia
- 1.4.3. Mengenal pasti metode-metode yang dijalankan oleh institusi Islam di Aceh dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal
- 1.4.4. Melakukan penilaian terhadap metode-metode yang diamalkan oleh institusi Islam di Aceh menurut hadis.

## **1.5. Definisi Tajuk**

Setiap istilah mengandungi pelbagai pengertian dan maksud, maka perlu dihuraikan beberapa istilah berkaitan dengan tajuk “Penilaian Terhadap Penentuan Awal Ramadan dan Syawal Oleh Institusi Islam di Aceh Menurut Hadis Nabi” bagi penggunaan makna yang selari dengan penyelidikan ini. Antara istilah-istilah yang diguna pakai dalam tajuk penyelidikan ini adalah seperti berikut:

### **1.5.1. Penilaian**

Dalam Kamus Dewan perkataan “penilaian” merupakan kata terbitan daripada kata “nilai” yang bersinonim dengan kata harga, kadar mutu, kualiti dan lainnya. Pengertian menurut bahasa bagi perkataan “penilaian” adalah perbuatan atau perihal menilai, pentaksiran.<sup>8</sup>

Secara istilah, penilaian adalah proses sistematis meliputi pengumpulan data baik berbentuk angka atau deskripsi verbal, analisis dan pentafsiran untuk mengambil keputusan. Penilaian juga bermakna mengambil suatu keputusan terhadap sesuatu dengan ukuran baik buruk dan bersifat kualitatif. Penilaian juga diertikan sebagai proses dalam mengumpulkan maklumat dan membuat kesimpulan berdasarkan maklumat tersebut.<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, lama sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 09 Ogos 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=penilaian>

<sup>9</sup> Kusaeri dan Suprananto, *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan* (Yogyakarta: Graha Ilmu, 2012), 17 dan M. Ngalim Purwanto, *Prinsip-prinsip dan Teknik Evaluasi Pengajaran* (Bandung: Remaja Rosdakarya, 2010), 3

### **1.5.2. Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Kamus Bahasa Melayu menjelaskan bahawa perkataan “penentuan” berasal daripada kata “tentu” yang ertiannya tetap, tegas, mesti, tidak boleh tidak dan positif. Sedangkan takrif kata “penentuan” menurut Kamus Pelajar Edisi kedua adalah perbuatan atau hal menentukan. Manakala takrif dalam Kamus Dewan Edisi Keempat adalah perihal menentukan, penetapan, pemastian.<sup>10</sup>

Awal Ramadan dan Syawal adalah nama bulan daripada takwim hijrah, pada bulan tersebut umat Islam melaksanakan ibadah puasa fardu dan meraikan hari raya Aidilfitri. Maka istilah penentuan awal Ramadan dan Syawal adalah proses pemastian dan penetapan masukkannya tarikh satu Ramadan dan satu Syawal, dengan menggunakan kaedah-kaedah yang dibenarkan.

### **1.5.3. Institusi Islam di Aceh**

Dalam Bahasa Inggeris perkataan institusi dijumpai dalam dua istilah iaitu *institute* dan *institution*. Istilah pertama dertiakan sebagai organisasi untuk mencapai tujuan tertentu, sedangkan istilah kedua institusi iaitu sebagai sistem yang beraturan untuk memenuhi kebutuhan.<sup>11</sup>

Dalam Kamus Bahasa Melayu, takrif daripada kata institusi adalah badan atau organisasi yang ditumbuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu, seperti kewangan bank, pengajian tinggi universiti atau maktab. Institusi juga dapat ditumbuhkan menurut ciri-

---

<sup>10</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, lama sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 09 Ogos 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=penentuan>

<sup>11</sup> Atang Abdul Hakim dan Jail Mubarok, *Metodologi Studi Islam* (Bandung: Rosda, 2007), 130

ciri tertentu seperti agama, ciri-ciri budaya yang sudah berakar umbi dalam masyarakat.<sup>12</sup>

Aceh adalah sebuah wilayah paling Barat yang ada di Negara Republik Indonesia dan terletak di ujung Sumatera dengan ibu kotanya Banda Aceh. Institusi Islam di Aceh adalah organisasi yang ditumbuhkan berdasarkan kepada norma-norma agama Islam baik akidah, ibadah, akhlak dan muamalah yang bertujuan sebagai pengendalian tingkah laku dan sosial masyarakat untuk memenuhi keperluan mereka, dan institusi tersebut yang terdapat di Aceh.

#### **1.5.4. Menurut Hadis Nabi**

Perkataan “menurut” merupakan bentuk kata sinonim dengan kata “perspektif”, dalam Kamus Dewan edisi keempat diertikan dengan cara pelukisan (penggambaran) sesuatu benda atau pandangan (pentafsiran) yang wajar, bukan sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya.<sup>13</sup>

Secara istilah penyelidikan “perspektif” ditakrifkan sebagai cara atau metode untuk melihat, mengamati pelbagai fenomena, keadaan dan situasi di sekitar kita. Maksud perspektif secara plural atau multi kerana sebuah keadaan dapat dilihat dari macam-macam pendekatan teori ilmu.<sup>14</sup>

Hadis Nabi adalah segala perkataan, perbuatan, dan hal ehwalnya atau yang disandarkan kepada Nabi SAW baik perkataan, perbuatan, takrir, mahupun sifat

---

<sup>12</sup> Kamus Dewan edisi Keempat, lama sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 09 Ogos 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=institusi>

<sup>13</sup> Kamus Dewan edisi Keempat, lama sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 09 Ogos 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=perspektif>

<sup>14</sup> K. Miller, *Communication Theories: Perspective, Processes, and Contexts*, 2nd Ed (New York: McGraw-Hill, 2005), 12

*khالqiyah* dan *khuluqiyah* Nabi SAW, baik sebelum ataupun ketika menjadi rasul.<sup>15</sup> Hadis-hadis Nabi SAW telah dibukukan oleh ulama hadis dalam kitab-kitab hadis. Pengertian istilah “menurut Hadis Nabi” adalah melihat, mengamati pelbagai fenomena, keadaan dan situasi yang terjadi dalam masyarakat dengan menggunakan teori daripada Hadis-hadis Nabi SAW yang telah ditulis dalam kitab-kitab hadis muktabar.

### **1.6. Skop dan Batasan Penyelidikan**

Penyelidikan ini memfokuskan kepada proses penentuan tarikh awal Ramadan yang merupakan masa dimulakannya puasa wajib terhadap umat Islam dan tarikh satu Syawal dilaksanakan hari raya Aidilfitri. Penentuan awal Ramadan dan Syawal merujuk kepada kaedah yang telah dijelaskan di dalam hadis, sehingga penentuannya berbeza dengan penentuan tarikh awal bulan hijrah lainnya.

Penentuan tersebut biasanya tidaklah dilakukan secara individu, tetapi oleh sekumpulan manusia yang saling membantu antara satu dengan yang lain di dalam sebuah institusi. Institusi yang dimaksudkan dan dipilih dalam penyelidikan ini adalah institusi yang mempunyai pemikiran tentang kaedah penentuan awal Ramadan dan Syawal serta melakukan penentuan awal bulan tersebut.

Penyelidikan ini dilakukan pada institusi-institusi Islam yang ada di Aceh, kerana Aceh merupakan salah satu wilayah yang ada di Indonesia yang diberikan kebebasan dalam menjalankan syariat Islam. Kebebasan ini haruslah digunakan dengan sebaik mungkin oleh masyarakat serta pemerintah Aceh untuk menjalankannya secara *kāffah* (sempurna), sehingga seluruh masyarakat Aceh benar-benar berada di dalam sistem dan masyarakat islamik.

<sup>15</sup> Șubḥī al-Šālīḥ, ‘Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalahuh (Beirut: Dār ‘Ilm al-Malayin, 1977), 3. Munzir Suparta, *Ilmu Hadits* (Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2003), 4

Perbezaan pendapat di antara institusi Islam di Aceh dalam melaksanakan ibadah puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya secara tidak langsung telah merosak pelaksanaan syariat Islam, iaitu dengan menunaikan ibadah puasa dan sambutan hari raya dengan tarikh yang berbeza-beza mengikut kepada kaedah penetapan yang telah digariskan setiap institusi tersebut. Sikap tersebut dapat merosakkan ukhuwah Islamiyah, kekhusyukan dalam beribadah serta dapat menghilangkan kewibawaan serta martabat syariat Islam.<sup>16</sup>

Penyelidikan ini difokuskan pada proses penetapan tarikh satu Ramadan dan satu Syawal oleh institusi Islam di Aceh dan juga Kemenag RI. Tempoh masa yang digunakan adalah daripada tahun 1430 H sampai kepada 1436 H. Tempoh batasan tahun tersebut adalah untuk memudahkan penemuan data-data dalam pelaksanaan proses tersebut, kerana data-data tersebut sebahagian besarnya tidak bertulis dan hanya sedikit yang bersumberkan daripada dokumen yang bertulis.

Hadis-hadis yang digunakan berhubungan dengan penetapan awal Ramadan dan Syawal yang terhimpun dalam *al-kutub al-sittah* (kitab hadis yang enam) iaitu *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā’ī* dan *Sunan Ibn Mājah*, termasuk padanya syarahan-syarahan para ulama baik klasik, moden dan kontemporari.

Alasan pengambilan *al-kutub al-sittah* adalah hadis-hadis tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal secara asas telah terkumpul di dalam kitab-kitab tersebut, sedangkan di dalam kitab-kitab hadis selain dari pada *al-kutub al-sittah* hanya menyebutkan matan hadis yang telah disebutkan di dalam *al-kutub al-sittah*. Selain itu, kualiti hadis-hadis di dalam *al-kutub al-sittah* mempunyai peringkat tertinggi daripada

<sup>16</sup> Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU* (Yogyakarta: Museum Astronomi Islam, 2012), 255-256

kitab-kitab hadis lainnya. Namun beberapa hadis daripada kitab hadis lainnya juga dirujuk sekiranya perlu, terutama untuk menguatkan lagi pemahaman dan kualiti hadis yang dibincangkan.

Proses analisis dan penjelasan hadis dilakukan secara *mađū’ī* iaitu mengumpulkan dan melakukan syarah bersesuaian mengikuti tajuk yang didapati dalam matan hadis. Metode tersebut merupakan kaedah yang tepat dilakukan untuk memahami hadis secara benar dan baik.<sup>17</sup> Keseluruhan hadis-hadis tersebut dianalisis, sehingga dapatlah difahami tentang metode-metode yang dibenarkan dalam melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal serta pengaplikasian daripada metode-metode tersebut.

Keseluruhan data mengenai proses penentuan awal Ramadan dan Syawal yang dilakukan oleh Kemenag RI dan institusi Islam di Aceh dinilai kebenarannya berdasarkan pada hasil pemahaman daripada hadis. Penilaian juga dilakukan dengan menggunakan *software* hisab rukyah seperti *Accurate Time 5.3*<sup>18</sup> dan *Accurate Hijri Calculator 2.2.1*.<sup>19</sup> Software tersebut juga dilakukan untuk melakukan hisab dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal terutamanya untuk mengetahui *altitude* anak bulan (ketinggian darjah anak bulan), waktu *ijtimā‘* dan hasil-hasil hisab lainnya yang diperlukan.

<sup>17</sup> Yūsūf al-Qarađāwī, *Kayf Nata ‘āmal Ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyah: Ma‘ālim wa Ḏawābiṭ* (Virginia: al-Ma‘had al-‘Ālam al-Fikr al-Islamī, 1990), 102

<sup>18</sup> Program ini di buat oleh Mohammad Odeh, ketua pengarah daripada *Islamic Crescents' Observation Project* (ICOP) di Jordan, program ini berisikan waktu sembahyang, data matahari, bulan dan hisab dan visibility rukyatulhilal di seluruh dunia. *Accurate Time 5.3* di terbitkan pada 09 Mac 2013 dan boleh didapatkan pada laman sesawang <http://www.icoproject.org/accut.html>

<sup>19</sup> Software *Accurate Hijri Calculator 2.2.1* ini adalah karya Abdurro’uf yang dijadikan freeware dan terus upgrade. Kriteria awal bulan hijrah yang terdapat dalam software AHC adalah kriteria-kriteria yang berkembang di masyarakat baik di Indonesia maupun antar bangsa, iaitu meliputi : kriteria yang berkaitan dengan *imkān al-ru’yah*: Odeh, Yallop, SAAO, Maunder, Indian, Bruin, MABIMS, LAPAN 2011 (Hisab Rukyah Indonesia), dan RHI (Rukyah Hilal Indonesia)

## **1.7. Kepentingan Penyelidikan**

Kajian penyelidikan ini penting untuk dilakukan kerana dapat memberikan sumbangan besar baik secara teori maupun praktikal kepada ahli akademik universiti, institusi Islam di Aceh, Pemerintah (Kementerian Agama RI), Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), masyarakat Aceh secara umum.

Secara umum, kajian ini dapat membawa kepada kesan positif kepada ahli akademik, terutama penyelidik dalam memahami lebih jauh tentang hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal yang terdapat dalam kitab-kitab hadis serta syarahannya. Selain itu, dapat juga memberikan pengetahuan asas tentang model pemahaman hadis yang digunakan oleh institusi Islam di Aceh dalam memahami hadis-hadis tersebut. Sehingga kajian ini dapat dijadikan rujukan dalam kajian *fahm al-hadīth* dan kajian tentang penetapan awal bulan hijrah di Indonesia.

Penyelidikan ini dapat memberikan manfaat kepada Kemenag RI, ahli akademik tentang metode-metode yang diamalkan oleh institusi Islam di Aceh yang mengakibatkan terjadinya perbezaan dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya Aidilfitri. Manakala dapat memberikan manfaat dan pengetahuan terhadap masyarakat Aceh tentang metode-metode yang boleh diamalkan dan bersesuaian dengan hadis serta metode yang harus ditinggalkan kerana tidak mempunyai sokongan daripada dalil agama dan ilmu falak moden.

Secara praktikal kajian ini dapat menjadi panduan kepada Kemenag RI dan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh dalam memberikan pembelajaran dan kefahaman yang benar kepada masyarakat Aceh dalam melaksanakan ibadah puasa pada bulan Ramadan dan hari raya Aidilfitri. Sehingga persatuan dan kesatuan

masyarakat Islam di Aceh dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya Aidilfitri dapat terwujud.

Penyelidikan ini juga dapat menguatkan pelaksanaan syariat Islam yang telah dijalankan oleh masyarakat dan pemerintah Aceh, terutama dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya secara berjemaah. Sehingga pemerintah Aceh dapat berusaha untuk mempersatukan masyarakat dalam penetapan awal Ramadan dan hari raya.

### **1.8. Ulasan Penyelidikan lepas**

Huraian yang hendak didedahkan dalam penyelidikan lepas ini difokuskan kepada penyelidikan yang berhubung kait dengan penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia terutama oleh institusi Islam di Aceh. Ditemukan beberapa kajian penyelidikan lepas yang relevan dengan tajuk yang sedang dibahaskan. Antaranya adalah:

Kajian lepas tentang hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal secara teori adalah makalah yang ditulis oleh Sharf al-Quḍāh (1999). Tulisan ini bertujuan untuk memberikan argument dalil daripada hadis untuk menyokong kaedah hisab sebagai asas utama dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.<sup>20</sup> Hadis-hadis yang digunakan dalam kajian ini berfokus kepada hadis *istikmāl* yang riwayatkan oleh Ibn ‘Umar sahaja, tanpa membahas hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal secara umum.

Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, et al (2011). Kertas kerja ini menjelaskan tentang kriteria *imkān al-rukyah* dan *wujūd al-hilal* yang diamalkan di Indonesia dengan

<sup>20</sup> Sharf al-Quḍāh, Thubūt al-Shahr al-Qamarī Bayn al-Ḥadīth al-Nabawī wa al-‘Ilm al-Ḥadīth, laman sesawang *Islamic Crescents’’ Observation Project*, dicapai 17 April 2014, [www.icoproject.org/pdf/sharaf\\_1999.pdf](http://www.icoproject.org/pdf/sharaf_1999.pdf). 8-10

menggunakan analisis hadis serta astronomi moden berdasarkan data rukyatulhilal di Teluk Kemang Negeri Sembilan pada 6 Disember 2010 M / 29 Zulhijah 1431 H. Kesimpulan dari kertas kerja ini adalah kriteria *wujūd al-hilal* perlu dilakukan penambahbaikan dari masa kemasa bagi memenuhi aspirasi astronomi. Manakala kriteria *imkān al-ru'yah* perlu diteliti dari aspek feqah.<sup>21</sup> Meskipun menggunakan kajian hadis, tetapi terbatas kepada hadis rukyatulhilal dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* sahaya. Sedangkan metode yang dilakukan penilaian hanyalah kepada dua metode sahaja iaitu *imkān al-rukyah* dan *wujūd al-hilal*.

Eka Yuhendri (2013) Penyelidikan ini bertujuan untuk mendeskripsikan pemahaman Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama di Indonesia terhadap hadis rukyah dengan pendekatan ilmu fekah dan *uṣūl fiqh*. Kesimpulan dari penyelidikan ini adalah Muhammadiyah lebih berani dalam memahami hadis rukyah dengan menggunakan ilmu pengetahuan moden dengan memaknainya dengan *ru'yah bi al-'ilm* (melihat dengan ilmu pengetahuan), sedangkan NU menggunakan pemahaman klasik dengan memaknainya dengan *ru'yah bi al-fi'li* (rukyah dengan perbuatan).<sup>22</sup> Namun karya ini hanya menfokuskan pada pemahaman kata *ru'yah* dalam matan hadis rukyatulhilal yang dilakukan oleh dua institusi Islam tersebut, tanpa melakukan analisis terhadap hadis-hadis lainnya tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal dan kajian lapangan yang digunakan tehadkan kepada dua institusi sahaja.

Purwanto (2009), menguji kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS dan *wujūd al-hilal* dengan menggunakan hadis tentang puasa *ayyām al-bid* atau melibatkan kenampakan bulan purnama (*full moon*). *Ayyām al-bid* yang dimaksudkan adalah hari yang terang

<sup>21</sup> Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Mohammad Abdul Niri dan Saadan Man., “Hadis Rukyah dan Hisab dari Perspektif Astronomi dan Berdasarkan Amalan di Malaysia dan Indonesia”, dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman dan Faisal Ahmad Shah, (Kuala Lumpur, APIUM Universiti Malaya, 2011) 317

<sup>22</sup> Eka Yuhendri, “Pemahaman Hadis-Hadis Rukyat Manurut Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama (NU)”, (Disertasi Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta Indonesia, 2013), ii

berterusan tanpa jeda dengan gelap ketika siang berganti malam, maksudnya adalah ketika matahari terbenam di ufuk barat, bulan purnama telah berada di atas ufuk timur iaitu tarikh 13, 14 dan 15. Sedangkan tarikh 16 dan 17 bulan berada di bawah ufuk ketika matahari terbenam. Penyelidikan ini disimpulkan bahawa kriteria *wujūd al-hilāl* lebih bersesuaian dan tepat dibandingkan terhadap kriteria *imkān ru'yah* MABIMS.<sup>23</sup> Kajian ini juga menggunakan hadis, tetapi berbeza dengan hadis yang hendak dianalisis dalam tesis ini.

Suwandojo Siddiq (2009), Kajian ini bertujuan melakukan kiraan dengan data astronomi terhadap bulan Ramadan dan Syawal yang pernah terjadi pada zaman Rasulullah SAW di Madinah selama 10 tahun Nabi SAW berpuasa. Dengan berpandukan kepada data astronomi, didapati bahawa bulan Ramadan berumur 29 hari lebih banyak daripada dengan bulan 30 hari iaitu 7 berbanding 3.<sup>24</sup> Kajian ini membahas tentang hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal, tetapi hanya terfokus kepada satu hadis sahaja. Sedangkan penyelidikan tesis ini membahas seluruh hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal dengan menggunakan ilmu hadis yang berkait.

Sriyatim (2012) dengan tajuk “Penentuan Awal Bulan Islam di Indonesia (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama RI tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadan, 1 Syawal, dan 10 Zulhijah)”. Penelitian ini bertujuan untuk memahami metode dan model penentuan awal bulan hijrah dan keputusan Menteri Agama RI dalam mesyuarat Sidang Isbat awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah, serta menganalisis keputusan tersebut daripada perspektif sosiologi. Hasil daripada penelitian tersebut adalah keputusan

<sup>23</sup> Agus Purwanto, “Purnama: Parameter Baru Penentuan Awal Bulan Kamariah”, dalam *Prosiding Seminar Nasional Hilal 2009: Mencari Solusi Kriteria Visibilitas Hilal 2009 dan Penyatuan Kalender Islam dalam Perspektif Sains dan Syariah*, ed. B. Dermawan, N. Sopwan dan M. Raharto, (Bandung: Kelompok Keilmuan Astronomi dan Balai Cerap Brosche, FMIPA-ITP, 2009). 35

<sup>24</sup> Suwandojo Siddiq, “Studi Visibilitas dalam Periode 10 Tahun Hijrah Pertama (622-631 CE) Sebagai Kriteria Baru Untuk Penetapan Awal Bulan-Bulan Islam Hijriyah” dalam *Prosiding Seminar Nasional Hilal 2009: Mencari Solusi Kriteria Visibilitas Hilal 2009 dan Penyatuan Kalender Islam dalam Perspektif Sains dan Syariah*, 3

Menteri Agama RI dalam Sidang Isbat penetapan tarikh awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah lebih berpihak kepada rukyah daripada hisab dan kriteria *imkān al-ru'yah* yang dijadikan sebagai mengawal laporan rukyatulhilal. Implementasi hasil Sidang Isbat tersebut tidak bisa diterima oleh semua pihak, dan masyarakat Indonesia lebih mengamalkan keyakinan masing-masing kerana autoriti sosial lebih diperakui dan kuat pengaruhnya.<sup>25</sup>

Penyelidikan Sriyatin tersebut mengkaji penentuan awal bulan hijrah pada institusi Islam di Indonesia dengan menggunakan pendekatan ilmu falak, sosiologi dan autoriti sosial. Institusi-institusi yang digunakan adalah institusi nasional seperti Badan Hisab Rukyah Kementerian Agama, Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama (NU), Persatuan Islam, Dewan Dakwah, beberapa pondok pesantren dan terekat yang berada di Padang Sumatera Barat dan Jawa. Penyelidikan Sriyatin menemukan adanya pengaruh aspek sosial dalam perbezaan penetapan awal bulan hijrah di Indonesia, sehingga kajian tersebut berbeza dengan penyelidikan yang hendak dijalankan dalam tesis ini, kerana tesis ini menggunakan analisis hadis dengan kajian lapangan yang berbeza.

Ahmad Wahidi (2011) membahaskan tentang perbezaan asas dalam penetapan tarikh awal bulan hijrah di Indonesia antara dua mazhab iaitu hisab dan rukyah dan seterusnya mencari satu penyelesaian yang cepat dan tepat. Terdapat dua pendekatan yang harus dilakukan dalam penyatuan awal bulan Hijri di Indonesia iaitu pendekatan metodologi dan autoriti (kekuasaan), namun untuk mempercepat kewujudan penyatuan ini, maka pendekatan autoriti harus diutamakan terlebih dahulu sebelum pendekatan metodologi disepakati.<sup>26</sup> Penyelidikan ini difokuskan kepada kajian autoriti Kemenag RI dalam penyatuan awal bulan hijrah di Indonesia, sedangkan kajian tesis ini

<sup>25</sup> Sriyatin, "Penentuan Awal Bulan Islam di Indonesia (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama RI tentang penetapan Tanggal 1 Ramadan, 1 Syawal, dan 10 Zulhijah)", iii

<sup>26</sup> Ahmad Wahidi, "Menyatukan Penetapan 1 Ramadan, Syawal dan Zulhijah di Indonesia", 85-91

menemukan metode yang digunakan oleh masyarakat Aceh dan menganalisis menurut hadis.

Maskufa dan Wahyu Widiana (2012) dengan tajuk “Titik Kritis Penentuan Awal Puasa dan Hari Raya di Indonesia”. Penulisan ini menjelaskan tentang sebab terjadinya perbezaan serta penyelesaian dan sikap dalam perbezaan tersebut. Metode hisab dan rukyah dihasilkan daripada pemahaman dari al-Qur'an dan hadis. Penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal dilakukan dengan metode ijтиhad, oleh itu hasil ijтиhad boleh bernilai benar ataupun salah. Diharapkan kepada umat Islam untuk mengamalkan sifat *tasāmūh* (toleransi) sehingga dapat saling menghormati pendapat yang berbeza tersebut kerana perbezaan tersebut adalah rahmat.<sup>27</sup> Arah kajian tulisan tersebut lebih kepada kajian fiqh dan *usūl fiqh* terhadap istinbat hukum dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, sehingga berbeza dengan kajian tesis ini.

M. Nur Hidayat (2012), fokus penyelidikan ini adalah mendiskusikan autoriti pemerintah dalam penetapan tarikh awal bulan hijrah dalam perspektif *fiqh al-siyāsah* Yūsuf Qaraḍāwī. Hasil penyelidikan ini adalah bahawa pemerintah mempunyai autoriti dalam isbat awal bulan hijrah, sedangkan institusi-institusi Islam lainnya tidak mempunyai autoriti dalam isbat awal bulan hijrah, tetapi mereka hanya berkuasa memberikan maklumat (*Ihkār*) sahaja. Isbat pemerintah pada dasarnya wajib diikuti bagi mereka yang tidak mempunyai kemampuan untuk melakukan ijтиhad sendiri dalam menentukan awal bulan hijrah.<sup>28</sup>

Muhammad Nasril (2014), Penyelidikan ini bertujuan menetapkan hukum taat kepada hasil isbat pemerintah dalam penetapan tarikh awal bulan hijrah di Indonesia

<sup>27</sup> Maskufa dan Wahyu Widiana, “Titik kritis Penentuan Awal Puasa dan Hari Raya di Indonesia”. *Jurnal Ahkam*, Vol. 12, No. 1 (Januari 2012) 71-80

<sup>28</sup> M. Nur Hidayat, Autoritas Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Qamariyah Perspektif Fiqh Siyasah Yusuf Qardhawi, *Jurisdictie, Jurnal Hukum dan Syariah*, Vol. 3, No. 1, (Jun 2012), 78-91

menurut *fiqh siyāsah*. Kajian ini disimpulkan bahawa tidak ada kewajipan yang mutlak untuk mengikuti hasil isbat pemerintah Indonesia dalam penentuan tarikh awal bulan hijrah, terutama awal Ramadan dan Syawal. Hal tersebut disebabkan bahawa pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan berhari raya termasuk kepada persoalan ibadah *māhdah*, sehingga diberikan kebebasan beramal dengan dalil dan keyakinan masing-masing.<sup>29</sup>

Penyelidikan yang tulis oleh M. Nur Hidayat dan Muhammad Nasri di atas meneliti autoriti Kemenag RI dalam penetapan awal bulan hijrah di Indonesia dalam perspektif *fiqh siyāsah* dan *siyāsah shar'iyah* dalam ilmu fiqah. Oleh itu, kedua penyelidikan ini berbeza dengan kajian yang penulis kaji, terutama dari objektif kajian dan analisis yang digunakan.

Suhardiman (2012), dalam tajuk Disertasi Master “Kriteria Visibilities Hilal Menurut Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Kamariah (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama (KMA) tentang Penetapan Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah 1422-1432 H / 2001-2011 M)”. Penyelidikan bertujuan untuk menjawab soalan tentang apakah kriteria *imkān al-ru'yah* yang diamalkan oleh pemerintah dapat dibuktikan kebenaran dan kepastiannya menurut ilmu hisab.<sup>30</sup> Kajian ini meneliti terhadap metode Kemenag RI dalam penentuan awal bulan hijrah, sedangkan penyelidikan tesis ini menemukan metode daripada dari pada institusi-institusi Islam serta melakukan penilaian menurut hadis.

---

<sup>29</sup> Muhammad Nasril, “Ketaatan terhadap Keputusan Pemerintah Indonesia dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal Menurut Perspektif Siyāsah Syar’iyah, (Disertasi Master: Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, 2014), iii

<sup>30</sup> Suhardiman, “Kriteria Visibilities Hilal Menurut Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Kamariah (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama (KMA) tentang Penetapan Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah 1422-1432 H / 2001-2011 M)”. (Disertasi Master, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang, 2012), iv

Penyelidikan lainnya adalah Rupi'i Amri (2012), "Upaya Penyatuan Kalender Islam di Indonesia (Studi atas Pemikiran Thomas Djamiluddin)". Artikel ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana konsep Thomas Djamiluddin tentang mencadangkan kriteria baru bagi mengganti kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS. Kriteria yang diusulkan adalah jarak sudut bulan matahari  $> 6.4^\circ$ , dan beza tinggi bulan matahari  $> 4^\circ$ . Tulisan jurnal tersebut menggunakan pendekatan ilmu falak dan astronomi dalam menemukan kriteria baru di Indonesia dalam penentuan awal bulan hijrah. Sedangkan tesis ini menemukan metode dan aplikasi dalam masyarakat dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi (2014), Tesis Kedoktoran "Penilaian Semula Kriteria Kenampakan Anak Bulan di Malaysia, Indonesia dan Brunei". Tesis ini bertujuan untuk menilai semula semua kriteria kenampakan anak bulan berdasarkan kepada data-data kenampakan anak bulan yang diperoleh dari negara Indonesia, Malaysia dan Brunei dan juga kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS di antara tahun 1962-2011 M di ketiga negara terbabit. Maka dicadangkan sebuah kriteria baru untuk dapat menggantikan kriteria MABIMS yang dapat diamalkan oleh ketiga negara iaitu *altitud* 03 darjah dan *elegasi* 05 darjah.<sup>31</sup> Tesis Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi menggunakan pendekatan astronomi dan falak untuk memberikan penilaian terhadap kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS dengan kajian lapangan yang lebih luas. Sehingga kajian tersebut berbeza dengan kajian yang hendak dilakukan dalam tesis ini.

Susiknan Azhari (2012) menganalisis hubungan yang terjadi antara Nadlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah dalam menggunakan hisab dan rukyah untuk menetapkan awal dan akhir Ramadan. Kesimpulannya adalah hubungan NU dan

---

<sup>31</sup> Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, "Penilaian Semula Kriteria Kenampakan Anak Bulan di Malaysia, Indonesia dan Brunei, (Tesis Kedoktoran Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), ii

Muhammadiyah dalam menggunakan hisab dan rukyah lebih bersifat teori, dari pada amalan secara praktikal.<sup>32</sup>

Penyelidikan lainnya tentang pemikiran Muhammadiyah dan NU adalah Nugroho Eko Atmanto (2013) “Aktualisasi *Maṭla‘ Wilāyah al-Ḥukm* dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah). Kajian ini bertujuan menemukan perbezaan pemikiran kedua institusi Islam tersebut dalam mengamalkan konsep *maṭla‘ wilāyah al-ḥukm*. Hasil daripada kajian ini adalah Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah menggunakan konsep *maṭla‘ wilāyah al-ḥukm* dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal untuk kemaslahatan iaitu menyatukan umat Islam Indonesia dalam puasa Ramadan dan hari raya. Nahdlatul Ulama dalam mengamalkan konsep ini tidak mempunyai sembarang masalah, kerana mereka menggunakan konsep *imkān al-ru'yah* MABIMS. Sementara bila konsep tersebut diterapkan pada kaedah *hisab wujūd al-hilāl* oleh Muhammadiyah, boleh menimbulkan masalah, kerana anak bulan berada di atas ufuk tidak merata di seluruh wilayah Indonesia.<sup>33</sup>

Objek kajian dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Susiknan Azhari (2012) dan Nugroho Eko Atmanto (2013) terfokus kepada pemikiran dua institusi Islam terbesar di Indonesia iaitu Muhammadiyah dan NU. Kedua institusi ini mewakili kepada mazhab hisab dan rukyah. Sedangkan penyelidikan yang hendak dijalankan dalam tesis ini merujuk kepada amalan-amalan yang digunakan dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal di Aceh.

---

<sup>32</sup> Susiknan Azhari, “Karakteristik Hubungan Muhammadiyah dan NU dalam Menggunakan Hisab dan Rukyah” 454-486. Lihat Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU*, 263

<sup>33</sup> Nugroho Eko Atmanto, Aktualisasi *Maṭla‘ Wilāyah al-Ḥukm* dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah)”, (Disertasi Master, UIN Walisingo, Semarang, 2013), 113-114

Hasna Tuddar Putri (2013), “Pemikiran Syeikh Abbas Kutakarang tentang Hisab Penentuan Awal Bulan Hijrah”. Penyelidikan kepustakaan ini bertujuan mengetahui pemikiran hisab Syeikh Abbas Kutakarang serta sumbangannya dalam penentuan takwim hijrah. Penggunaan ilmu falak oleh Syeikh Abbas Kutakarang tidak hanya berasaskan kepada fiqah sahaja tetapi juga aspek budaya masyarakat Aceh, sehingga ilmu falak dalam kitab *Tāj Al-Muluk* tidak berdiri sendiri kerana masih bercampur dengan astrologi dan kitab tersebut dijadikan sebagai asas bagi perkembangan ilmu hisab di Nusantara.<sup>34</sup>

Disertasi Master Hasna Tuddar Putri (2013) menyelidiki pemikiran ulama Aceh tentang penentuan awal bulan hijrah, penelitian tersebut menelaah teori dalam kitab *Tāj Al-Muluk*. Sedangkan penelitian dalam tesis bersifat praktikal dengan menemukan metode yang digunakan oleh institusi-institusi Islam di Aceh

Berdasarkan ulasan di atas dapat disimpulkan bahawa belum ada kajian khas yang membahaskan tentang penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal oleh institusi Islam di Aceh. Penulisan yang membincangkan tentang Aceh adalah kajian kepustakaan tentang metode hisab Abbas Kuta Karang dalam kitab *Tāj al-Muluk* dan kajian ini tidak memfokuskan kepada kajian lapangan tentang metode yang diamalkan oleh institusi Islam di Aceh. Sedangkan penyelidikan tentang penentuan awal Ramadan di Indonesia terfokus kepada kaedah yang digunakan oleh Kementerian Agama, Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama.

Penyelidikan yang lebih luas terhadap institusi Islam di Indonesia memang dilakukan oleh Sriyatih, tetapi penelitian tersebut terfokus pemikiran yang terdapat di daerah Jawa dan Tarekat di Sumatera Barat, serta menggunakan analisis ilmu falak,

---

<sup>34</sup> Hasna Tuddar Putri, “Pemikiran Syeikh Abbas Kutakarang tentang Hisab Penentuan Awal Bulan Hijrah” (Disertasi Master, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang, 2013), v

sosiologi dan autoriti sosial. Oleh kerana itu, penyelidikan ini berbeza dengan penyelidikan terdahulu dengan menyoroti aspek lain yang belum dibahaskan secara khusus dalam kajian yang lain.

## **1.9. Metodologi Penyelidikan**

Metodologi penyelidikan adalah cara kerja untuk memahami, mengumpulkan, menganalisis, mentafsirkan serta menemukan jawapan terhadap kenyataan dan fakta-fakta yang telah dirumuskan dalam soalan kajian.<sup>35</sup> Penggunaan metodologi yang tepat sangat mustahak untuk memperoleh hasil yang tepat dalam suatu penyelidikan. Oleh itu, perlu untuk merancang penyelidikan ini secara sistematik dan konsisten yang disokong oleh kaedah kajian yang relevan dengan permasalahan yang diperbincangkan.

### **1.9.1. Jenis Penyelidikan**

Penyelidikan ini mengkaji tentang proses yang dilakukan oleh institusi-institusi Islam di Aceh dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal menurut hadis. Penelitian ini menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) dalam mendapatkan data-data tentang hadis dan syarahannya, serta penyelidikan lapangan (*field research*) dalam mendapatkan data-data daripada institusi-institusi Islam di Aceh.

Penyelidikan ini bersifat sosial, budaya dan realiti yang berlaku pada masyarakat, maka jenis kajian ini dapat diklasifikasikan kepada penyelidikan kualitatif yang berformat deskriptif.<sup>36</sup> Penyelidikan kualitatif adalah penyelidikan yang memberi

---

<sup>35</sup> Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, 1997), 7

<sup>36</sup> Suharsimi Arikunto, *Prosedur Penelitian: Suatu Pendekatan Praktik* (Jakarta, PT Rineka Cipta, 2006), 14-15

gambaran secara teliti terhadap individu atau kelompok tertentu tentang keadaan dan gejala yang terjadi.<sup>37</sup> Sehingga data yang didapatkan berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati yang berbentuk deskriptif.<sup>38</sup> Penggunaan kaedah tersebut dapat menggambarkan serta menganalisis proses yang dilakukan oleh institusi Islam di Aceh dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, sehingga fakta-fakta tersebut dapat diungkapkan dengan sebaiknya dan sebagaimana adanya.

### **1.9.2. Metode Pengumpulan Data**

Menentukan metode yang boleh digunakan dalam penyelidikan sangat berhubung kait dengan sumber data yang digunakan. Sumber data adalah subjek dari mana data boleh didapatkan.<sup>39</sup>

Sumber data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang diperoleh langsung dari objek yang diteliti atau responden. Penyelidik bertemu secara langsung dengan orang-orang yang dijadikan sample penyelidikan. Sedangkan data sekunder iaitu data-data yang boleh diperoleh melalui kajian perpustakaan dan dokumentasi. Untuk mendapatkan data primer dan sekunder tersebut penulis menggunakan beberapa teknik pengumpulan data.

---

<sup>37</sup> Chuan Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill, 2006), 9

<sup>38</sup> Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Bandung: Remaja Rosdakarya, 2008), 4

<sup>39</sup> Suharsimi Arikunto, *Prosedur Penelitian*, 129

### **1.9.2.1. Metode Perpustakaan**

Data perpustakaan merujuk kepada penggunaan bahan-bahan kajian yang terdapat di dalam perpustakaan. Penyelidik melakukan telaah daripada bahan-bahan bertulis yang diterbitkan secara rasmi mahupun yang tidak diterbitkan, bagi meneliti kajian-kajian lepas yang telah menjalankan tajuk yang hampir berhubungan dengan tajuk penyelidikan ini.

Data perpustakaan juga dilakukan untuk menganalisis hadis-hadis yang dihuraikan, baik tarafnya ataupun syarahan para ulama klasik, moden dan kontemporari. Dalam hal ini, peneliti menggunakan beberapa kemudahan perpustakaan yang ada di Universiti Malaya dan perpustakaan lainnya yang mempunyai bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Metode yang digunakan untuk menemukan hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal iaitu *takhrīj al-ḥadīth* secara ringkas.<sup>40</sup> Metode *takhrīj* yang digunakan dalam kajian ini iaitu pertama, lafaz matan hadit seperti lafaz *ṣiyām*, *hisāb*, *ru'yah* dan *hilāl*. Kedua, *mawdū'* (tajuk) iaitu berdasarkan kepada bentuk dan jenis hadit yang berhubung kait dengan penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Selanjutnya pengkaji memilih satu atau lebih daripada hadis-hadis yang selari dengan tajuk pengkaji untuk di bahas dalam penyelidikan ini. Apabila hadis tersebut terdapat dalam pelbagai kitab, maka hadis yang hendak di bahas diambil daripada kitab yang berkedudukan tertinggi daripada *al-kutub al-sittah*, yang bermula dari *Jāmi‘ al-*

---

<sup>40</sup> *Takhrīj al-ḥadīth* adalah menyebutkan hadis-hadis dengan sanad dan matan masing-masing daripada sumbernya berserta nilai tarafnya. Terdapat beberapa metode *takhrīj* secara umum iaitu lafaz hadis, tajuk, perawi dan nilai taraf hadis. Abū Muḥammad Abd al-Mahdī bin Abd al-Qadīr bin Abd al-Ḥādī, *Metode Takhrīj Hadīth*, terj. S. Aqil Husin Munawwar dan Ahmad Rifqi Muchtar (Semarang: Toha Putra Group, 1994), 3 dan 15. Maḥmūd al-Taḥān, ‘*Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*’ (Beirut: Dār al-Qur’ān al-Karīm, 1979), 12

*Sahīh al-Bukhārī* sehingga kepada *Sunan Ibn Mājah*. Hadis yang bersumberkan daripada al-Bukhārī dan Muslim tidak lagi dilakukan penilaian taraf hadis. Penilaian dilakukan bagi kitab-kitab selain daripada dua buah kitab tersebut.

Langkah selanjutnya, hadis-hadis tersebut di bahas dengan menggunakan metode *mawdū'īt* iaitu dengan mengumpulkan hadis-hadis berkaitan yang terdapat dalam matan hadis dalam satu tajuk. Selanjutnya hadis-hadis tersebut dilakukan analisis dan syarahan dengan pelbagai macam pendekatan.

#### **1.9.2.2. Metode Dokumentasi.**

Sedangkan data-data yang berbentuk dokumentasi merujuk kepada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti jurnal, tesis, disertasi, majalah akhbar, buku atau kitab dan lain-lain. Pengkaji berusaha mengumpulkan bahan-bahan dokumen bertulis yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian, sama ada dengan mendapatkan daripada institusi pengajian, arkib, perpustakaan dan laman sesawang.

Data dokumentasi juga diperlukan untuk menemukan keputusan-keputusan yang bertulis tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh institusi-institusi Islam di Aceh dan hasil Sidang Isbat Kemenag RI dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal

#### **1.9.2.3. Metode Temu Bual**

Teknik kajian lapangan dilakukan untuk memperoleh data daripada temu bual yang merupakan data primer dalam penyelidikan ini. Temu bual dilakukan dengan memilih orang yang dianggap mampu memberikan jawapan-jawapan yang diajukan dalam

penyelidikan ini, mereka adalah pengurus, pemimpin atau orang yang ditunjuk oleh institusi Islam yang dipilih.

Adapun metode temu bual yang hendak dijalankan adalah temu bual yang mendalam (*depth interview*) dengan menggunakan temu bual semi berstruktur. Temu bual ini menggunakan senarai soalan yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, tetapi pengkaji juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan yang diberikan responden.<sup>41</sup>

Teknik pensampelan dalam penyelidikan ini dilakukan dengan memilih institusi Islam di Aceh dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sample*) iaitu penentuan sample di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri tertentu dan pertimbangan tertentu yang merujuk kepada syarat-syarat yang harus dipenuhi.<sup>42</sup>

Terdapat dua ciri institusi Islam di Aceh iaitu institusi yang tempatan yang berpusat serta berada di Aceh dan institusi yang bertaraf nasional (kebangsaan) yang mempunyai cawangan di seluruh Indonesia. Ciri-ciri sample daripada institusi Islam di Aceh yang hendak digunakan dalam penyelidikan adalah institusi Islam tempatan yang berpusat serta berada hanya di Aceh, melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal baik mengikuti ketetapan Kemenag RI selaku pemerintah, menetapkan kesesuaian dengan ketetapan pihak lain selain Kemenag RI dan melakukan ijтиhad secara tersendiri. Sehingga hasil yang didapatkan benar-benar bersumberkan daripada pemikiran-pemikiran yang berkembangan dan diamalkan di Aceh, meskipun pemikiran tersebut dipengaruhi oleh pihak-pihak lain.

Proses dalam memilih institusi Islam tersebut adalah dengan melakukan temu bual dengan anggota Badan Hisab Rukyah Kemenag RI wilayah Aceh, serta

<sup>41</sup> Chuan Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan* 118

<sup>42</sup> *Ibid.*, 201

menganalisis dokumentasi daripada akhbar-akhbar. Telaah terhadap data-data tersebut peneliti simpulkan bahawa dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal di Aceh terdapat beberapa institusi yang melakukan penetapan dan dengan model-model yang berbeza-beza adalah Institusi dayah (pondok) Tradisional Aceh, Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dan institusi yang mengikuti hasil keputusan Kerajaan Arab Saudi.<sup>43</sup>

Di Aceh terdapat empat institusi dayah tradisional yang paling besar serta memiliki cawangan di seluruh Aceh, pertama adalah Dayah Ma'hadal Ulum Al-Diniyah Al-Aziziyah, Dayah Al-Madinatuddiniyah, Dayah Darussa'adah dan Dayah Darussalam. Secara umum, Dayah Aceh mempunyai dua pemikiran terhadap penentuan awal Ramadan dan Syawal. Oleh itu, dayah yang dipilih dalam penyelidikan ini yang dapat mewakili kepada dua pemikiran tersebut.

Dayah yang dipilih adalah Dayah Ma'hadal Ulum Al-Diniyah Al-Aziziyah dan Dayah Al-Madinatuddiniyah. Kedua dayah tersebut dipilih kerana keduanya mempunyai pemikiran yang beza terhadap penetapan awal Ramadan dan Syawal. Selain itu, kedua dayah tersebut merupakan dayah yang terbesar di Aceh yang mempunyai cawangan di seluruh Aceh, sehingga pemikiran mereka dapat mewakili kepada masyarakat Aceh. Kedua dayah tersebut juga telah menggunakan pentadbiran dan pengurusan yang baik, sehingga memudahkan bagi penyelidik dalam melakukan penyelidikan.

Kesimpulannya adalah sample-sample yang akan digunakan dalam penyelidikan ini adalah Dayah Al-Madinatuddiniyah, Dayah Ma'hadal Ulum Al-Diniyah Al-Aziziyah

---

<sup>43</sup> Kesimpulan tersebut diambil setelah melakukan temu bual dengan beberapa anggota badan hisab rukyah yang ada di Aceh. Kamil Syafruddin (pengurus/Anggota Badan Hisab Rukyah Aceh Barat), dalam temu bual dengan penulis, 11 Disember 2014, Alfirdaus (Setiausaha Badan Hisab dan Rukyah Kemenag Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2015, Rahmad (anggota Badan Hisab Rukyah Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 29 April 2015.

(MUDI Mesra), Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dan institusi yang mengikuti hasil keputusan Kerajaan Arab Saudi.

### **1.9.3. Analisis Data**

Data-data yang diperoleh dibahagikan kepada data utama dan data sekunder. Selanjutnya data-data tersebut ditafsirkan dan diambil bahannya melalui analisis deskriptif yang cermat, mendalam dan terarah, kemudian data tersebut dianalisis secara induktif. Penggunaan metode induktif lebih dapat untuk menemukan realiti yang kompleks terhadap data dan juga dapat membuat hubungan antara peneliti dengan responden menjadi eksplisit, dapat dikenal dan dipertimbangkan. Selain itu dapat juga memberikan latar secara penuh dan dapat membuat keputusan-keputusan tentang dapat tidaknya pengalihan kepada latar lainnya, mempertajam hubungan-hubungan dan menilai nilai-nilai secara eksplisit sebagai bahagian dari struktur analisis.<sup>44</sup>

Analisis dengan metode induktif dilakukan untuk menjawab objektif kajian dalam menemukan metode-metode serta aplikasinya yang digunakan oleh institusi-institusi Islam di Aceh dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Selanjutnya temuan dari fakta-fakta tersebut dijelaskan secara umum dan dianalisis serta melakukan kesimpulan.

Penggunaan analisis secara deduktif juga digunakan guna untuk membuat kesimpulan dan menganalisis data berdasarkan kepada pola fikir daripada realiti yang umum untuk sampai kepada kesimpulan yang khusus. Analisis ini digunakan untuk mengkaji data-data kefahaman teori yang bersifat umum kepada kefahaman yang

---

<sup>44</sup> Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, 10

bersifat khusus dalam menganalisis hadis-hadis penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal dalam *al-kutub al-sittah*

Analisis juga digunakan pada kaedah komparatif atau perbandingan, kaedah ini digunakan untuk membuat perbandingan tentang teknik atau metode dalam memahami hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal. Analisis ini juga digunakan untuk membandingkan metode-metode yang diamalkan oleh institusi Islam di Aceh dengan metode Kemenag RI dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

### **1.10. Susunan Penulisan**

Penulisan kajian ini dibahagikan kepada lima Bab yang berasingan. Setiap Bab tersebut dibincangkan dengan caranya tersendiri dan dikemas dengan rapi bagi menyampaikan maklumat kepada pembaca berkaitan dengan isi yang dibincangkan dalam kajian ini. Penulisan kajian ini dimulakan daripada pendahuluan, yang menjelaskan rancangan penyelidikan yang terdiri daripada latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, definisi tajuk, skop dan batasan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, ulasan penyelidikan lepas, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan.

Manakala pada Bab pertama pula, akan dibincangkan kajian landasan teori yang berkaitan dengan “Hadis-Hadis Penentuan Awal Ramadan Dan Syawal Dalam *al-Kutub al-Sittah*”. Pengkaji menjelaskan hadis yang dipilih serta menyenaraikannya. Selanjutnya hadis-hadis tersebut dianalisis dan dilakukan syarahan untuk dikeluarkan makna-makna yang dikandungi di dalam matan hadis.

Bab dua, ulasan tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI. Huraian di fokuskan kepada sejarah penetapan awa Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI, autoriti serta metode yang digunakan oleh Kemenag RI dalam penentuan

awal Ramadan dan Syawal. Selanjutnya dilakukan analisis terhadap metode dan autoriti Kemenag RI dan dihubungkaitkan dengan hasil penentuan awal Ramadan dan Syawal yang telah dilakukan.

Pembahasan Bab tiga adalah penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh institusi Islam di Aceh, yang terdiri daripada penjelasan tentang biografi institusi-institusi Islam yang dipilih. Selanjutnya menjelaskan tentang metode-metode yang mereka gunakan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, serta pandangan mereka dalam kewajipan mengikuti hasil penetapan Kemenag RI. Pada Bab keempat, dilakukan penilaian terhadap amalan-amalan yang digunakan oleh Institusi Islam di Aceh dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Bab kelima merupakan penutup iaitu kesimpulan serta saranan dan cadangan.

### **1.11. Kesimpulan**

Perbezaan masa dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal mewarnai keadaan masyarakat Aceh saat ini, mereka melakukannya dalam dua dan tiga versi tarikh, meskipun Kemenag RI telah berusaha menyatukan mereka. Perbezaan tersebut terjadi kerana perbezaan mereka dalam memberikan kefahaman terhadap dalil-dalil agama.

Kajian utama daripada penyelidikan ini adalah mengenal pasti proses yang digunakan oleh institusi Islam di Aceh dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal, selanjutnya proses tersebut dilakukan penilaian kebenarannya menurut Hadis dan diuji kesahihannya menurut kriteria tarikh awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI.

Untuk menjawab objektif kajian utama tersebut dilakukan kajian perpustakaan dan dokumentasi untuk menjadi objektif kajian sebagai berikut: pertama, menganalisis

hadis-hadis penetapan awal Ramadan dan Syawal dalam *al-kutub al-sittah*. Kedua, menganalisis proses penetapan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI. Selanjutnya melakukan kajian lapangan dengan teknik temu bual dengan institusi-institusi Islam di Aceh yang melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal. Institusi yang dipilih adalah Tarekat Syattariyah Abu Peulekung, Dayah Tradisional Aceh (Dayah Al-Madinatuddiniyah dan MUDI Mesra) dan institusi yang mengikuti hasil keputusan Kerajaan Arab Saudi.

Data-data yang diperoleh bersifat deskriptif dan dibahagikan kepada data primer dan data sekunder. Selanjutnya data-data tersebut dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif, sehingga dapat memberikan jawapan terhadap objektif utama kajian ini.

## **BAB 2: HADIS-HADIS PENENTUAN AWAL RAMADAN DAN SYAWAL**

### **DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH**

#### **2.1. Pengenalan**

Hasil dari pada kajian di dalam Bab ini adalah menemukan metode-metode penentuan awal Ramadan dan Syawal menurut Hadis Nabi SAW. Tahap pertama yang dilakukan iaitu memilih, menyenaraikan dan membuat saringan hadis-hadis tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal dalam *al-kutub al-sittah*.<sup>1</sup> Selanjutnya hadis-hadis tersebut dilakukan analisis sanad dan matan. Syarahan juga dilakukan dengan merujuk kepada kitab-kitab syarahan hadis dan pendapat ulama-ulama moden dan kontemporari.

#### **2.2. Hadis-hadis Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Hasil daripada pencarian yang dilakukan dengan menggunakan *mu'jam* secara lafaz dan *mawdū'* (tajuk), didapati terdapat beberapa hadis dalam *al-kutub al-sittah* yang menjadi panduan tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal. Hadis-hadis tersebut terdapat dalam senarai jadual di bawah ini:

Jadual 2.1. Hadis-hadis Penetapan Awal Ramadan dan Syawal dalam *al-Kutub al-Sittah*

Sumber Hadis	Kitab/Bab	No. Hadis	Jumlah
<i>Jāmi‘ al-Šaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Al-Šiyām</i>	1900, 1906, 1907, 1908, 1909, 1913, 1914,	8 hadis
	<i>Al-Talāq</i>	5302	

<sup>1</sup> Yang termasuk kepada *al-kutub al-sittah* adalah kitab-kitab hadis yang mempunyai darjah taraf kesahihan yang sangat tinggi, kitab-kitab tersebut iaitu *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, *Šaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā’ī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Ulama berbeza pendapat antara urutan yang ke-enam *Sunan Ibn Mājah* ataupun *muwaṭṭa’ Mālik*. Majoriti ulama memilih Ibn Majah kerana hadis-hadis dalam kitab *Sunan Ibn Mājah* terdapat banyak *ziyādah* daripada hadis-hadis dalam kitab *šaḥīḥayn* dan *sunan* lainnya. ‘Umar ‘Abd al-Mun‘īm Salīm, *Taysīr ‘Ulūm al-Ḥadīth li al-Mubtadi’īn* (Taṭṭāḥ: Dār al-Diyā, 2000), 25. Maḥmūd Taḥān, *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* (Iskandariyā: Markaz al-Hady li al-Dirāsah, 1415 H) 37-38. Muhammad bin Maṭar al-Zahrānī, *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah Nash’atuh wa taṭṭuwāruh* (Riyāḍ: Maktabah Dār Minḥāj, 1426 H), 103

Jadual 2.1. Sambungan

<i>Sahīh Muslim</i>	<i>Al-Siyām</i>	3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16 (1080). 17, 18, 19, 20 (1081). 21 (1082). 26, 27 (1086). 28 (1087). 29, 30 (1088)	26 hadis
<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	<i>Al-Ṣawm ‘an Rasulillāh SAW</i>	684, 685, 686, 687, 688, 689, 691, 693, 697, 802	10 hadis
<i>Sunan al-Nasā’ī</i>	<i>al-Siyām</i>	2111, 2112, 2113, 2114, 2115, 2116, 2117, 2118, 2119, 2120, 2121, 2122, 2123, 2124, 2125, 2126, 2127, 2128, 2129, 2130, 2133, 2134, 2135, 2136, 2137, 2138, 2139, 2140, 2141, 2142, 3143	32 hadis
		<i>Salah ‘Aydayn</i>	1557
<i>Sunan Abu Dāwūd</i>	<i>Awal kitāb al-Siyām</i>	2319, 2320, 2321, 2322, 2324, 2325, 2326, 2327, 2328, 2329, 2330, 2331, 2332, 2333, 2334, 2335, 2338, 2339, 2340, 2341, 2342,	21 hadis
<i>Sunan Ibn Mājah</i>	<i>Al-Siyām</i>	1645, 1646, 1647, 1650, 1652, 1653, 1654, 1655, 1656, 1657, 1658, 1660	12 hadis
Jumlah			109 hadis

Sumber: *Takhrij al-hadīth* dalam *al-Kutub al-Sittah*

Hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal di dalam senarai jadual di atas dapat dikelompokkan kepada beberapa tajuk iaitu hadis kaedah rukyatulhilal, hadis kaedah hisab awal bulan hijrah, hadis jumlah hari bulan hijrah, hadis kesaksian rukyatulhilal, hadis konsep *maṭla‘*, hadis puasa Ramadan pada hari yang diragukan dan hadis perintah berpuasa pada bulan Ramadan dan berhari raya secara berjemaah.

Hadis-hadis tersebut juga dilakukan analisis seluruh sanad-sanad serta matan yang dikandungi. Penilaian kualiti juga dilakukan apabila hadis yang menjadi pembahasan bersumber daripada selain kitab *sahīhayn*. Penilaian kualiti dilakukan dengan merujuk kepada pendapat-pendapat ulama yang telah melakukan penilaian. Analisis dan syarahan terhadap hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal dilakukan secara *mawdū‘ī*, sesuai dengan tajuk yang dikandungi oleh matan hadis.

## 2.3. Hadis Kaedah Rukyatulhilal

Perkataan rukyatulhilal berasal daripada kata rukyah yang ertiya penglihatan, dan kata *hilāl* yang bermakna anak bulan. Takrif rukyatulhilal menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua adalah perbuatan melihat anak bulan untuk menentukan permulaan bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah.<sup>2</sup>

Hadis-hadis rukyatulhilal sebagai kaedah dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal ditemukan sebanyak empat puluh hadis. Al-Bukhārī meriwayatkan 4 hadis, Muslim meriwayatkan 12 hadis, Abū Dāwūd meriwayatkan 4 hadis, al-Tirmidhī meriwayatkan 2 hadis, al-Nasā'ī meriwayatkan 16 hadis dan Ibn Mājah meriwayatkan 2 hadis. Hadis-hadis rukyatulhilal secara umum mempunyai beberapa matan hadis iaitu:

**Hadis Pertama: Hadis yang memerintahkan berpuasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya Aidilfitri dengan rukyatulhilal.**

عَنْ سَالِمٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ سَعَثُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَاقْطُرُوا فَإِنْ عُمَّ عَلَيْكُمْ فَاقْدُرُوا لَهُ وَقَالَ عَيْرُوْعَةُ عَنِ الْلَّيْثِ حَدَّثَنِي عَفَيْلٌ وَيُونُسٌ هِلَالُ رَمَضَانَ.<sup>3</sup>

Terjemahan: “Dari Sālim bin ‘Abd Allāh bin ‘Umar bahawa Ibn ‘Umar RA berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Jika kalian melihat anak bulan maka berpuasalah dan jika kalian melihatnya lagi maka berbukalah. Apabila pandangan kalian terhalang oleh awan maka sempurnakanlah”, dan berkata, selainnya dari al-Layth telah menceritakan kepada saya ‘Uqayl dan Yūnūs: “Ini maksudnya untuk anak bulan Ramadan”.

<sup>2</sup> Kamus Pelajar Edisi ke-2, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 21 November 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=rukyatulhilal#>

<sup>3</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Siyām, ومن رأى كله واسعاً باب: هل يقال رمضان أو شهر رمضان، ومن رأى كله واسعاً # Mesir: Al-Salafiyyah, 1400), 2: 30.

Hadis tersebut dengan lafaz matan yang serupa juga ditemui pada riwayat Muslim, al-Nasā'ī dan Ibn Mājah. Muslim Meriwayatkan empat hadis dalam *Kitāb al-al-Šiyām*, باب وجوب صوم رمضان لرؤيه الهلال، nombor hadis 4, 5, 7 dan 8 (1080). Al-Nasā'ī menyebutkan satu hadis di dalam *Kitāb al-Šiyām*, باب ذكر الاختلاف على الزهري في هذا الحديث، nombor hadis 2120. Ibn Mājah juga meriwayatkan satu hadis di dalam *Kitāb al-Šiyām* باب ما جاء في (صوموا لرؤيته وأفطروا لرؤيته) nombor Hadis 1654.

Hadis yang memerintahkan berpuasa Ramadan dan hari raya Aidilfitri kerana rukyatulhilal, bersumberkan daripada ‘Abd Allāh bin ‘Umar, Abū Hurayrah, Ibn ‘Abbās, Hudhayfah dan Āisyah.

### **Hadis Kedua: Hadis larangan berpuasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya Aidilfitri sebelum melakukan rukyatulhilal**

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ لَا تَصُومُوا حَتَّىٰ تَرَوْا الْهِلَالَ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّىٰ تَرَوْهُ فَإِنْ عُمِّ عَلَيْكُمْ فَاقْدُرُوا لَهُ.<sup>4</sup>

Terjemahan: “dari ‘Abd Allāh bin ‘Umar RA bahawa Rasulullah SAW menceritakan tentang bulan Ramadan lalu beliau bersabda: "Janganlah kalian berpuasa hingga kalian melihat anak bulan dan jangan pula kalian berbuka hingga kalian melihatnya. Apabila anak bulan terhalang oleh awan maka kirakan jumlah hari bulan”.

Hadis di atas juga diriwayatkan oleh Muslim dalam Kitab *Siyām*, باب وجوب صوم رمضان لرؤيه الهلال، nombor hadis 3, 6, 9 (1080).<sup>5</sup> Al-Nasā'ī, Kitab *al-Šiyām*, باب ذكر الاختلاف على الزهري في هذا الحديث، nombor hadis 2122 dan 2122.<sup>6</sup> Al-Tirmidhī, Kitab *al-*

<sup>4</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī Kitab al-Šiyām, (إذا رأيتم الهلال فصوموا، وإذا رأيتموه فافطروا). No hadis 1906. Al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Šahīh*, 2:32.

<sup>5</sup> Muslim bin Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Šahīh Muslim* (Riyāḍ: Dār Taybah, 1426 H) 1:481-482

<sup>6</sup> Abī ‘Abd Rahmān bin Shu‘ayb bin ‘Alī, *Sunan al-Nasā'ī* (Riyāḍ: Dār al-Ma‘arif, t.t.), 1:338

*Sawm*, باب ما جاء عن الصوم لرؤيه الهلال وأفطرله nombor hadis 688.<sup>7</sup> Abū Dāwūd, Kitab *al-Siyām*, باب فإن غم عليكم فصوم ثلاثة nombor hadis 2230 dan 2327.<sup>8</sup>

Hadis tentang larangan berpuasa pada bulan Ramadan sebelum rukyatulhilal bersumber daripada dua orang sahabat iaitu ‘Abd Allāh bin ‘Umar dan Ibn ‘Abbās. Jumlah riwayat yang terbanyak daripada ‘Abd Allāh bin ‘Umar berjumlah lapan hadis, sedangkan Ibn ‘Abbās lima hadis.

### **Hadis Ketiga: Hadis *istikmāl* jika anak bulan tidak boleh di rukyah**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ قَالَ أَبُو القَاسِمِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَافْطُرُوا لِرُؤْيَتِهِ فَإِنْ غُمِيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ  
ثَلَاثَيْنَ<sup>9</sup>

Terjemahan: “daripada Abū Hurayrah RA, ia berkata bahawa Rasulullah SAW atau Abū Qāsim SAW bersabda: “Berpuasalah hingga kalian melihat anak bulan dan berbukalah juga hingga kalian melihatnya. Apabila anak bulan terhalang oleh awan maka sempurnakanlah bilangan bulan Syaaban menjadi tiga puluh hari”.

#### **2.3.1. Analisis Lafaz *Istikmāl* dalam Hadis Rukyatulhilal**

Hadis-hadis kaedah rukyatulhilal semuanya membincangkan tentang kaedah *istikmāl* apabila anak bulan tidak boleh di rukyah. *Istikmāl* adalah menyempurnakan hari bulan hijrah menjadi tiga puluh hari, apabila anak bulan tidak boleh di rukyah dengan sebab terhijab. Lafaz-lafaz *istikmāl* dalam hadis kaedah rukyatulhilal terdapat beberapa lafaz, seperti pada jadual di bawah ini:

<sup>7</sup> Muḥammad bin ‘Isā ibn Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t), 3:36,  
<sup>8</sup> Abī Dawūd Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t), 1:407-408

باب: قول النبي صلى الله عليه وسلم: (إذا رأيتم الهلال فصوموا، وإذا رأيتموه - إذا رأيتموه - فافطروا).  
<sup>9</sup> Hadis riwayat Bukhārī Kitab al-Fadā’iyyah, 1909. Al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ* 2:33

Jadual 2.2. Lafaz-lafaz *istikmāl* dalam Hadis Rukyatulhilal

Lafaz <i>istikmāl</i>	Sahabat Perawi Hadis					
	Ibn ‘Umar	Abū Hurairah	Ibn ‘Abbās	Hudhayfah	‘Āisyah	Aṣḥāb al-Nabī SAW
فَاقْدِرُوا لَهُ	12	-	-	-	1	-
فَاقْدِرُوا لَهُ ثَلَاثِينَ	1	1	-	-	-	-
فَأَكْمَلُوا الْعِدَةَ	1	3	6	2	-	2
فَأَكْمَلُوا ثَلَاثِينَ						
فَصُومُوا ثَلَاثِينَ	-	3			-	-
فَعَدُوا ثَلَاثِينَ	-	5				-
فَأَتَمُوا الْعِدَةَ			1			1

Sumber: Analisis matan hadis dalam *al-kutub al-sittah*

Lafaz -lafaz *istikmāl* di dalam matan hadis rukyatulhilal mempunyai maksud umum dan juga khas untuk bulan Ramadan dan Syaaban sahaja. Penggunaan kata فَأَكْمَلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ menunjukkan kepada *istikmāl* bulan Ramadan, فَصُومُوا ثَلَاثِينَ memiliki matlamat untuk *istikmāl* bulan Syaaban, فَأَكْمَلُوا الْعِدَةَ boleh digunakan untuk Syaaban dan Ramadan. Sedangkan kata “فَاقْدِرُوا“ mempunyai makna umum ataupun mutlak.

Para perawi yang meriwayatkan daripada ‘Abd Allāh bin ‘Umar semuanya bersepakat menggunakan lafaz فَاقْدِرُوا dan hanya terdapat dua hadis yang menggunakan lafaz “menyempurnakan hari bulan menjadi 30 hari” yang bersumber daripada Ibn ‘Umar - ‘Abd Allāh bin Dīnār - Mālik dalam *Sahīh al-Bukhāri* nombor hadis 1907 dan Ibn ‘Umar - Nafi‘ - Ayyūb dalam *Sunan Abū Dāwūd* nombor hadis 2320.

Hadis daripada Ibn ‘Umar yang menggunakan lafaz فَاقْدِرُوا mempunyai salasilah sanad yang dapat digolongkan kepada *aṣāḥ al-asānīd* menurut al-Bukhārī iaitu riwayat

yang bersumberkan daripada Ibn ‘Umar - Nāfi‘ - Mālik.<sup>10</sup> Periwayatan terbanyak hadis kaedah rukyatulhilal bersumberkan daripada Ibn ’Umar kepada Nāfi‘.

Sharaf al-Quḍāh telah mengumpulkan seluruh hadis-hadis tentang rukyatulhilal daripada Ibn ‘Umar, maka ianya membuat kesimpulan bahawa jalur majoriti perawi daripada Ibn ‘Umar yang terdapat dalam kitab-kitab hadis sepakat menggunakan kata “فَقْدِرُوا لَهُ” serta sebahagian dari sanad-sanad hadis tersebut merupakan *aṣāḥ̄ al-asānīd*. Sedangkan perkataan “tetapkan bulan yang sedang berjalan selama 30 hari” hanya terdapat dua hadis dari empat belas hadis yang menggunakan perkataan “فَقْدِرُوا لَهُ”. Oleh itu riwayat yang menggunakan perkataan “فَقْدِرُوا لَهُ” merupakan riwayat yang paling *sahīh* kerana banyak rawi yang meriwayatkan serta tingginya tingkat hafalan perawi<sup>11</sup> atau *dawābiṭ al - ruwah*.<sup>12</sup>

Kesimpulan Sharaf al-Quḍāh tersebut bukan bermakna bahawa lafaz *istikmāl* tersebut bukan berasal daripada Nabi SAW, kerana seluruh hadis yang menggunakan lafaz *istikmāl* berkualiti *sahīh* bersumber daripada Nabi SAW. Perbezaan lafaz dalam hadis-hadis rukyatulhilal bukanlah bercanggahan sesama lafaz hadis tersebut, tetapi perbezaan pernyataan kaedah tersebut mestilah diamalkan sesuai dengan tempat dan keadaan sosial masyarakat.<sup>13</sup> Ibn Hajar menyatakan bahawa walaupun lafaz yang

<sup>10</sup> Para ulama seperti al-Nawāwī dan Ibn al-Ṣalah tidak membolehkan menilai *sanad* atau *matan* hadis dengan *aṣāḥ̄ al-asānīd* secara mutlak iaitu dengan tanpa menyandarkan kepada sesuatu hal tertentu. Penilaian *aṣāḥ̄ al-asānīd* hendaknya *muqayyad*, maknanya dihubungkaitkan kepada sahabat, daerah atau masalah tertentu. Sedangkan golongan *muhadithin* yang lain membolehkan. Jalur hadis di atas *aṣāḥ̄ al-asānīd* daripada Ibn ‘Umar dan *aṣāḥ̄ al-asānīd* secara mutlak menurut al-Bukhārī. Fatchur Rahman, *Ikhtīṣār Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* (Bandung: PT Alma’arif, 1974), 43 dan Maḥmūd Ṭāḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 34

<sup>11</sup> Sharf al-Quḍāh, *Thubūt al-Shahr al-Qamarī Bayn al-Ḥadīth al-Nabawī wa al-‘Ilm al-Ḥadīth*, laman sesawang Islamic crescents’ Observation Project, dicapai 17 April 2014. [www.icoproject.org/pdf/sharaf\\_1999.pdf](http://www.icoproject.org/pdf/sharaf_1999.pdf), 8-9

<sup>12</sup> *Dabṭ* iaitu perawi yang menghafal dengan sempurna hadis yang diterimanya, mampu menyampaikan dengan baik serta mampu memahaminya dengan baik. M. Syuhudi Ismail, *Metodologi Penelitian Hadis Nabi* (Jakarta: Bulan Bintang, 2007), 66

<sup>13</sup> Sharf al-Quḍāh, *Thubut al-Shahr al-Qamarī*, 9

digunakan berbeza-beza tetapi memiliki sejumlah riwayat pendukung yang saling menguatkan satu dengan yang lain.<sup>14</sup>

Hadis-hadis kaedah rukyatulhilal diriwayatkan oleh ramai perawi pada tiap-tiap *tabaqāt*. Pada *tabaqāt* sahabat diriwayatkan oleh lima perawi iaitu Ibn 'Umar, Abū Hurayrah dan Ibn 'Abbās merupakan perawi terbanyak. Setelah *tabaqāt* sahabat, hadis tersebut diriwayatkan oleh 12 orang tabiin, yang meriwayatkan daripada Ibn 'Umar adalah Nāfi‘ Mawlā bin 'Umar (117 H), Sālim bin 'Abd Allāh (106 H), 'Abd Allāh bin Dīnār Maulā bin 'Umar (127 H) dan Abdullāh bin Abd al-Rahmān Ibn 'Awf (94 H).

Sedangkan daripada Abū Hurayrah adalah Sa‘īd Ibn al-Musayyab (93 H), Muḥammad Ibn Ziyād (*tābi‘īn atba'* kalangan tua), Abd al-Rahmān bin Hurmuz (117 H) atau al-A‘raj dan Ibn Salamah. Adapun daripada Ibn 'Abbās iaitu Rabi‘ bin Ḥirāsh bin Jahsh (104 H), Ikrimah Maulā bin Abbās (104 H), Amr bin Dīnār (126 H) dan Abdullāh bin Abī Qays (tabiin kalangan tua).

### 2.3.2. Syarahan Hadis Kaedah Rukyatulhilal

Rukyah berasal daripada Bahasa Arab iaitu *ra'ā-yarā* menjadi *ra'yan-ru'yah* yang bermakna dasar melihat. Tetapi makna tersebut bukan sahaja bermaksud melihat dengan mata, namun juga bermakna melihat dengan hati (*qalb*) serta melihat dengan ilmu pengetahuan.<sup>15</sup> Di dalam al-Qur'an kata *ra'ā* dalam segala bentuknya disebutkan pada 187 tempat dan mempunyai pelbagai makna iaitu melihat, mengamati dengan mata (visual), melihat dan merenungi dengan hati (*al-ru'yah al-qalbiyyah*) dan bermakna

<sup>14</sup> Aḥmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997 M/1418 H), 4:61

<sup>15</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arabī* (Mesir: Dār al-Ma‘ārif, t.t.), 2:1537-1544

mengamati dengan ilmu pengetahuan (*ru'yah bi 'ilm*) dan mimpi (*al-ru'yā manāmiyyah*).<sup>16</sup>

Kata dasar daripada *ru'yah* adalah *ra'ā – yarā -ru'yah* memang dapat juga diertikan dengan *af'āl al-yaqīn* seperti *ra'aytu zaydan 'āliman* (saya melihat bahawa Zaid itu orang yang berilmu). Melihat dalam kalimat tersebut bukan bermakna melihat dengan mata tetapi melihat dengan hati atau pengetahuan. Perkataan *ra'ā* dalam kalimat tersebut diertikan dengan maksud mengetahui. Perkataan *ra'ā* akan bermakna *af'āl al-yaqīn* jika kata tersebut mempunyai dua *maf'ūl bih* dan terdiri daripada *mutbada'* dan *khabar* seperti contoh di atas.<sup>17</sup>

Sedangkan perkataan *ra'ā* yang terdapat dalam hadis tentang perintah rukyatulhilal tidak menunjukkan adanya dua *maf'ūl*, tetapi hanya satu *maf'ūl* iaitu *hilāl*. Oleh itu, kalimat *li ru'yatih* dalam hadis di atas secara asas menghendaki makna asal, iaitu *ru'yah bi al-'ayn* (melihat dengan mata) bukan bermakna *ru'yah bi al-'ilm*. Selagi makna zahir masih dapat ditempuh, maka tidak boleh dipalingkan (di takwil) ke makna lainnya, kecuali dengan dalil yang kuat.<sup>18</sup>

Perkataan *ḍamīr ḥā* pada kalimat لِرَوْبَتْهِ di dalam matan hadis di atas merujuk kepada anak bulan (melihat anak bulan), tidak disebutkan perkataan anak bulan secara langsung dan hanya disebutkan *ḍamīr* sahaja, kerana bangsa Arab pada zaman tersebut telah menggunakan anak bulan untuk mengetahui hari bulan hijrah.<sup>19</sup> Hal itu juga yang

<sup>16</sup> Muhammad Bassām Rushd al-Zayn, *al-Mu'jam al-Mufahras li Ma'āni al-Qur'ān al-'Adīm* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1995 M / 1416 H), 1:517-524

<sup>17</sup> Ibnu Zahid Abdo el-Moeid, *Formula Ilmu Hisab*, dikemas kini 2013 di capai 15 Oktober 2014, <https://www.scribd.com/doc/242405147>, 45

<sup>18</sup> *Ibid.*, 45

<sup>19</sup> Tanṭawī Jawharī, *Al-Jawāhir fi Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm* (Beirut: Dār al-Fikr, tt.), 5:109

menjadi latar belakang sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW tentang *hilāl* seperti dalam Surah *al-Baqarah* 2:189.<sup>20</sup>

Dalam *Lisān al-‘Arabī* diuraikan maksud daripada perkataan *hilāl* iaitu anak bulan pada hari pertama dan kedua bulan hijrah atau dua malam terakhir bulan hijrah.<sup>21</sup> Al-Alūsī mengatakan bahawa *hilāl* adalah anak bulan pada malam pertama sampai malam ketujuh pada awal hari bulan hijrah.<sup>22</sup>

Oleh itu, takrif daripada kata rukyatulhilal adalah melihat atau mengamati anak bulan pada waktu matahari terbenam, menjelang masukkannya awal bulan hijrah dengan menggunakan mata atau alatan.

Perkataan “لَا تَصُومُوا حَتَّىٰ تَرَوْا الْهَلَالَ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّىٰ تَرَوْهُ” pada hadis rukyah di atas menyatakan bahawa wajibnya berpuasa pada bulan Ramadan dan perayaan hari raya Aidilfitri apabila anak bulan sudah boleh di rukyah. Majoriti ulama mutakaddimin, dan sebahagian ulama moden termasuk daripada golongan fuqaha, mufasir dan *muhadith* mengekalkan penggunaan rukyah dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Barisan para ulama yang mengekalkan penggunaan rukyah dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal antaranya adalah Ibn Hajar al-‘Asqalānī (773-852 H). قوله لا تصوموا حتى تروا الهلال ظاهره إيجاب الصوم حين الرؤية (“janganlah kalian berpuasa hingga melihat anak bulan secara jelas, maklumat tersebut menyatakan wajib puasa ketika melihat anak bulan”). Maknanya bahawa sebab yang mewajibkan puasa adalah kerana terlihat anak bulan pada malamnya.<sup>23</sup>

<sup>20</sup> Abī al-Ḥasan ‘Alī ibn Aḥmad al-Wāḥidī al-Naysābūrī, *Aṣbāb al-Wurūd* (Mesir: Mu'assasah al-Ḥalabi wa Shirkah li al-Naṣr, t.t), 200 dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi Ma'thūr* (Mesir: Markaz Hijr li Buhūth wa Dirasāt al-‘Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003 M /1424 H), 2: 305-307

<sup>21</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arabī*, 6:4690

<sup>22</sup> Shihāb al-Dīn al-Sayid Maḥmūd al-Alūsī, *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aqdīm wa al-Sab‘u al-Mathānī* (Beirut: Aḥyā al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 71

<sup>23</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 4:151-152

Seterusnya Al-Qarāfī (W.684 H) dari kalangan Mazhab Mālik menjelaskan sebab wajibnya berpuasa pada bulan Ramadan bukan kerana telah masuknya bulan Ramadan, tetapi kerana telah kelihatan anak bulan pada awal bulan Ramadan dengan pandangan mata kasar manusia. Oleh itu, penentuan awal Ramadan dan Syawal tidak dapat diganti dengan pengiraan hisab. Menurut beliau lagi, perbuatan berpuasa adalah berbeza dengan menunaikan sembahyang fardu iaitu wajib mengerjakan sembahyang fardu setelah masuknya waktu. Oleh itu, dalam penentuan waktu sembahyang boleh menggunakan hisab dan alat-alat pengukuran waktu seperti jam kerana boleh mengetahui masuknya waktu itu sendiri. Perbezaan ini kerana terdapat di dalam dalil syarak iaitu berpuasa diwajibkan dengan melihat anak bulan “صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ” (berpuasalah kerana melihat anak bulan) bukan صُومُوا لِلْهَلَالِ (berpuasalah kerana telah adanya anak bulan). Sedangkan perintah sembahyang di dalam al-Qur'an surah *al-Isrā'* 17:78 أَقِمْ الصَّلَاةَ لِذُلُوكِ الشَّمْسِ (dirikan sembahyang setelah tergelincir matahari).<sup>24</sup>

Manakala pemahaman daripada ayat “فَإِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَاقْدِرُوا لَهُ” terjadi perbezaan hukum ketika langit cerah dan ketika langit mendung. Maka melihat anak bulan khususnya dalam keadaan langit cerah, sedangkan dalam keadaan langit mendung terdapat hukum yang lain.

Perkataan غُمٰ atau غُمَيْ diterjemahkan dengan makna terhalang oleh awan atau mega, kata غُمٰيَ secara bahasa dapat diertikan sebagai غمة الأمر (perkara rahsia) seperti dalam surah *Yūnūs* 10:71 ثُمَّ لَا يَكُنْ امْرُكُ عَلَيْكُمْ غَمَّةٌ yang ertiannya “janganlah keputusan itu dirahsiakan”, digunakan juga untuk غُمٰيَ عليه الخبر yang membawa makna maklumat yang tidak jelas. Perkataan tersebut juga diertikan “أَفْقَدَ الْحُسْنَ وَالْحَرَكَ” atau “هَلَالٌ” maknanya adalah benda-benda langit seperti anak bulan dan matahari yang tidak dapat di cerap menggunakan pancaindera”. Penggunaan perkataan غُمٰيَ yang

<sup>24</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *al-Furūq* (Beirut: Mu'assasah Risālah 2003 M / 1424 H), 2: 298-302, dan Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *Al-Dhakhyarah* (t.p: Dār al-Maghrib al-Islāmī, 1994), 2:493.

berhubungan dengan anak bulan adalah bermakna anak bulan yang tidak dapat dilihat, sama ada secara praktikal di mana-mana tempat ataupun boleh dihubungkan kepada anak bulan yang tidak dapat dilihat secara kebiasaan (أَنْ يَكُونَ مَسْنَدًا إِلَى الظَّرْفِ).<sup>25</sup>

Apabila langit mendung dan anak bulan tertutup, maka menyempurnakan hari bulan hijrah tersebut menjadi tiga puluh hari dan berlaku untuk seluruh bulan hijrah, baik Ramadan maupun Syaaban. Pada matan hadis yang lain di sebutkan “sempurnakanlah bilangan bulan Syaaban tiga puluh hari” dan ini riwayat yang paling tegas, sedangkan dalam riwayat lain diperintahkan untuk “kirakan” dan “kirakan tiga puluh hari” serta “berpuasalah selama 30 hari”.<sup>26</sup>

Kata فاقروله (kirakan anak bulan) terdapat macam-macam pentafsiran, majoriti ulama berpendapat, disempurnakan penghitungannya sampai 30 hari, sama ada untuk bulan Ramadan ataupun Syaaban. Hal ini sejalan dengan hadis lain yang diriwayatkan juga oleh Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbās yang menyebutkan فاقروله ثلثين (maka tetapkan tiga puluh hari). Alasannya bahawa dalam ilmu *uṣūl a-fiqh* kata فاقروله itu bersifat *muṭlaq*,<sup>27</sup> hadis tentang فاقروله ثلثين dan hadis-hadis yang lain menjadi *muqayyad*.<sup>28</sup> Pendapat yang ini diikuti oleh kebanyakan ulama seperti al-Shāfi‘ī (W.204 H),<sup>29</sup> Ḥanafī (W. 148 H) dan Mālik (W.179 H)<sup>30</sup> serta para pengikut mereka.

Sedangkan Aḥmad bin Ḥanbal (W.241 H) berpendapat bahawa kata “فاقروله” sempitkan ianya dan anggaplah ianya ditafsirkan dengan ضيقوا له وقدره تحت السحاب (sempitkan ianya dan anggaplah ianya

<sup>25</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arabī*, 5:2309

<sup>26</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 4:62

<sup>27</sup> Takrif *muṭlaq* adalah lafaz yang menunjukkan suatu hakikat tanpa pembatas. Jadi ia hanya merujuk kepada satu individu tidak tertentu dari hakikat tersebut. Lafaz *muṭlaq* umumnya berbentuk *nakirah* dalam konteks kalimat positif. Sedangkan *muqayyad* adalah lafaz yang menunjukkan suatu hakikat dengan batasan. Mannā‘ Khalīl al-Qaṭṭān, *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qur’ān* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000), 238

<sup>28</sup> Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardi, *Al-Ḥāwī al-Kabīr fi Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994 M / 1414 H), 3: 408-409

<sup>29</sup> Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *Al-Umm* (t.t.p: Dar al-Wafa, 2001 M / 1422 H), 3:232, dan Abī Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shayrazī* (Riyāḍ: Maktabah al-Irshād, t.t), 6: 275-276

<sup>30</sup> Abī al-Walīd Sulaymān bin Khalf bin Sa‘ad bin Ayyūb al-Bājī, *Al-Muntaqā Syarḥ Muwata’ Mālik* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999 M / 1420 H), 3:9

berada di bawah awan) bermaksud anggaplah bulan tersebut terlihat sehingga esoknya merupakan bulan baru.<sup>31</sup> Hal ini bermaksud, apabila ada awan yang menghalangi terlihat anak bulan pada hari ke-29 atau malam ke-30, maka pendekkan hari bulan yang sedang berjalan dan mulalah bulan baru pada kesokan harinya. Kerana makna قدره iaitu ضيق seperti dalam Surah *al-Talāq* 65:7 yang ditafsirkan dengan makna menyempitkan, demikian hal juga Surah *Al-Ra'd* 13:26, yang bermakna “Allah yang melempangkan rezeki dan menyempitkannya bagi sesiapa yang dikehendakinya”.<sup>32</sup>

Pendapat yang dimaksudkan di atas hanya ditujukan dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan akhir Syaaban. Jika keadaan penglihatan terhalang oleh awan, maka mencukupkan bilangan bulan Syaaban 29 hari dan esok harinya masuk awal Ramadan. Sikap ini adalah untuk hati-hati, kerana berpuasa satu hari di bulan Syaaban lebih baik dari pada tidak berpuasa satu hari dalam bulan Ramadan.<sup>33</sup>

Pendapat yang berbeza dijelaskan oleh Abū al-'Abbās ibn Surayj (306 H)<sup>34</sup> dan Ibn Qutaybah iaitu bahawa makna perkataan “فَاقْدِرُولَهُ” (قدروه بحساب المنازل) iaitu (tetapkan awal bulan dengan ilmu falak) dengan menggunakan metode hisab atau Ilmu falak (astronomi).<sup>35</sup>

<sup>31</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Qudamah, *Al-Kāfi* (t.p: Dar Ḥajr, 1998 M / 1417 H), 2: 229, dan 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Muflīh al-Ḥanbali, *Al-Mubdi' Sharḥ Muqni'* (Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, 1998 M / 1418 H), 3:4

<sup>32</sup> Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn 'bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Jalalayn* (t.p: Dār Ibn Kathīr, t.t.), 252

<sup>33</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Qudamah, *Al-Mughnī* (Riyāḍ: Dar 'Alam al-Kutub, 1997 M / 1417 H), 4: 332-333

<sup>34</sup> Nama lengkapnya Aḥmad bin 'Umar bin Surayj, dikenal juga dengan nama Abū al-'Abbās al-Baghdādī, ia wafat tahun 306 H. ianya ulama pengikut Mazhab Shāfi'i yang terkenal pada masanya, selain ulama fiqh ia juga ahli dalam ilmu kalam, mengarang sekitar 400 judul kitab. Ianya lebih mengungguli di antara kebanyakan pengikut Mazhab Shafi'i, bahkan terhadap al-Muzānī. Ia juga salah seorang murid Abū Dawūd dalam bidang hadis. Biografinya ditulis lengkap dalam kitab-kitab biografi. Lihat Abī Bakr Aḥmad bin 'Alī bin Thābit al-Khatīb al-Baghdādī, *Tārīkh Madīnah al-Salām*, (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1422 H / 2001 M), 5:471-475, dan Tāj al-Dīn Abī Naṣr 'Abd al-Wahhāb bin 'Alī bin 'Abd al-Kāfi al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, (Kairo: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1336 H), 21-39

<sup>35</sup> Aḥmad bin Muḥammad bin Qudamah, *Al-Mughnī*, 4:333

Meskipun mereka berbeza pendapat dalam menafsirkan kata “فَاقْدِرُولَهُ”， tetapi mereka bersetuju bahawa kaedah rukyatulhilal merupakan kaedah asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Umat Islam diharuskan untuk berusaha melihat anak bulan pada tarikh 29 Syaaban dan juga pada akhir Ramadan. Jika mereka dapat melihat anak bulan maka boleh dimulai berpuasa, tapi jika anak bulan tidak dapat di rukyah disebabkan keadaan cuaca yang mendung atau pandangan terhalang awan, boleh disempurnakan hari bulan menjadi tiga puluh hari. Sebab asalnya hari itu masih dalam bulan tersebut, maka tidak boleh meninggalkan keadaan yang asal kecuali dengan dalil atau bukti.<sup>36</sup>

#### 2.4. Hadis Hisab Awal Bulan Hijrah

Daripada pencarian yang dilakukan dengan menggunakan perkataan “*hā*”, *sīn* dan “*bā*” ditemukan hanya satu matan hadis tentang hisab yang berhubungan dengan penetapan takwim hijrah yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar

عَنْ سَعِيدِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ إِنَّ أُمَّةً أُمِيَّةً لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشَّهْرُ هَكَذَا وَهَكَذَا يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ وَمَرَّةً ثَلَاثِيَّ<sup>37</sup>

Terjemahan: “dari Sa‘id bin ‘Amr bahawa ia mendengar Ibn ‘Umar RA menceritakan dari Nabi SAW beliau bersabda: “Kita adalah umat yang *ummī* (buta huruf), kita tidak menulis dan tidak pula mengira. Satu bulan itu adalah begini, begini dan begini maksudnya kadang kala dua puluh sembilan dan kadang kala tiga puluh”.

<sup>36</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh* (Beirut: Dār al-Fikr, 2009 M / 1430 H), 2:527

<sup>37</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Ṣawm, bab qawl al-Nabī SAW lā naktub wa la naḥsib, No. Hadis 1913, Al-Bukhāri, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 2:33

Hadis hisab di atas diriwayatkan oleh perawi-perawi lainnya dalam *al-kutub al-sittah*. Muslim meriwayatkan dalam كتاب الصيام باب وجوب صوم رمضان لرؤية الهلال، والنطر، وأنه إذا غم في أوله أو آخره أكملت عدة الشهر ثلاثة أيام nombor hadis 15 (1080), Abū Dāwūd, kitab *al-Şawm*, باب الشهر يكون تسعًا وعشرين nombor hadis 2319, dan al-Nasā'ī dalam kitab *al-Siyām*, ذكر الاختلاف على يحيى بن أبي كثیر في خبر أبي سلمة فيه, bernombor hadis 2140 dan 2141.

Hadis-hadis hisab tersebut semuanya bersumber daripada ‘Ibn ‘Umar (W 73 H) - Sa‘īd bin ‘Amrū bin Sa‘īd bin Āṣ - al-Aswad bin Qays. Selepas al-Aswad, hadis hisab diriwayatkan kepada dua perawi iaitu Sufyān bin Sa‘īd dan Shu‘bah bin al-Hajjāj bin Warad (160 H). Al-Nasā'ī dan Muslim menyebutkan daripada dua rawi tersebut, sedangkan al-Bukhāri dan Abū Dāwūd hanya menyebutkan daripada Shu‘bah.

Selain hadis di atas, ditemukan juga hadis lain yang mempunyai makna hisab tapi tidak menggunakan perkataan hisab iaitu terdapat dalam sunan al-Tirmidhī daripada Abū Hurayrah.

أَحْصُوا هِلَالَ شَعْبَانَ لِرَمَضَانَ<sup>38</sup>

Terjemahan: Hitungkan hari-hari bulan Syaaban untuk mengetahui awal bulan Ramadan".

Hadis tersebut diriwayatkan daripada Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī atau dikenal juga dengan Abū Ḥusayn al-Naysābūrī al-Ḥāfiḍ (W.261 H), ulama hadis yang terkenal sebagai pengarang kitab *Sahīh*.<sup>39</sup> Muslim meriwayatkan

<sup>38</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Şawm, bab mā jā’ Ihṣā’ ḥilāl sha‘bān li ramaḍān, No. Hadis 687. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 3:62.

<sup>39</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, t.t), 4:67-68

daripada Yaḥyā bin Yaḥyā bin Bukayr bin ‘Abd al-Raḥmān bin Yaḥya bin Ḥammād al-Tamīmī al-Ḥandalī (W. 226 H) ulama mengatakan ianya *thiqah*.<sup>40</sup>

Al-Tirmidhī memberikan ulasan tentang hadis tersebut “hadis Abū Hurairah merupakan *hadīth gharīb*, kami tidak mengetahui kecuali dari hadis Abū Mu‘āwiyah”. Hadis di atas tidak ditemui di dalam mana-mana kitab hadis yang lain selain al-Tirmidhī, manakala Albānī memberikan penilaian kualiti hadis tersebut dengan *ḥasan*.<sup>41</sup>

Hadis tersebut tidak dapat dimasukkan kepada hadis hisab, kerana menurut al-Tirmidhī, hadis tersebut sebenarnya membincangkan tentang perintah melakukan dengan cermat dalam penghitungan hari-hari bulan Syaaban seperti pada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Āisyah

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يتحفظ من شعبان ما لا يتحفظ من غيره، ثم يصوم

لرؤيه رمضان، فإن غمّ عليه عدّ ثلاثين يوماً ثم صام.<sup>42</sup>

Terjemahan: “Nabi saw berlaku amat cermat dalam menghitung jumlah hari bulan Syaaban lebih dari pada ketika menghitung jumlah hari bulan yang lain. Kemudian beliau berpuasa berdasarkan rukyatulhilal bulan Ramadan, maka jika terhalang oleh awan maka menyempurnakan hari bulan Syaaban tiga puluh hari, lalu beliau berpuasa”

#### 2.4.1. Syaranan Hadis Hisab Awal Bulan Hijrah

Perkataan “kami” dalam hadis hisab di atas bermaksud kepada para pemeluk agama Islam pada zaman Rasulullah SAW ketika hadis itu diucapkan, yang mana berlaku

<sup>40</sup> *Ibid.*, 4:397-398

<sup>41</sup> Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī, “Hukm ‘Alā Aḥādithihī wa Āthārihī wa ‘Alaqā ‘Alayh”, dalam al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 3:62

<sup>42</sup> Hadis Riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Šiyām, Bab Idhā Ughmiya al-Shahr, No. Hadis 2325, al-Albānī mengatakan hadis tersebut *ṣaḥīḥ*, Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī, “Hukm ‘Alā Aḥādithihī wa Āthārihī wa ‘Alaqā ‘Alayh”, dalam Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 1:407

kepada majoriti mereka ataupun diri Nabi SAW sendiri. Majoriti umat Islam pada saat itu adalah umat yang *ummi*, termasuk Rasulullah SAW.

*Ummī* diambil daripada perkataan *umm* (ibu) yang membawa maksud seseorang yang tidak pandai baca dan tulis, seakan-akan keadaan pengetahuan terutama baca dan tulis sama ada seperti keadaan ketika dilahirkan ibunya. Pendapat lain mengatakan perkataan tersebut daripada perkataan *ummah* (umat) yang menujukan kepada masyarakat ketika al-Qur'an diturunkan iaitu Bangsa Arab.<sup>43</sup> Ini bukan bermakna tidak seorang pun di antara mereka yang tidak pandai membaca dan menulis, namun hanya segelintir sahaja daripada mereka yang faham membaca dan menulis.

Sedangkan kata hisab bersumber daripada Bahasa Arab yang ertiannya mengira, menghitung. Di dalam al-Qur'an, kata yang berdasarkan kata *hā*, *sīn* dan *bā* sebagai kata benda disebutkan sebanyak dua puluh lima kali, yang membawa berbagai macam makna di antaranya mengira, batas, hari kiamat dan tanggungjawab.<sup>44</sup>

Adapun yang dimaksudkan dengan ﷺ pada hadis tersebut adalah menghitung serta mengira perjalanan benda-benda di langit dengan menggunakan kaedah-kaedah kiraan yang pasti dan tepat. Hasil kiraan hisab yang dimaksudkan adalah kaedah kiraan yang bersifat pasti. Ilmu hisab di dalam hadis tersebut bukan hanya bermakna untuk penentuan tarikh awal bulan hijrah sahaja tetapi juga bersifat umum kepada seluruh perhitungan seperti kalendar, waktu sembahyang, gerhana bulan dan matahari.

<sup>43</sup> M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an* (Jakarta: Lentera Hati, 2002), 14:219

<sup>44</sup> Muḥammad Fuad 'Abd al-Bāqī, *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1364 H), 200-201

Ilmu hisab dalam literature klasik disebut juga dengan ilmu *falak*,<sup>45</sup> *miqāt*,<sup>46</sup> *hay'ah*,<sup>47</sup> *nūjūm*.<sup>48</sup> Sedangkan dalam ilmu pengetahuan modern ilmu ini disebut juga dengan ilmu astronomi,<sup>49</sup> astrofizik,<sup>50</sup> astro mekanik,<sup>51</sup> cosmogony,<sup>52</sup> kosmologi.<sup>53</sup>

Ilmu hisab untuk mengira kedudukan benda langit secara pasti tidak dimiliki oleh Bangsa Arab pada zaman Nabi SAW. Penggunaan ilmu hisab hanya digunakan untuk meramal dan mengetahui perkara ghaib. Peristiwa-peristiwa yang terjadi seperti gerhana, jatuhnya meteor, dan kenampakan bintang berekor selalu dihubungkaitkan kepada ramalan adanya kejadian-kejadian baik ataupun kemalangan yang hendak diberikan kepada manusia. Oleh itu, ilmu hisab pada Rasulullah SAW disamakan dengan ilmu nujum.

Di dalam penjelasan ulama-ulama klasik tentang ilmu hisab, amat sering dihubungkan dengan ilmu nujum. Seperti ulama yang melakukan syarahan terhadap hadis hisab dalam kitab *Şahīḥ al-Bukhārī*, mereka menghubungkaitkan ilmu tersebut dengan praktik perdukunan atau ilmu nujum seperti Ibn Ḥajar, al-Aynī dan Ibn Baṭṭal.

Namun, terdapat juga orang-orang yang menggunakan ilmu tersebut dengan tujuan penyelidikan ilmiah, terutama setelah Islam datang yang mengharamkan amalan bomoh dan ilmu nujum, tetapi ianya masih sangat terbatas. Oleh itu pengamalan ilmu

---

<sup>45</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang lintasan benda-benda langit seperti matahari, bumi, bulan dan benda-benda langit lainnya dengan tujuan untuk mengetahui posisi dari pada benda-benda langit tersebut serta kedudukannya.

<sup>46</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang benda-benda langit untuk mengetahui waktu-waktu baik pada benda langit itu sendiri maupun perbandingan dengan waktu-waktu di benda langit lainnya.

<sup>47</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang seluk-baluk *rotasi* dan revolusi benda-benda langit.

<sup>48</sup> Ilmu nujum disebut juga dengan astrology iaitu ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang benda-benda langit untuk mengetahui perkara-perkara ghaib.

<sup>49</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang benda-benda langit secara am

<sup>50</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang benda-benda langit dengan pendekatan ilmu fizikal

<sup>51</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang benda-benda langit dari segi gerakan dan gaya tarik menarik benda-benda langit tersebut dengan teori mekanika

<sup>52</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang benda-benda langit dengan tujuan untuk mengetahui latar belakang kejadiannya dan perkembangannya selanjutnya.

<sup>53</sup> Ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang bentuk, tata himpunan, sifat-sifat dan perluasan daripada jagat raya. Lihat Chairul Zen S, "Penentuan Waktu-Waktu Shalat dan Puasa" (Makalah, Orientasi Hisab Rukyah se Sumatera Utara dan Aceh, Medan, 2011) 4-5

hisab saat itu lebih dikenal sebagai ilmu yang berhubungan dengan kiraan dan ramalan perkara ghaib berbanding tujuan ilmiah.

Namun dengan datangnya Islam yang mengharamkan ilmu nujum, menjadi titik awal bagi perkembangan ilmu hisab. Sehingga penggunaan ilmu hisab sudah dimulakan untuk digunakan dalam penentuan awal Ramadan dan hari raya, seperti pemikiran Abū Abbās bin Surayj dari kalangan Mazhab Shāfi’ī, Muṭarrif bin ‘Abd Allāh dari kalangan tabiin dan Ibn Qutaybah dari pakar hadis. Abu Ishak telah menukilkan pendapat Ibn Surayj dalam Kitab *al-Muhadhdhab* tentang larangan mengikuti *ahl al-nujūm* (ramalan) dan boleh mengikuti *ahl al-hisāb* kerana hisab merupakan ilmu berdasarkan perhitungan dan posisi bulan.<sup>54</sup>

Pada abad ke 17 seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden maka ilmu hisab dan astrologi pun semakin berkembang, sehingga ilmu-ilmu tersebut pada awalnya satu kesatuan kemudian dipisahkan dan dikaji secara sendiri. Ilmu hisab atau astronomi terus berkembang dan diamalkan karena ianya menggunakan kaedah-kaedah ilmiah serta bermanfaat dalam kehidupan manusia. Sedangkan ilmu astrologi ditinggalkan kerana menggunakan kaedah-kaedah yang tidak ilmiah serta bercanggah dengan penemuan-penemuan moden sehingga ilmu ini dianggap kuno.<sup>55</sup>

Dengan berkembangnya ilmu hisab, penggunaan ilmu tersebut di kalangan ulama dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal mulai dilakukan, terutama dalam mendukung hasil rukyatulhilal. Sedangkan sebahagian ulama lainnya meninggalkan kaedah rukyatulhilal dan mengantikannya dengan kiraan hisab.

Meskipun Nabi SAW tidak melarang secara tegas penggunaan hisab dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal dalam hadis hisab di atas, namun penggunaan

<sup>54</sup> Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shayrazī*, 6: 289-290.

<sup>55</sup> Ibnu Zahid Abdo el-Moeid, *Formula Ilmu Hisab*, 8-9

hisab sebagai asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal menjadi perbincangan khusus di antara para ulama.

Perbezaan pendapat pun terjadi terutama dalam menerima hasil kiraan hisab sebagai asas dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal. Mereka memberikan hujah yang berasal daripada kefahaman ‘illah di dalam hadis hisab dan rukyatulhilal serta juga kebenaran logika. Oleh itu, dianggap perlu untuk menjelaskan hujah-hujah penerimaan dan penolakan ilmu hisab yang telah digunakan oleh para ulama.

#### **2.4.2. Hujah Penolakan Kaedah Hisab dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Diperakui bahawa majoriti ulama mutakaddimin serta sebahagian ulama moden termasuk daripada golongan fuqaha, mufasir dan *muhadith* menolak penggunaan hisab sebagai asas dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal. Di antara hujah-hujah mereka adalah:

##### **Pertama: Tiada dalil syariat yang memerintahkan untuk berpedoman kepada hasil hisab.**

Ibn Hajar melarang mempergunakan hisab untuk proses penentuan awal Ramadan dan Syawal, hal ini seperti ianya sebutkan berikut:

والمراد بالحساب هنا حساب النجوم وتسيرها ولم يكونوا يعرفون من ذلك أيضا إلا  
النذر اليسير فعلق الحكم بالصوم وغيره بالرؤبة لرفع الحرج عنهم في معاناة حساب  
التسير واستمر الحكم في الصوم ولو حدث بعدهم من يعرف ذلك بل ظاهر السياق

يُشعر بنفي تعليق الحكم بالحساب أصلًا ويوضحه قوله في الحديث الماضي فإن غم

عليكم فأكملوا العدة ثلاثين.<sup>56</sup>

Terjemahan: “adapun yang dimaksudkan dengan hisab pada hadis ini adalah kiraan tentang perjalanan bintang, dan pengetahuan tersebut diketahui oleh sebahagian manusia sahaja dari mereka, menghubung kaitkan hukum puasa dengan rukyah bertujuan untuk menghilangkan kesusahan mereka untuk mempelajari ilmu hisab. Penggunaan ilmu hisab tetap tidak dibolehkan meskipun orang-orang sudah pakar dalam menggunakan ilmu tersebut karena kata menyempurnakan 30 hari bulan dalam hadis di atas melarang mengaitkan hukum puasa dengan hisab.”

Maksudnya adalah Ibn Hajar memberikan beberapa alasan tentang larangan penggunaan hisab. Alasan pertama dipandang dari sisi ilmu hisab itu sendiri iaitu sedikit bilangan orang yang menguasai ilmu hisab, hasil kiraan hisab hanyalah spekulasi dan ramalan sahaja yang tidak mengandungi kepastian serta tidak dapat pula dibuktikan kebenarannya. Namun, apabila bilangan orang yang menguasai ilmu hisab sudah ramai dan pandai, ilmu hisab masih tidak diaplikasikan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, kerana Hadis tidak dihubungkaitkan dengan ilmu hisab.

Al-‘Aynī (W 855) juga menyebutkan alasan yang sejalan dengan Ibn Hajar, bahawa kalimat “menyempurnakan bilangan bulan tiga puluh hari” jelas memberikan matlamat tentang larangan penggunaan hisab jika langit mendung.<sup>57</sup>

Ibn Baṭṭāl (W 449) juga menyampaikan alasan larangan penggunaan ilmu hisab kerana dasar hukum dalam masalah ini cukup dengan rukyatulhilal, sekiranya terdapat kaedah lain tentu Rasulullah SAW menyampaikan. Kurangnya orang yang menguasai ilmu hisab sedikit sebanyak menyulitkan umat. Umat Islam tidak dibebankan untuk menguasai ilmu hisab atau baca dan tulis dalam melaksanakan ibadah baik puasa atau

<sup>56</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 4:151-152.

<sup>57</sup> Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Ahmad al-‘Aynī, ‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001 M / 1421 H), 10:409

ibadah lainnya, kerana keyakinan yang jelas dan tepat dapat diketahui dan diterima ramai hanya melalui rukyatulhilal.<sup>58</sup>

Pengetahuan tentang masuknya awal dan akhir bulan hijrah dapat diketahui dengan dua metode iaitu rukyatulhilal dan *istikmāl*, pengamalannya bersifat mutlak. Hal ini bermakna tidak ada metode-metode lain yang dapat dijadikan asas untuk memulai dan mengakhiri puasa Ramadan termasuk menggunakan ilmu hisab kerana ada hadis yang khas yang memerintahkan dengan dua metode tersebut.

Ibn Taymiyyah (W 728) merupakan orang yang paling tegas dalam menolok penggunaan hisab pada hal penentuan awal Ramadan dan Syawal. Seperti perkataannya dalam kitab *Fatāwā*

فإنا نعلم بالاضطرار من دين الإسلام أن العمل في رؤية هلال الصوم أو الحج أو العدة  
أو الإيلاء أو غير ذلك من الأحكام المعلقة بالهلال بخبر الحاسب أنه يرى أو لا يرى لا  
يجوز، والنصوص المستفيضة عن النبي صلى الله عليه وسلم بذلك كثيرة، وقد أجمع  
المسلمون عليه، ولا يعرف فيه خلاف قديم أصلًا، ولا خلاف حديث، إلا أن بعض  
المتأخرین من المتفقهة الحادثین ...<sup>59</sup>

Terjemahan: “maka kami mengetahui bahawa perintah agama untuk berpedoman kepada rukyatulhilal untuk melaksanakan puasa, haji, ‘iddah, *ilā’* dan persoalan hukum lainnya yang berhubungan dengan rukyatulhilal. Adapun berpedoman kepada hasil hisab tidaklah dibolehkan kerana dalil hadis sangatlah banyak dan ijmak umat Islam. Tidak adanya perbezaan perdapat umat Islam pada zaman dahulu dan juga zaman sekarang kecuali sebahagian ulama *mutaakhirīn*.”

<sup>58</sup> Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Khalf bin ‘Abd al-Mālik, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li ibn Baṭṭāl* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, t.t), 4: 27-28 dan 31-32

<sup>59</sup> Taqī al-Dīn Ahmad Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatāwā Ibn Taymiyyah* (Riyāḍ: Majma‘ al-Malik, 2004 H / 1425 H ), 25:132-133 dan ‘Abd Allāh bin Aḥmad al-‘Alaf, *Min Fatāwā A’immah al-Islām fī al-Siyām* (Riyāḍ: Dār al-Tarfayn, 1997 M / 1417 H ), 110

Menurutnya, penggunaan hisab merupakan kaedah yang sesat dalam Islam dan merupakan perbuatan yang diadakan (*bid'ah*) di dalam agama. Sesiapa yang menggunakan hisab tidak termasuk umat ini dalam masalah ini, tetapi ianya telah mengikuti jalan lain yang bukan jalan orang-orang yang beriman.<sup>60</sup> Hal ini kerana banyaknya dalil-dalil yang menyatakan bahawa metode yang benar hanya dengan rukyatulhilal.

Para ulama tidak ada yang berbeza pendapat kecuali para ulama *muta'akhirin* yang membolehkan penggunaan hisab. *Hilāl* menurut syariat iaitu anak bulan yang harus dapat dilihat oleh mata manusia secara jelas, sedangkan anak bulan dalam ilmu hisab tidak dapat dilihat oleh mata sehingga tidak diketahui bentuk dan wujudnya.<sup>61</sup>

Ibn Hajar mengelompokkan kepada kelompok *rafidah*<sup>62</sup> bagi orang yang menggunakan ilmu hisab dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Seperti perkataannya dalam kitab *Fath al-Bārī*

وَلَمْ يَقُلْ فِسْلُوا أَهْلُ الْحِسَابِ وَالْحِكْمَةِ فِيهِ كَوْنُ الْعَدْدِ عِنْدَ الْأَغْمَاءِ يَسْتَوِي فِيهِ

الْمَكْلُوفُونَ فَيَرْتَفِعُ الْخِتَافُ وَالنِّزَاعُ عَنْهُمْ وَقَدْ ذَهَبَ قَوْمٌ إِلَى الرَّجُوعِ إِلَى أَهْلِ التَّيسِيرِ

في ذلك وهم الروافض<sup>63</sup>

Terjemahan: dan Rasulullah SAW tidak mengatakan tanyalah kepada pakar hisab, hikmahnya adalah apabila jumlah hari bulan menjadi 30 hari ketika mendung, maka tidak terjadi perselisihan di antara orang mukalaf. Orang-orang yang berpedoman kepada hasil kiraan hisab maka mereka golongan *rafidah*.

<sup>60</sup> Taqī al-Dīn Ahmad Ibn Taymiyyah, *Majmu‘ Fatawa Ibn Taymiyyah*, 25: 165 -174

<sup>61</sup> Taqī al-Dīn Ahmad Ibn Taymiyyah, *Al-Fatāwā Al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987 M / 1408 H), 2:464

<sup>62</sup> Tidak dijelaskan oleh Ibn Hajar siapa yang dimaksud dengan *rafidah*, Yūsūf Qaraḍāwī mengatakan barangkali yang dimaksudkan iaitu Shi‘ah Isma‘iliyah kerana mereka yang menggunakan hisab. Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Kayf Nata ‘āmal Ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyyah: Ma‘ālim wa Ḏawābiṭ* (Virginia: al-Mā‘had al-‘Ālam al-Fikr al-Islāmī, 1990), 146

<sup>63</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 4:151-152.

Sebab larangan tersebut iaitu kerana Rasulullah SAW tidak memerintahkan untuk bertanya kepada pakar hisab ketika pandangan terhalang dan syariah telah melarang.

Ulama yang mengekalkan rukyah sebagai kaedah asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal memberikan kefahaman terhadap hadis-hadis rukyatulhilal secara tekstual.<sup>64</sup> Kefahaman tersebut harus dilakukan kerana puasa Ramadan dan sebab kewajibannya merupakan persoalan ibadah *mahdah* yang bersifat *darūriyyah* dan *ta'abbudiyah*.

أن الأصل في العبادات هو التعبد والتنفيذ بالنص دون النظر إلى العلل والمقاصد<sup>65</sup>

Terjemahan: “prinsip asal dalam ibadah adalah *ta'abudī* dan berpegang kepada dalil tanpa melihat sebab dan tujuannya.”

Persoalan ibadah yang telah ditetapkan berdasarkan dalil yang kuat, baik yang bersumber daripada al-Qur'an dan hadis, tidak dibolehkan untuk melakukan penambahan, pengurangan dan berinovasi. Perintah tersebut harus diterima dan diamalkan, bahkan harus dikekalkan seperti yang disyariatkan sebagai bentuk ketaatan dan kepatuhan terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Persoalan ibadah *mahdah* harus didasarkan kepada wahyu atau dalil daripada al-Qur'an dan hadis secara teknikal, manakala logika akal manusia tidak boleh melakukan kefahaman tentang sebab dan alasan secara rasional.<sup>66</sup> Oleh demikian, menerima konsep

<sup>64</sup> Kefahaman hadis secara teknikal adalah kefahaman kepada makna zahir daripada lafadz matan hadis. Pemahaman ini dapat dilakukan apabila hadis tersebut tidak menghendaki adanya alternatif lain selain daripada makna yang dikehendaki oleh teks matan hadis itu sendiri setelah ditinjau dengan pendekatan *fahm al-hadīth*. Faisal Ahmad Shah dan Jawiah Dakir, "Pendekatan Tekstual dalam Memahami Hadis Nabi SAW: Satu Analisis," dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Ishak Sulaiman, Faisal Ahmad Shah dan Fauzi Deraman (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011). 500

<sup>65</sup> Muḥammad Sidqī bin Aḥmad al-Burnū dan Abū al-Ḥārith al-Ghazzī, *Mawsū'ah al-Qawā'id al-Fiqhīyyah* (Riyāḍ: Maktabah al-Tawbah, 1998 M / 1418 H), 308 Yūṣuf al-Qaraḍāwī, *Al-Siyāsah al-Syari'iyyah* (Mesir: Maktabah Wahbah, 1419 H), 122

<sup>66</sup> *Ibid.*, 122-123

rukyah sebagai asas dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal adalah suatu perkara yang harus, yang mana tidak dapat diganti dengan metode yang lain.

### **Kedua, Hasil hisab hanyalah kiraan dan agakan sahaja.**

Penjelasan ulama-ulama klasik tentang ilmu hisab amat sering dihubungkaitkan dengan amalan bomoh dan ilmu nujum. Seperti ulama yang melakukan syarahan terhadap hadis hisab dalam kitab *Şahih al-Bukhārī*, misalnya Ibn Ḥajar, al-Aynī dan Ibn Baṭṭal, mereka menggunakan perkataan al-Bājī di bawah ini

....قال الباقي وإن جماع السلف الصالح حجة عليهم وقال ابن بزيزة وهو مذهب

باطل فقد نهت الشريعة عن الخوض في علم النجوم لأنها حدس وتخمين ليس فيها

قطع ولا ظن غالب<sup>67</sup>

Terjemahan: “Al-Bājī berkata dan ijmak ulama *al-salaf al-ṣāliḥ* menjadikan hujah untuk menolak pendapat mereka (pakar hisab), dan berkata Ibn al-Bazīzah (menggunakan hisab) merupakan pendapat yang batil kerana syariat telah melarang untuk mempelajari ilmu perbintangan sebab ianya hanyalah kiraan semata bukan berdasarkan kepada bukti yang kuat”.

Merujuk kepada perkataan Ibn Bazīzah, Ibn Ḥajar berpendapat bahawa penolakan untuk menggunakan hisab dalam penetapan awal bulan hijrah, kerana ilmu tersebut hanyalah kiraan dan agakan sahaja, tidak dapat mendatangkan kepastian dan hasilnya berbeza-beza di antara pakar hisab, sehingga melahirkan pertikaian dan permusuhan di kalangan umat Islam. Maka hisab merupakan sebuah mazhab yang sesat (*baṭīl*) dan syariah telah melarang.

<sup>67</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 4:151-152.

Al-‘Aynī juga memberikan alasan yang sejalan dengan pendapat Ibn Ḥajar, bahawa hisab pada masa awal termasuk kepada ilmu perbintangan (*‘ilm al-nujūm*) yang dilarang oleh syariah sebab ianya hanyalah ramalan sahaja dan tidak dapat dibuktikan kebenarannya.<sup>68</sup>

Dalam *al-Hāwī al-Kabīr* disebutkan bahawa ilmu hisab adalah agakan yang dikategorikan kepada *kāhin*, Rasulullah SAW telah melarang untuk bertanya kepada para *kāhin* tersebut. Sedangkan *‘ilm al-nujūm* (ilmu perbintangan) hanya dapat digunakan untuk penentuan arah kiblat dan petunjuk jalan bagi yang melakukan perjalanan seperti dalam Surah *al-Nahl* 16:16 dan bukan digunakan untuk penetapan tarikh awal bulan Hijrah.<sup>69</sup>

Ibn Taymiyyah juga memasukkan ilmu hisab dalam penetapan tarikh awal bulan hijrah ke dalam ilmu ramalan dan ilmu *nūjūm* serta menyebutkan asas pelarangan tersebut daripada Hadis. Beliau berpendapat bahawa meskipun para pakar hisab telah melakukan penyempurnaan terhadap ilmu tersebut, tetapi ilmu tersebut tetap juga tidak boleh diamalkan kerana Allah SWT tidak membuat hisab yang konsisten (tetap) terhadap *matlā ‘anak bulan*.<sup>70</sup>

Pakar hisab telah pun bersepakat bahawa penilaian semula terhadap ilmu tersebut belum pasti dan masih bersifat kurang tepat atau agakan sahaja. Pakar hisab belum bersepakat pada darjah berapakah anak bulan boleh dilihat, kedudukan anak bulan yang dapat dilihat tidak dalam darjah tertentu. Sebahagian orang dapat melihat pada ketinggian lapan darjah, sebahagian yang lain dapat melihat pada ketinggian dua

<sup>68</sup> Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 10:409

<sup>69</sup> Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawārdī, *Al-Hāwī al-Kabīr fi Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, 3:408-409

<sup>70</sup> Taqī al-Dīn Ahmad Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatāwā Ibn Taymiyyah*. 25: 181-201

belas darjah. Sebab melihat anak bulan sangat bergantung kepada ketajaman penglihatan, *altitude* balai cerab dan cuaca.<sup>71</sup>

Penggunaan hisab pada penentuan awal Ramadan dan Syawal bersifat keraguan (*zann*) kerana para pakar hisab sendiri telah berpendapat bahawa ijtihad yang mereka lakukan belum dapat dibuktikan, boleh jadi benar bahkan salah. Namun demikian, perhitungan pakar hisab masih boleh dipegang seperti untuk hitungan kelahiran, gerhana bulan dan matahari, bulan purnama, terbenam dan terbit matahari kerana perhitungan tersebut tepat (*qat'i*). Hisab *imkān al-ru'yah* (kemungkinan bulan dapat dilihat) merupakan ijtihad para pakar hisab juga belum pasti, sehingga yang boleh mereka lakukan adalah menaksir jarak kedudukan matahari dan bulan pada waktu matahari terbenam.<sup>72</sup>

### Ketiga: Tidak semua orang menguasai ilmu hisab

Kepakaran terhadap sebuah ilmu tidaklah dapat dikuasai oleh semua orang, begitu pula kepakaran terhadap hasil hisab. Pemaksaan penggunaan ilmu tersebut untuk penetapan tarikh awal bulan hijrah terutama penetapan waktu-waktu ibadah menjadikan umat Islam dalam kesusahan. Allah SWT menghendaki kemudahan dalam agama ini bukan kesusahan. Al-Nawāwī (W.676 H) mengatakan dalam *al-majmū'*

وَلَأَنَّ النَّاسَ لَوْ كَلَفُوا بِذَلِكَ ضَاقَ عَلَيْهِمْ ; لَأَنَّهُ لَا يَعْرِفُ الْحَسَابَ إِلَّا أَفْرَادٌ مِّنَ النَّاسِ فِي

البلدان الكبار<sup>73</sup>

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Ayiḍ bin Fadghūsh bin Jazā' al-Ḥārithī, *Ikhtiyarāt Shaykh al-Islām Ibn Taymiyah al-Fiqhiyyah* (Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbāliyyā, 2007 M / 1429 H), 4:29-30.

<sup>73</sup> Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shayrazī*, 6:276

Terjemahan: “(kerana jika hasil kiraan hisab digunakan, maka akan mempersulit umat yang mukalaf kerana hisab tersebut hanya diketahui oleh seseorang sahaja dalam sebuah negeri yang luas)”.

Pemaksaan penggunaan ilmu tersebut untuk penentuan awal bulan Ramadan dan Syawal dan waktu-waktu ibadah lainnya menjadikan umat Islam dalam kesusahan. Allah menghendaki kemudahan dalam agama ini bukanlah kesusahan.

Huraian hujah yang telah dijelaskan di atas dapatlah di buat kesimpulan. Hujah yang digunakan untuk mengekalkan rukyatulhilal dan melarang menggunakan kaedah hisab dapat dikategorikan kepada dua iaitu, pertama hujah daripada kefahaman hadis hisab dan rukyatulhilal secara tekstual dan kedua, hujah daripada dalil akal.

Kefahaman hadis secara tekstual terhadap hadis rukyatulhilal dan hisab dilakukan kerana hadis-hadis rukyah tersebut merupakan hadis tentang perintah ibadah *mahdah* yang bersifat *dariūriyyah* dan *ta'abbudī*. Persoalan ibadah *mahdah* harus didasarkan kepada dalil dari al-Qur'an dan hadis secara tekstual dan akal manusia tidak dapat melakukan pemahaman tentang sebab dan alasannya secara rasional.<sup>74</sup>

Konsep pemahaman ini bukanlah bermakna anti terhadap sains moden. Akan tetapi, sains moden tidak boleh menggantikan rukyah yang telah disebutkan secara jelas di dalam hadis. Namun sains tersebut boleh dilakukan untuk membantu proses pelaksanaan rukyah dan membolehkan hisab sebagai pengawal dalam rukyah bahkan membantalkan rukyah yang tidak dapat dibuktikan oleh sains.

---

<sup>74</sup> Ali Imron, "Pemaknaan Hadis-Hadis Hisab-Rukyat Muhammadiyah dan Kontroversi yang Melingkupinya," *Tarjih dan Tajid* 12, No.1, (Januari 2014), 67

### **2.4.3. Hujah Penerimaan Kaedah Hisab dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Hujah ulama pendukung hisab bertujuan untuk memberikan jawapan terhadap hujah yang didakwa oleh pendukung rukyah. Hujah-hujah tersebut adalah

#### **Pertama: Hukum asas dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal dengan menggunakan hisab.**

Hadis hisab awal bulan Ramadan yang telah disebutkan terdahulu, menjelaskan bahawa Rasulullah SAW tidak melarang mempelajari dan menggunakan kiraan hisab, tetapi ilmu hisab tidak digunakan oleh Nabi SAW dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal kerana ketiadaan pengetahuan umat pada zaman tersebut akan ilmu hisab. Maka Rasulullah SAW mengekalkan penggunaan rukyatulhilal untuk menentukan tarikh awal bulan hijrah serta melakukan *istikmāl* apabila keadaan langit mendung atau berawan yang mengakibatkan anak bulan tidak dapat di rukyah.

Berpandukan kepada hadis hisab awal bulan hijrah, para pendukung kaedah hisab mengatakan bahawa asas sebenarnya dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal bukanlah rukyah tetapi hisab. Hal tersebut sebagaimana dikatakan oleh Sharf al-Quḍāḥ

إن هذا الحديث يدل على أن الأصل في إثبات الشهر أن يكون بالحساب، ولأن هذا

الأصل غير متيسر في عصر النبي صلى الله عليه وسلم فقد تم اللجوء إلى البديل وهو

الرؤبة، وإن مما ووجه ذكر أن الأمة أمية لا تكتب ولا تحسب؟ فالعلة في إثبات الشهر

بالرؤيه هي أن الأمة لا علم لها بعلم الفلك، والمعلول يدور مع العلة وجوداً وعدماً،

أما في عصرنا فقد تيسر الأصل فلماذا نلجأ إلى البديل؟<sup>75</sup>

Terjemahan: “Hadis tentang hisab memberikan maklumat bahawa asas dalam penetapan tarikh awal bulan Hijrah adalah dengan hisab. Pada zaman Nabi SAW hisab tidak mudah untuk dilakukan, oleh itu digunakan rukyah sebagai ganti daripada hisab. Kenapa Rasulullah SAW menyebutkan bahawa umat pada zaman beliau *ummī* tidak pandai tulis dan mengira? Maka itulah yang menjadikan sebab rukyah diamalkan. Matlamat berjalan sesuai dengan ada dan tiadanya sebab (*'illat*). Maka pada zaman sekarang kiraan hisab sudah mudah dilakukan maka kenapa tidak dilakukan pertukaran rukyah kepada hisab?

Menguatkan kesimpulannya tersebut, Sharf al-Quḍāh melakukan *takhrij al-hadīth* tentang rukyatulhilal dan membuat perbandingan antara lafadz-lafaz *istikmāl* yang terdapat di dalam matan hadis. Maka disimpulkan bahawa majoriti perawi daripada Ibn ‘Umar yang meriwayatkan hadis rukyatulhilal sepakat menggunakan perkataan “فَاقْدِرُوا لَهُ” serta sebahagian dari sanad-sanad hadis tersebut merupakan *aṣāḥ al-asānīd* (sanad yang paling sahih). Sedangkan perkataan “tetapkan bulan yang sedang berjalan selama 30 hari” hanya terdapat tiga hadis dari empat belas hadis yang menggunakan kata “فَاقْدِرُوا لَهُ”. Oleh itu riwayat yang menggunakan perkataan “فَاقْدِرُوا لَهُ” merupakan riwayat yang paling *sahīh* kerana banyak rawi yang meriwayatkan serta tingginya tingkat hafalan perawi atau *dawābiṭ al - ruwah*.<sup>76</sup>

Menurut Sharf al-Quḍāh perkataan “فَاقْدِرُوا لَهُ” merupakan lafadz matan hadis yang paling autentik. Makna asas dari perkataan فَاقْدِرُوا لَهُ merupakan perintah untuk menggunakan ilmu hisab atau mengira, kerana kata tersebut secara bahasa bermakna mengira seperti dalam hadis tentang Dajal dari al-Nawwās bin Sam‘ān

<sup>75</sup> Sharf al-Quḍāh, *Thubūt al-Shahr*, 8

<sup>76</sup> *Ibid.*, 8-9

عن النواس بن سمعان، قال...: قلنا: يا رسول الله! وما لبته في الأرض؟ قال "أربعون يوما. يوم كسنة. ويوم شهر. ويوم كجمعة. وسائر أيامه ك أيامكم" قلنا: يا رسول الله! فذلك اليوم الذي كستة، أتكفينا فيه صلاة يوم؟ قال "لا. اقدروا له قدره"<sup>77</sup>

Terjemahan: “dari Nawwās bin Sam‘ān berkata: ...kami berkata wahai Rasulullah Saw berapa lama Dajal tinggal di bumi? Rasulullah SAW menjawab empat puluh hari, satu hari seperti satu tahun, satu hari seperti satu bulan, satu hari seperti satu pekan, dan hari-hari lainnya seperti hari-hari kalian, kami bertanya wahai Rasulullah SAW bagaimana maksudnya satu hari seperti satu tahun, cukupkan bagi kami sembahyang sehari? Rasulullah bersabda tidak, tapi kirakan ukurannya”

Maksud hadis di atas adalah perintah menggunakan hisab untuk tiap-tiap waktu sembahyang selama satu hari biasa selama satu tahun. Makna perkataan “tetapkan” dalam hadis di atas tidak ada yang berselisih pendapat semuanya memberikan makna mengira.

## **Kedua: Keadaan sosial masyarakat pada zaman Nabi SAW tidak mendukung untuk menggunakan ilmu hisab**

Metode yang digunakan untuk mengetahui keadaan sosial masyarakat pada zaman Nabi SAW adalah dengan menggunakan pendekatan *asbāb al-wurūd*. Takrif *asbāb al-wurūd* adalah ilmu yang menerangkan sebab-sebab Nabi SAW menuturkan sabdanya serta masa-masa Nabi SAW menuturkan.<sup>78</sup>

Hadis hisab awal bulan hijrah dan rukyatulhilal termasuk kepada kategori hadis yang tidak mempunyai *asbāb al-wurūd* secara khusus. Ulama hadis telah memberikan

<sup>77</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Fitan wa Ashrāt al-Sā‘ah, Bab dhikr al-Dajjāl wa Ṣifatuh wa mā ma‘ah, No. Hadis 110 (2937), Muslim al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* 2:1341

<sup>78</sup> TM. Hasbi ash-Shiddieqy, *Sejarah & Pengantar Ilmu Hadis* (Semarang: Pustaka Rizki Putra, 2009), 121

tiga jalan untuk mengetahui *asbāb al-wurūd*. Pertama, melalui riwayat yang tegas, kedua, melalui *aqwāl al-ṣahābah* (khabar dari sahabat Nabi SAW), ketiga ijtihad apabila tidak dapat diketahui *asbāb al-wurūd* dengan jalan pertama dan kedua.<sup>79</sup>

Hadis-hadis yang tidak ada *asbāb al-wurūd* secara khas tersebut dapat difahamkan melalui jalan ijtihad dengan pendekatan seperti persejarahan, sosial dan antropologi. Pendekatan ini dapat dilakukan kerana ketika Nabi SAW bersabda tentu tidak terlepas dari situasi keadaan dan masalah sosial budaya masyarakat pada masa tersebut. Diharapkan dengan menggunakan ijtihad tersebut, mampu memberikan pemahaman yang lebih tepat dan sesuai dengan perkembangan masa dan zaman. Hadis-hadis hisab dan rukyah dapat difahami secara kontekstual dengan pendekatan keadaan dan kondisi budaya masyarakat Arab pada masa Nabi SAW, sehingga sebab suruhan rukyah dan hisab dapat diketahui dengan jelas dan tepat.<sup>80</sup>

Ulama yang telah melakukan kefahaman tersebut adalah Ahmad Shākir (W.1377 H) yang merupakan salah seorang yang memberikan hujah penggunaan hisab pada zaman sekarang dan meninggalkan rukyah. Menurut Shākir, tidak diragukan bahawa bangsa Arab sebelum dan sesudah Islam tidak memiliki pengetahuan tentang ilmu falak secara saintifik ('Ilmiyyah Jāzimah), ini kerana mereka merupakan umat yang buta huruf yang tidak pandai membaca, menulis dan mengira. Pengetahuan mereka terhadap ilmu falak adalah amat sedikit, yang hanya memahami perkara asas yang diperoleh melalui cerapan secara lisan atau berita, bukan berdasarkan pada kaedah matematik dan bukti empirical. Dengan alasan itu, Rasulullah SAW menetapkan asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal dengan rukyatulhilal dengan tanda-tanda yang pasti dan boleh dicapai oleh semua orang. Kaedah rukyah merupakan kaedah terbaik paling tepat

<sup>79</sup> Abdul Mustaqim, *Ilmu Ma'anil Hadits: Paradigma Interkoneksi berbagai Teori dan Metode Memahami Hadi Nabi* (Yogyakarta: IDEA Press, 2008), 38-41

<sup>80</sup> Syuhudi Ismail, *Hadis Nabi yang Tekstual dan Kontekstual: Telaah Ma'ani al-Hadis tentang Ajaran Islam yang Universal, Temporal dan Lokal*, 52-53

untuk menentukan waktu dalam amalan-amalan agama pada zaman tersebut. Allah tidak membebankan umatnya dengan beban yang tidak mampu ditanggung oleh mereka.<sup>81</sup>

Ulama dari Syria Ahmād al-Zarqā (1420 H) mengatakan ketika memberikan syarahan terhadap hadis hisab dan rukyatulhilal, bahawa hadis-hadis tersebut saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Pada zaman Rasulullah SAW, beliau memerintahkan untuk melakukan rukyah secara fizikal untuk memulakan puasa Ramadan dan hari raya kerana mereka umat yang *ummī* yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang hisab yang tepat. Maka tidak ada kaedah lain bagi mereka melainkan melihat bulan secara fizikal untuk mengetahui bulan baru dan mengakhiri bulan dengan bilangan 29 hari atau 30 hari. Apabila ilmu falak atau astronomi yang pasti, tidak berbeza-beza, hasilnya tidak keliru dan dapat memberikan kepada kita pengetahuan yang meyakinkan mengenai kelahiran bulan dan bila jumlah hari bulan 29 dan 30 dalam keadaan cuaca berawan ataupun tidak. Maka tiada lagi alasan bagi syariah untuk menolak menggunakan hisab, supaya keluar daripada perbezaan dalam penetapan tarikh awal puasa Ramadan dan Syawal.<sup>82</sup>

Seharusnya tidak perlu terjadinya perbezaan pendapat tentang penggunaan hisab pada zaman sekarang ini. Al-Zarqā menerima sikap ulama awal yang tidak menerima metode hisab dan mengatakan “bahawa seandainya saya sendiri hidup pada zaman mereka, pasti saya akan menerima pandangan mereka”. Pada zaman sekarang ilmuwan telah melangkaui angkasa luar dan telah mampu berjalan di bulan, kemudian menempatkan satelit-satelit dalam orbitnya yang sudah ditentukan di sekeliling bumi untuk pelbagai tujuan baik penelitian (*research*), ketenteraan dan pengintipan (*spinose*). Kemudian melakukan perjalanan ke luar angkasa serta keluar dari pesawat mereka di

<sup>81</sup> Ahmād Shākir, *Awā'il al-Shahr al-'Arabiyyah* (t.t.p.: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1939 M / 1358 H), 12-13

<sup>82</sup> Muṣṭafā Ahmād Al-Zarqā, *Al-'Aql wa al-Fiqh fī Fahm al-Hadīth al-Nabawī* (Damshiq: Dār al-Qalm, 2002 M / 1423 H), 88

luar atmosfera bumi untuk melakukan beberapa perbaikan kerosakan satelit di udara. Oleh itu, ilmu hisab dan astronomi sangat sesuai digunakan pada zaman sekarang, jika dibandingkan dengan rukyatulhilal dalam penetapan tarikh awal bulan Ramadan dan Syawal. Seandainya para ulama *salaf* kita yang tidak pernah menerima hisab, mereka masih hidup dan melalui keadaan zaman sekarang, serta menyaksikan kemajuan dan ketepatan ilmu tersebut, pastilah mereka mengubah pendapat mereka kerana mereka adalah orang yang telah Allah SWT berikan pemahaman dalam berijtihad.<sup>83</sup>

Ali Abdul Razak juga menjelaskan tentang sebab-sebab Rasulullah SAW tidak menggunakan ilmu hisab dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Hal tersebut kerana didapati bahawa keadaan umat pada masa tersebut masih dalam keadaan mentah sehingga hukum-hukum syariat yang datang disesuaikan dengan keadaan umat tersebut. Sebagai contoh, dalam hal penentuan waktu sembahyang, syariat tidak membebankan umat yang masih muda untuk menghitung darjah matahari dan bintang, malah dijadikan petunjuk solat pada pergerakan matahari yang mudah dilihat pancaindera iaitu dengan menggunakan bayangan benda. Ditetapkan kenampakan anak bulan sebagai petunjuk puasa, haji dan ibadah-ibadah lainnya, kerana pergerakan bulan dapat diketahui oleh pancaindera tanpa perlu hitungan dan (kerja-kerja) pencerapan. Tiada perintah kepada umat yang masih muda untuk menghitung tarikh permulaan awal bulan, bahkan sebaliknya di tawarkan kaedah rukyah yang lebih mudah kerana keadaan umat yang masih buta huruf (*ummī*). Mereka juga tidak dibebankan waktu imsak dan berbuka puasa dengan minit-minit, sebaliknya dicukupkan sesuatu yang dapat dirasai dan dilihat.<sup>84</sup>

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, 78-79

<sup>84</sup> Ali Abdul Razaq, *Islam dan Dasar Pemerintahan: Sebuah Kajian tentang Kedudukan Khalifah dan Kerajaan Islam*, terj. Al Mustaqeem Mahmud Radhi dan Farhan Afendi (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), 2000), 467

Muhammad Rasid Rida (W 1935 M) menyatakan asas persejarahan hisab diguna pakai dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Penetapan tarikh awal puasa Ramadan dan Syawal sama dengan penentuan waktu sembahyang fardu. Kedua-duanya dihubungkan dengan masa yang mudah diketahui oleh umat yang berperadaban moden dan berperadaban tidak moden. Tujuannya dalam hal tersebut adalah memudahkan mengetahui masa-masa tersebut, bukan untuk menjadikan rukyatulhilal sebagai ibadah. Demikian juga dalam hal jelas terlihat benang putih dari benang hitam (terlihat cahaya fajar) yang merupakan fajar, melihat tergelincir (*zawal*) matahari masuknya waktu zuhur, penambakan panjangnya bayangan suatu benda serta terbenam matahari dan hilangnya syafak bukan sebahagian dari pada ibadah. Tujuan Allah dan Rasulnya memerintahkan sedemikian hanyalah bertujuan untuk mengetahui waktu semata-mata.<sup>85</sup>

### **Ketiga: Kaedah Hisab lebih pasti daripada hasil rukyatulhilal**

Pembahasan tentang pemahaman hadis rukyatulhilal oleh Yūsūf al-Qarađāwī termasuk kepada kaedah

التمييز بين الوسيلة المتغيرة والهدف الثابت للحديث<sup>86</sup>

Terjemahan: “membezakan di antara wasilah yang berubah dengan tujuan yang tetap bagi sesebuah hadis.

Kaedah ini dalam erti kata lainnya adalah mengenal pasti amaran-amaran baik yang bersifat larangan dan perintah dalam hadis yang boleh jadi ianya bersifat am dan universal tanpa mengira waktu atau khas yang berhubungan dengan masa, waktu dan

<sup>85</sup> Muhammad Rasid Rida, “Ithbat Sharh al-Ramađan wa Baht al-‘Aml Fih wa Ghayrih bi al-Hisab”, dalam Syamsul Anwar, *Hisab Bulan Kamariah: Tinjauan Syar'i tentang Penetapan Awal Ramadhan Syawwal dan Dzulhijjah* (Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2012 M/1433 H), 87-93

<sup>86</sup> Yūsūf al-Qarađāwī, *Kayf Nata ‘āmal Ma ‘a al-Sunnah al-Nabawiyyah: Ma ‘ālim wa Dawābiṭ*, 139

tempat serta keadaan tertentu dalam istilah lain *sunnah tashri'iyyah* dan *sunnah ghayr tashri'iyyah*.<sup>87</sup>

Pensyarah hadis mestalah harus mengetahui matlamat dan tujuan yang tetap dan matlamat yang berupa wasilah yang bertujuan untuk sampai kepada matlamat yang tetap. Menurut Yūsūf al-Qaraḍāwī dalam hal pemahaman terhadap hadis-hadis hisab dan rukyatulhilal dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal haruslah membezakan antara dua matlamat tersebut. Hadis-hadis hisab dan rukyatulhilal memberikan kefahaman bahawa melihat anak bulan dengan mata adalah jalan yang mudah dan dapat dilakukan oleh kebanyakan orang pada zaman itu. Seandainya Nabi SAW menentukan jalan lain seperti hisab, tentu dapat memberatkan mereka kerana keadaan mereka yang buta huruf. Jalan ini dimudahkan oleh Allah, serta berada dalam kemampuan umat dan terhindar daripada wujudnya kekeliruan, kesalahan dan pembohongan mengenai masuknya awal bulan.

Pada zaman ini, pakar astronomi, geologi dan fizikal yang bertaraf antar bangsa telah mencapai ke taraf suatu ilmu yang memungkinkan manusia naik ke bulan, berjalan kaki di atasnya serta mengambil batu dan tanahnya. Namun, mengapa masih jumud dalam wasilah yang tidak menjadi tujuan daripada hadis, sementara itu melupakan tujuan yang hendak dicapai oleh hadis. Penetapan awal Ramadan dan Syawal berdasarkan laporan satu atau dua orang yang bersaksi telah melihat anak bulan dengan mata, pasti kekeliruannya lebih besar jika dibandingkan dengan penggunaan hisab.<sup>88</sup>

Al-Subki (W 756 H) dalam fatwanya menyebutkan jika hisab menunjukkan bahawa bulan tidak mungkin dapat rukyah, maka tidak diterima kesaksian orang yang bersaksi melihatnya kerana ianya berbohong atau salah dalam melihat. Beliau berkata

---

<sup>87</sup> *Ibid.*, 145-146

<sup>88</sup> *Ibid.*, 145-153 dan Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Al-Siyāsah al-Syari'iyyah* (Mesir: Maktabah Wahbah, 1419 H), 122

bahawa hisab *qat’ī* (pasti) dan kesaksian dan laporan bersifat *zann* (dugaan), tidak pasti tidak boleh menandingi pasti. Maka wajib bagi pemerintah menolak kesaksian dan laporan kenampakan anak bulan jika bercanggah dengan kaedah hisab, sebab itu mustahil menurut pancaindera manusia, akal dan syariah.<sup>89</sup>

Menurut Riḍā sembahyang merupakan tiang agama, para ulama sepakat untuk menggunakan hisab dalam penentuan masa-masanya, padahal lebih utama daripada ibadah puasa pada bulan Ramadan. Menggenapkan bilangan bulan 30 hari di saat pandangan terhalang adalah *zann* (dugaan) atau lebih rendah dari *zann* (dugaan), padahal *zann* (dugaan) tidak dapat diamalkan bila ada yang *qat’ī* (kepastian). Dengan demikian kesaksian pun dapat dibatalkan apabila bercanggah dengan ilmu hisab dan astronomi, meskipun ianya seorang yang adil kerana penglihatan manusia sering salah dan keliru.<sup>90</sup>

Penggunaan hisab pada masa sekarang sebagai sarana penetapan awal bulan hijrah harus diterima berdasarkan *qiyās awlawī*.<sup>91</sup> Maksudnya adalah sunnah yang memerintahkan untuk menggunakan rukyah mengandungi keraguan dan ketidakpastian (*zann*), tidak mungkin menolak cara yang lebih tinggi, lebih sempurna dan pasti (*qat’ī*) iaitu ilmu hisab. Penggunaan ilmu hisab juga boleh membawa umat keluar dari perbezaan pelik dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal menuju kesatuan dalam syiar dan ibadah keagamaan.<sup>92</sup>

<sup>89</sup> Taqī al-Dīn bin ‘Alī bin Abd al-Kāfi al-Subkī, *Fatāwā al-Subkī fi Furū‘ al-Fiqh al-Shāfi‘ī*, (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, tt), 209

<sup>90</sup> Muhammad Rashid Rida, “Ithbāt Sharh al-Ramadān wa Bahth, 87-93

<sup>91</sup> *Qiyās Awlawī* adalah qiyās yang hukum pada *farū‘* lebih kuat untuk ditetapkan dibandingkan dengan hukum pada asal. Seperti *qiyās* memukul dengan mengucapkan kata “ah” kepada ibu bapak. Nasrul Haroen, *Ushul Fiqh* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1997), 95

<sup>92</sup> Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Kayf Nata‘āmal Ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyah: Ma‘ālim wa Dawābiṭ*, 145-153

#### **Keempat: Berubahnya hukum penggunaan rukyatulhilal kepada kiraan hisab kerana perubahan ‘illah (Sebab)**

Selain dengan pendekatan hadis, para pakar fikah dan *uṣūl al-fiqh* juga memberikan pemahaman hadis tentang hukum menggunakan hisab sebagai asas dalam menetapkan awal puasa Ramadan dan Syawal. Riyan Taufiq Khalil dalam tulisannya memberikan hujah tentang perubahan hukum dari semula berpedoman kepada rukyah kepada penggunaan hisab sebagai asas dalam penentuan kemunculan anak bulan awal hijrah. Ianya merujuk kepada tiga kaedah perubahan hukum iaitu:

...يظهر لنا أن الحكم الفقهي قد تغير تارة بسبب تغير العلة التي ارتبط بها، وتارة

بسبب تغير العرف الذي ارتبط به، وأخرى بسبب تغير وجهة الاستدلال لدى

<sup>93</sup>الفقيه،

Terjemahan: “Perubahan hukum fikah dapat terjadi kerana adanya perubahan ‘illat (sebab), juga perubahan ‘uruf (sosial masyarakat) dan perubahan *wajh istidlāl* (penggunaan dalil).

Dengan menggunakan teori perubahan tersebut ianya membuat kesimpulan bahawa:

...فإن دلالة الحساب الفلكي على ثبوت الهمال أقوى من دلالة خبر الآحاد الذي

يعتمد على الرؤية البصرية هي من قبيل الوسائل ... فإذا توفرت وسيلة أقوى منها

يجب المصير إليها .الحساب الفلكي يدل عليه قوله عليه السلام إنا أمة أمية لا نكتب

ولا نحسب، إذ الحكم يدور مع العلة وجوداً وعدماً، فإذا باتت الأمة تحسب و تكتب

فلا يجوز ترك دلالة الحساب الفلكي<sup>94</sup>

<sup>93</sup> Rayyan Tawfiq Khalil, "al-Taqnīyyah al-‘Ilmiyyah wa Atharuhā fi Taghyir al-Hukm al-Fiqhī Thubūt al-Hilāl Anamūdhājan," *Kuliyyah al-‘Ulūm al-Islamiyyah* 8 N o.2 (2014), 10

<sup>94</sup> *Ibid.*, 22

Terjemahan: “Bukti telah adanya anak bulan dengan kiraan hisab falak lebih kuat daripada bukti melalui *ru'yah* *baṣariyyah* yang bersumber dari *khabar ahād*, penggunaan wasilah yang kuat lebih diutamakan. Hisab falak yang disebutkan dalam hadis kami umat yang ummi tidak menulis dan mengira memberikan maklumat bahawa hukum berlaku menurut ada atau tidak adanya ‘*illah*’, jika umat telah pakar dalam mengira dan menulis maka tidak dibolehkan meninggalkan kiraan hisab falaknya”.

Penggunaan hisab falaknya untuk mengetahui kemunculan anak bulan lebih kuat daripada menggunakan kesaksian keberhasilan rukyah oleh mata manusia. Rukyah merupakan wasilah sahaja dan bukanlah tujuan yang ingin dicapai. ‘*Illah*<sup>95</sup> (sebab) hukum tentang penggunaan hisab dan rukyah telah Rasulullah SAW sebutkan dalam hadis tentang hisab.

Perintah menentukan awal bulan melalui kenampakan anak bulan dengan kaedah rukyatulhilal mempunyai ‘*illah*’ (sebab) kerana adanya hadis yang menjelaskan “kami umat yang *ummī* yang tidak pandai menulis dan mengira”. Sesuatu hukum bergantung kepada wujud atau tidak sesuatu sebab (‘*illah*’). Apabila masyarakat telah keluar dari keadaan buta huruf dan sudah mahir menulis dan mengira, dalam erti kata lain majoriti daripada mereka termasuk pakar dan orang awam mampu mencapai pengetahuan hisab yang bersifat *qat'i* (yakin) dalam penentuan kenampakan anak bulan. Maka mereka boleh berpedoman kepada hisab seperti mereka berpedoman kepada rukyah seperitimana keadaan sebelumnya. Maka ‘*illah*’ (sebab) hukum boleh berubah.<sup>96</sup>

<sup>95</sup> Pengertian ‘*illah*’ adalah segala sesuatu atau peristiwa yang kepadanya dikaitkan ada atau tidak adanya hal lain, bermakna apabila yang pertama ada, maka yang kedua ada, dan apabila yang pertama tidak ada, maka yang kedua tidak ada. Yang pertama itu adalah sebab dan yang kedua adalah yang lahir kerana yang pertama, iaitu akibat. ‘*Illah*’ ada beberapa macam, iaitu ‘*illah tabī'i*’ (sebab semula jadi/alamiah), ‘*illah shar'i*’ dan ‘*llah ja 'lī*’ (buatan). Wahbah al-Zuhaylī, *al-Waṣīṭ fī Uṣūl al-Fiqh al-Islamī*, (Damaskus: Dār al-Kitāb, 1978), 207

<sup>96</sup> Ahmad Shākir, *Awā'il al-Shahr al-'Arabiyyah*, 8-14

Shākir mengatakan, perintah berpedoman kepada rukyah disampaikan dengan sebab hukum ('illah) yang terdapat dalam hadis itu sendiri iaitu keadaan umat yang masih *ummī*. Hukum dapat berubah apabila berubahnya 'illat (sebab), keadaan umat yang *ummī* telah hilang, maka wajib mereka berpedoman kepada yang pasti dan meyakinkan, dan wajib berpedoman kepada hisab sahaja dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, melainkan bagi sesetengah orang yang tidak mengetahui hisab seperti keadaan masyarakat kampung yang tidak sampai maklumat daripada ahli hisab. Apabila wajib untuk berpegang kepada hisab kerana telah hilangnya 'illah (sebab) yang tidak mungkin penggunaannya, maka wajib pula berpedoman kepada hisab hakiki terhadap anak bulan, dan meninggalkan kemungkinan atau tidak mungkin melihat anak bulan (*imkān al-ru'yah wa 'adam imkānihā*). Oleh kerana itu, bermulanya bulan baru adalah bermulanya malam saat anak bulan terbit sesudahnya terbenam matahari walaupun ianya hanya seketika.<sup>97</sup>

Al-Zarqā menyebutkan bantahan terhadap orang-orang yang telah berpendapat bahawa penggunaan rukyatulhilal tidak dapat ditukar dengan metode lain kerana urusan-urusan ibadah yang di dalamnya hukum-hukum agama dibina berdasarkan dalil al-Qur'an dan hadis secara *ta'abbudī* tanpa pertimbangan sebab ('Illah) dan *qiyās*, walaupun hisab telah mencapai tingkat kebenaran dan ketepatan yang meyakinkan secara ilmu pengetahuan. Kaedah tersebut memang diperakui jika dalil tersebut disampaikan kepada kita tanpa klasifikasi (*muṭlaq*) serta tanpa disebut sebab hukum ('illah). Tetapi jika hukum dalam nas disertai dengan sebab, maka boleh memberikan pengaruh dalam pemahaman nas dan ada tidaknya hukum sangat terkait dengan ada tidaknya sebab ('Illah).<sup>98</sup>

<sup>97</sup> *Ibid.*,

<sup>98</sup> Muṣṭafā Aḥmad Al-Zarqā, *Al-'Aql wa al-Fiqh fī Fahm al-Hadīth al-Nabawī*, 92 dan Muṣṭafā Aḥmad Al-Zarqā, *Fatāwā Muṣṭafā Aḥmad Al-Zarqā* (Damshiq: Dār al-Qalam, 2004), 157-168

Syamsul Anwar telah menggunakan pendekatan *uṣūl al-fiqh* dalam memahami hadis rukyatulhilal dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Menurutnya terdapat tiga metode utama dalam *uṣūl al-fiqh* iaitu metode *bayānī* (tekstual), *tawfiqī* dan *ta'līlī*. Metode *bayānī* adalah penjelasan terhadap teks yang kurang jelas maknanya menjadi jelas baik dari keluasan makna, bentuk-bentuk taklif baik larangan ataupun perintah. Metode *tawfiqī* iaitu menemukan suatu hukum Islam dari dalil-dalil yang saling bercanggah, sehingga perlu mengkompromikan agar mendapatkan hukum yang jelas. Sedangkan metode *ta'līlī* adalah metode penemuan hukum syariah dalam hal tidak ada teks syariah yang langsung bercakap dengan kes tersebut atau ada teks syariah yang terkait, tetapi diperlukan perubahan hukum.<sup>99</sup>

Metode yang sesuai untuk memahami hadis hisab dan rukyah dengan menggunakan metode ketiga iaitu *ta'līlī*. Perubahan hukum perlu dilakukan kepada empat syarat iaitu pertama, adanya keperluan kemaslahatan untuk berubah, maksudnya apabila tidak ada keperluan untuk berubah, maka hukum tidak dapat berubah. Meninggalkan rukyah dan berpegang kepada hisab merupakan sebuah kemaslahatan untuk tujuan menyatukan umat Islam dalam satu tarikh di seluruh dunia.

Kedua, hukum tersebut bukanlah masalah pokok ibadah *mahdah*. Rukyah bukanlah ibadah, tetapi hanyalah wasilah. Ketiga, hukum tersebut tidak bersifat *qaṭ’ī*, seperti larangan makan riba, larangan pembunuhan, wajib puasa dan sembahyang. Perintah melaksanakan rukyah bukanlah perintah yang berdasarkan kepada dalil yang *qaṭ’ī*, kerana perintah tersebut berdasarkan kepada *ḥadīth aḥād*. Menurut kaedah ‘*ulūm al-hadīth* dan *uṣūl al-fiqh*, *ḥadīth aḥād* bersifat *zannī* baik *dalalah* maupun *wurūd*, oleh itu hukum rukyah tersebut dapat berubah-ubah.

---

<sup>99</sup> Syamsul Anwar, "Metode Usul Fikih Untuk Kontekstualisasi Pemahaman Hadis-hadis Rukyah," *Tarjih dan Tajdid* 11 No. 1 (2013 M / 1434 H), 115

Keempat, perubahan hukum tersebut juga harus berasaskan kepada dalil syariat, sehingga perubahan hukum tersebut merupakan perpindahan dari suatu dalil kepada dalil yang lain. Perubahan rukyah kepada hisab mendapat sokongan dari al-Qur'an dan hadis. Al-Qur'an menjelaskan tentang kiraan hisab seperti surah *al-Rahmān* 55:5 dan *Yūnūs* 10:5. Sedangkan sokongan dari Sunnah adalah kata "faqqadirūlah" yang dapat diertikan dengan makna hisab dan hadis hisab awal bulan hijrah.<sup>100</sup>

Kesimpulannya, perubahan dari rukyah kepada hisab dapat dilakukan kerana empat syarat perubahan hukum syariat telah dipenuhi, maka perubahan dari rukyah kepada hisab dapat dilakukan. Perubahan tersebut bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan Hadis, dan perubahan tersebut mempunyai disokong oleh dalil dari al-Qur'an dan hadis.

#### **Kelima: Kiraan hisab dapat mewujudkan kalendar Islam antar bangsa**

Menurut Syamsul Anwar, terdapat beberapa kelemahan terutama dalam perspektif astronomi seandainya metode rukyah tetap dikekalkan. Pertama, mengakibatkan selalu terjadinya perbezaan masa masuknya awal Ramadan dan Syawal. Kedua, rukyah berpotensi menjadikan puasa Ramadan hanya 28 hari.

Perbezaan memulai puasa Ramadan di dalam sejarah Islam sudah lama berlaku. Perkara ini dapat ditemui secara tidak langsung sejak zaman sahabat (zaman *al-Khulafā' al-Rāshidīn*).<sup>101</sup> Hal ini sangat jelas dalam hadis terkenal dari Kurayb yang diriwayatkan oleh sejumlah pakar hadis.<sup>102</sup> Hadis itu menceritakan bahawa di Syria anak bulan Ramadan terlihat malam Jumaat yang disaksikan sendiri oleh Kurayb dan ramai orang lagi. Maka, berdasarkan kesaksian ini, masyarakat Syria memulakan

<sup>100</sup> *Ibid.*, 127

<sup>101</sup> *Ibid.*, 12

<sup>102</sup> Muslim al-Naysabūrī, *Šaḥīḥ Muslim*, 2:484

berpuasa Ramadan pada hari Jumaat. Kemudian pada akhir bulan Ramadan, Kurayb kembali ke Madinah dan berdialog dengan Ibn ‘Abbās. Maka ketika itu terungkap adanya perbezaan melihat anak bulan dan perbezaan memulai Ramadan antara kedua daerah itu. Perbezaan ini membawa kepada berbezanya waktu dalam berhari raya Aidilfitri.

Menurut Syamsul Anwar, bulan Ramadan dalam kisah Kurayb ini adalah Ramadan tahun 35 H (zaman Khalifah ‘Uthmān). Anak bulan terlihat di Syria oleh Kurayb dan masyarakat pada petang Khamis atau malam Jumaat bertarikh 03 Mac 656 M. Sedangkan di Madinah, puasa Ramadan dimulakan pada hari Sabtu, kerana anak bulan terlihat pada malam Sabtu. Perbezaan tersebut dapat mengakibatkan puasa Ramadan tahun 35 H di Madinah menjadi hanya 28 hari. Hal tersebut diakibatkan *ijtimā‘* menjelang Syawal 35 H terjadi pada hari Khamis malam atau malam Jumaat 31 Mac 656 M pada pukul 20:46 waktu Madinah, semasa matahari terbenam pada hari itu, bulan berada pada kedudukan negatif dua darjah di bawah ufuk. Pada petang Jumaat tarikh 1 April 656 M, tinggi anak bulan sudah melebihi lapan darjah. Maka menurut kriteria ‘Awdah, ketinggian anak bulan tersebut memungkinkan anak bulan dapat dilihat meskipun sedikit sukar. Seandainya anak bulan dapat di rukyah pada hari tersebut, maka 1 Syawal adalah pada hari Sabtu, maka Ramadan pada tahun tersebut hanya 28 hari. Hal ini akibat terlambat terjadi rukyah awal bulan Ramadan disebabkan bulan tertutup awan, padahal secara hisab bulan sudah dapat di rukyah. Namun tidak ada riwayat tentang 1 Syawal tahun 35 H secara fakta di Madinah.<sup>103</sup>

Pada zaman ‘Alī bin Abī Ṭālib, diriwayatkan dalam kitab *Musannaf* karya Ibn Abī Shaybah pernah terjadi puasa Ramadan hanya 28 hari. Ibn Abī Shaybah menerima riwayat tersebut dari al-Wālid bin ‘Uyaynah bahawa ia berkata “kami di zaman ‘Alī

---

<sup>103</sup> Syamsul Anwar, *Hisab Bulan Kamariah*, 10-11

pernah berpuasa Ramadan 28 hari kerana bulan tidak dapat di rukyah”.<sup>104</sup> Hal ini mungkin terjadi disebabkan terlambat puasa dimulakan pada awal Ramadan, yang mana pada ketika itu sudah sepatutnya masuk Ramadan, namun terhalang rukyah kerana adanya awan. Oleh itu, dengan berpegang kepada rukyah, berpotensi menyebabkan masa puasa Ramadan hanya 28 hari seperti kes di atas.<sup>105</sup>

Dalam zaman moden ini, terdapat banyak kes yang mana puasa Ramadan hanya 28 hari, ini kerana kegiatan bermusafir yang dilakukan dari satu negara ke negara yang lain. Sebagai contoh, pertanyaan yang ditujukan kepada *Lajnah al-Dā’imah li Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’*, bahawa seseorang mulai puasa Ramadan 1403 H di Morocco pada hari Isnin 13 Jun 1983M. Pada hari Khamis 11 Ramadan beliau bertolak menunaikan umrah dan menyambut Aidilfitri di Makkah. Kemudian ternyata di Makkah, Syawal pada hari Isnin 11 Julai 1983M. Akibatnya beliau berpuasa hanya 28 hari. Pertanyaannya, apakah beliau sepatutnya menyambut Syawal bersama masyarakat Makkah meskipun ianya berpuasa 28 hari atau tetap berpuasa pada hari Isnin ketika orang Makkah sedang menyambut satu Syawal?<sup>106</sup>

Masalah ini bertambah rumit apabila memberi kesan kepada jatuhnya bulan Zulhijah yang dilakukan ibadah puasa Arafat di dalamnya. Rukyah ini juga sama sepetimana pada bulan-bulan yang lain, kenampakan anak bulan adalah berbeza di tempat yang berbeza. Boleh jadi di Timur Makkah sudah terlihat anak bulan, boleh jadi di Barat Makkah belum terlihat dan seterusnya.

Sebagai contoh, Puasa Arafat Tahun 1455H/2034 M, di kota Makkah, anak bulan Zulhijah 1455 H akan terlihat pada hari Ahad 19 Februari 2034 M dengan

<sup>104</sup> Muḥammad bin Ibrāhīn bin Abī Shaybah, *Al-Muṣannaf* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2004 M /1425 H), No. Hadis 9700, 4:137

<sup>105</sup> Syamsul Anwar, *Interkoneksi Studi Hadis dan Astronomi* (Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2011), 94-103

<sup>106</sup> Syamsul Anwar, *Hisab Bulan Kamariah*, 12-16

kedudukan anak bulan hari itu 6 darjah 5 minit . Sementara pada hari itu di kawasan timur seperti di New Zealand, semenanjung Korea dan termasuk Indonesia, anak bulan Zulhijah belum terlihat. Akibatnya Makkah mendahului kawasan timur satu hari dalam memasuki Zulhijah 1455 H, iaitu pada hari Isnin 20 Februari 2034 M. Sementara itu kawasan timur bumi memasuki Zulhijah pada hari Selasa 21 Februari 2034 M, jadi daerah timur Makkah terlambat satu hari memasuki Zulhijah. Akibatnya tarikh 9 Zulhijah yang merupakan hari Arafat berbeza antara Makkah dan daerah timur, ini dapat menimbulkan masalah puasa Arafat. Bilakah kawasan timur berpuasa Arafat? kalau mengikuti Makkah, maka di daerah timur tarikh 8 Zulhijah kerana daerah timur terlambat 1 hari. Kalau puasa Arafat tarikh 9 Zulhijah waktu tempatan, maka di Makkah tidak lagi wuquf, melainkan sudah 10 Zulhijah (hari raya haji). Jadi inilah masalah yang ditimbulkan oleh rukyah.<sup>107</sup>

Hujah-hujah tersebut menunjukkan bahawa rukyah yang dilakukan tidak dapat memberikan suatu kepastian waktu yang kekal dan menyeluruh untuk seluruh dunia terutama dalam pelaksanaan ibadah umat Islam, ini bermakna umat Islam selalu berbeza pendapat dalam memasuki puasa Ramadan dan Syawal. Dengan alasan demikianlah, dalam upaya melakukan pengaturan sistem waktu Islam di dunia international, sekarang muncul seruan untuk menggunakan hisab dan meninggalkan rukyah, dan hal tersebut tidak perlu diperdebatkan lagi dalil dan hujahannya kerana hisab sudah terbukti memberi penyatuan.<sup>108</sup>

Daripada huraian tentang hujah penggunaan kaedah hisab yang telah dijelaskan di atas, dapatlah diambil kesimpulan. Ulama-ulama telah memberikan hujah-hujah penggunaan hisab seperti Yūsūf Qaraḍāwī, Subkī, Ahmad Syākir, al-Zarqā dan Ridhā

<sup>107</sup>Syamsul Anwar, “Upaya Terkini Penyatuan Penanggalan Islam Di Tingkat Dunia” (Makalah, Stadium General Program Pasca sarjana UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, (15 September 2011 M /17 Syawal 1432 H), 8-13

<sup>108</sup>Syamsul Anwar, *Hisab Bulan Kamariah*, 147

dengan menggunakan kefahaman kontekstual terhadap hadis hisab dan rukyatulhilal dan menggunakan beberapa pendekatan keilmuan.<sup>109</sup>

Para ulama yang telah melakukan kefahaman kontekstual tersebut, bersepakat dalam beberapa persoalan dan berbeza dalam persoalan lainnya dalam penggunaan hisab untuk penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Mereka bersepakat untuk menjadikan rukyah bukanlah sebab ('illah) yang menjadikan puasa Ramadan dan Syawal dilaksanakan, tetapi sebab ('illah) yang menjadi puasa Ramadan dan Syawal dilaksanakan kerana telah sampai waktu atau telah masuk awal bulan Ramadan, Syawal dan 10 Zulhijah. Mereka semuanya bersepakat menjadikan hisab sebagai pengganti metode rukyah, tentu penggantian tersebut dengan sebab syarak yang telah dihuraikan di atas.

Namun mereka berbeza tentang sejauh mana metode hisab tersebut boleh digunakan. Kelompok pertama meninggalkan rukyah seluruhnya dan menggantinya dengan hisab astronomi moden, seperti pendapat Ahmad Shākir, al-Zarqā, Ridā. Meraka meninggalkan rukyah dan *imkān al-ru'yah* semuanya. Anak bulan menurut mereka adalah anak bulan sesaat setelah *ijtimā'*, meskipun anak bulan tersebut mustahil dilihat oleh mata. Konsep tersebut merupakan konsep *hilāl* dalam perspektif astronomi atau *hilāl* bermakna teori bukan empirikal, dalam kajian falak konsep tersebut disebut dengan metode *wujūd al-hilāl*.<sup>110</sup>

Kelompok kedua menggunakan hisab astronomi moden, tetapi tetap berpedoman kepada konsep anak bulan dalam perspektif rukyah atau fikih yang dikenal dengan

<sup>109</sup> Kefahaman kontekstual boleh dilakukan daripada sesebuah dalil apabila terdapat *qarinah* (petunjuk) yang mengharuskan hadis tersebut difahami tidak sebagaimana isinya. Syuhudi Ismail, *Hadis Nabi yang Tekstual dan Kontekstual: Telaah Ma'ani al-Hadis tentang Ajaran Islam yang Universal, Temporal dan Lokal* (Jakarta: Bulan Bintang, 1994), 6

<sup>110</sup> Putri Hasna Tuddar, "Redefinesi Hilal dalam Perspektif Fikih dan Astronomi," *Al-Ahkam* 22 No. 1 (2012) 101-102

istilah kenampakan anak bulan (hisab *imkān al-ru'yah*). Konsep *hilāl* yang difahami dalam fiqah adalah anak bulan yang pertama boleh dilihat oleh mata manusia. Konsep ini dijadikan sebagai asas dalam melaksanakan hisab *imkān al-ru'yah*, sehingga kebenaran hasilnya rukyah dapat dibuktikan dengan konsep tersebut. Model konsep *imkān al-ru'yah* ini didukung oleh al-Subkī dan Yūsūf al-Qaraḍāwī.

## 2.5. Hadis Bilangan Hari Bulan Hijrah

عَنْ جَبَلَةَ قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الشَّهْرُ كَذَا وَكَذَا وَصَفَقَ بِيَدِيهِ مَرَّتَيْنِ بِكُلِّ أَصَابِعِهِمَا وَنَفَصَ فِي الصَّفَقَةِ التَّالِيَةِ إِنَّهَامَ الْيَمْنَى أَوِ الْيُسْنَى<sup>111</sup>

Terjemahan: “dari Jabalah berkata, saya mendengar Ibn ‘Umar RA berkata; Rasulullah SAW bersabda: “Jumlah hari dalam satu bulan itu adalah begini, begini dan begini (beliau mengangkat kedua tangannya berserta semua jari-jarinya, kemudian beliau mengurangi pada kali yang ketiga, iaitu ibu jari yang sebelah kanan atau kiri)”.

Hadis di atas diriwayatkan oleh Muslim adalah *hadīth sahīh*. Perawi-perawi hadis tersebut adalah ‘Ubayd Allāh bin Mu‘adh bin Mu‘adh bin Naṣḥ bin Ḥasan al-Hurr bin Mālik bin al-Khashkhāsh al-‘Anbarī (W. 237 H).<sup>112</sup> Ianya meriwayatkan daripada ayahnya Mu‘adh bin Mu‘adh (W. 196 H),<sup>113</sup> daripada Shu‘bah bin Hajjaj bin al-Warad al-‘Atakī al-Azdī (W.160 H),<sup>114</sup> daripada Jabalah bin Suḥaym (W. 125 H).<sup>115</sup> Sedangkan Ibn ‘Umar adalah sahabat Nabi SAW wafat tahun 73 H. Seluruh rawi-rawi

<sup>111</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitāb Ṣiyām, Bab wujūb ṣawm ramaḍān li ru’yah al-hilāl wa al-fitr li ru’yah al-hilāl wa innahū idhā ghūm fi awwalih au ḥakhirih ukmilat ‘iddah al-Shahr thalāthīna yawman, No. hadis 1080:13, Muslim al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1: 483

<sup>112</sup> Para ulama mengatakan ia perawi yang *thiqah*. Al-Bukhari meriwayatkan darinya tujuh buah hadis dan Muslim 167 hadis. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 3:27

<sup>113</sup> Ianya orang yang *thiqah* dan tidak ada celaanya terhadapnya, *ibid.*, 4:101

<sup>114</sup> *Ibid.*, 2:166-170

<sup>115</sup> Ianya Imam Masjid Qubā’ dan *thiqah*, *ibid.*, 1: 290, dan Jamāl al-Dīn Abī al-Hajjāj Yūsūf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983 M / 1403 H), 4:498-500

hadis tersebut adalah orang terkenal dalam meriwayatkan hadis serta memiliki tingkat keadilan yang tinggi.

Hadir jumlah hari bulan hijrah terdapat dua puluh jalur periyawatan dalam *al-kutub al-sittah*, semuanya bersumber daripada lima orang sahabat Nabi SAW iaitu Ibn ‘Umar (W 73 H), ‘Abd Allāh bin Mas’ūd (W.32 H), Sa‘ad bin Abī Waqqāṣ (W 55 H), Ibn Abbās dan Abū Hurayrah. Ibn ‘Umar merupakan perawi terbanyak iaitu sepuluh hadis, satu hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, enam hadis oleh Muslim, tiga hadis al-Nasā’ī. Sa‘ad bin Abī Waqqāṣ meriwayatkan tujuh hadis, Muslim dan al-Nasā’ī meriwayatkan masing-masing tiga hadis serta Ibn Majāh satu hadis. Sedangkan Ibn Mas’ūd, Abū Hurairah dan Ibn Abbās masing-masing meriwayatkan satu hadis.

Hadir di atas terdapat banyak matan yang berbeza lafaznya, termasuk dalam riwayat Ibn ‘Umar. Misalnya perawi daripada Ibn ‘Umar - Ḥabalah bin Suhaym (W. 125 H) - Shu‘bah bin al-Ḥajjāj Ibn al-Warad (W.160 H) yang merupakan Jalur periyat yang terbanyak daripada Ibn ‘Umar. Al-Bukhārī menggunakan lafaz الشَّهْرُ هَكَذَا meriwayatkan dengan matan yang berbeza iaitu <sup>وَهَكَذَا وَخَيْرُ الْإِبَهَامِ فِي التَّالِثَةِ</sup><sup>116</sup> Al-Nasā’ī <sup>وَهَكَذَا وَخَيْرُ الْإِبَهَامِ فِي التَّالِثَةِ</sup><sup>117</sup>

الشَّهْرُ هَكَذَا وَصَفَ شُعْبَةً عَنْ صِفَةِ جَبَلَةَ عَنْ صِفَةِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّهُ تِسْعُ وَعَشْرُونَ فِيمَا  
حَكَى مِنْ صَنْبِعِهِ مَرَّتَيْنِ بِأَصَابِعِ يَدِيهِ وَنَقَصَ فِي التَّالِثَةِ إِصْبَعًا مِنْ أَصَابِعِ يَدِيهِ<sup>116</sup>

Terjemahan: “Satu bulan itu begini. Shu‘bah menggambarkan dari gambaran Jabalah, dari gambaran Ibn ‘Umar, iaitu: dua puluh sembilan hari, sebagaimana diceritakan dari sabda Nabi SAW, dua kali dengan jari-jari kedua tangannya dan di saat yang ketiga kalinya beliau mengurangi satu jari dari jari-jari kedua tangannya”.

<sup>116</sup> Hadis riwayat Bukhārī Kitab al-ṣiyām Bab: qawl al-nabī saw. Idhā raytum hilāl fa shūmū wa idhā raytumūh fa aftirū No hadits 1908. Muhammad Ibn Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi‘ al-Sahīḥ*, 2:32

<sup>117</sup> Hadis riwayat al-Nasā’ī, kitab al-Ṣiyām, bab dhikr al-ikhtilāf ‘alā Yaḥyā bin Abī Kathīr fi khabar Abī Salamah fīh No. hadis 2142, Abī ‘Abdurrahmān Aḥmad Ibn Shu‘ayb Ibn ‘Alī, *Sunan al-Nasā’ī*, 1:341

Semua matan hadis mempunyai menjelaskan maksud yang sama seperti yang dimaklumkan di atas. Nabi SAW mengatakan bahawa jumlah bilangan bulan dalam sebulan adalah 29 atau 30, isinya tersebut merupakan hal yang sudah disepakati oleh kaum Muslimin. Meski memiliki pelbagai macam lafaz matan, tetapi tidak bercanggah antara matan hadis tersebut demikian juga dengan al-Qur'an.

### 2.5.1. Syarahan Hadis Bilangan Hari Bulan Hijrah

Sabda Nabi SAW, “الشَّهْرُ هَكَذَا وَهَكَذَا” (bulan itu begini dan begini), kata “هَكَذَا” (begini) bermaksud Nabi SAW mengangkat kedua-dua tangannya dengan sepuluh jari sambil berucap “begini” sebanyak tiga kali sehingga jumlahnya 30 hari. kemudian beliau mengulanginya lagi tiga kali juga, akan tetapi pada yang ketiga, ibu jarinya dilipat, sehingga bilangannya menjadi 29 hari yang bermaksud bulan itu adakala 30 atau 29 hari.

Ditemukan hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar yang menyatakan bahawa jumlah hari bulan Hijrah 29 hari

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رضيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

الشَّهْرُ تِسْعَ وَعَشْرُونَ لَيْلَةً، فَلَا تَصُومُوا حَتَّى تَرُوْهُ، إِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوْا الْعِدَّةِ

ثلاثين.<sup>118</sup>

Terjemahan: “dari ‘Abd Allāh bin ‘Umar RA. Bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Satu bulan itu berjumlah dua puluh sembilan malam (hari) maka janganlah kalian berpuasa hingga kalian melihatnya.

<sup>118</sup> Hadis riwayat Bukhārī Kitab al-siyām Bab: qawl al-Nabī SAW. Idhā raytum hilāl fa šūmū wa idhā raytumūh fa aftirū, No hadis 1907. Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, Al-Jāmi‘al-Šaḥīḥ, 2:32. Hadis tersebut di atas diriwayatkan oleh ‘Abd Allāh bin Maslamah bin Qa‘nab al-Qa‘nabi al-Harithi (W.220), ianya berguru kepada Imam Malik, tidak ada ulama yang mencela ianya dan ianya perawi yang *thiqah*. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Tahdhīb al-Tahdhīb, 2:433-434. Perawi selanjutnya iaitu Malik dan Abdullāh bin Dinar juga seorang perawi yang *thiqah*, *ibid.*, 4:705-706

Apabila kalian terhalang oleh awan maka sempurnakanlah jumlahnya menjadi tiga puluh”.

Kalimat “الشهر تسعة وعشرون” (bulan itu dua puluh sembilan hari), bermaksud bahawa huruf *alīf* dan *lām* pada kata “*al-shahr*” adalah khas untuk bulan Ramadan sahaja, secara tekstual hadis tersebut menyebutkan bahawa bulan Ramadan berjumlah dua puluh sembilan hari, namun sesetengah bulan Ramadan bagi tahun tertentu berjumlah tiga puluh hari. Jawapan dari soalan ini adalah bahawa bulan Ramadan pada zaman Nabi amat sering berjumlah dua puluh sembilan hari dan sesuatu yang sudah terkenal. Perkataan tersebut juga bermakna bahawa bilangan bulan dua puluh sembilan hari merupakan jumlah minimum dan tiga puluh hari secara maksimum.<sup>119</sup>

Hadis Ibn Mas‘ūd dapat menjadi sokongan terhadap matlamat di atas.

عن ابن مسعود: لما صمنا مع النبي صلى الله عليه وسلم تسعاً وعشرين أكثر مما صمنا

معه ثالثين.<sup>120</sup>

Terjemahan: “Daripada Ibn Mas‘ūd bahawa kami sering berpuasa selama dua puluh sembilan hari bersama Nabi SAW berbanding berpuasa selama tiga puluh hari”.

Dalam kajian Ilmu Falak, masa satu bulan hijrah itu adalah masa lamanya yang diperlukan bulan di langit untuk mengelilingi bumi dalam satu putaran. Lamanya masa yang diperlukan bulan untuk satu putaran iaitu 29 hari 12 jam 40 minit 8 detik atau 29,5 hari, masa ini dikira sejak terjadinya *ijtimā'* (konjungsi)<sup>121</sup> hingga terjadinya *ijtimā'*

<sup>119</sup> Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār* (Riyāḍ: Dār Ibn al-Qayyim, 2005 M / 1426 H), 5:400-401. Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 4: 68-69

<sup>120</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd Kitab al-Ṣiyām bab al-shahr yakūn tis‘an wa ‘ishrīn, No. Hadis 2322. Menurut Al-Albānī hadis tersebut ṣahīḥ, menurut al-Shawkānī *sanad* nya jayyid, Abī Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 1:408 dan Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār* 5:400

<sup>121</sup> Susiknan Azhari menjelaskan bahawa kata *ijtimā'* disebut juga *iqtirān* iaitu pertemuan atau berkumpul dua benda yang berjalan secara aktif. *ijtimā'* ialah saat di mana posisi matahari dan bulan berada pada bujur langit yang sama, jika dilihat diri arah timur ataupun barat. Para astronomi menyebut *ijtimā'* atau *conjunction* itu sebagai *New Moon* (bulan baru). Susiknan Azhari, *Ensiklopedi Hisab Rukyah*

selanjutnya. Tempoh masa antara satu *ijtimā'* dengan *ijtimā'* berikutnya antara bulan ke bulan seterusnya adalah berbeza kerana jauh dan dekatnya lingkaran tersebut berubah-ubah. Apabila bulan berada pada jarak terdekat dengan bumi, maka umur putarannya lebih pendek, dan apabila bulan berada pada titik jarak terjauh, maka umur putarannya lebih panjang. Masa rata-rata putaran itu 29,5 hari, maka angka 0,5 hari itu disempurnakan menjadi bilangan tetap iaitu 30 hari, sehingga bulan tertentu berjumlah 29 hari bulan yang lain berjumlah 30 hari.<sup>122</sup>

Bilakah umur bulan berusia 29 hari dan bilakah 30 hari? Tidak kira bulan apa pun, ianya boleh terjadi berusia 29 atau 30 hari. Bahkan umur bulan 29 hari kadang-kadang boleh terjadi secara berturutan selama dua hingga empat bulan, dan demikian juga umur bulan 30 hari. Namun, umur bulan tidak berusia lebih daripada 30 hari.

## 2.6. Hadis Kesaksian Rukyatulhilal

Hadis-hadis kesaksian rukyatulhilal dijumpai sebanyak empat belas hadis, baik yang menjelaskan kesaksian rukyatulhilal bulan Ramadan, Syawal mahupun Zulhijah. Sedangkan dari ramainya saksi, hadis-hadis tersebut menyebutkan satu, dua dan ramai saksi.

Jadual 2.3. Hadis Kesaksian Rukyatulhilal

Jumlah Saksi	Bulan Hijrah	<i>Sāhib al-Hadīth</i>	Perawi	Jumlah Hadis	Kualiti
1 orang saksi	Ramadan	Ibn ‘Abbās	Al-Tirmidhī	1 hadis	<i>Mursal</i>
			Abū Dawūd	2 hadis	
			Al-Nasā’ī	4 hadis	
			Ibn Majah	1 hadis	
2 orang saksi	Zulhijah	Ibn ‘Umar	Abū Dawūd	1 hadis	<i>Sahīh</i>
	Syawal	<i>Aṣḥāb al-Nabī</i>	Abū Dawūd	1 hadis	<i>Sahīh</i>
	Ramadan dan Syawal	<i>Aṣḥāb al-Nabī</i>	Al-Nasā’ī	1 hadis	<i>Sahīh</i>

(Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar, 2008), 93-94, dan Abdul Aziz Dahlan, "Kalender Kamariah," dalam *Ensiklopedi Hukum Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeva, 1997). 2: 676

<sup>122</sup> Syamsul Anwar, *Hisab Bulan Kamariah*, 65-66

### Jadual 2.3. Lanjutan

Banyak Saksi	Ramadan	Ibn ‘Umar	Abū Dawūd	1 hadis	<i>Sahīh</i>
	Syawal	<i>Aṣḥāb al-Nabī</i>	Al-Nasā’ī	1 hadis	<i>Sahīh</i>
			Ibn Mājah	1 hadis	<i>Sahīh</i>

Sumber: *Tarkhrij al-hadīth* dan analisis hadis

#### 2.6.1. Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Ramadan

##### Hadis pertama: Kesaksian satu orang saksi awal Ramadan

ابن عَبَّاسٍ قَالَ جاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي رَأَيْتُ الْمُلَائِكَةَ قَالَ

أَتَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَتَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ قَالَ نَعَمْ قَالَ يَا بِلَالُ أَدْنُ فِي

النَّاسِ أَنْ يَصُومُوا عَدًا.<sup>123</sup>

Terjemahan: “dari Ibn ‘Abbās dia berkata, seorang Arab Badwi datang menemui Nabi SAW sambil berkata, sesungguhnya saya telah melihat anak bulan (Ramadan), beliau bertanya: "Apakah kamu bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasulullah?" Dia menjawab, ya, Nabi berkata kepada Bilāl: “Wahai Bilāl, buatlah maklumat agar manusia mulai berpuasa besok”.

<sup>123</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, kitab al-ṣawm, bab mā jā’ fī al-ṣawm bi shahādah, No. Hadis. 691. Al-Tirmidhī memberikan catatan bahawa hadis tersebut terdapat banyak perbezaan pendapat, Sufyān al-thawrī dan ulama lainnya mengatakan bahawa riwayat Simāk daripada Ikrimah dan daripada Nabi saw secara *mursal*. Meskipun hadis tersebut *mursal*, majoriti *ahl al-ilm* beramal dengan hadis tersebut. Abū Dāwūd, kitab sawm, bab fī shahādah al-wahid ‘alā ru’yah hilāl Ramaḍān, No. Hadis 2340 dan 2341. Al-Nasā’ī, kitab ṣiyām, bab qabūl shahādah al-rajūl al-wahid ‘alā hilāl shahr Ramaḍān, dhikr al-ikhtilāf fīh ‘alā Sufyān fī ḥadīth Simāk, No. Hadis 2112, 2113, 2114, 2115. Ibn Mājah, kitab al-ṣiyām, bab mā jā’ fī shahādah ‘alā ru’yah hilāl, No. hadis 1652. Seluruh rawi meriwayatkan dari jalur Simāk dari ‘Ikrimah. Albani mengatakan bahawa kualiti hadis tersebut *da’if* kerana adanya *illah* dalam periyawat Simāk kepada ‘Ikrimah dan menurut Ibn Hazm periyawat Simāk tidak dapat dijadikan hujah. Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 173. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 411, Abū ‘Abd Rahmān bin Shu‘ayb bin ‘Alī, *Sunan al-Nasā’ī*, 337 dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazunayn, *Sunan Ibn Mājah* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘arif, t.t), 290 dan Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalil fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl* (Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 1979 M / 1399 H), 4:15

## **Hadis kedua: Kesaksian dua orang saksi awal Ramadan**

عن عبد الرحمن بن زيد بن الخطاب: أنه خطب الناس في اليوم الذي يشك فيه فقال

ألا إني جالست أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم وسألتهم وإنهم حدثوني أن

رسول الله صلى الله عليه وسلم قال صوموا لرؤيته وأفطروا لرؤيته وانسكونا لها فإن غم

عليكم فأكملوا ثلاثين فإن شهد شاهدان فصوموا وأفطروا.<sup>124</sup>

Terjemahan: “dari ‘Abd al-Rahmān bin Zayid bin Khaṭṭāb.<sup>125</sup> Bahawa beliau berkhutbah di hadapan manusia pada hari yang diragukan. Ianya berkata: ketahuilah bahawa aku duduk bersama sahabat Nabi SAW dan aku bertanya kepada mereka serta mereka meriwayatkan kepada aku bahawa Rasulullah SAW bersabda: berpuasalah kerana melihat anak bulan dan berbukalah kerana melihat anak bulan serta beribadatlah kerana melihat anak bulan. Maka jika pandangan terhalang, maka sempurnakanlah tiga puluh hari, apabila ada dua orang saksi yang memberikan kesaksian maka berpuasalah dan berbukalah”.

## **Hadis ketiga: Kesaksian ramai saksi awal Ramadan**

عن ابن عمر قال: تراءى الناس الهلال، فأخبرت رسول الله صلى الله عليه وسلم أني

رأيته، فصام وأمر الناس بصيامه.<sup>126</sup>

<sup>124</sup> Al-Nasā’ī, kitab ṣiyām, bab qabūl shahādah al-rajūl al-wāḥid ‘alā hilāl shahr Ramaḍān, dhikr al-ikhtilāf fīh ‘alā sufyān fī ḥadīth Simāk, No. Hadis 2116. Al-Albānī mengatakan kualiti hadis tersebut sahih. Al-Shawkānī mengatakan bahawa *isnād* hadis tersebut baik dan *lā ba’sa bih*. Abī ‘Abd Rahmān bin Shu‘ayb bin ‘Alī, *Sunan al-Nasā’ī*, 337 dan Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*, 396 dan Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl*, 4:16-17

<sup>125</sup> ‘Abd al-Rahmān bin Zayid bin Khaṭṭāb al-‘Adawī, Lahir pada Zaman Nabi SAW dan Rasulullah melakukan tahnik kepadanya. Pada saat Rasulullah Wafat ia telah berumur enam tahun. ‘Abd al-Rahmān wafat setelah Zaman Ibn Zubayr. Aḥmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 2:508-509

<sup>126</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd, kitab ṣawm, bab fī shahādah al-wāḥid ‘alā ru’yah hilāl Ramaḍān, No. Hadis 2342. Abī Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 411 Al-Shawkānī mengatakan bahawa hadis tersebut diriwayatkan oleh Ibn Hibbān, al-Dārimī dan al-Ḥākim yang memberikan kualitinya dengan sahih, Ibn Hazm juga menyatakan hadis tersebut sahih dan mereka semua meriwayatkan dari jalur Abu Bakr bin Nafi’ dari Nafi’. Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*, 5:391-394, dan Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl*, 4:16

Terjemahan: “bersumber daripada Ibn ‘Umar, dia berkata: “Orang-orang melihat anak bulan, lalu aku memberitahu Rasulullah SAW, bahawa aku melihatnya. Beliau kemudian berpuasa dan menyuruh orang ramai supaya berpuasa”.

### 2.6.1.1. Analisis Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Ramadan

Hadis-hadis di atas memberikan informasi tentang perbezaan kesaksian anak bulan dalam masuknya awal Ramadan. Hadis yang pertama mencukupkan kesaksian seorang saksi, hadis kedua mengharuskan dua orang saksi dan hadis ketiga menjelaskan banyak saksi. Hadis kesaksian dua orang saksi dan ramai saksi menurut majoriti ulama memberikan taraf kualiti *sahīh*, Sedangkan hadis satu orang saksi terjadi perbezaan pendapat.

Hadis tentang kesaksian seorang saksi dalam memulai puasa Ramadan berkualiti *da’īf*, namun menurut al-Turmidī hadis tersebut dijadikan sebagai hujah oleh para ulama. Al-Mundhirī mengatakan hadis tersebut *mursal* dan tidak dapat dijadikan hujah. Terdapat juga riwayat lain yang bersumber dari Bayhaqī dan al-Dāruquṭnī yang menguatkan riwayat kesaksian seorang saksi dalam kesaksian anak bulan Ramadan.

عن طاوس قال شهدت المدينة وبها بن عمر وابن عباس قال فجاء رجل إلى وإليها

فشهد عنده على رؤية الھلال ھلال رمضان فسأل بن عمر وابن عباس عن شهادته

فأمره أن يجيئه وقال إن رسول الله صلی الله عليه وسلم أجاز شهادة رجل على رؤية

ھلال رمضان قالا وكان رسول الله صلی الله عليه وسلم لا يجيئ على شهادة الإفطار

إلا شهادة رجلين<sup>127</sup>

<sup>127</sup> Hadis riwayat Bayhaqī, kitab *Siyām*, Bab al-Shahādah ‘ala ru’yah hilāl Ramaḍān, No. hadis 7979, al-Bayhaqī mengatakan sanad tersebut adalah *da’īf*. Hadis tersebut juga diriwayatkan oleh al-Dāruquṭnī dan Tabarī akan tetapi *da’īf* kerana Ḥafas bin ‘Umar al-Ayliy meriwayatkan secara tersendiri (*infirad*) Abī Bakr Aḥmad bin al-Husayn bin ‘Alī al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah,

Terjemahan: “Daripada Ṭāwus berkata: aku berada di Madinah dan bersama aku Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbās. Ṭāwus berkata telah datang seorang lelaki dan bersaksi telah melihat anak bulan awal Ramadan, maka ditanyakan kesaksian tersebut kepada Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbās, maka kesaksian tersebut diterima dan dibolehkan. Keduanya berkata: dibolehkan kesaksian seorang lelaki dalam rukyatulhilal Ramadan dan keduanya juga berkata bahawa Rasulullah SAW tidak membolehkan kesaksian seorang lelaki dalam hari raya kecuali kesaksian dua orang lelaki”.

عن محمد بن عبد الله بن عمرو بن عثمان عن أمها فاطمة بنت حسين أن رجلا شهد

عند علي رضي الله تعالى عنه على رؤية هلال رمضان فصام وأحسبه قال وأمر الناس

أن يصوموا وقال أصوم يوما من شعبان أحب إلى من أن أفتر يوما من رمضان<sup>128</sup>

Terjemahan: daripada Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Umar bin ‘Uthmān dari Ibunya Fāṭimah binti Husayn. Bahawa seorang lelaki bersaksi di hadapan ‘Alī RA bahawa ianya telah melihat anak bulan Ramadan, maka Ali berpuasa dan mengiranya, ia berkata: perintahkan manusia untuk berpuasa dan ia juga berkata: berpuasa satu hari pada bulan Syaaban lebih aku suka daripada aku berbuka satu hari pada bulan Ramadan.

Kedua-dua riwayat di atas merupakan hadis lemah sehingga perkara dalam kesaksian seorang saksi dalam melihat anak bulan Ramadan merupakan riwayat yang *da’if*.<sup>129</sup> Namun demikian, hadis-hadis tersebut diamalkan serta dijadikan sebagai hujah dalam menerima satu orang saksi dalam rukyatulhilal Ramadan.<sup>130</sup>

Menurut al-Nawāwī, hadis tentang kesaksian seorang Arab Badwi tersebut diriwayatkan oleh banyak periwayat seperti Abū Dawūd, Al-Tirmidhī, al-Nasā’ī, Ibn Mājah dan al-Hākim. al-Hākim mengatakan bahawa hadis tersebut *sahīh*, sedangkan al-

2003 M / 1424 H), 4:357-358, dan Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*, 5:392

<sup>128</sup> Hadis riwayat Bayhaqī, kitab Ṣiyām, Bab al-Shahādah ‘ala ru’yah hilāl Ramaḍān, No. hadis 7981, Abī Bakr Aḥmad bin al-Husayn bin ‘Alī al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, 4:358

<sup>129</sup> Ibrāhīm Ta al-Qaysī dan Ḥamdī Muḥammad Murād ‘Alī Ḥasan ‘Alī al-Ḥalabī, *Mawsū‘ah al-Āḥādīth wa al-Āثار al-Dā’īfah wa al-Mawdū‘ah* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, 1999 M / 1419 H), No. hadis 30242 dan 30748

<sup>130</sup> Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqq al-‘Aḍīm Ābādī, *Awn al-Ma‘būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd* (Madinah: Muḥammad ‘Abd al-Husayn, 1967 M/1388 H), 6:466-467

Tirmidhī meriwayatkan secara *mursal*, demikian juga hadis dalam *kutub al-sunan* yang lain termasuk al-Bayhaqī. Namun al-Bayhaqī meriwayatkan dengan *sanad* yang lain secara *muttaṣil*. Al-Nawāwī mengambil kesimpulan bahawa menurut pendapat yang benar hadis yang diriwayatkan secara *mursal* dan ada riwayat yang lain yang meriwayatkan secara bersambung, maka hadis tersebut dapat dijadikan hujah, kerana bersamaan dengan tersebut terdapat *ziyādah* dan *ziyādah al-thiqah* dapat diterima. Sedangkan hadis Ṭāwus dari Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbās yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī merupakan hadis lemah yang tidak dapat dijadikan dalil. Akan tetapi hadis Faṭimah binti al-Husayn bin ‘Alī yang juga diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dan diriwayatkan oleh al-Shāfi‘ī dalam *Musnad* yang berkualiti *Sahīh*.<sup>131</sup>

#### 2.6.1.2. Syarahan Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Ramadan

Menurut majoriti Mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī menerima kesaksian satu orang saksi dalam penetapan tarikh awal Ramadan baik dalam keadaan cerah mahupun mendung atau pandangan terhalang.<sup>132</sup> Pendapat ini diperakui oleh Ibn Mubarrak, Al-Muayyad Billāh dan Nawāwī menyebutkan pendapat inilah yang benar. Mereka berpedoman kepada Hadis daripada Ibn ‘Abbās.<sup>133</sup>

Pendapat ini merupakan ijtihad al-Shāfi‘ī dalam *qawl al-qadīm*. Sedangkan dalam *qawl jadīd*, al-Shāfi‘ī menerima kesaksian anak bulan Ramadan dengan dua orang saksi. Pendapat ini didasarkan kepada *qiyās* terhadap kesaksian secara umum. Tujuan dari pada perubahan ijtihad al-Shāfi‘ī tersebut adalah untuk menguatkan kesaksian, sehingga masuknya awal bulan Ramadan dapat diterima oleh ramai orang dan juga untuk berhati-hati. Kesaksian dua orang saksi lebih baik dan lebih dapat

<sup>131</sup> Abī Zakariyyā Muḥy al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shayrazī* 6:293

<sup>132</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, 4:52

<sup>133</sup> Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*, 5:393

dipertahankan kebenarannya daripada kesaksian seorang saksi. Perbezaan ijtihad al-Shāfi‘ī tersebut juga diakibatkan oleh perubahan waktu dan tempat.<sup>134</sup>

Sementara dalam Mazhab Mālikī tidak diterima kesaksian kecuali dua orang saksi. Kesaksian seorang saksi tidak dapat diterima meskipun pandangan mata terhalang dalam melihat anak bulan.<sup>135</sup> Pendapat ini dikuatkan juga oleh al-Layth, al-Awzā‘ī dan al-Thawrī. Mereka berpedoman kepada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd al-Rahmān bin Zayid. Mereka memberikan komentar hadis daripada Ibn ‘Abbās dengan mengatakan bahawa Nabi SAW menerima kesaksian Arab Badwi kerana sebelumnya mungkin beliau telah menerima kesaksian daripada saksi yang lain. Menurut al-Shawkānī pendapat ini dikesan diada-adakan dan hanya agakan sahaja.<sup>136</sup>

Mazhab Abū Ḥanifah mengambil jalan tengah dari kedua pendapat di atas. Menurut Abū Ḥanifah, diterimanya seorang saksi atas alasan keadaan cuaca pada waktu tersebut yang mendung dan tertutup awan atau debu, sebab boleh jadi anak bulan tidak terlihat kecuali oleh saksi tersebut.<sup>137</sup> Tetapi jika langit cerah dan terang, maka yang diterima kesaksian orang ramai yang jumlah mereka ditentukan oleh pemimpin, kerana mata semua orang sihat dapat melihatnya. Jika dalam keadaan cerah dan terang, anak bulan hanya dapat dilihat oleh seorang sahaja maka jelas ini menunjukkan kekeliruan penglihatan.<sup>138</sup>

<sup>134</sup> Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*, 321, dan Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabib al-Mawārdī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī*, 3:412, dan Abī Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdhab li al-Shayrāzī* 6:289.

<sup>135</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4:51

<sup>136</sup> Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*, 5:394

<sup>137</sup> Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabib al-Mawārdī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī*, 3:412

<sup>138</sup> *Ibid.*, Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4:50, Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqqaq al-‘Aḍīm Ābādī, ‘Awn al-Ma‘būd, 6:466

## 2.6.2. Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Syawal

### Hadis pertama: Kesaksian dua orang saksi Awal Syawal

عن رَبِيعي بن حراش عن رجل من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم قال: اختلف

الناس في آخر يوم من رمضان، فقدم أعرابيان فشهادا عند النبي صلى الله عليه وسلم

باليه لأهلاً الْهَلَالَ أَمْسَ عَشِيَّةً، فأمر رسول الله صلی الله عليه وسلم الناس أن يفطروا،

زاد خلف في حديثه: وأن يغدوا إلى مصلاهم.<sup>139</sup>

Terjemahan: “dari Rib‘ī bin Ḥirāsh dari seorang laki-laki sahabat Nabi SAW, beliau bersabda: “orang-orang berselisih pendapat tentang hari terakhir bulan Ramadan, kemudian datanglah dua orang Badwi memberikan kesaksian kepada Nabi SAW dengan bersumpah bahawa mereka telah melihat anak bulan petang semalam. Kemudian Rasulullah SAW memerintahkan orang ramai untuk berbuka”.

### Hadis kedua: Kesaksian dua orang saksi Awal Syawal dan Zulhijah

أَنَّ أَمِيرَ مَكَّةَ حَطَبَ ثُمَّ قَالَ عَهْدَ إِلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَنْسِكَ لِلرُّؤْيَا  
فَإِنْ لَمْ تَرَهُ وَشَهِدَ شَاهِدًا عَدْلٍ نَسْكُنَا بِشَهَادَتِهِمَا فَسَأَلْتُ الْحُسَيْنَ بْنَ الْحَارِثِ مَنْ أَمِيرُ  
مَكَّةَ قَالَ لَا أَدْرِي ثُمَّ لَقِينَيْ بَعْدُ فَقَالَ هُوَ الْحَارِثُ بْنُ حَاطِبٍ أَخُو مُحَمَّدٍ بْنِ حَاطِبٍ ثُمَّ  
قَالَ الْأَمِيرُ إِنَّ فِيكُمْ مَنْ هُوَ أَعْلَمُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ مِنِّي وَشَهِدَ هَذَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَوْمَأَ بِيَدِهِ إِلَى رَجُلٍ قَالَ الْحُسَيْنُ فَقُلْتُ لِشَيْخٍ إِلَى جَنْبِي مَنْ هَذَا الَّذِي أَوْمَأَ

<sup>139</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd, kitab al-Šawm, bab shahādah rajulayn ‘alā ru’yah hilāl shawwal, No. hadis 2338. Al-Albani memberikan kualiti *sahīh*. Abī Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* 411. Al-Mundhirī dan al-Bayhaqi mengatakan bahawa sahabat Nabi dalam hadis tersebut *thiqah* kerana sahabat Nabi saw semuanya *thiqah* walaupun namanya dijelaskan mahupun tidak. Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Haqq al-‘Adīm Ābādī, *Awn al-Ma’būd*, 6:466. Al-Shawkani mengatakan tokoh-tokoh *isnad* hadis tersebut sahīh. Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqāt al-Akhbār* 5: 395

إِلَيْهِ الْأَمِيرُ قَالَ هَذَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ وَصَدَقَ كَانَ أَعْلَمَ بِاللَّهِ مِنْهُ فَقَالَ بِدَلِيلٍ أَمْرَنَا رَسُولُ

اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<sup>140</sup>

Terjemahan: “bahawa Amīr Makkah telah berkhutbah, ia berkata; Rasulullah SAW berwasiat kepada kami agar berkorban ketika melihat anak bulan, dan apabila kami tidak melihatnya dan terdapat dua orang adil yang bersaksi maka kami berkorban dengan kesaksian mereka berdua. Kemudian aku bertanya kepada al-Husayn bin al-Hārith, siapakah Amir Makkah itu. Beliau berkata; saya tidak tahu. Kemudian beliau bertemu dengan aku selepas itu dan berkata; dia adalah al-Hārith bin Hātib saudara Muḥammad bin Ḥaṭib. Kemudian Amir tersebut berkata; sesungguhnya di antara kalian terdapat orang yang lebih mengetahui mengenai Allah SWT dan Rasulnya SAW daripada diriku. Dan orang ini telah menyaksikan hal ini dari Rasulullah SAW. Amir tersebut menunjuk dengan tangannya kepada seorang laki-laki. Al Husayn berkata; Aku bertanya kepada orang tua yang ada di samping ku; siapakah orang yang ditunjuk oleh Amir tersebut? Dia berkata; orang ini adalah ‘Abd Allāh bin ’Umar, dan Amir tersebut benar. Dia adalah orang yang lebih tahu mengenai Allah daripada dirinya. Ibn Umar berkata; demikianlah Rasulullah SAW memerintahkan kami”.

### Hadis ketiga: Kesaksian ramai saksi awal Syawal

عَنْ أَبِي عُمَيْرِ بْنِ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ حَدَّثَنِي عُمُومَتِي مِنْ الْأَنْصَارِ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللهِ

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا أَغْمِيَ عَلَيْنَا هِلَالُ شَوَّالٍ فَأَصْبَحْنَا صِيَامًا فَجَاءَ رَكْبٌ مِنْ آخِرِ

النَّهَارِ فَشَهَدُوا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُمْ رَأَوُا الْهِلَالَ بِالْأَمْسِ فَأَمْرَهُمْ رَسُولُ اللهِ

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُفْطِرُوا وَأَنْ يَخْرُجُوا إِلَى عِيدِهِمْ مِنْ الْعَدِ<sup>141</sup>

Terjemahan: “dari Abū ‘Umayr bin Anas bin Mālik ia berkata; telah menceritakan kepada aku bapa-bapa saudara ku dari kalangan Anṣar,

<sup>140</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd, kitab al-Šawm, bab shahādah rajulayn ‘alā ru’yah hilāl shawal, No. hadis 2338. Abu Dawūd tidak memberikan komentar, menurut al-Albānī *ṣaḥīḥ*, Shawkani berkata bahawa seluruh *rijāl al-ḥadīth thiqah* kecuali al-Husayn bin al-Harith *sudūq* tetapi al-Dāruquṭnī mengatakan *ṣaḥīḥ*. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 410. Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār* 5: 396

<sup>141</sup> Hadis riwayat Ibn Mājah, kitab šiyām, bab mā ja’ fī shahādah ‘alā ru’yah al-hilāl, No. hadis 1653. Abū Dāwūd, Kitab salah, bab idhā lam yakhruj al-imām li al-‘ayd min yawmih yakhruj min al-ghad. No. hadis 1158. Dan al-Nasā’ī, kitab salah al-‘aydayn, bab al-Khurūj ilā al-‘aydayn min al-ghad, No. hadis 1556. Menurut al-Albānī seluruh perawinya *ṣaḥīḥ*, al-Dāruquṭnī berkata *ḥasan thābit*, Ibn Hajar memilih hadis tersebut dalam kitab *Bulūgh al-Marām* Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazunayn, *Sunan Ibn Mājah*, 290. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl*, 3:102.

mereka adalah sahabat Rasulullah SAW mereka berkata, "Kami tidak melihat anak bulan Syawal, maka pada pagi harinya kami masih berpuasa, lalu datanglah kafilah di penghujung siang, mereka bersaksi di sisi Nabi SAW bahawa semalam mereka melihat anak bulan. Maka Rasulullah SAW pun memerintahkan mereka berbuka, dan keluar untuk merayakan hari raya pada hari esok".

#### 2.6.2.1. Syarahan Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Awal Syawal

Para ulama tidak membezakan kesaksian dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal kecuali ulama dari kalangan Mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī. Penerimaan kesaksian dua orang saksi yang melihat anak bulan Syawal dan Zulhijah amat diambil berat kerana bimbangnya ada keinginan untuk menghabiskan Ramadan dengan segera. Al-Shāfi‘ī teramat mempertimbangkan risiko, maka beliau membezakan kesaksian dalam awal dan akhirnya puasa. Risiko menyambut Syawal atau berbuka dengan lebih awal lebih besar daripada risiko memulakan puasa Ramadan.<sup>142</sup>

Penerimaan seorang saksi dalam mengakhiri puasa Ramadan hanya menurut pendapat Abū Thawr yang membolehkannya. Abū Thawr tidak melihat adanya *ta‘āruḍ* antara hadis Ibn ‘Abbās dan Rib‘ī bin Ḥirāsh, hadis daripada Rib‘ī disebutkan dua orang saksi dan hadis daripada Ibn ‘Abbās menyebutkan seorang saksi. Dengan demikian kedua hadis tersebut berlaku dan tidak bercanggah serta tidak dibezakan antara kesaksian untuk awal Ramadan dan kesaksian dalam mengakhiri puasa Ramadan.<sup>143</sup>

Kata شهادت للرُّؤيا bermakna dengan ibadah haji dan hari raya korban, yang bermaksud iaitu dalam penetapan awal bulan Zulhijah yang di dalamnya terdapat wuquf di Padang Arafat dan seluruh pelaksanaan ibadah haji lainnya serta hari raya korban

<sup>142</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2: 530, dan Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurṭubī, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirut: Dār Ibn Hazm, 2006 M / 1427), 2:49-50

<sup>143</sup> *Ibid.*,

juga harus dengan melihat anak bulan dan kesaksian.<sup>144</sup> Para ulama tidak membezakan antara kesaksian dalam penetapan tarikh awal bulan Syawal dan Zulhijah, bagi Mazhab Mālik, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī harus melalui kesaksian dua orang saksi dalam rukyatulhilal. Sedangkan Mazhab Ḥanafī harus disaksikan oleh orang ramai jika langit cerah dan boleh kesaksian seorang saksi jika penglihatan terhalang.

Al-Shāfi‘ī dan pengikutnya mengharuskan saksi yang melihat anak bulan daripada kalangan lelaki yang beragama Islam, sehingga tidak diterima kesaksian perempuan serta orang kafir, tidak diterima kesaksian kanak-kanak dan mumaiyiz serta tidak diterima juga kesaksian hamba. Ulama sepakat bahawa saksi harus bersifat adil iaitu bukan orang kafir, fasik atau pelupa. Syarat kesaksian ini bersifat mutlak tidak boleh diganti kesaksian laki-laki dengan dua orang perempuan seperti dalam jual beli kerana puasa dan hari raya persoalan ibadah yang bersifat tetap. Sedangkan dalam pandangan Mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī kesaksian rukyatulhilal sama dengan periyawat hadis sehingga kesaksian wanita dan hamba sahaya pun dapat diterima.<sup>145</sup>

Menurut al-Baghawī, seseorang dapat bersaksi tentang kenampakan anak bulan di atas kesaksian orang lain. Kesaksian seperti ini dapat diterima dan berbeza dengan kesaksian hudud yang menolak kesaksian di atas kesaksian orang lain, hal ini kerana kes hudud berhubungan dengan hak Allah dan beratnya hukuman yang diterima oleh pelaku.<sup>146</sup>

Pembicaraan tentang kesaksian rukyatulhilal pada syarahan di atas lebih menitik beratkan kepada bilangan saksi dibandingkan dengan sifat-sifat saksi dan jantina. Hal tersebut kerana kebenaran berita yang disampaikan dinilai benar keabsahan, jika

<sup>144</sup> Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqqa al-‘Aḍīm Abādī, *Awn al-Ma ‘būd*, 6:463

<sup>145</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:530

<sup>146</sup> Abī Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab li Shayrazī*, 6:287

disampaikan oleh beberapa orang yang adil. Tujuan daripada kesaksian dalam kes ini adalah untuk menzahirkan kebenaran dalam bermulanya atau berakhirnya waktu ibadah.

### 2.6.3. Kefahaman Hadis Kesaksian Rukyatulhilal Menurut Konsep *Bayinah*

Ulama fiqah memasukkan *shahādah* ke dalam konsep *bayyinah* yang dapat dijadikan dalil ataupun asas bagi hakim dalam memutuskan kes di mahkamah. Merujuk kepada konsep *bayyinah* tersebut terdapat hadis daripada Ibn ‘Abbās.

البينة على المدعى. واليمين على المدعى عليه.<sup>147</sup>

Terjemahan: bukti wajib didatangkan oleh pendakwa (pengklaim), dan sumpah harus diucapkan oleh orang yang terdakwa.

Dari segi bahasa *bayyinah* bermakna terang, jelas dan nyata. Manakala pengertian menurut istilah syarak majoriti ulama menyatakan bahawa *bayyinah* bermakna *shahādah*. Pendapat yang lain memberikan maksud *bayyinah* iaitu bukti, hujah atau dalil. *Bayyinah* adalah seluruh bentuk keterangan yang dapat membantu, menjelaskan, menerangkan, atau membuktikan sesuatu kes yang dibicarakan dalam proses menzahirkan kebenaran dan keadilan. Pendapat ini disokong oleh Ibn Taymiyah dan Ibn Qayyīm.

Oleh sebab itu, Ibn Qayyīm menjelaskan makna البينة على المدعى adalah menjadi kewajipan pendakwa untuk mengemukakan keterangan atau hujah yang dapat menguatkan dakwaannya agar hakim dapat menzahirkan kebenaran yang sebenarnya. Saksi dua orang lelaki sememangnya termasuk di antara bukti-bukti, tetapi tidak dapat

<sup>147</sup> Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Aḥkam, bab Mā jā’ fī al-Bayyinah ‘Alā al-Mudda‘ī wa al-Yamīn al-Mudda‘ā ‘Alayh No. hadis 1341, menurut Ibn Mubarak hadis tersebut lemah kerana Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-‘Arzamī seorang yang *da’if* dari segi hafalannya, sedangkan al-Albānī mensahihkan. Menurut al-Tirmidhī hadis tersebut diamalkan oleh sahabat Nabi SAW dan ulama sesudah mereka. Muhammad bin ‘Isā ibn Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 316

diragukan bahawa bukti-bukti yang lain boleh jadi lebih kuat daripada kesaksian itu sendiri. Maka Ibn Qayyim memberi takrif *bayyinah* adalah setiap mana-mana yang dapat menjelaskan kebenaran.<sup>148</sup>

Memahami perkataan *bayyinah* hanya semata-mata kepada makna *shahādah*, sebenarnya menyempitkan maknanya itu sendiri dan ianya dapat mengabaikan bukti-bukti dan keterangan yang lebih kuat dari pada *shahādah* itu sendiri. Dengan berkembangnya sains teknologi dan perubahan masa, maka hasil penemuan sains dan teknologi tersebut dapat dijadikan sebagai alat bukti yang lebih tinggi ketepatan dari pada *shahādah* bahkan dapat menafikan *shahādah* jika bercanggah dengan sains moden, seperti penemuan cap jari, ujian DNA dan ujian darah.<sup>149</sup>

Akibat dari pengaruh ilmu astronomi moden yang telah mampu menghitung gerakan benda-benda langit seperti peristiwa gerhana, maka kecenderungan penggunaan hisab semakin kuat dalam membuktikan kemunculan anak bulan. Bahkan lagi, telah dibuktikan penetapan tarikh satu Ramadan dan Syawal di pelbagai negara bercanggah dengan hisab dan astronomi moden, kerana dalam pembuktian rukyatulhilal hanya dilakukan melalui *shahādah* tanda adanya bantuan daripada ilmu falak dan astronomi.<sup>150</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhayli, penetapan masa puasa Ramadan berjumlah 29 atau 30 hari seperimana juga masuknya Syawal yang harus berdasarkan kepada bukti yang pasti. Jika tiada ada bukti yang mengharuskan mengakhiri puasa, maka puasa di bulan Ramadan harus disempurnakan menjadi 30 hari, sebab asalnya hari tersebut masih

<sup>148</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaq 'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2006 M / 1427 H), 1:78-79

<sup>149</sup> Lukman Abdul Mutalib dan Wan Abdul Fattah Wan Ismail, “Al-Qarinah: antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina)”, *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 2, (2012), 41-48

<sup>150</sup> Muhammad Shawkat ‘Awdah, *al-Hilāl Bayn al-Ḥisabāt al-Falakiyyah wa al-Ru'yah*, (2004), Islamic Crescents’ Observation Project, dicapai 20 November 2014,  
[http://www.icoproject.org/pdf/2004\\_crescent.pdf](http://www.icoproject.org/pdf/2004_crescent.pdf), 12-16

dalam bulan Ramadan, maka tidak boleh meninggalkan keadaan yang asal kecuali dengan dalil atau bukti (*bayyinah*).<sup>151</sup>

Sebuah dalil yang *qat'ī* (pasti) menjadi syarat untuk diterima oleh hakim dalam menzahirkan kebenaran dan keadilan, dalil atau bukti yang *zannīt* (tidak pasti) tentu tidak dapat memberikan keyakinan. Menurut Sayyid Sābiq, seorang saksi mesti bersaksi bersesuaian dengan ilmu yang dimilikinya, ilmu tersebut diperoleh baik dari penglihatan atau pendengaran ataupun berita yang masyhur, sehingga ilmu tersebut menjadi dalil yang *qat'ī* (pasti).<sup>152</sup>

Rukyatulhilal merupakan perkara rumit yang tidak dapat dilakukan oleh semua orang, bahkan lagi waktu masuk dan berakhirnya bulan hijrah, anak bulan berada pada darjah yang rendah. Terdapat banyak sebab yang mempengaruhi keberkesanan dan kegagalan dalam rukyatulhilal. Sebagai contoh cahaya langit pada waktu matahari terbenam yang berwarna kuning kemerah-merahan yang menjadikan anak bulan yang berwarna kekuningan sukar untuk dilihat. Oleh karena itu, orang yang tidak terlatih melakukan rukyah dapat menemui kesulitan melihat anak bulan, yang mana jika di ufuk barat terdapat awan tipis ataupun tebal yang tidak merata-rata tempat, tentu dapat menyulitkan orang yang melakukan rukyah untuk memastikan letak anak bulan.

Oleh karena itu, diperlukan teknologi moden dan hisab falak moden yang dapat mendukung jalannya rukyatulhilal, sehingga dapat menghilangkan keraguan dan kesilapan dalam rukyatulhilal. Pembuktian dengan teknologi amat dianjurkan terutama ketika anak bulan berada pada darjah yang sangat rendah, yang kemungkinan

---

<sup>151</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:604

<sup>152</sup> Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Mesir: Al-Fatḥ li ‘Ālam al-‘Arabī, t.t.), 3: 225

kesilapannya sangat tinggi.<sup>153</sup> Alat bantuan yang dapat digunakan seperti teleskop yang mampu mencapai serta memenuhi objek untuk menentukan kenampakan anak bulan.<sup>154</sup>

Kesimpulan ini didukung oleh pendapat majoriti ulama mazhab yang berpendapat bahawa kesaksian rukyatulhilal dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal tidak terikat atau bersifat mutlak, namun kesaksian tersebut disamakan dengan proses periwatan. Maka bukti atas terlihat anak bulan dapatlah dikembangkan sesuai dengan perkembangan waktu, tempat serta ilmu pengetahuan.

## 2.7. Hadis *Maṭla'* Anak Bulan

Istilah *maṭla'* secara bahasa bermakna tempat terbitnya benda-benda langit. Sedangkan dalam istilah kalendar hijrah atau ilmu falak, *maṭla'* adalah batas daerah berdasarkan jangkauan dilihatnya anak bulan atau batas geografi yang memberikan hasil rukyah. Pembahasan tentang *maṭla'* untuk mengetahui apakah terlihat anak bulan di suatu wilayah harus diikuti oleh wilayah lain yang tidak melihat anak bulan atau apakah di setiap daerah harus berpandukan kepada rukyah masing-masing.<sup>155</sup> Hadis yang membahas persoalan ini adalah hadis riwayat Ibn ‘Abbās.

عَنْ كُرْبَيْ أَنَّ أُمَّ الْفَضْلِ بِنْتَ الْحَارِثِ بَعْتَهُ إِلَى مُعاوِيَةَ بِالشَّامِ قَالَ فَقَدِمْتُ الشَّامَ  
فَقَضَيْتُ حَاجَتَهَا وَاسْتَهَلَّ عَلَيَّ رَمَضَانُ وَأَنَا بِالشَّامِ فَرَأَيْتُ الْهِلَالَ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ ثُمَّ  
قَدِمْتُ الْمَدِينَةَ فِي آخِرِ الشَّهْرِ فَسَأَلَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ثُمَّ ذَكَرَ  
الْهِلَالَ فَقَالَ مَتَى رَأَيْتُمُ الْهِلَالَ فَقُلْتُ رَأَيْنَا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ أَنْتَ رَأَيْتَهُ فَقُلْتُ نَعَمْ

<sup>153</sup> Mohammaddin Abdul Niri, et.al, Kesan Penggunaan Hitungan Astronomi dan Alatan Moden dalam Cerapan Hilal di Malaysia: Satu Penelitian, *Jurnal Fiqh*, No. 9 (2012), 59

<sup>154</sup> Nurul Kausar Nizam, et.al, Penggunaan Teleskop: Kesan Terhadap Hukum Isbat Kenampakan Anak Bulan di Malaysia, *Jurnal Fiqh Apium*, No. 11 (2014), 71

<sup>155</sup> Susiknan Azhari, *Ensiklopedia Hisab Rukyah*, 139

وَرَأَهُ النَّاسُ وَصَامُوا وَصَامَ مُعَاوِيَةُ فَقَالَ لَكِنَّا رَأَيْنَا لَيْلَةَ السَّبْتِ فَلَا نَزَالُ نَصُومُ حَتَّى  
 تُكْمِلَ ثَلَاثِينَ أَوْ نَرَاهُ فَقُلْتُ أَوْ لَا تَكْتَفِي بِرُؤْيَةِ مُعَاوِيَةِ وَصِيَامِهِ فَقَالَ لَا هَكَذَا أَمْرَنَا  
 رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَكَّ يَحْيَى بْنُ يَحْيَى فِي تَكْتُفِي أَوْ تَكْتَفِي.<sup>156</sup>

Terjemahan: “dari Kurayb bahawasanya; Umm al-Faql binti al-Hārith mengutus Kurayb untuk menemui Mu‘āwiyah di Syam. Kurayb berkata; Aku pun datang ke Syam dan menyampaikan keperluan kepadanya. Ketika itu aku melihat anak bulan awal Ramadan, dan berada di Syam, aku melihatnya pada malam Jumaat. Kemudian aku sampai di Madinah pada akhir bulan. Maka ‘Abd Allāh bin ‘Abbās bertanya kepadaku tentang anak bulan, “bilakah kalian melihatnya?” Aku menjawab, “Kami melihatnya pada malam Jumaat.” dia bertanya lagi, “Apakah kamu yang melihatnya?” Aku menjawab, “Ya”, orang-orang juga melihatnya sehingga mereka mulai melaksanakan puasa begitu juga Mu‘āwiyah. “Ibn ‘Abbās berkata, “Akan tetapi kami melihatnya pada malam Sabtu. Dan kami sekarang masih berpuasa untuk menyempurnakan tiga puluh hari atau hingga kami melihat anak bulan.” Aku pun bertanya, “Tidakkah cukup bagi mu untuk mengikuti rukyah Mu‘āwiyah dan puasanya? “Beliau menjawab, “tidak”, beginilah Rasulullah SAW memerintahkan kepada kami.” Dalam lafaz “naktafti” (tidak cukup bagi kami?) atau “taktafti” (tidak cukup bagi mu?), Yaḥyā bin Yaḥyā agak ragu.

Hadis di atas terdapat dalam sebahagian besar kitab hadis yang terkenal secara jemaah kecuali al-Bukhārī dan Ibn Mājah, yang keseluruhan perawi meriwayatkan dengan jalur tunggal yang berasal dari Ibn ‘Abbās (W 68 H)<sup>157</sup> kepada Kurayb (W 98 H)<sup>158</sup> selanjutnya Muḥammad bin Abī Ḥarmalah (W 130 H)<sup>159</sup> kemudian Isma‘īl bin

<sup>156</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Šiyām, bab bayān an likulli balad ru‘yatuhum wa innahum idhā ra’aw al-hilāl bi balad la yuthabit hukmuh lima ba‘id ‘anhū, No. hadis 28 (1087). Al-Tirmidhī, Kitab al-Šawm, bab mā jā’ likull ahl balad ru‘yatuhum, No. hadis 693. Abū Dāwūd, kitab al-ṣawm, bab idha ru‘iy al-hilāl fi balad qabl al-ākhirīn bi laylah, No. hadis 2332. Al-Nasā’ī, kitab al- šiyām, bab ikhtilāf ahl al-‘afāq fi al-ru‘yah, No. hadis 2111. Muslim al-Naysabūrī, *Šaḥīḥ Muslim*, 1:485, Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 173, Abī Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 409.

<sup>157</sup> Ibn ‘Abbās seorang sahabat Nabi saw lahir tiga tahun sebelum hijrah, meninggal tahun 68 H pada umur 71 tahun. Ketika Nabi SAW wafat ia berusia 13 tahun. Ibunya bernama Umm al-Faql. Ahmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-İṣābah fi Tamyīz al-Šahābah* (Beirut: Dār al-Jīl, 1992 M / 1412 H), 4:149

<sup>158</sup> Kurayb nama lengkapnya Kurayb bin Abī Muslim al-Quraysh, ianya adalah *mawlā* Ibn ‘Abbās, mendapatkan zaman ‘Uthmān, wafat di Madinah tahun 98 H, ulama mengatakan ianya *thiqah*. Ahmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 7:288

<sup>159</sup> Ianya setausaha (*kātib*) Sulaymān bin Yassār, wafat sekitar tahun 130 H, al-Nasā’ī menyatakan sebagai rawi yang *thiqah*, Ibn Ḥibbān memasukkannya ke dalam orang-orang yang *thiqah*, lihat Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj Yūsūf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, 25:47-48 Ahmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 1:251.

Ja‘far (W 180 H).<sup>160</sup> Setelah zaman Ismā‘īl bin Ja‘far inilah periwayat hadis ini menyebar kepada rawi-rawi yang lain. Muslim meriwayatkan dari beberapa perawi di antaranya Yaḥya bin Yaḥya. Seluruh perawi hadis ini diriwayatkan oleh perawi yang dipercayai (*thiqah*) dan kualiti hadis ini *sahīh* menurut para ulama.

Matan hadis tersebut diriwayatkan dalam bentuk yang hampir selaras, dapat dikatakan bahawa hadis tersebut tidak mempunyai macam-macam lafaz matan. Perbezaan lafaz matan hanya pada akhir lafaz matan hadis itu sendiri. Dalam riwayat Muslim, Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī menggunakan dengan lafaz ”بِرُوْيَةٍ مُعَاوِيَةً وَصِيَامِهِ“ (mengikuti rukyah Mu‘āwiyah dan puasanya). Sedangkan dalam riwayat al-Nasā’i terdapat perbezaan kecil dengan menyebutkan lafaz ”بِرُوْيَةٍ مُعَاوِيَةً وَأَصْحَابِهِ“ (mengikuti rukyah Mu‘āwiyah dan orang-orangnya), padahal al-Nasa’i meriwayatkan hadis ini dari ‘Alī bin Ḥujr yang juga menjadi guru Muslim dalam hadis tersebut.<sup>161</sup>

Matan hadis tersebut merupakan laporan sahabat yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW memerintahkan, melarang, mewajibkan, membolehkan dan seumpamanya. Para ulama sepakat bahawa hadis riwayat Kurayb tersebut mempunyai hukum hadis *marfū‘* kerana Ibn ‘Abbās mengatakan dengan ucapan yang tegas “tidak, beginilah Rasulullah SAW memerintahkan kepada kami” dan ini memberikan matlamat bahawa itu bukan ijtihad Ibn ‘Abbās.<sup>162</sup> Al-Qurṭubī juga mengatakan hal yang serupa

<sup>160</sup> Nama lengkapnya Abū Ishaq Ismā‘īl bin Ja‘far bin Abī Kathīr al-Anṣārī, ulama Madinah kemudian pindah ke Baghdad dan wafat di sana tahun 180 H, ianya seorang pakar qiraah, ilmu al-Qur’ān dan Hadis, ia terkenal dengan pemilik lima ratus Hadis yang diriwayatkan oleh delapan belas ahli hadis. lihat *ibid.*, 1:251 dan Jamāl al-Dīn Abī al-Hajjāj Yūsuf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fi Asmā’ al-Rijāl*, 3:59-60

<sup>161</sup> Muslim meriwayatkan hadis tersebut dari Yaḥya bin Yaḥya, Yaḥya bin Ayyūb, Qutaybah dan Ibn Ḥujr.

<sup>162</sup> Muḥammad ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*, 5: 409-410

قول ابن عباس (هكذا أمرنا رسول الله صلى الله عليه وسلم) كلمة تصريح برفع ذلك

إلى النبي صلى الله عليه وسلم وبأمره.<sup>163</sup>

Terjemahan: “perkataan Ibn ‘Abbās “beginilah Rasulullah SAW memerintahkan kepada kami” kalimat yang tegas tentang bersambung (*marfu‘*) hadis tersebut kepada Nabi SAW dan itu merupakan perintahnya”.

### 2.7.1. Syaranan Hadis *Maṭla‘ Anak Bulan*

Para ulama berpaket tentang kualiti hadis tersebut, namun mereka berbeza dalam menjadikannya hujah. Ada dua pendapat dalam kalangan para ulama dalam memahami hadis tersebut. Pendapat majoriti ulama iaitu Mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī berpendapat bahawa hadis tersebut berbicara tentang kesaksian dalam rukyatulhilal bukan persoalan *maṭla‘*.

Umat Islam diwajibkan berpuasa dalam waktu yang bersamaan kerana *maṭla‘* bulan itu satu. Penduduk daerah timur harus memulai puasa Ramadan dan hari raya jika penduduk di wilayah barat telah melihat anak bulan. Pendapat ini ditetapkan kerana lafaz umum hadis yang memerintahkan untuk rukyatulhilal “janganlah kamu berpuasa sebelum rukyatulhilal dan jangan berbuka (Syawal) sebelum kamu melihatnya”. Sabda Rasulullah SAW tersebut bukan kepada satu daerah atau negeri tertentu sahaja, melainkan kepada seluruh umat Islam. Menjadikan hadis tersebut sebagai dalil bagi penduduk suatu negeri harus ikut rukyah penduduk negeri yang lain, jelas lebih kuat daripada pendapat tentang berbezaan *maṭla‘*. Apabila penduduk suatu negeri melihat

<sup>163</sup>‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006 M / 1428 H), 2:295

anak bulan dan kaum Muslimin lainnya juga melihat, maka bermakna kaum Muslimin yang lain pun harus mengikutinya kerana mereka sama-sama Muslim.<sup>164</sup>

Mazhab al-Shāfi’ī menjadikan hadis Kurayb sebagai dalil yang menjadikan terjadinya berbezaan *maṭla‘* (*al-ikhtifāf al-maṭāli‘*), kerana Ibn ‘Abbās tidak berpegang kepada rukyah penduduk Syam, ini bermakna penduduk suatu negeri tidak harus berpuasa berdasarkan rukyah penduduk negeri lain. Apabila suatu negeri telah melihat anak bulan, hukum berpuasa berlaku atas penduduk negeri yang berdekatan, sedangkan tidak kepada negeri yang jauh.

Masalah yang berlaku dalam Mazhab Shāfi’ī iaitu keselarasan sesebuah negeri dikatakan jauh ataupun dekat yang dapat dikategorikan kepada satu *maṭla‘*. Kerana tidak ada dalil syarak yang memberikan batasan kuantiti perbezaan *maṭla‘*, oleh itu terdapat beberapa pendapat ulama yang mencuba memberikan batasan perbezaan *maṭla‘*.

Pendapat yang pertama adalah perbezaan *maṭla‘* menurut jauh dan dekatnya suatu negeri berdasarkan tempat terbitnya anak bulan, ini menurut ulama Iraq. Tetapi mereka tidak menjelaskan secara tegas jarak antara satu *maṭla‘* dengan *maṭla‘* yang lain, namun mereka hanya menyebutkan contohnya seperti Hijaz, Iraq dan Syam adalah perbezaan *maṭla‘*, sedangkan Baghdad dan Kufah dalam satu *maṭla‘*.<sup>165</sup>

Al-Qalyūbi dan Sharwānī berpendapat bahawa keselarasan perbezaan *maṭla‘* iaitu perbezaan dua tempat pada masa terbit fajar, matahari dan bintang-bintang begitu pula terbenam, demikian juga anak bulan boleh terlihat di daerah tertentu dan belum

<sup>164</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarafī, *Al-Dhakhyarah*, 2:491- 492, dan Abī al-Walīd Sulaymān bin Khalf bin Sa‘ad bin Ayyūb al-Bājī, *Al-Muntaqā Syarḥ Muwata’ Mālik*, 3:9. Aḥmad bin Muḥammad bin Qudamah, *Al-Mughnī*, 4:329

<sup>165</sup> Abī Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab li Shayrazī*, 6: 280

terlihat di daerah yang lain. Perbezaan ini kerana perbezaan jauh dan dekatnya dari garis bumi.<sup>166</sup>

Pendapat kedua mengatakan bahawa jarak satu *maṭla'* ditentukan dengan jarak dibolehkan seseorang mengqasarkan sembahyang. Jarak dibolehkan untuk qasar sembahyang adalah 4 barid atau 16 farsakh (1 farsakh 5.544 kilometer) maka jarak *muṣafat al-qaṣr* sembahyang adalah sekitar 88 kilometer atau pendapat lain mengatakan 77 kilometer (1fasakh = 1 mil dan 1 mil = 1.6 kilometer). Pendapat ini dikemukakan oleh al-Farwanī, Al-Baghawī, al-Ghazalī, dan ulama Khurasan. Parameter lain diusulkan oleh Tāj al-Dīn al-Tibrīsī iaitu setara dengan 24 farsakh atau 133 kilometer, pendapat ini dipandang *ṣahīḥ* oleh al-Nawāwī.<sup>167</sup> Pendapat tersebut dikira berdasarkan ukuran jarak maksimum berjalan dengan kuda yang ditempuh untuk menyampaikan maklumat kenampakan anak bulan kepada hakim.

Ketiga, *ikhtilāf al-maṭāli'* juga dapat dibezakan dari perbezaan *iqlīm*, jika suatu negeri mempunyai *iqlīm* yang serantau maka dapat digolongkan kepada satu *maṭla'*. Jika *iqlīm* berbeza maka terjadi perbezaan *maṭla'*. *Iqlīm* bentuk jamaknya adalah *aqālīm* yang bermakna belahan bumi yang diberi nama tertentu, ianya dibezakan dari yang lainnya seperti Mesir satu *iqlīm* dan Syam *iqlīm* tersendiri.<sup>168</sup>

Ibn Rushd berpendapat bahawa secara ilmu pengetahuan *maṭla'* itu tentulah berbeza-beza antara negeri yang jauh dengan yang dekat, terutama jauh secara membujur dan melintang kerana ufuk berbeza.<sup>169</sup> Wahbah al-Zuhayli juga berpendapat bahawa perbezaan *maṭla'* itu diperakui adanya. Perbezaan tersebut wujud bagi negeri-

<sup>166</sup> 'Abd al-Ḥāmid al-Sharwanī, *Hāshiyah al-Sharwanī 'alā Tuḥfah al-Muḥtaṭāj* (Beirut: Dār al-Fikr, 1998), 3:419 dan Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad al-Qalyūbī, *Hāshiyah al-Qalyubī 'alā Sharḥ Jalāl al-Dīn al-Maḥallī* (Beirut: Dar Ihya', t.t.), 2:64

<sup>167</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, 2: 534 dan Abī Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharf al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab li Shayrazī*, 6:280-281

<sup>168</sup> *Ibid.*,

<sup>169</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurṭubī, *Bidāyah al-Mujtahid*, 2:52

negeri yang letaknya berjauhan, sama ada seperti perbezaan terbit dan terbenam matahari dalam penentuan waktu sembahyang.<sup>170</sup>

Konsep perbezaan *maṭla'* menurut Wahbah al-Zuḥaylī diperakui secara umum. Allah telah menjadikan waktu itu berbeza-beza menurut letak suatu negeri. Perbezaan *maṭla'* sama halnya juga dengan perbezaan siang dan malam yang ditentukan dengan terbit dan terbenam matahari. Demikian juga anak bulan terbit dan terbenam juga berbeza-beza. Jika ianya terbit di timur pada ianya tidak terbit di barat, dan sistem ini merupakan sebuah hukum alam yang tidak perlu lagi diperdebatkan.<sup>171</sup>

Pendapat ini diperakui oleh seluruh mazhab fiqah dan terbukti secara ilmu pengetahuan. Allah SWT menjadikan waktu berbeza-beza untuk setiap daerah kerana berbeza ufuk. Suatu daerah sedang tengah hari dan di daerah yang lain mungkin sedang fajar atau tengah malam, di Makkah sedang mengerjakan Sembahyang Subuh, di negara lain mungkin sedang mengerjakan Sembahyang Zuhur. Perbezaan tersebut kerana pergerakan bumi dan benda-benda langit seperti matahari dan bulan.

Wahbah al-Zuḥaylī berpendapat bahawa ibadah puasa Ramadan dan hari raya untuk seluruh kaum Muslim harus terlaksana secara serentak. Hal ini untuk mencegah timbulnya perselisihan pendapat yang tidak dapat diterima pada zaman sekarang. Kewajipan puasa juga dihubungkan kepada rukyah tanpa ada perbezaan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Perintah yang terdapat dalam hadis daripada Ibn ‘Umar tidak dikhususkan untuk suatu wilayah tertentu, melainkan untuk seluruh kaum Muslimin. Hal ini bermakna bahawa jika anak bulan sudah dapat di rukyah di suatu negeri bermakna ianya telah terlihat oleh kaum Muslimin. Maka, kewajipan puasa

---

<sup>170</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2: 535

<sup>171</sup> Shihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs al-Qarafī, *Al-Dhakhyarah*, 2:490-491

Ramadan dan hari raya juga harus dilakukan oleh kaum Muslimin di negeri yang lain.<sup>172</sup>

Sehingga Wahbah al-Zuhaylī dalam persoalan ini berpedoman kepada pendapat jumhur.

Ilmu falak telah memutuskan untuk penyatuan awal bulan secara syarak antara negara-negara Islam. Hal ini kerana masa terpanjang antara *maṭla'* bulan di suatu negeri Islam dan *maṭla'* bulan di negeri Islam lainnya adalah paling jauh sembilan jam. Dengan demikian, seluruh negeri Islam berada dalam malam yang sama dalam beberapa jam, dan ini memungkinkan negeri-negara Islam tersebut untuk puasa Ramadan dan hari raya apabila anak bulan telah dipastikan terbit dan telah dikhabarkan melalui alatan komunikasi.<sup>173</sup>

Berpandukan kepada konsep *maṭla'* tersebut, para pakar hisab dan falak moden telah berusaha untuk menghasilkan konsep kalendar Islam atau *global Islamic Calendar* dengan menjadikan anak bulan sebagai asas dalam penetapan awal bulan hijrah. Kalendar Islam tersebut bertujuan untuk menyatukan umat Islam dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal, serta menjelaskan konsep *maṭla'* yang selama ini telah diamalkan agar sejalan dengan ilmu pengetahuan moden. Konsep *maṭla'* tersebut sebuah keharusan dalam pembuatan kalendar seperti halnya juga dalam Kalendar Masihi atau Gregorian yang menggunakan matahari.

Pakar astronomi Malaysia Muhammad Ilyas telah menciptakan sebuah garis yang menjadi perbezaan *maṭla'* terbitnya anak bulan. Garis Tarikh Kamari menurut Ilyas tidak tegak lurus dari utara ke selatan mengikuti garis bujur tempat terbit anak bulan, melainkan melengkung mengikuti garis lengkung *imkān al-ru'yah* dengan lengkungan menonjol ke timur. Namun Ilyas juga membolehkan jika garis *imkān al-ru'yah* melengkung tersebut dijadikan tegak lurus dari utara ke selatan demi suatu kemudahan. Ilyas menamakan garis *imkān al-ru'yah* tersebut dengan ILDL

<sup>172</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2: 535-536

<sup>173</sup> *Ibid.*,

(International Lunar Data line) yang membahagikan dunia kepada tiga region (tri Zonal Calendar) iaitu kawasan timur terdiri dari Asia Pasifik dan Australia, kawasan tengah terdiri dari Asia Afrika dan Eropah, sedangkan kawasan barat iaitu Amerika. Perhitungan kalendar berdasarkan kepada konsep *imkān al-ru'yah* pada setiap kawasan. Permulaannya dimulai dari kawasan timur selanjutnya diikuti oleh tengah dan barat, namun apabila *imkān al-ru'yah* terjadi di tengah maka timur menunggu satu hari berikutnya, demikian juga jika terjadi di barat maka zona timur dan tengah menunggu satu hari berikutnya.<sup>174</sup>

Mohammad Shawkat ‘Awdah seorang pakar falak moden dari Jordan berpandangan bahawa hadis tentang *maṭla'* riwayat Ibn ‘Abbas berstatus *marfū'* dan oleh kerana itu harus dijadikan panduan. Menurut ‘Awdah, secara ilmu pengetahuan moden membuktikan bahawa rukyah yang terjadi pada suatu daerah berlaku bagi negeri-negeri yang terletak pada garis bujur yang sama dengan daerah tersebut serta tempat atau daerah yang terletak di sebelah barat garis bujur tersebut. Sedangkan daerah-daerah yang terletak di sebelah timur garis bujur tersebut memasuki bulan baru pada hari esoknya.

Konsep *al-ittihād al-maṭāli'* menurut ‘Awdah bercanggah dengan syarak dan hadis daripada Kurayb. ‘Awdah membuat semacam garis tarikh hijrah yang membatasi di mana dan bila awal bulan hijrah dimulai. Anak bulan yang terbit pada setiap awal bulan hijrah berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat yang lain, maka dengan demikian garis tarikh hijrah pun berpindah-pindah setiap bulan. ‘Awdah membahagikan alam dalam dua kawasan; kawasan timur yang meliputi daerah antara  $180^\circ$  garisan bujur timur sampai dengan  $20^\circ$  garisan bujur barat yang terdiri dari benua Australia, Asia, Afrika dan Eropah. Maknanya, seluruh dunia Islam masuk dalam kawasan timur.

<sup>174</sup> Mohammad Ilyas, *Sistem Kalendar Islam dari Perspektif Astronomi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 71-72

Kawasan barat meliputi daerah antara  $20^{\circ}$  garisan bujur barat sampai bagian paling barat dari benua Amerika.<sup>175</sup>

Konsep menjadikan Makkah sebagai garis Tarikh Hijrah International juga pernah diusulkan oleh Imad Al-Dīn Alḥmad pada tahun 1986. Pemilihan Makkah tersebut bukan didasarkan kepada konsep rukyah ataupun hisab tetapi diakibatkan oleh Kaabah yang menjadi kiblat umat Islam dan tempat umat Islam melaksanakan ibadah haji dan Islam bermula.<sup>176</sup>

## 2.8. Hadis Puasa Ramadan pada Hari yang Diragukan

Hadis larangan memulakan puasa Ramadan pada hari yang diragukan disebut juga dengan puasa pada *yawn shak*. Ditemui dua hadis yang berhubungan dengan tajuk ini iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah dan hadis daripada ‘Ammār bin Yassīr yang terdapat dalam beberapa kitab hadis.

Hadis pertama dari pada Abu Hurayrah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَنْقَدِمُنَّ أَحَدُكُمْ  
رَجَضَانَ بِصَوْمَانِ يَوْمٍ أَوْ يَوْمَيْنِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمَةً فَلَيَصُمِّنْ ذَلِكَ  
الْيَوْمَ

<sup>175</sup> Muḥammad Shawkah Odeh, *al-Taqwīm al-Hijrī al-‘Ālamī*, dan *Taṭbiqāt Tīknulujīyya al-Ma'lūmāt li I'dād Taqwīm Hijrī 'Alamī*, leman sesawang Islamic Crescents’ Observation Project, dicapai 17 April 2014, <http://www.icoproject.org/paper.html>

<sup>176</sup> Mutoha Arkanuddin, “Hisab Rukyah Awal Bulan Hijrah”, laman sesawang Rukyah Hilal Indonesia, dicapai 7 Mac 2013, <http://rukyatulhilal.org>

<sup>177</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-ṣiyām, bab lā yutaqaddam Ramaḍān bi ṣawm yawm wa lā yawm mayn, No. hadis 1914, dan Muslim, Kitab Ṣiyām, bab lā tuqaddimū Ramaḍān bi ṣawm yawm wa la yawm mayn, No. hadis 21:1082, dan Abū Dāwūd, Kitab al-ṣawm, bab fī man yaṣil sha'bān bi Ramaḍān, No. hadis 2335. Al-Tirmidhī, Kitab al-Ṣawm, bab mā jā' la taqaddamū al-shahr bi ṣawm, No. hadis 684 dan 685 serta mengatakan bahawa hadis ini kualitinya ḥasan shāhīḥ. al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 2:34, dan Muslim al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* 1: 483, dan Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, 410, dan Abī 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah, *Sunan al-Tirmidhī*, 171-172

Terjemahan: “dari Abī Hurayrah RA. Nabi SAW bersabda: “Janganlah seorang dari kalian mendahului bulan Ramadan dengan berpuasa satu atau dua hari kecuali apabila seseorang sudah biasa melaksanakan puasa (sunat) maka pada hari itu dia dibolehkan untuk melaksanakannya”.

Hadis kedua daripada ‘Ammār bin Yassīr:

عَنْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُنَّا عِنْدَ عَمَّارٍ فِي الْيَوْمِ الَّذِي يُشَكُُ فِيهِ فَأَنَّى بِشَاءَ فَتَنَحَّى بَعْضُ الْقَوْمِ

فَقَالَ عَمَّارٌ مَنْ صَامَ هَذَا الْيَوْمَ فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<sup>178</sup>

Terjemahan: “Daripada Şilah, ia berkata; kami pernah berada bersama ‘Ammār pada hari yang diragukan, kemudian ia membawa seekor kambing dan sebahagian orang menyingkir. Kemudian ‘Ammār berkata; barang siapa yang berpuasa pada hari ini maka sungguh ia telah derhaka kepada Abā Al-Qāsim (Nabi Muhammad SAW)”.<sup>179</sup>

### 2.8.1. Syarahan Hadis Puasa Ramadan pada Hari yang Diragukan

Kedua-dua hadis tersebut memberikan maklumat tentang larangan berpuasa Ramadan sebelum masuknya bulan Ramadan. Larangan berpuasa pada hari yang diragukan tentang masuknya tarikh awal bulan Ramadan atau disebut dengan *yawm al-shāk* (hari yang diragukan). Ada dua pendapat tentang dinamakan dengan *yawm al-shāk*, pendapat pertama iaitu malam ketiga puluh hari bulan Syaaban dan pada malam tersebut anak bulan tidak terlihat kerana pandangan terhalang oleh awan atau ada

<sup>178</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd, kitab al-Şawm, bab karahah şawm yawm al-shakk, No. hadis 2334. Al-Tirmidhī, kitab al-şawm, bab mā jā’ karāhiyah şawm yawm shakk. No. hadis 686, ianya memberikan kualiti hadis tersebut dengan *ḥasan ṣaḥīḥ*, Ibn Mājah, kitab al-ṣiyām, bab mā jā’ fī ṣiyām yawm al-shakk, No. Hadis 1645. Al-Albāni memberikan kualiti *ṣaḥīḥ*, menurut al-Dārquṭnī dān al-Hākim *ḥasan ṣaḥīḥ*, sedangkan al-Dhahabī berkata hadis tersebut sesuai dengan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl*, 4:126. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 410, Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 172 dan Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazūnayn, *Sunan Ibn Mājah*, 289.

<sup>179</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Bukhārī secara *mu’alaq* dan telah diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, Al-Tirmidhī dan al-Nasā’ī secara *mawṣūl* (bersambung), dari segi lafaznya hadis tersebut *mawqūf*, tetapi dari segi hukumnya *marfū’* dan hadis tersebut berkualiti *ṣaḥīḥ*. Muḥammad bin Ismā’īl al-Kahlānī, *Subul al-Salām* (Jakarta: S.P. Diponegoro, t.t), 2:150

halangan yang lain, sehingga hari tersebut bisa jadi merupakan permulaan Ramadan atau akhir dari bulan Syaaban.<sup>180</sup>

Pendapat kedua iaitu pada malam ketiga puluh bulan Syaaban anak bulan hanya dapat dilihat oleh orang yang tidak dapat diterima kesaksian. Di antara dua pendapat di atas, menurut majoriti ulama pendapat yang kedua yang digunakan kerana pendapat yang pertama tidak dikategorikan kepada hari diragukan kerana pada waktu itu anak bulan tidak terlihat kerana pandangan terhalang maka hari bulan disempurnakan menjadi tiga puluh hari.<sup>181</sup>

Diterima kesaksian dalam melihat anak bulan apabila kesaksian tersebut disabitkan oleh hakim atau pemimpin suatu negara atau daerah. Tujuan daripada ketetapan hakim tersebut adalah untuk menjelaskan kebenaran kenampakan anak bulan, sehingga dapat menghilangkan keraguan, mendatangkan kepastian dan keyakinan tentang masuknya awal bulan dan berakhirnya. Penolakan hakim terhadap kesaksian kenampakan anak bulan akhir Syaaban dengan berasaskan kepada dalil dan bukti yang jelas dapat menjadikan hari tersebut merupakan hari yang diragukan, sehingga umat Islam dilarang memulai berpuasa kerana belum ada bukti dan dalil yang jelas tentang masuknya bulan Ramadan.

Berpuasa yang dimaksudkan dalam hadis di atas iaitu puasa yang sengaja dilakukan sebagai bentuk hati-hati sekiranya telah masuk tarikh satu Ramadan. Puasa yang demikian tersebut dilarang bahkan ada yang mengkategorikan sebagai bentuk kemaksiatan kepada Rasulullah SAW. Namun jika seseorang telah terbiasa berpuasa pada hari dan bulan tersebut dengan puasa sunat, maka puasa tersebut dibolehkan dan

---

<sup>180</sup> *Ibid.*, 151

<sup>181</sup> Ahmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 4: 65

tidak termasuk kepada larangan hadis di atas. Para ulama Mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī memakruhkan puasa dilakukan pada hari yang diragukan tersebut.<sup>182</sup>

## 2.9. Hadis Puasa Ramadan dan Hari Raya Secara Jemaah

عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: الصوم يوم تصومون، والفطر يوم

تفطرون، والأضحى يوم تضحون.<sup>183</sup>

Terjemahan: “Berpuasa pada hari kalian berpuasa, hari raya Aidilfitri pada hari kalian berhari raya, dan berhari raya kobarlah pada hari kalian semua berkurban”.

### 2.9.1. Analisis Hadis Puasa Ramadan dan Hari Raya Secara Jemaah

Hadis tersebut mempunyai empat sanad, tiga hadis daripada Abū Hurayrah dan satu hadis daripada Aisyah. Al-Tirmidhī meriwayatkan hadis daripada Abū Hurayrah kepada Sa‘īd al-Maqbūrī dan Āishah (W 57 H) kepada Muḥammad bin Munkadr dengan kualiti *ḥasan gharīb*. Ibn Majāh dalam kitab *ṣiyām*, bab *mā jā’ fī shahray al-‘ayd*, nombor hadis 1660 meriwayatkan dari Abu Hurayrah kepada Muḥammad bin Sirrīn (W 110 H). Al-Albānī memberikan kualiti *sahīh* seluruh hadis-hadis tersebut.<sup>184</sup>

Abū Dāwūd, kitab *ṣiyām*, bab *idhā akhta’ al-qawm al-hilāl*, nombor hadis 2324 meriwayatkan dari Abū Hurayrah kepada Muḥammad bin al-Munkadr. Menurut sebahagian *muḥadith*, Muḥammad bin al-Munkadr tidak pernah mendengar hadis

<sup>182</sup> Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawārdī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, 3: 409-410

<sup>183</sup> Hadis riwayat Al-Tirmidhī, kitab al-Sawm, bab *mā jā’ al-sawm* yawm taṣumūn wa al-fiṭr yawm tuftīrun al-‘aḍḥā yawn tuḍāḥḥūn, No. hadis 697 dan bab *mā jā’ fi fiṭr wa al-aḍḥā matā yakun?*, No. hadis 802 Al-Tirmidhī memberikan kualiti hadis tersebut dengan *ḥadīth gharīb ḥasan*. Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 174 dan 196

<sup>184</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazunayn, *Sunan Ibn Mājah*, 291

daripada Abū Hurayrah. Tetapi hadis tersebut tetap berkualiti *sahīh* kerana terdapat riwayat lainnya yang menyokongnya.<sup>185</sup>

### 2.9.2. Syaranan Hadis Puasa Ramadan dan Hari Raya Secara Jemaah

Al-Tirmidhī mengatakan bahawa makna hadis tersebut iaitu puasa Ramadan dan hari raya harus dikerjakan secara berjemaah oleh sekelompok manusia. Makna *al-jamā'ah* adalah bersama para imam kaum Muslimin.<sup>186</sup>

Penetapan tarikh awal Ramadan dan dua hari raya dilakukan dengan proses ijтиhad, demikian juga dalam pelaksanaan ibadah haji seperti wuquf di Padang Arafat. Masa-masa tersebut merupakan masa yang sangat penting dalam Islam untuk beribadah dan menampakkan syiar Islam. Perintah untuk melakukan rukyatulhilal merupakan perintah kepada seluruh umat Islam baik secara peribadi maupun kelompok, akan tetapi, dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal tidak dibenarkan melaksanakannya menurut ijтиhad peribadi, tetapi harus merupakan ijтиhad bersama yang diputuskan oleh seorang hakim yang sah dengan berpandukan kepada kesaksian yang dapat diterima oleh seluruh umat Islam.<sup>187</sup>

Dalam kitab-kitab hadis disebutkan tentang rukyah yang dilakukan pada negeri masing-masing. Seperti dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* yang memberikan tajuk bab dalam kitabnya “بَابِ بَيَانِ أَنَّ لَكُلَّ بَلْدٍ رُوَيْتَهُمْ” (bab penjelasan bahawa setiap negeri berpedoman kepada rukyah masing-masing).<sup>188</sup> Maksudnya iaitu setiap negara harus melakukan

<sup>185</sup> Ibn Qayyīm merujuk kepada Yāḥyā bin Mu‘īn mengatakan bahawa Muḥammad bin al-Munkadr tidak mendengar dari Abu Hurayrah. Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, “Sharḥ al-Ḥāfiẓ ibn Qayyim al-Jawziyyah,” dicetak bersama Abū al-Ṭayb Muḥammad Shams al-Ḥaq al-‘Aḍīm Ābādī, ‘Awn al-Ma’būd, 6:442. Dan Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl*, 4:11

<sup>186</sup> Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 174

<sup>187</sup> Abū Al-‘Ula Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm Al Mubarakfūrī, *Tuhfah al-Āhwadhī bi Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 3:382-383 dan Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqq al-‘Aḍīm Ābādī, *Awn al-Ma’būd*, 6:442.

<sup>188</sup> Muslim al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:485

rukyatulhilal dan orang yang dapat melihat anak bulan menjadi saksi kepada penguasa dalam penentuan tarikh awal Ramadan dan Syawal. Seluruh ulama bersepakat bahawa mewajibkan kepada orang yang melihat anak bulan untuk menyampaikan maklumat rukyatulhilal kepada penguasa, baik untuk mengawali puasa Ramadan ataupun berhari raya.

Misalnya pada kes seseorang berhasil melihat anak bulan Syawal, tetapi kesaksian rukyatulhilal ditolak oleh hakim, maka para ulama dalam memandang kes ini terbahagi kepada dua kelompok. Pertama, ianya tidak boleh berpandukan kepada hasil rukyah sendiri, pendapat ini disokong oleh ‘Atā’, al-Thawrī, al-Layth, Abū Ḥanifah, Ahmad, Ishāq dan ‘Umar bin Khaṭṭāb. Sedangkan pendapat kedua boleh ianya berpuasa dan berhari raya untuk hati-hati, kerana sebab ianya boleh berpuasa Ramadan dan berhari raya telah ada, serta ianya yakin telah melihat anak bulan. Pendapat ini disokong oleh Ḥasan bin Ṣāliḥ, al-Shāfi‘ī, Abū Thawr dan Mālik, tetapi disyaratkan berpuasa Ramadan dan hari raya harus dilakukan secara sembunyi dan sendiri<sup>189</sup> Sebahagian lain berpendapat bahawa ianya hanya boleh dalam mengawali puasa Ramadan, tetapi tidak boleh dalam berhari raya. Menurut pendapat yang kuat adalah tidak boleh melaksanakan puasa Ramadan dan hari raya secara sendiri, tetapi puasa Ramadan dan hari raya bersama dengan umat Islam secara umum.<sup>190</sup>

Sebab berlakunya perbezaan pendapat dalam berpuasa Ramadan dan hari raya kerana proses isbat hakim terhadap kesaksian anak bulan, ada yang diterima ada pula yang ditolak. *Hukm al-hākim* dalam mensabitkan kesaksian anak bulan merupakan persoalan yang kategorikan kepada ibadah, sehingga *hukm al-hākim* tersebut berkedudukan sebagai fatwa sahaja dan *hukm al-hākim* yang diperakui hanyalah dalam

<sup>189</sup> Abī Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab li al-Shayrazī*, 6:281

<sup>190</sup> ‘Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Hanbalī, *Aḥkām al-Ikhtilāf fī Ru'yah Hilāl Dhilhijjah* (Makkah al-Mukarramah: Dār ‘Ālam al-Fawā'id, 1422 H), 46-48, Abī al-Walīd Sulaymān bin Khalf bin Sa‘ad bin Ayyūb al-Bājī, *Al-Muntaqā Syarḥ Muwata' Mālik*, 3:13

persoalan muamalah. Alasan lainnya adalah terjadi perbezaan antara golongan hisab yang berpedoman kepada makna *hilāl* secara *i'tibārī* (astronomi) dan golongan lain menjadikan *hilāl* yang dapat dilihat (*haqīqī*) sebagai asas.<sup>191</sup>

Majoriti ulama sepakat bahawa puasa Ramadan dan hari raya merupakan persoalan ibadah, namun mereka semua bersepakat bahawa pelaksanaannya haruslah secara bersama-sama berjemaah kaum Muslimin. Hal tersebut kerana perintah melaksanakan puasa Ramadan dan berhari raya dalam hadis diriwayatkan dalam bentuk *jama'* “*ṣumū li ru'yatih wa aṣṭirū li ru'yati*”. Pelaksana puasa Ramadan dan hari raya sama dengan pelaksanaan sembahyang Jumaat dan sembahyang fardu yang dikerjakan dalam masa yang sama secara berjemaah.<sup>192</sup>

Pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya secara berjemaah juga dapat mendatangkan manfaat dan kemaslahatan yang sangat banyak terhadap kaum Muslimin, daripada berpegang kepada kemaslahatan peribadi dan kelompoknya sahaja. Kerana itu, autoriti penetapan tarikh awal hari bulan tersebut berada dalam kuasa pemimpin. Pemimpinlah yang dapat menyatukan perselisihan kaum Muslimin dalam kes ini.

Pendapat tersebut disokong oleh pendapat para ulama seperti Ibn al-Qudamah mengatakan

...اختارها أكثر شيوخ أصحابنا، وهو مذهب عمر، وابنه، وعمروين العاص، ....

ومحاجد وروى عنه أن الناس تبع للإمام، فإن صام صاموا، وإن أفطر أفطروا. وهذا قول

الحسن، وابن سيرين، لقول النبي ص-م: (الصوم يوم تصومون، والfast يوم تفطرون،

<sup>191</sup> Ṣāliḥ bin Maṇṣūr al-Jarbu‘, *Ikhtiyārāt Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah al-Fiqhiyyah* (Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbāyīyyā, 2009 M / 1430 H), 51

<sup>192</sup> *Ibid.*, 52-55

والأضحى يوم تضحون). قيل معناه أن الصوم والفطر مع الجماعة وعظم الناس... وهو

قول أكثر أهل العلم، منهم أبو حنيفة، ومالك، والشافعي، ومن تبعهم...<sup>193</sup>

Terjemahan: “Majoriti penganut mazhab kami telah memilih mazhab ‘Umar dan anaknya dan ‘Amr bin ‘Āṣ.... Mujāhid telah merawikan bahawa manusia harus mengikuti pemimpin, jika pemimpin berpuasa dan manusia hendaklah berpuasa dan jika pemimpin berbuka maka manusia juga berbuka. Inilah pendapat Ḥasan dan Ibn Sirrīn yang berpandukan kepada hadis “Berpuasa pada hari kalian berpuasa, berhari raya Aidilfitri pada hari kalian semua berhari raya, dan berhari raya kobarlah pada hari kalian semua berhari raya korban”. Maknanya adalah berpuasa pada bulan Ramadan dan berhari raya secara berjemaah kaum Muslimin... dan ini pendapat majoriti seperti Abū Hanīfah, Mālik, al-Shāfi‘ī dan orang-orang yang mengikuti mereka”

Dalam riwayat yang lain disebutkan dari ‘Āisyah RA.

عن مسروق أنه دخل هو ورجل معه عائشة يوم عرفة، ... فقالت: إنما النحر إذا خر

الإمام، وعظم الناس، والفطر إذا فطر الإمام وعظم الناس.<sup>194</sup>

Terjemahan: dari Masrūq bahawa ianya masuk dan bersama Aisyah terdapat seorang lelaki pada hari Arafat... Aisyah berkata sesungguhnya hari raya korban itu apabila telah ditetapkan oleh pemimpin dan jemaah manusia dan hari raya puasa juga jika imam telah hari raya puasa dan jemaah manusia.

Wahbah al-Zuhaylī juga menguatkan pendapat tersebut

...ولا خلاف في أن للإمام الأمر بالصوم بما ثبت لديه. لأن حكم الحاكم يرفع

الخلاف,<sup>195</sup>

<sup>193</sup> Ahmad bin Muhammad bin Qudamah, *Al-Mughnī*, 4:330

<sup>194</sup> Hadis Riwayat ‘Abd al-Razaq, Kitab al-Šiyām, bab al-Šiyām, No. hadis 7310, Ibn Ra‘jab mengatakan bahawa riwayah hadis ini *da’if* kerana terputus salah seorang rawi iaitu Ja‘far bin Burqan. Abī Bakr ‘Abd al-Razzaq bin Ḥammām al-San‘ānī, *al-Muṣannaf* (Beirut: Maktabah al-Islāmī, 1972 M/1391 H), 4:157 dan ‘Abd al-Rahmān bin Aḥmad bin Rajab al-Hanbalī, *Aḥkām al-Ikhtilāf*, 33

<sup>195</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, 2:533-534

Terjemahan: "... Tidak ada perbezaan pendapat bahawa penguasa berhak memerintahkan rakyat untuk berpuasa berasaskan bukti yang ada padanya, sebab keputusan penguasa menghilangkan perbezaan pendapat".

Penguasa yang dimaksudkan di sini ialah imam tertinggi dalam sebuah wilayah yang mempunyai kekuasaan secara politik (*wilāyah al-hukm*) untuk mengatur dan mentadbirkan rakyat yang ada di dalam pemerintahannya.

Al-‘Uthaymin dalam fatwanya mengatakan bahawa keputusan penetapan tarikh awal bulan Ramadan dan Syawal merupakan kuasa dan tanggungjawab pemimpin

أَنَّ الْأَمْرَ مُعْلَقٌ بِوْلِيِّ الْأَمْرِ فِي هَذِهِ الْمُسَأَّلَةِ فَمَتَّى رَأَى وَجُوبَ الصُّومِ أَوِ الْفَطْرِ مُسْتَنِدًا بِذَلِكَ

إِلَى مُسْتَنِدٍ شَرِعيٍّ فَإِنَّهُ يَعْمَلُ بِمَقْضِيَاهُ. لَئَلَّا يَخْتَلِفُ النَّاسُ وَيَتَفَرَّقُونَ تَحْتَ وِلَايَةً وَاحِدَةً.<sup>196</sup>

Terjemahan: "Bahawa kes ini termasuk kepada keputusan *wali al-amr*, maka apabila mereka berpendapat wajib berpuasa dan berhari raya dengan bukti sesuai dengan dalil syarak maka mesti mengikuti keputusan tersebut. Tidaklah mungkin umat manusia berpecah-belah dalam sebuah wilayah".

Umat Islam dalam melaksanakan puasa Ramadan dan hari raya wajib mengikuti pemimpin mereka. Apabila pemimpin tertinggi dalam sebuah negara menetapkan sesuai dengan dalil syariat, maka tidak ada alasan untuk tidak mengikuti keputusan tersebut. Tidak boleh melawan dan menentang keputusan pemimpin kerana boleh melahirkan fitnah dan mudarat.<sup>197</sup>

<sup>196</sup> Fahad bin Nāṣir Ibrāhīm al-Sulaymān, *Majmu‘ Fatāwā wa rasā’ il Faḍīlah al-Shaykh Muḥammad Sāliḥ al-‘Uṣṭhaymīn* (Riyāḍ: Dār Thūrāyyā, 2003 M / 1423 H), 19:51

<sup>197</sup> *Ibid.*, 19:47

## 2.10. Kesimpulan

Huraian analisis hadis dan syarahannya yang telah di dedahkan di atas, baik sanad dan matan hadis serta pendapat pakar terhadap hadis-hadis tersebut dapatlah dilakukan beberapa kesimpulan.

Hasil daripada *takhrij hadith* telah dilakukan baik secara lafaz ataupun *mawdū'* didapati terdapat 109 hadis yang berhubungan dengan penentuan awal Ramadan dan Syawal. Hadis-hadis tersebut dapat diklasifikasikan kepada beberapa tajuk iaitu pertama hadis tentang rukyatulhilal. Kedua, hadis hisab awal bulan hijrah. Ketiga, hadis hari bulan hijrah 29 dan 30 hari. Keempat hadis kesaksian rukyatulhilal. Kelima, hadis *matla'*. Keenam hadis larangan berpuasa Ramadan pada hari yang diragukan. Ketujuh hadis yang memerintahkan kepada umat Islam untuk berpuasa secara berjemaah.

Syaranan ulama terhadap hadis-hadis rukyatulhilal telah mengekalkan kaedah rukyatulhilal sebagai asas utama dalam penetapan tarikh awal bulan Ramadan dan Syawal. Makna rukyah yang dimaksudkan oleh hadis adalah rukyah dengan mata. Sedangkan makna *hilāl* yang maksudkan adalah anak bulan yang dapat dilihat oleh mata manusia.

Sedangkan dalam memahami hadis hisab para ulama terbahagi kepada dua kelompok, pertama memahaminya secara textual dengan menolak penggunaan hisab dalam penentuan awal bulan hijrah. Penolaknya tersebut kerana menjadikan persoalan rukyah sebagai ibadah yang bersifat *ta'abbudi*.

Sedangkan kelompok kedua melakukan syaranan secara kontekstual terhadap hadis hisab serta meluluskan kaedah hisab sebagai pengganti kaedah rukyah. Syaranan kontekstual tersebut dilakukan dengan pendekatan *takhrij hadith*, *asbab al-wuriid*, ilmu

fiqah, *uṣūl fiqh* dan juga beberapa kelemahan rukyatulhilal serta kelebihan hisab dalam menyatukan takwim hijrah antar bangsa.

Hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal juga menjelaskan bahawa dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal perlu kepada autoriti dan tanggungjawab pemerintah (hakim). Sehingga pelaksanaan puasa Ramadan dan sambutan hari raya dapat dilaksanakan secara jemaah kaum Muslimin.

## **BAB 3: PENENTUAN AWAL RAMADAN DAN SYAWAL OLEH KEMENTERIAN AGAMA REPUBLIK INDONESIA**

### **3.1. Pengenalan**

Bab ketiga daripada kajian ini menghuraikan tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kementerian Agama Republik Indonesia (Kemenag RI). Kajian ini bermula daripada penjelasan tentang sejarah ringkas penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia, autoriti Kemenag RI dalam melaksanakan penentuan awal Ramadan dan Syawal, metode dan aplikasi yang diamalkan, dan yang terakhir kajian analisis terhadap autoriti dan amalan-amalan dalam pelaksanaan penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI.

Tujuan daripada kajian ini adalah untuk mengenal pasti autoriti dan amalan yang digunakan oleh Kemenag RI dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal. Adapun data yang digunakan dalam kajian ini adalah telaah dokumentasi yang diperoleh daripada institusi pengajian, arkib, perpustakaan dan laman sesawang.

### **3.2. Sejarah Penentuan Awal Ramadan dan Syawal di Indonesia**

Sejarah mencatatkan bahawa, sebelum Agama Islam masuk ke Indonesia, terdapat banyak kalendar yang digunakan dalam menguruskan dan mentadbirkan masyarakat seperti Kalendar Jawa dan Kalendar Hindu. Namun selepas Islam datang ke Indonesia, tahun-tahun tersebut diubah menjadi Takwim Hijri. Pada waktu itu penentuan takwim hijrah terutama yang berhubungan dengan masa-masa dalam melaksanakan ibadah

menjadi kuasa kerajaan-kerajaan Islam. takwim hijrah terus digunakan sebagai takwim rasmi kerajaan sampai datangnya penjajah Holland.<sup>1</sup>

Setelah datangnya penjajahan Holland di Indonesia, penggunaan takwim hijrah diubah menjadi Kalendar Masihi. Meskipun demikian, umat Islam dibolehkan tetap menggunakan takwim hijrah dan kiraannya diberikan autoriti kepada kerajaan-kerajaan Islam terutama dalam penentuan hari-hari yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah, seperti awal puasa Ramadan dan hari raya.<sup>2</sup>

Pengekalan penggunaan takwim hijrah pada kerajaan-kerajaan Islam di Indonesia, terutama dalam penetapan waktu-waktu dalam pelaksanaan ini menjadi punca dalam terjadinya perkembangan kajian ilmu falak di Indonesia. Sehingga terdapat beberapa tulisan dan kitab falak yang ditulis pada masa tersebut seperti kitab *Nawāwī Muḥammad Yūnus al-Kadīrī* dengan kitabnya *Risālah Qamariyah*. Kitab tersebut hanya membuat data matahari dan bulan yang sesuai dengan tempat ulama tersebut menetap. *Sullam al-Nayyरayn* karya Muhammad Manshur dengan Markas Jakarta, *Jadāwīl Falākiyyah* karya Qustayri dengan Markaz Pasuruan.<sup>3</sup>

Sebelum kemerdekaan, penentuan awal Ramadan dan Syawal pernah diberikan autoriti kepada Department van Justitia (Departemen Kehakiman) di bawah penjajah Holland dan Jepun. Dalam penetapan tersebut Departemen van Justitia bekerjasama dengan jawatan Meteorologi. Akan tetapi umat Islam tidak mengikuti ketetapan tersebut, bahkan mereka lebih memilih menjalankan puasa Ramadan dan berhari raya menurut ketetapan mereka sendiri. Hal ini disebabkan masyarakat tidak mengakui

---

<sup>1</sup> Kementerian Agama RI, *Ilmu Falak Praktik* (Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013), 12-13

<sup>2</sup> *Ibid.*, 14

<sup>3</sup> Sriyatih Sadik, *Perkembangan Ilmu Falak dan Penetapan Awal Bulan Qamariyyah dalam Menuju Kesatuan Hari Raya* (Surabaya: Bina Ilmu, 1995), 64-66.

lembaga tersebut, dan autoriti urusan-urusan yang berhubung kait dengan agama menjadi kuasa tokoh-tokoh agama iaitu ulama dan tokoh adat.<sup>4</sup>

Selepas kemerdekaan, beberapa tokoh Islam berusaha menumbuhkan sebuah badan yang mengatur agama-agama di Indonesia. Akhirnya pada tarikh 3 Januari 1946 (29 Muharram 1365 H) telah berhasil terbinanya Kementerian Agama Republik Indonesia.<sup>5</sup>

Tugas utama Kemenag RI adalah memberikan pengurusan dan pentadbiran persoalan agama kepada masyarakat seperti pengurusan haji, umrah, pengembangan zakat dan wakaf, institusi pendidikan agama, *imārah al-masjid* dan *ahwāl al-shahṣiyah*. Kemenag RI bukan sahaja bertugas dalam pentadbiran agama Islam sahaja, tetapi juga agama-agama lainnya yang telah diiktiraf oleh Negara Republik Indonesia dan bertanggungjawab terhadap toleransi dan kerukunan antar umat beragama.<sup>6</sup>

Indonesia merupakan negara yang memiliki banyak suku dan budaya, sehingga terjadinya perkembangan pemikiran tentang keilmuan Islam itu sendiri walaupun secara majoritinya bermazhab Shāfi'i. Sehingga di Indonesia terdapat banyak ragam metode yang diamalkan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.<sup>7</sup> Di antara metode yang digunakan adalah mazhab *ru'yah bi fi'lī* dengan *itiiḥād maṭāli'* dan *ikhtilāf al-maṭāli'*, *imkān al-ru'yah*, *ru'yah bi qalb*, *hisāb wujūd hilāl*, *hisāb 'urfī*, kaedah *aboge*, sistem *putaran golek limo* dan pasang surut air laut.<sup>8</sup>

<sup>4</sup> Kementerian Agama RI, *Pertelaan: Konferensi Kementerian, Departemen Jawatan Agama Seluruh Indonesia* (Jakarta: Kementerian Agama, 1950), 385

<sup>5</sup> "Sejarah Kementerian Agama," laman sesawang Kemenag RI, dicapai 3 March 2015, <http://www.kemenag.go.id/index.php?a=artikel&id=12432&t=181>

<sup>6</sup> "Visi dan Misi Kementerian Agama," laman sesawang Kemenag RI, dicapai 3 March 2015, <http://www.kemenag.go.id/index.php?a=artikel&id=12433&t=181>

<sup>7</sup> Susiknan Azhari, *Pembaharuan Pemikiran Hisab di Indonesia: Studi atas Pemikiran Sa'adoe'ddin Djambek* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002), 2-3

<sup>8</sup> Sriyatini, "Penentuan Awal Bulan Islam Di Indonesia (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama RI tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadan, 1 Syawal dan 10 Zulhijjah)" (Tesis Kedoktoran, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2012), vii dan Maskufa dan Wahyu Widiana, "Titik kritis

Dengan banyaknya perbezaan tersebut, diperlukan sebuah institusi yang dapat menampung pemikiran-pemikiran hisab dan rukyah di Indonesia, sehingga dapat menyelesaikan perbezaan dalam penetapan takwim hijrah terutama dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya. Untuk menyokong terbentuknya institusi tersebut, maka orang perseorangan ini amat penting dalam membina institusi tersebut iaitu A. Wasit Aulawi, H. Zain Ahmad Noeh dan Sa'adoe'ddin Djambek dari Kemenag RI, Susanto dari Lembaga Meteorologi dan Santoso Nitisastro dari Planetarium.<sup>9</sup>

Seterusnya anggota tersebut mengadakan beberapa mesyuarat yang pada akhirnya pada tarikh 23 Mac 1972, terhasilnya beberapa kesimpulan iaitu: pertama, membentuk institusi hisab rukyah yang bertujuan untuk mengusahakan penyatuan dalam penetapan tarikh satu Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Kedua, status institusi atau badan tersebut adalah rasmi pemerintah. Ketiga, lembaga hisab rukyah tersebut memberikan saranan kepada Menteri Agama RI dalam menetapkan tarikh permulaan takwim hijrah. Keempat, anggota lembaga hisab rukyah terdiri dari anggota tetap yang terdiri dari tiga bahagian iaitu dari Kemenag RI, pakar falak atau hisab dan ulama pakar hukum Islam.

Hasil rumusan tersebut diserahkan kepada Direktorat Peradilan Agama, pada tarikh 2 April 1972 Direktur Peradilan Agama mengusulkan nama-nama anggota kepada Menteri Agama. Pada tanggal 16 Ogos tahun 1972 dikeluarkan Surat Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia No. 77 tahun 1972 tentang pembentukan Badan Hisab dan Rukyah (BHR) Kemenag RI.<sup>10</sup>

---

Penentuan Awal Puasa dan Hari Raya di Indonesia". *Jurnal Ahkam*, Vol. XII, No. 1 (Januari 2012), 72-75

<sup>9</sup> Ichtijanto, *Almanak Hisab Rukyah* (Jakarta: Bulan Bintang, 1981), 23

<sup>10</sup> Susiknan Azhari, *Pembaharuan Pemikiran Hisab di Indonesia*, 12-18

Dengan Surat Keputusan Menteri Agama No.77 tahun 1972 tanggal 16 Ogos mengekalkan Sa'adoeddin Djambek sebagai pengarah dan Wasit Aulawi sebagai timbalan, serta Djabir Manshur sebagai setiausaha BHR Kemenag RI. Institusi pemerintah tersebut beranggotakan tujuh orang dan berpusat di Jakarta serta mempunyai cawangan lainnya yang terdapat di seluruh daerah Indonesia.<sup>11</sup>

Pada awal penumbuhannya, BHR dikelola oleh para pakar ilmu falak, namun dengan berkembangnya lembaga tersebut dan peraturan pentadbiran Kemenag RI, pengurusan BHR dilakukan oleh Pegawai Kerajaan pada Kemenag RI. Pengarah daripada badan tersebut menjadi sebuah jawatan yang ditugaskan oleh Menteri Agama RI. Demikian juga dengan BHR yang ada di daerah yang diurus oleh Ketua Kantor Wilayah Kementerian Agama Provinsi (Kanwil Kemenag RI), sedangkan BHR Kabupaten/Kota diuruskan oleh Ketua Kantor Kementerian Agama Kabupaten/Kota. Dewan pengurus dan kaki tangan BHR Kemenag RI terdiri daripada pegawai Kemenag RI yang beranggotakan Hakim Pengadilan Agama/Mahkamah Syariat, Ulama/Majelis Ulama Indonesia, institusi Islam, pakar dari universiti, Badan Meteorologi dan Geofizik/Planetarium, Pemerintah Daerah/ institusi berkait dan pakar hisab rukyah.<sup>12</sup>

Dalam Surat Keputusan Menteri Agama RI disebutkan bahawa tugas BHR bukan hanya dalam praktikal sahaja, tetapi juga diharuskan untuk mengembangkan keilmuan melalui penyelidikan dan pengkajian yang mendalam. Kehadiran BHR pada asasnya untuk menjaga *ukhuwah Islāmiyah* khasnya dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya. Namun, tugas tersebut belum dapat diwujudkan secara praktikal. Sebagai contoh dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya

<sup>11</sup> *Ibid.*, Keputusan Menteri Agama RI Tentang Pembentukan Badan Hisab dan Rukyah Departemen Agama, 16 Ogos 1972 (No.77/1972)

<sup>12</sup> Hal tersebut sesuai dengan Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Pembentukan Pengurus Badan Hisab dan Rukyah Kementerian Agama (Nombor 56 Tahun 2010)

masih terjadi perbezaan. Bahkan perbezaan tersebut terjadi pada tingkat yang paling tinggi iaitu institusi Islam nasional dan daerah yang menjadi anggota daripada BHR.

Badan Hisab dan Rukyah Kementerian Agama (BHR) ini sudah menjangkau 40 tahun lebih, sehingga dapat dikatakan bahawa lembaga tersebut sudah sangat tua dan berpengalaman dalam proses penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia. BHR Kemenag RI telah melakukan mesyuarat hisab dan rukyah antara negara Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia sehingga menghasilkan sebuah kaedah hisab dan rukyah kawasan yang boleh diamalkan bersama. BHR juga ikut hadir dalam beberapa pembentangan antar bangsa dalam tujuan membina kerjasama dengan negara-negara Islam lainnya.<sup>13</sup>

Semenjak tahun 1995, peran BHR sebagai institusi yang melakukan pengkajian ilmu falak dan menyatukan rakyat Indonesia dalam pelaksana ibadah puasa Ramadan dan hari raya mulai kurang berkuasa, hal tersebut kerana tidak diajarkan lagi subjek ilmu falak pada universiti Islam dan madrasah-madrasah di Indonesia, sehingga perhatian masyarakat terhadap perkembangan ilmu tersebut berkurang.<sup>14</sup>

Pada zaman presiden RI Abdurrahman Wahid pada tahun 1999 dengan Menteri Agama KH Tolchah Hasan, dukungan politik terhadap BHR dalam menyatukan pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya dihilangkan. BHR pada tingkat nasional dan daerah tidak lagi aktif, bahkan dicadangkan untuk dibubarkan. Sedangkan autoriti penentuan awal Ramadan dan Syawal diberikan kuasa kepada masyarakat melalui institusi-institusi Islam.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Kemenag RI, *Almanak Hisab Rukyah* (Jakarta: Kemenag RI, 2010), 81-88

<sup>14</sup> Susiknan Azhari, *Pembaharuan Pemikiran Hisab di Indonesia*, 19

<sup>15</sup> Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Kemenag RI, *Almanak Hisab Rukyah*, 87-88

Semasa jawatan Menteri Agama RI diketuai oleh Suryadharma Ali di bawah pemerintahan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono, kuasa BHR dipulihkan kembali. Sehingga BHR mulai berkembang dalam memberikan pendidikan ilmu falak dan melakukan penyatuan dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya. Dalam memberikan sokongan terhadap BHR, pemerintah membina balai cerap (makmal hisab dan rukyatulhilal) di daerah-daerah Indonesia, sebagai tempat asas dalam perkembangan pemikiran ilmu falak.<sup>16</sup>

Salah satu makmal hisab dan rukyatulhilal yang dibina adalah Balai Cerap Hilal Tgk. Chiek Kuta Karang di Pantai Lhoknga Aceh pada tahun 2008. Barai cerap tersebut dilengkapi dengan ruangan kuliah serta alatan hisab dan rukyah moden yang dapat digunakan untuk tujuan penyelidikan ilmiah dan memberikan pembelajaran tentang kaedah hisab dan rukyah kepada masyarakat.<sup>17</sup>

### **3.3. Autoriti Kementerian Agama RI dalam Penentuan Awal Ramadhan dan Syawal di Indonesia**

Takrif autoriti dalam Kamus Dewan Bahasa Melayu adalah “kuasa atau hak (memberi perintah, mengawal, memberi keputusan, dsb)”. Autoriti juga membawa makna dengan “sumber (orang atau buku dsb) sebagai sumber maklumat tentang sesuatu yang boleh diterima atau dipercayai.”<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> Siti Tatmainul Qulub, "Telaah Kritis Putusan Sidang Isbat Penetapan Awal Bulan Qamariyah Di Indonesia Dalam Perspektif Ushul Fikih," *Jurnal Al-Ahkam* 25, No.1 (April 2015), 113

<sup>17</sup> Ahmad Izuddin, "Pusat Observatorium Tgk. Chiek Kuta Karang Aceh, laman sesawang Kemenag RI, dicapai, 12 Disember 2015, <http://bimasislam.kemenag.go.id/post/opini/pusat-observatorium-bulan-pob-tgk-chiek-kuta-karang-aceh>.

<sup>18</sup>Kamus Dewan, ed. ke-4, laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu* (PRPM), di capai 4 march 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=autoriti>

Kuasa Kemenag RI sebagai Institusi Negara dalam menetapkan tarikh satu Ramadan dan Syawal di berikan melalui enakmen undang-undang negara dan disokong melalui fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI).

### **3.3.1. Autoriti Kementerian Agama RI Menurut Enakmen Undang-undang RI**

Keputusan Presiden RI tahun 1946 No.2/Um.7/Um.9/Um jo Keputusan Presiden No.25 Tahun 1967, No.148 Tahun 1968 dan No.10 Tahun 1971, menyebutkan bahawa Kemenag RI mempunyai kuasa untuk menetapkan hari-hari cuti bersama untuk memperingati hari-hari besar agama-agama yang ada di Indonesia, termasuk agama Islam. Selanjutnya Menteri Agama RI mengatur seluruh aturan dan tatacara penentuan hari-hari tersebut dengan menerbitkan “Surat Keputusan Menteri Agama RI”.

Berbeza dengan agama-agama lainnya, agama Islam mempunyai kaedah tersendiri dalam penetapan hari-hari besar iaitu dengan menggunakan perhitungan peredaran bulan. Oleh itu, Menteri Agama RI menerbitkan Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia No. 77 tahun 1972 tentang pembentukan Badan Hisab dan Rukyah (BHR) Kemenag RI yang bertugas untuk melaksanakan tugas dalam penetapan hari-hari besar agama Islam. Ada beberapa hari besar Islam yang dimasukkan kepada cuti nasional di Indonesia iaitu: tahun baru Islam 1 Muharram, 12 Rabiulawal, 27 Rejab, 1 Syawal dan 10 Zulhijah.

Penentuan tarikh bulan hijrah di atas untuk keperluan cuti nasional diberi kuasa sepenuhnya kepada BHR Kemenag RI, kecuali dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal yang ditetapkan melalui Sidang Isbat. Penetapan 1 Muharram, 12 Rabiulawal dan 27 Rejab ditetapkan lebih awal, hal ini dilakukan kerana penetapan hari-hari bulan

tersebut ditetapkan dengan metode hisab sahaja tanpa menggunakan rukyah. Sedangkan penentuan awal Ramadan dan Syawal menggunakan hisab dan rukyah. Hal tersebut terdapat dalam “Kebijakan Pemerintah dalam Menetapkan awal Bulan Kamariah” yang diterbitkan dalam buku “Ephemeris Hisab Rukyah”.<sup>19</sup>

Tahun 2006, Presiden Republik Indonesia mengeluarkan pembahagian autoriti dalam penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal di Indonesia. Keputusan ini ditetapkan kerana dikeluarkan institusi Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah daripada Kemenag RI dan masuk ke dalam institusi Mahkamah Agung. Undang-undang nombor 3 tahun 2006 sebagai ganti daripada undang-undang nombor 7 tahun 1989 tentang Pengadilan Agama dan Mahkamah Syariah lebih mengekalkan Kemenag RI selaku institusi yang dapat melaksanakan penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal, sedangkan tugas memeriksa kesaksian anak bulan diberikan kepada kuasa Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah.<sup>20</sup>

### **3.3.2. Fatwa Majelis Ulama Indonesia Tentang Autoriti Kementerian Agama RI**

Selain berpandukan kepada hukum-hukum dari ketetapan negara yang terdiri dari enakmen undang-undang, autoriti Kemenag RI dalam menentukan awal Ramadan dan Syawal juga disokong oleh pendapat mazhab fiqah. Seperti yang disebutkan di dalam Kebijakan Pemerintah RI dalam Menetapkan Awal Bulan Kamariah di Indonesia tahun 2014

“Dalam Mazhab Syafi’i mensyaratkan bahawa penetapan (isbat) awal bulan kamariah khususnya awal Ramadan, Syawal, dan Zulhijah harus dilakukan oleh pemerintah/hakim. Apabila pemerintah telah menetapkan

---

<sup>19</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014* (Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013), 389

<sup>20</sup> Enakmen Undang-undang tentang Pengadilan Agama dan Mahkamah Syariah Republik Indonesia (Pasal 52A No. 3, 2006)

nya maka seluruh umat Islam wajib mengikuti dan melaksanakannya, Sedang mazhab Hanafi, Maliki, dan Hanbali tidak mensyaratkan harus ditetapkan oleh pemerintah/hakim. Tetapi jika pemerintah telah menetapkan maka umat Islam wajib mengikuti dan mentaatinya.”<sup>21</sup>

Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah mengeluarkan fatwa dalam menyokong pemerintah dalam menetapkan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Isi daripada Fatwa MUI tersebut adalah:

“1. Penetapan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah dilakukan berdasarkan metode rukyah dan hisab oleh Pemerintah RI cq Menteri Agama dan berlaku secara nasional. 2. Seluruh umat Islam di Indonesia wajib mentaati ketetapan pemerintah RI tentang penetapan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah. 3. Dalam menetapkan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah, Menteri Agama wajib berkonsultasi dengan Majelis Ulama Indonesia, ormas-ormas Islam dan instansi terkait. 4. Hasil rukyah dari daerah yang memungkinkan anak bulan di rukyah walaupun di luar wilayah Indonesia yang mathla’nya sama dengan Indonesia dapat dijadikan pedoman oleh Menteri Agama RI”.<sup>22</sup>

Terdapat beberapa tujuan asas yang menjadi latar belakang MUI mengeluarkan fatwa nombor 2 tahun 2004 iaitu terjadinya perbezaan dalam masyarakat mengenai waktu pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya. Perbezaan tersebut terjadi kerana banyaknya autoriti dalam masyarakat yang melakukan penentuan waktu-waktu tersebut, sehingga menimbulkan kesan negatif terhadap syiar dan dakwah Islam. Maka MUI memberikan penyelesaian terhadap masalah tersebut dengan memberikan hak kuasa kepada Kemenag RI mewakili pemerintah untuk menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal.

Dalam fatwa MUI nombor 2 tahun 2004 disebutkan bahawa kaedah yang boleh digunakan oleh Kemenag RI dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal adalah kaedah rukyatulhilal dan hisab. Metode hisab dan rukyah menurut MUI merupakan

<sup>21</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 396

<sup>22</sup> Keputusan Fatwa Majelis Ulama Indonesia tentang Penetapan Awal Ramadan, Syawal, dan Zulhijah, (No. 2 tahun 2004)

metode yang mempunyai landasan kuat daripada al-Qur'an dan Hadis. Antaranya adalah al-Qur'an surah *Yūnūs* 10:5 dan hadis hisab awal bulan hijrah yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar dan hadis perintah melakukan rukyatulhilal. Oleh itu MUI mensahkan dua metode tersebut sebagai metode yang dapat digunakan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Dalam hal ketaatan kepada keputusan Kemenag RI dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, MUI menggunakan beberapa dalil iaitu ayat al-Qur'an tentang kewajipan orang yang beriman untuk taat kepada Allah, taat kepada rasul serta *ulū al-amr*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَمْرٌ مِّنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ

فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Al-Nisā' 4:59

Terjemahan: "wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah SAW dan kepada *ulū al-amr* (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasulnya (Sunnah Nabi SAW) jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya".

*Ulū al-amr* dalam ayat di atas ditafsirkan penguasa atau *al-umarā'*, *ulū al-'ilm wa al-fiqh* dan *ulū al-'aql wa al-fiqh al-dīnillāh*.<sup>23</sup> Ibn Katsir, setelah mengutip sejumlah hadis dan pendapat para ulama mengenai makna *ulū al-amr*, maka dibuat kesimpulan bahawa *ulū al-amr* itu adalah, *ahl al-fiqh wa al-dīn*, '*ulamā'* dan *umarā'* secara umum.<sup>24</sup> Kesimpulan daripada tafsir ayat di atas dilakukan oleh Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī yang menyebutkan bahawa *ulū al-amr* itu adalah *umarā'*, ahli hikmah,

<sup>23</sup> Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur‘an* (Beirut: Jāmi‘ al-Ḥuqūq al-Maḥfūḍah, 2003), 7:176–182.

<sup>24</sup> Ismā‘īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Aqīm* (Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000 M/1421 H), 4: 136

ulama, dan seluruh pemimpin umat Islam (*al-zu ‘amā*) yang menjadi rujukan manusia dalam hal kemaslahatan umum. *Ulū al-amr* juga disebut dengan *ahl al-halli wal ‘aqd* yang dipercayai oleh umat untuk mengatur kemaslahatan kehidupan umat.<sup>25</sup> Dari penjelasan makna *ulū al-amr* tersebut, MUI menjadikan Kemenag RI sebagai pemimpin yang menjadi rujukan umat Islam di Indonesia dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal.

Selain dalil al-Qur'an di atas, MUI juga menggunakan hadis tentang perintah untuk mendengar dan taat kepada pemimpin walaupun dipimpin oleh hamba dari *Habshī* yang diriwayatkan oleh Anās bin Mālik.

اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا وَإِنْ اسْتَعْمِلْ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ حَبَشِيٌّ كَانَ رَأْسَهُ زَبَبَةً<sup>26</sup>

Terjemah: “Dengarlah dan taatlah sekalipun yang memimpin kalian adalah seorang hamba Habsyi, seolah-olah kepalanya botak”.

Hadis di atas menunjukkan sesiapapun pemimpin yang memimpin dengan Kitab Allah dan Sunah Nabi SAW merupakan amir yang wajib ditaati.<sup>27</sup> Oleh itu diperintahkan untuk meninggalkan seluruh kepentingan peribadi dan kelompok dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal serta berpandukan kepada hasil penetapan Kemenag RI dengan tujuan kemaslahatan umat Islam.

MUI juga menggunakan beberapa *al-qawā‘id al-fiqhiyah* yang dijadikan landasan dalam hal ketaatan kepada pemerintah dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal

<sup>25</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī* (Mesir: al-Bāb al-Halabī, 1946), 5:72

<sup>26</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Aḥkām, bab al-sam‘u wa al-tā‘ah li al-imām mā lam takun ma‘ṣiyah, No. Hadis 7142 , Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400 H), 4:329

<sup>27</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997 M/1418 H), 13:153

## Kaedah pertama:

حکم الحاکم فی مسائل الاجتہاد یرفع الخلاف ویرجع المخالف عن مذهبہ ملذہب

<sup>28</sup> الحاکم

Terjemahan: Keputusan hakim dalam persoalan ijтиhad menghilangkan persengketaan dan orang yang bersengketa berpedoman kepada hasil ijтиhad hakim.

Aplikasi kaedah tersebut berlaku pada keputusan hakim atau *qādī* dalam mahkamah. Oleh itu, hakim atau *qādī* mempunyai kuasa untuk menyelesaikan perselisihan dan perbezaan di antara masyarakat seperti perkahwinan, talak, rujuk dan harta pusaka.<sup>29</sup> Menurut al-Jaššāš, keputusan hakim hanya diperlukan dalam menguji kebenaran atau kesahihan sebuah akad. Keputusan hakim dalam kes tersebut juga dapat menghilangkan perbezaan pendapat pemahaman fiqh yang terjadi antara orang-orang yang melaksanakan akad perjanjian.<sup>30</sup>

Penggunaan kaedah di atas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI disebabkan oleh banyaknya aliran dan pemikiran hisab serta rukyah yang digunakan oleh institusi-institusi Islam di Indonesia dalam melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal, sehingga mereka menghasilkan ijтиhad yang berbeza. Kemenag RI bertugas mengambil keputusan secara objektif dan ilmiah untuk menyatukan aliran dan pemikiran tersebut, sehingga penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Menteri Agama RI dalam Sidang Isbat dapat diperakui dan diikuti oleh seluruh rakyat Indonesia.

<sup>28</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *al-Furūq* (Beirut: Mu'assasah Risālah 2003 M / 1424 H), 2:192

<sup>29</sup> *Ibid.*,

<sup>30</sup> Kaedah tersebut diguna pakai dalam memberikan tafsir surat *al-Baqarah* 2:188 Abī Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Rāzī al-Jaššāš, *Aḥkam al-Qur'ān* (Beirut: Dār Aḥyā' al-Tūrath al-'Arabī, 1992 M/ 1412 H), 1: 311

Seluruh institusi-institusi Islam di Indonesia wajib mengikuti keputusan Kemenag RI yang dibuat dalam mesyuarat Sidang Isbat dan tidak boleh menafikannya. Hal ini sejalan dengan kaedah di atas, bahawa keputusan Menteri Agama RI sebagai hakim dapat menghilangkan perbezaan pendapat dalam pelaksanaan ibadah puasa di bulan Ramadan dan berhari raya.

Penggunaan kaedah *hukm al-hākim* dalam kes ketaatan kepada hasil isbat pemimpin dalam penentuan tarikh satu Ramadan dan Syawal juga disokong oleh Wahbah al-Zuḥaylī.<sup>31</sup>

### Kaedah Kedua:

تصرف الإمام على راعيته منوط بالصلحة.<sup>32</sup>

Terjemahan: “kebijakan pemimpin terhadap rakyatnya harus berdasarkan kepada kemaslahatan”.

Kaedah tersebut bermakna bahawa seluruh kebijakan pemimpin yang berhubungan dengan pengurusan kaum Muslimin harus dilaksanakan dengan berdasarkan kepada kemaslahatan. Kemaslahatan yang dimaksudkan adalah kemaslahatan yang dibatasi oleh syariat.<sup>33</sup> Menurut al-Ghazālī, *al-maṣlahah* adalah meraih manfaat (*jalb al-manāfi'*) dan menghindarkan kerosakan (*daf'u al-mafāsid*) dalam rangka memelihara tujuan syarak iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.<sup>34</sup>

Yūsūf al-Qaraḍāwī menyatakan bahawa pemimpin boleh melakukan ijтиhad dalam hal-hal yang tidak ditetapkan oleh dalil al-Qur'an dan hadis, masalah-masalah

<sup>31</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh* (Beirut: Dār al-Fikr, 2009 M / 1430 H), 2:533-534

<sup>32</sup> Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Al-Siyāsah al-Syari'iyyah* (Mesir: Maktabah Wahbah, 1419 H), 130

<sup>33</sup> Muḥammad Sidqī bin Aḥmad al-Burnū dan Abū al-Ḥarith al-Ghazzī, *Mawsū'ah al-Qawā'id al-Fiqhīyyah* (Riyād: Maktabah al-Tawbah, 1998 M / 1418 H), 308

<sup>34</sup> Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Muṣṭafā fi 'Ilm al-Usūl* (Mesir: al-Āmiriyah, 1324 H), 1:186-187

yang memiliki beberapa alternatif dan dalam kategori *maṣlahah al-mursalah*,<sup>35</sup> Penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia termasuk kepada persoalan yang memiliki banyak alternatif (pilihan) dan mendatangkan kemaslahatan terutama dalam menjaga agama dan ukhuwah Islamiyah.<sup>36</sup>

Selain menggunakan al-Qur'an, hadis dan kaedah fiqah, dalam fatwa MUI juga disebutkan pendapat al-Sharwanī dalam Hāshiyah al-Sharwanī

و محل الخلاف في قبول الواحد إذ لم يحكم به حاكم يراه وجب الصوم على الكافة ولم

ينقض الحكم إجماعاً. قال النواوي في مجموع وهو صريح في أن للقاضي أن يحكم

بكون الليلة من رمضان.<sup>37</sup>

Terjemahan: "Adanya perselisihan tentang penentuan awal Ramadan itu berlaku jika pemerintah tidak menetapkan keputusan dalam masalah tersebut. Jika pemerintah memutuskan dengan apa yang menjadi pendapatnya maka seluruh rakyat wajib berpuasa dan keputusan pemerintah tidak boleh dilanggar. Berkata al-Nawāwī dalam Majmū' "pendapat tersebut benar bahawa hakim berijtihad menurut keadaan pada malam pertama bulan Ramadan.

Pendapat al-Sharwanī di atas menjelaskan bahawa apabila telah adanya hakim mahkamah yang menetapkan kesaksian rukyatulhilal, maka hal tersebut sudah menjadi tanda bahawa awal Ramadan dapat dimulakan. Pendapat tersebut juga disokong oleh al-Nawāwī. Oleh itu dalam konteks negara Indonesia, Kemenag RI boleh dijadikan sebagai hakim dalam menetapkan awal Ramadan dan Syawal sehingga dapat menghilangkan keraguan tentang masuknya waktu tersebut.

<sup>35</sup> Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Al-Siyāsah al-Syari'iyyah*, 130-131

<sup>36</sup> M. Nur Hidayat, "Otoritas Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Qamariyah Perspektif Fiqh Siyasah Yusuf Qardhawi," *Jurisdicte, Jurnal Hukum dan Syariah* 3 (Jun 2012), 83-91.

<sup>37</sup> 'Abd al-Ḥāmid al-Sharwanī, *Hāwashi Tuhfah al-Muḥtaṭ bi Sharḥ al-Minhāj* (Mesir: Muṣṭafā Muḥammad, t.t), 3:376. Dan Keputusan Fatwa Majelis Ulama Indonesia tentang Penetapan Awal Ramadan, Syawal, dan Zulhijah, (Nombor 2 tahun 2004) dalam Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 389

### **3.4. Metode Penentuan Awal Ramadan dan Syawal oleh Kementerian Agama RI**

Kemenag RI melalui Badan Hisab dan Rukyah (BHR) menggabungkan dua metode dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, iaitu metode hisab dan rukyah. Sebelum kedua metode tersebut dijelaskan, maka, terlebih awal dijelaskan kriteria masuknya awal Ramadan dan Syawal menurut Kemenag RI, kerana penggunaan kiraan hisab dan rukyatulhilal berpandukan kepada kriteria-kriteria tersebut.

#### **3.4.1. Kriteria Awal Bulan Ramadan dan Syawal Menurut Kementerian Agama RI**

Kemenag RI menetapkan beberapa kriteria yang harus terpenuhi sebagai asas dalam masuknya awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Kriteria-kriteria tersebut adalah:

1. Telah terjadinya *ijtimā'* (*conjunction*).<sup>38</sup>
2. *ijtimā'* (*conjunction*) terjadi sebelum matahari terbenam
3. Pada saat terbenam matahari, bulan berada di atas ufuk (cakerawala) keadaan *imkān al-ru'yah*.<sup>39</sup>

Ketiga kriteria tersebut penggunaannya secara kumulatif, dalam erti ketiganya haruslah terpenuhi semua. Apabila salah satu kriterianya tidak terwujud, maka bulan baru belum dimulakan.

---

<sup>38</sup> Susiknan Azhari menjelaskan bahawa kata *ijtimā'* sebut juga *iqtirān* iaitu pertemuan, berkumpul dua benda yang berjalan secara aktif. *Ijtimā'* ialah saat di mana posisi matahari dan bulan berada pada bujur langit yang sama, jika dilihat diri arah timur ataupun barat. Pakar astronomi menyebut *ijtimā'* atau *conjunction* itu sebagai *New Moon* (bulan baru). Jarak antara bulan dan matahari pada saat *ijtimā'* hanya 50 darjah, pada keadaan tersebut masih ada bahagian bulan yang mendapatkan pantulan cahaya matahari iaitu bahagian yang menghadap bumi, tetapi tidak dapat dilihat dari bumi kerana ukurannya yang tipis serta berpengaruh kepada dekatnya dengan matahari. Susiknan Azhari, *Ensiklopedi Hisab Rukyah* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2008), 93-94, Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU* (Yogyakarta: Museum Astronomi Islam, 2012), 65 dan Abdul Aziz Dahlan, "Kalender Kamariah," dalam *Ensiklopedi Hukum Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeva, 1997), 2: 676

<sup>39</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 396

Syarat *ijtimā'* ini merupakan syarat utama yang telah disepakati oleh pakar hisab dan rukyah. *Ijtimā'* merupakan awal terjadi pergantian bulan, namun pakar rukyah dan hisab berbeza pendapat tentang masa terjadinya serta posisi anak bulan selepas terjadi *ijtimā'*. Terdapat beberapa aliran konsep *ijtimā'* iaitu *ijtimā' qabl fajr* (*ijtimā'* sebelum fajar), *ijtimā' qabl niṣf al-nahār* (*ijtimā'* sebelum tengah hari), *ijtimā' qabl niṣf al-layl* (*ijtimā'* terjadi sebelum tengah malam) dan *ijtimā' qabl al-ghurūb* (*ijtimā'* sebelum matahari terbenam).<sup>40</sup>

Saat terjadinya *ijtimā'* menandai bahawa bulan telah sempurna umurnya satu bulan, kerana telah mencapai titik finis dalam perjalanan mengelilingi bumi. Namun *ijtimā'* sahaja tidak cukup untuk menentukan masuknya bulan baru, kerana *ijtimā'* boleh terjadi bila-bila masa. Maka aliran *ijtimā'* yang diamalkan oleh Kemenag RI adalah *ijtimā' qabl al-ghurūb* iaitu *ijtimā'* awal bulan hijrah terjadi sebelum matahari terbenam.

Kriteria *ijtimā' qabl al-ghurūb* dihasilkan daripada kefahaman ayat-ayat al-Qur'an, Hadis, fiqah dan dibantu oleh ilmu falak atau astronomi. Salah satu ayat al-Qur'an yang berhubungan dengan kriteria *ijtimā' qabl al-ghurūb* disebutkan dalam surah *Yāsīn*

وَالْقَمَرُ قَدَّرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعَجُونِ الْفَدِيرِ ﴿١٢﴾ لَا أَشَمَّسُ يَنْبَغِي  
هَلَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرُ وَلَا أَلَيْلٌ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلُّ فِلَكٍ يَسْبُحُونَ

Surah Yāsīn 36: 39-40

Terjemahan: Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarnya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya – (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak

---

<sup>40</sup> Muhyiddin Khazin, *Ilmu Falak Dalam Teori dan Praktik* (Jakarta: Buana Pustaka, 2008), 12

dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

Kedua ayat di atas menjelaskan tiga hal iaitu peristiwa *ijtimā'*, peristiwa penggantian siang kepada malam dan ufuk sebagai tempat terbenam matahari. Allah SWT telah mentakdirkan kedudukan bulan dalam peredarannya. Dalam astronomi dapat difahami kedudukan tersebut adalah kedudukan bulan dalam perjalanannya mengelilingi bumi. Pada kedudukan bulan terakhir mengelilingi bumi dapat dilihat dari bumi pada terakhir kali, bulan terlihat seperti tandan yang kering atau bulan sabit daripada bulan tua yang terlihat di pagi hari sebelum menghilang dari penglihatan. Pada perjalanannya tersebut, bulan menghilang dari penglihatan dan melintas antara matahari dan bumi. Ketika itulah terjadilah *ijtimā'* iaitu saat di mana posisi matahari dan bulan berada pada bujur langit yang sama, jika dilihat diri arah timur ataupun barat.<sup>41</sup>

Sedangkan pemilihan kaedah *ijtimā'* *qabl al-ghurūb* berdasarkan kepada Surah *Yāsīn* ayat 40. Di dalam ayat tersebut dijelaskan bahawa, malam tidak mungkin mendahului siang, tetapi sebaliknya siang yang mendahului malam dan malam menyusul siang. Penyataan ini bermakna terjadinya penggantian hari adalah pada waktu terbenam matahari. Menurut majoriti ulama fiqah, kiraan satu hari adalah dimulakan dari pada terbenam matahari hingga terbenam matahari berikutnya. Oleh itu, terbenam matahari pada terakhir hari bulan, bertanda berakhirnya bulan lama dan dimulakannya bulan baru. Maka kaedah masuknya bulan baru dimulakan dengan terjadinya *ijtimā'* sebelum matahari terbenam pada hari terakhir daripada bulan hijrah.

Terbenam matahari sebagai tanda penggantian tarikh dan bulan sangatlah berhubungan dengan ufuk atau cakerawala, karena dinamai matahari telah terbenam, jika telah berada di bawah ufuk. Oleh itu, ufuk dijadikan sebagai garis batas untuk

<sup>41</sup> Majelis Tarjih Dan Tajdid PP Muhammadiyya, *Pedoman Hisab Muhammadiyah* (Yogyakarta: Majelis Tarjih dan Tajdid PP Muhammadiyah, 2009), 90-91

menentukan apakah bulan sudah mendahului matahari atau belum dalam perjalanan keduanya dari arah barat ke timur. Dengan makna lain bahawa, ketika matahari terbenam, bulan sudah berada di atas ufuk

Keberadaan bulan setelah matahari terbenam di atas ufuk, bukanlah bermakna esoknya sudah masuk kepada bulan baru, tetapi kedudukan bulan di atas ufuk selepas matahari terbenam harus dalam kriteria *imkān al-ru'yah* atau bulan tersebut harus dapat dilihat oleh mata manusia.<sup>42</sup> Penggunaan kriteria tersebut merupakan pengamalan daripada hadis-hadis rukyatulhilal. Seperti hadis daripada Ibn 'Abbās

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "إِنَّ اللَّهَ مَدَهُ لِلرَّؤْيَاةِ فَهُوَ لِلليلَةِ رَأَيْتُمُوهُ"<sup>43</sup>

Terjemahan: “sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT telah membentangkan anak bulan untuk boleh dilihat. Oleh itu, mulalah pada malam kamu melihatnya”.

Hadis lainnya seperti yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهِلَالَ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ غَمَّ عَيْنُكُمْ فَاقْدُرُوا لَهُ<sup>44</sup>

Terjemahan: “dari 'Abd Allāh bin 'Umar RA bahawa Rasulullah SAW menceritakan tentang bulan Ramadan lalu beliau bersabda: "Janganlah kalian berpuasa hingga kalian melihat anak bulan dan jangan pula kalian berbuka hingga kalian melihatnya. Apabila anak bulan terhalang oleh awan maka kirakan jumlah hari bulan”.

Kedua hadis di atas menjelaskan bahawa anak bulan sebagai tanda masuknya awal bulan baru haruslah anak bulan yang boleh dilihat oleh manusia dengan mata. Oleh

<sup>42</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah* 2014, 396


<sup>43</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Siyām, bab bayān an li i'tibār bi kabr al-hilāl wa sughrih, No. hadis 19 (1088). Muslim bin Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Šaḥīḥ Muslim* (Riyāḍ: Dār Ṭaybah, 1426 H) 1:486

<sup>44</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī Kitab al-Siyām, إذا رأيتم الهدال فصوموا، وإذا رأيتموه (إذا رأيتم الهدال فصوموا، وإذا رأيتموه، فافطروا)، No hadis 1906 Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Šaḥīḥ* (Mesir: Al-Salafiyyah, 1400) 2:32

itu, Kemenag RI membuat sebuah kriteria kedudukan anak bulan di atas ufuk yang dapat di rukyah oleh mata manusia dengan menggunakan istilah *imkān al-ru'yah*.

Kriteria *imkān al-ru'yah* yang digunakan oleh Kemenag RI adalah pada waktu matahari terbenam, ketinggian anak bulan (*irtifā' hilāl*)<sup>45</sup> di atas ufuk minimum 2 darjah dan sudut jarak lengkung (*elongation*)<sup>46</sup> bulan dengan matahari minimum 3 darjah atau pada waktu anak bulan terbenam, umur anak bulan minimum 8 jam dihitung sejak terjadinya *ijtimā'*. Kriteria *imkān al-ru'yah* dapat dilihat pada gambar di bawah ini

Rajah 2.1. *Imkān al-Ru'yah* MABIMS



Sumber: Mutoha Arkanuddin, Modul Pelatihan Hisab Rukyah Awal Bulan Hijrah, laman sesawang RHI (Rukyah Hilal Indonesia), <http://rukyatulhilal.org>

Kriteria tersebut di atas merupakan kriteria yang telah disepakati oleh Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapore yang dikenal dengan MABIMS pada Tahun 1992. Kriteria tersebut dihasilkan dari pengalaman-

<sup>45</sup> *Irtifā'* adalah ketinggian benda langit dikira daripada kaki langit melalui lingkaran vertikal sampai benda langit yang dimaksudkan. Ketinggian benda langit diberi tanda positif jika berada di atas cakerawala (kaki langit) dan diberi tanda negatif jika berada di bawahnya. Dalam ilmu astronomi disebut *altitude*. Susiknan Azhari, *Ensiklopedi Hisab Rukyah*, 102

<sup>46</sup> *Elongation* disebut juga elongasi atau *angular distance* adalah jarak sudut antara bulan dan matahari. Dalam Bahasa Arab disebut *al-ba'du al-zawiyy*. *Ibid.*, 61

pengalaman rukyah yang telah dilakukan pada negara-negara terbabit selama puluhan tahun.<sup>47</sup>

Kriteria Kemenag RI dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal dipilih sebagai metode mutawassitah (pertengahan) antara pemikiran hisab dan rukyah. Sehingga dengan berpedoman kriteria tersebut, boleh menyatukan masyarakat Islam di Indonesia dalam isu penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Kesimpulannya ialah kaedah masuknya awal Ramadan dan Syawal menurut Kemenag RI adalah apabila *ijtimā'* telah terjadi sebelum matahari terbenam dan kedudukan anak bulan selepas matahari terbenam pada keadaan *imkān al-ru'yah*, maka dapat dipastikan bahawa anak bulan boleh di rukyah, dan malam tersebut adalah awal daripada bulan baru. Apabila *ijtimā'* telah terjadi selepas terbenam matahari dan posisi anak bulan belum dalam keadaan *imkān al-ru'yah*, maka hari bulan yang sedang berjalan disempurnakan (*istikmāl*) menjadi 30 hari bulan.

Untuk menjalankan kriteria masuknya awal Ramadan, Syawal dan 10 Zulhijah yang telah dijelaskan di atas, maka digunakan metode hisab dan rukyatulhilal. Metode hisab digunakan untuk melakukan kiraan secara teori, sedangkan rukyatulhilal pembuktian secara praktikal.

### 3.4.2. Metode Hisab Kementerian Agama RI

Metode hisab digunakan oleh Kemenag RI sebagai asas dalam melaksanakan rukyatulhilal, kerana dengan kaedah hisab dapat diketahui kedudukan anak bulan serta masanya, sehingga memudahkan kepada para petugas untuk melaksanakan rukyah.

<sup>47</sup> Thomas Djamaruddin, *Astronomi Memberi Solusi Penyatuan Umat* (Indonesia: Lembaga Penerangan dan Antariksa Nasional (LAPAN), 2011), 18, dan Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Pembentukan Pengurus Badan Hisab dan Rukyah Kementerian Agama (Nombor 56 Tahun 2010), Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 396

Dalam perkembangannya, ilmu hisab memiliki beberapa aliran iaitu *hisāb ‘urfī* dan *hisāb taqribī*, dan *hisāb haqīqī*. *Hisāb ‘urfī* merupakan sistem perhitungan kalender hijrah berdasarkan perkiraan rata-rata dari peredaran bulan mengelilingi bumi dan ditetapkan secara konvensional. *Hisāb taqribī* iaitu sistem hisab yang menjadi asas dalam penentuan hari bulan hanyalah *ijtimā‘* sahaja. Sedangkan *hisāb haqīqī* adalah sistem perhitungan yang berasaskan kepada peredaran bulan dan bumi yang sebenarnya. Hisab ini berdasarkan kepada sistem *ijtimā‘* bumi, bulan dan matahari, di mana penentuan awal bulan hijrah dikira berpandukan ketika terjadinya *ijtimā‘* sebenarnya. Menurut sistem ini, umur bulan tidak dapat dipastikan, melainkan disandarkan kepada kedudukan anak bulan di setiap awal bulan yang mana berkemungkinan 29 hari secara berturutan ataupun bersilih ganti.<sup>48</sup>

Data-data yang digunakan dalam metode *hisāb haqīqī* selalu berkembang bersesuaian dengan kemajuan sains, teknologi dan hasil-hasil penyelidikan astronomi moden. Praktikalnya, hisab ini menggunakan data-data astronomi moden dan gerakan bulan dan matahari serta menggunakan kaedah ilmu ukur segi tiga bola (*spherical trigonometry*), keadaan cahaya bulan dan matahari serta keadaan cuaca dan geografi daerah. Hisab ini juga sering disebut dengan *hisāb haqīqī bi al-tahqīq*, hasil perhitungan dengan menggunakan hisab ini diakui kiraan yang pasti serta tepat.<sup>49</sup> Kemenag RI menggunakan kaedah hisab tersebut dalam melakukan hisab awal bulan hijrah di Indonesia.

Metode hisab yang digunakan oleh Kemenag RI dinamakan dengan “*Ephemeris Hisab Rukyah*”. Ephemeris Hisab Rukyah merupakan metode hisab awal bulan yang dikembangkan Kemenag RI dengan menggunakan *hisāb haqīqī bi al-tahqīq*. Metode tersebut ditulis di dalam buku “Ephemeris Hisab dan Rukyah” yang diterbitkan setiap

<sup>48</sup> Muchtar Ali et al., *Buku Saku Hisab Rukyah* (Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013), 107-110  
<sup>49</sup> *Ibid.*,

tahun sejak tahun 1993 oleh Direktorat Pembinaan Badan Peradilan Agama Islam yang kini bernama Direktorat Urusan Agama Islam dan Pembinaan Syariah Kementerian Agama Republik Indonesia.<sup>50</sup>

Buku Ephemeris Hisab Rukyah yang dikeluarkan Kemenag RI, menyatakan maklumat seperti: Kalendar Masihi, Takwim awal bulan hijrah yang telah diambil daripada hasil perkiraan *ijtimā‘*, fasa-fasa bulan dan waktu gerhana bulan dan matahari, ketinggian anak bulan ketika matahari terbenam di seluruh dunia, maklumat kedudukan bulan dan matahari setiap jam selama satu tahun. Maklumat berkenaan matahari dan bulan tersebut telah dimasyarakatkan oleh BHR Kemenag RI melalui program *Hisab by Windows* atau *Winhisab*.<sup>51</sup>

Terdapat beberapa langkah yang harus dilakukan untuk melakukan hisab awal bulan hijrah.

1. Menentukan bulan dan tahun yang akan dihisab,
2. Menentukan lokasi tempat rukyatulhilal, secara garis lintang dan bujur serta tinggi tempat dari permukaan laut,
3. Menentukan tarikh 29 anak bulan hijrah serta mengubahnya kepada takwim masihi,
4. Menyiapkan data astronomi pada tarikh tersebut dengan merujuk kepada Buku *Ephemeris Hisab Rukyat*.
5. Mengira *fraction illumination* bulan (besarnya piringan bulan yang menerima sinar) terkecil.
6. Menghitung kecepatan (*sabaq*) matahari dan bulan serta jarak antara keduanya,
7. Menghitung titik serta masa terjadinya *ijtimā‘*,

<sup>50</sup> *Ibid.*, Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 11

<sup>51</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 11 dan Muhyiddin Khazin, *Ilmu Falak Dalam Teori dan Praktik*, 152-154

8. Mengira saat terbenam matahari dan keadaan matahari di saat terbenam seperti tinggi, sudut dan masa terbenam,
9. Mengira keadaan anak bulan seperti tinggi anak bulan, sudut masa anak bulan,
10. Hisab lain yang perlu diketahui yang berhubungan dengan bulan dan matahari seperti mengira matahari terbenam, *azimuth* dan sudut matahari saat terbenam, menentukan kedudukan bulan serta tinggi anak bulan sama ada kiraan sebenarnya (*haqīqī*) ataupun (cerapan pancaindera) *hissī* dan keadaan-keadaan lain yang berkaitan dengan bulan dan matahari.<sup>52</sup>

Berpandukan kepada kiraan hisab tersebut, Kemenag RI menyimpulkan beberapa posisi anak bulan dinilai berkisar pada tiga keadaan iaitu anak bulan pasti tidak mungkin dilihat (*istihālah. al-ru'yah*), mungkin dapat dilihat (*imkān al-ru'yah*), pasti dapat dilihat (*al-qat'u bi al-ru'yah*).<sup>53</sup>

Hisab yang dilakukan di atas bukan sebagai asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI, namun hisab tersebut dilakukan sebagai panduan yang digunakan oleh orang-orang yang hendak melakukan rukyatulhilal. Melalui kaedah secara hisab, dapat disimpulkan bahawa kriteria awal bulan baru telah tercapai sepenuhnya, namun keputusan masuknya awal bulan hijrah belum dapat diputuskan kerana hasil hisab tersebut harus dibuktikan secara rukyah yang meyakinkan.

Metode hisab Kemenag RI tersebut juga diperakui serta diamalkan oleh majoriti pakar hisab di Indonesia, sama ada secara perseorangan (individu) ataupun institusi-institusi Islam. Hisab yang diamalkan oleh Kemenag RI sebagai penyelesaian terhadap

---

<sup>52</sup> Lihat secara lengkap dalam Muhyiddin Khazin, *Ilmu Falak Dalam Teori dan Praktik*, 155-169, Oman Fathurohman SW, "Hisab Awal Bulan Kamariah Sistem Ephemeris Hisab Rukyat" (Makalah, Orientasi Hisab Rukyah se Sumatera Utara dan Aceh, Medan, 2011), 8 dan Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 416-433

<sup>53</sup> Kementerian Agama RI, *Ilmu Falak Praktik*, 100, dan 'Abd al-Hamid al-Sharwanī, *Hawāshī Tuhfah*, 3: 373.

banyaknya ilmu-ilmu hisab yang digunakan di Indonesia sama ada *hisab ‘urfī* ataupun *hisāb taqrībī* yang kebenarannya hanya sangkaan dan agakan sahaja.

### **3.4.3. Metode Rukyatulhilal Kementerian Agama RI**

Kemenag RI dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal dapat dikelompokkan kepada penganut rukyah dibandingkan hisab. Hal ini kerana, dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal menjadikan rukyah sebagai data primer dan hisab sebagai data pendukung.

Rukyah yang diamalkan oleh Kemenag RI adalah *ru‘yah al-hilāl bi al-fi‘lī* iaitu melihat anak bulan dengan mata secara langsung. Penggunaan alat-alat rukyah moden dalam proses pelaksanaan rukyah tetap dibenarkan, tetapi dengan tujuan membantu atau memastikan kebenaran anak bulan yang telah berhasil dilihat.

Kemenag RI menggunakan kriteria *imkān al-ru‘yah* bertujuan untuk menghindari rukyah yang meragukan. Oleh itu, seluruh kesaksian rukyatulhilal pada keadaan anak bulan yang belum memenuhi kriteria *imkān al-ru‘yah* tidak diterima, karena kesaksian tersebut bercanggah dengan ilmu hisab moden.<sup>54</sup>

Hasil rukyah yang dilakukan oleh Kemenag RI berpandukan kepada metode *maṭla‘ wilāyah al-ḥukm* iaitu konsep *maṭla‘* yang bersesuaian dengan batasan negara secara politik. Bermakna bahawa kesaksian rukyatulhilal yang telah ditetapkan kebenarannya oleh hakim mahkamah di suatu daerah di Indonesia, dapat diperakunkan juga kepada daerah-daerah lain yang ada di dalam Negara Republik Indonesia.

---

<sup>54</sup> Thomas Djamaruddin, *Astronomi Memberi Solusi Penyatuan Umat*, 18, dan Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Pembentukan Pengurus Badan Hisab dan Rukyah Kementerian Agama (Nombor 56 Tahun 2010), Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 396

Oleh itu, daerah-daerah lain yang ada di dalam wilayah Negara Republik Indonesia dapat mengamalkan hasil rukyah yang telah di tetapkan oleh hakim mahkamah, meskipun di daerah-daerah tersebut rukyah tidak dapat dilakukan, sama ada terpengaruh oleh cuaca ataupun kedudukan anak bulan dengan berpedoman kepada hisab belum wujud ataupun belum berada dalam kriteria *imkān al-ru'yah*.

### **3.5. Mekanisme Penentuan Awal Ramadan dan Syawal oleh Kementerian Agama RI**

Terdapat beberapa mekanisme yang digunakan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI, pertama mekanisme dalam melakukan rukyatulhilal, kedua mekanisme isbat kesaksian anak bulan, dan ketiga mekanisme mesyuarat penetapan (Sidang Isbat) tarikh awal Ramadan dan Syawal

#### **3.5.1. Mekanisme Rukyatulhilal**

Pelaksanaan kegiatan rukyatulhilal dilakukan oleh seluruh Kantor Wilayah Kemenag RI di seluruh Indonesia. Kegiatan rukyah tersebut di ketuai oleh Ditjen Bimas Islam Kemenag RI. Mekanisme atau prosedur yang digunakan sebagai berikut: Ditjen Bimas Islam Kemenag RI memerintahkan kepada ketua pengarah Kanwil Kemenag daerah di seluruh Indonesia untuk melaksanakan rukyah di daerah masing-masing. Selanjutnya ketua pengarah Kanwil Kemenag daerah berserta BHR membentuk jawatankuasa yang siap melakukan rukyatulhilal.

Pelaksana rukyatulhilal juga diikutsertakan pakar-pakar hisab daripada institusi Islam, ulama, tokoh masyarakat dan pakar universiti. Kegiatan rukyatulhilal tersebut dibolehkan juga kepada masyarakat-masyarakat awam untuk menyaksikan.

Terdapat lebih dari seratus lokasi di seluruh wilayah Negara Indonesia yang digunakan sebagai tempat dalam pelaksanaan rukyatulhilal.<sup>55</sup> Kegiatan rukyatulhilal tidak hanya dilakukan oleh BHR Kemenag sahaja, tetapi juga oleh institusi Islam, badan atau kelompok masyarakat. Akan tetapi lokasi rukyah tersebut mestilah mendapat kebenaran daripada Penjabat BHR Kemenag tempatan. Hal tersebut bertujuan untuk memudahkan anggota BHR dalam melakukan pengurusan dan pengawasan, sehingga hasil daripada rukyatulhilal boleh untuk diakui dan disahkan oleh hakim Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah.

Di Aceh terdapat beberapa lokasi yang digunakan untuk melakukan rukyatulhilal iaitu di pantai Lhoknga Aceh Besar, di Suak Geudeubang Meulaboh, Nol Kilometer Sabang, Pantai Calang, Pantai Seumeulu, Komplek Arun Lhokseumawe dan Tapak Tuan Aceh Selatan.<sup>56</sup>

Peralatan rukyah digunakan di Aceh sangatlah berbeza-beza, namun majoriti mereka menggunakan Gawang Lokasi dan Teodolit bahkan bagi sesetengah tempat tidak menggunakan sebarang peralatan pun. Sebagai contoh, daripada tujuh lokasi rukyah di Aceh, hanya 3 tempat yang menggunakan teleskop, 1 lokasi menggunakan teropong biasa dan selebihnya hanya menggunakan gawang lokasi.<sup>57</sup>

Di Aceh, alatan bantuan rukyah yang lengkap hanya digunakan pada proses rukyah di Lhoknga Aceh Besar iaitu *manual total station* dan *teleskop automatic motoric*. Penggunaan *teleskop automatic motoric* ini dibantu dengan teodolit untuk memandu kedudukan anak bulan, di samping dimuatkan dengan perisian astronomi

<sup>55</sup> “Ini Lokasi Pelaksanaan Pengamatan Anak bulan Ramadan 1436 H”, laman sesawang *Kemenag RI*, dikemas kini 15 Jun 2015, dicapai, 8 Ogos 2015, <http://www.kemenag.go.id/index.php?a=berita&id=268169>

<sup>56</sup> Alfirdaus, (Setiausaha Badan Hisab dan Rukyah Kemenag Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2015

<sup>57</sup> *Ibid.*,

yang berkebolehan mengesan ketinggian anak bulan secara automatik. Perisian ini merupakan perisian yang mengintegrasikan daripada teleskop kepada computer riba dan juga projektor bagi memudahkan rukyah secara langsung oleh pakar rukyah.<sup>58</sup> Peralatan ini tentu pula digunakan oleh daerah-daerah lainnya di Indonesia<sup>59</sup>

### **3.5.2. Mekanisme Isbat Kesaksian Rukyatulhilal**

Dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, terdapat dua badan pemerintah yang sangat berperanan dalam pelaksanaannya, iaitu BHR Kemenag RI dan Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah. BHR Kemenag RI berkewajipan dalam melaksanakan hisab dan rukyah serta penentuan awal Ramadan dan Syawal. Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah melaksanakan isbat terhadap kesaksian rukyatulhilal.<sup>60</sup> Peraturan tersebut diatur dalam Enakmen Undang-Undang Pengadilan Agama dan Mahkamah Syariah.

“Pengadilan Agama memberikan isbat kesaksian rukyatulhilal dalam penentuan awal bulan pada tahun Hijrah”. Sedangkan penjelasannya berbunyi: “Selama ini pengadilan agama diminta oleh Menteri Agama untuk memberikan penetapan (isbat) terhadap kesaksian orang yang telah melihat atau menyaksikan anak bulan pada setiap memasuki bulan Ramadan, dan awal bulan Syawal tahun hijrah dalam rangka Menteri Agama mengeluarkan penetapan secara nasional untuk penetapan 1 (satu) Ramadan dan 1 (satu) Syawal. Pengadilan agama dapat memberikan keterangan atau nasihat mengenai perbedaan penentuan arah kiblat dan penentuan waktu shalat”<sup>61</sup>

Hakim Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk memeriksa keabsahan saksi dalam pelaksanaan rukyah. Seluruh tempat yang digunakan

---

<sup>58</sup> *Ibid.*,

<sup>59</sup> “Lajnah Falakiyah Persiapkan Alat Rukyah”, laman sesawang *Nahdlatul Ulama*, dikemas kina 26 Jun 2014, di capai 24 Februari 2015, <http://www.bangsaonline.com/berita/3030/lajnah-falakiyah-persiapkan-alat-rukyah>

<sup>60</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 389

<sup>61</sup> Enakmen Undang-Undang Pengadilan Agama dan Mahkamah Syariah, No. 3 tahun 2006 (Pasal No.52A )

untuk rukyatulhilal harus mendapat kebenaran dari pada BHR. Ini bertujuan agar hakim Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah dapat melantik hakim yang ditugaskan pada tempat-tempat rukyah tersebut. Adapun tatacara pemeriksaan saksi rukyatulhilal oleh Hakim Mahkamah Syariah adalah:

1. Ketua pengarah Pengadilan Agama/Mahkamah Syariah melantik hakim untuk melaksanakan sidang isbat kesaksian rukyatulhilal dengan dibantu oleh seorang anggota.
2. Hakim Pengadilan Agama/Mahkamah Syariah menerima laporan kesaksian rukyatulhilal dan menulisnya dalam borang yang tersedia.
3. Hakim Pengadilan Agama/Mahkamah Syariah membuka sidang kesaksian rukyatulhilal di lokasi rukyah atau di Kantor Pengadilan Agama.
4. Hakim memeriksa saksi rukyatulhilal untuk diketahui apakah saksi tersebut telah memenuhi syarat.
5. Apabila hakim berpendapat bahawa saksi telah memenuhi syarat, maka hakim memerintahkan kepada saksi untuk mengucapkan sumpah kesaksian rukyatulhilal
6. Hakim Pengadilan Agama kemudian mengisbatkan kesaksian rukyatulhilal tersebut.
7. Hasil isbat kesaksian rukyatulhilal tersebut diserahkan kepada BHR tempatan”<sup>62</sup>

Saksi rukyatulhilal hendaklah bersumpah bahawa ianya benar telah melihat anak bulan awal bulan hijrah. Selanjutnya saksi diharuskan menjelaskan dan menerangkan di hadapan hakim tentang keadaan anak bulan yang telah dia lihat secara meyakinkan, baik secara verbal ataupun tulisan, seperti bentuk anak bulan, tempat dan lamanya masa anak bulan yang berhasil dilihat dan ketinggian anak bulan di atas ufuk. Keadaan anak bulan

---

<sup>62</sup> Keputusan Mahkamah Agung RI NO: KMA/095/X/2006

tersebut haruslah ditulis dalam borong yang disediakan oleh hakim Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah.<sup>63</sup> Apabila saksi tidak dapat menjelaskan keadaan anak bulan yang telah dia lihat dan tidak bersedia untuk disumpah, maka kesaksian tersebut dibatalkan.

Sedangkan syarat-syarat saksi yang dapat diterima adalah saksi haruslah baligh, Islam dan diterima kesaksian anak yang mumaiyiz atau berumur minimum 12 tahun. Saksi boleh lelaki ataupun perempuan, berakal sihat, berkemampuan untuk melakukan rukyatulhilal, adil atau dapat dipercayai dan jumlah saksi lebih daripada satu orang.<sup>64</sup>

Hakim yang ditugaskan untuk mensabitkan kebenaran kesaksian tersebut haruslah hakim yang menguasai ilmu hisab iaitu mempunyai pengetahuan tentang kedudukan dan keadaan anak bulan. Pengakuan kenampakan anak bulan oleh saksi tidak boleh disahkan oleh hakim yang ditugaskan, apabila berdasarkan pengetahuan hakim kedudukan anak bulan masih di bawah ufuk atau belum *imkān al-ru'yah*.

Hasil daripada keputusan hakim mahkamah dalam menerima atau menolak kesaksian rukyatulhilal dilaporkan kepada panitia rukyatulhilal BHR Kemenag RI untuk disampaikan kepada pengurus Sidang Isbat Kemenag RI di Jakarta. Data-data laporan kesaksian tersebut menjadi data asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI.

Antara kes yang sering terjadi di Indonesia adalah apabila semua kiraan hisab menyimpulkan bahawa bulan sudah di atas ufuk tetapi kurang dari kriteria *imkān al-ru'yah*, maka amat sering sekali anak bulan dilaporkan telah dilihat. Demikian juga jika terjadinya perbezaan di antara kiraan hisab, sebahagian berpendapat anak bulan di atas

---

<sup>63</sup> Anshoruddin, *Sidang Penetapan Penyaksian Rukyah Hilal*, (Kertas Kerja Orientasi Calon Panitera Pengganti di Wisma Bahagia Surabaya 29 Julai-5 Ogos 2007), 9

<sup>64</sup> *Ibid*, 10-11

ufuk, sebahagian lagi berpendapat di bawah ufuk, maka anak bulan juga dilaporkan telah dilihat.<sup>65</sup>

Secara praktikal, pemeriksa kebenaran hasil rukyatulhilal sangatlah berbeza dengan pemeriksa perkara-perkara lain seperti pernikahan dan akad jual beli. Pemeriksa pernikahan menggunakan hujah yang konkrit sesuai dengan syarat dan rukun nikah. Sedangkan pemeriksaan saksi rukyatulhilal bukanlah suatu perkara yang konkrit yang dapat dibuktikan bahawa rukyah tersebut benar dan tepat. Oleh itu, hakim-hakim Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah melakukan pemeriksa saksi rukyatulhilal hanya menggunakan kriteria iaitu jumlah saksi, keadilan serta sumpah. Hal ini berlaku kerana banyaknya mazhab hisab dan rukyah yang ada di Indonesia yang menjadikan pelbagai hasil rukyah tersebut bermacam-macam dan juga tidak adanya jaminan keselamatan fizik dan cela hakim daripada kelompok yang mendukung keberhasilan rukyah tersebut apabila hasil rukyah mereka tidak dapat disahkan oleh hakim mahkamah.<sup>66</sup>

Tugas hakim Pengadilan Agama dan Mahkamah Syariah dalam menerima atau menolak saksi rukyatulhilal bukanlah keputusan akhir. Namun keputusan hakim tersebut boleh dibatalkan dalam Sidang Isbat penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI di Jakarta.

---

<sup>65</sup> Habiburrahman, "Isbat dan Aplikasinya dalam Pelaksanaan Ibadah, (Makalah, Seminar Penyatuan Awal Waktu Salat Subuh, Peringkat Antar bangsa, Fakulti Syariah dan Hukum Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, 15 Mei 2013), 4-6

<sup>66</sup> *Ibid.*,

### **3.5.3. Mekanisme Pelaksanaan Sidang Isbat dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Penetapan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI dilakukan dalam mesyuarat isbat yang dinamai “Sidang Isbat Kementerian Agama RI”. Mesyuarat tersebut diadakan oleh Kemenag RI pada malam tarikh 29 bulan Syaaban dan Ramadan dan Zulkaedah untuk menetapkan tarikh awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah.

Sidang Isbat itu disertai oleh ulama, perwakilan institusi Islam, BHR Kemenag RI, pakar hisab rukyah yang berasal dari masyarakat awam dan universiti, serta perwakilan negara-negara Islam. Sidang Isbat dilaksanakan pada hari-hari sebelum penggantian bulan pada waktu petang sampai selesai dan Menteri Agama RI sebagai ketua pengaruhnya.

Adapun tujuan kegiatan Sidang Isbat yang dilaksanakan oleh Kemenag RI ialah pertama, untuk mendapatkan keabsahan dan kepastian hukum tentang waktu dalam pelaksana ibadah puasa Ramadan dan hari raya. Kedua, mencegah keraguan sistem pelaporan terhadap hasil kiraan hisab dan kesaksian rukyatulhilal. Ketiga, menyatukan perbezaan pendapat umat Islam di Indonesia dalam pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya.<sup>67</sup>

Mekanisme Sidang Isbat dilakukan sebagai berikut: Pertama, Sidang Isbat dimulakan dengan pembentangan rangkuman hasil hisab mengenai kriteria masuknya awal bulan baru dan simulator rukyatulhilal. Pembentangan tersebut dilakukan oleh pakar hisab BHR Kemenag RI dan juga Badan Meteorologi Klimatologi dan Geofizik

---

<sup>67</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, 389

(BMKG), Lembaga Penerbangan dan Antariksa Nasional (LAPAN), Balai Cerap Bosscha ITB.<sup>68</sup>

Mekanisme kedua, dilanjutkan dengan pembentangan laporan hasil rukyatulhilal dari seluruh wilayah Indonesia yang telah di sahkan oleh hakim mahkamah. Ketiga, Sidang Isbat dilanjutkan dengan mendengarkan saranan dan pendapat daripada ahli mesyuarat. Keempat, setelah mempertimbangkan beberapa masukkan, saranan dan pendapat daripada anggota mesyuarat, ketua pengarah Sidang Isbat mengumumkan keputusan serta meminta persetujuan daripada ahli mesyuarat Sidang Isbat. Setelah mendapat kesepakatan majoriti anggota mesyuarat, maka ketua pengarah Sidang Isbat menetapkan tarikh 1 Ramadan, Syawal dan Zulhijah

Jadual 3.1. Hasil Sidang Isbat Kemenag RI dari Tahun 1430 H sampai 1436 H

Tahun	Bulan	Tarikh Rukyah	Tinggi Anak Bulan <sup>69</sup>	Keputusan Pemerintah	
				Isbat	Bulan Baharu
1436	Ramadan	16-06-2015	-2° 43'	Istikmāl	18-06-2015
	Syawal	16-07-2015	2° 34'	Rukyah	17-07-2015
	Zulhijah	13-09-2015	0° 09'	Istikmāl	15-09-2015
1435	Ramadan	27-06-2014	00° 05'	Istikmāl	29-06-2014
	Syawal	27-07-2014	02° 17'	Rukyah	28-07-2014
	Zulhijah	24-09-2014	0° 30'	Istikmāl	26-09-2014
1434	Ramadan	08-07-2013	0° 44'	Istikmāl	10-07-2013
	Syawal	07-08-2013	3° 54'	Rukyah	08-08-2013
	Zulhijah	5-10-2013	3° 03'	Rukyah	06-10-2013
1433	Ramadan	19-07-2012	1° 02'	Istikmāl	21-07-2012
	Syawal	18-08-2012	6° 45'	Rukyah	19-08-2012
	Zulhijah	15-10-2012	-3° 23'	Istikmāl	17-10-2012
1432	Ramadan	31-07-2011	6° 26'	Rukyah	01-08-2011
	Syawal	29-08-2011	1° 13'	Istikmāl	31-08-2011
	Zulhijah	27-10-2011	6° 04'	Rukyah	28-10-2011
1431	Ramadan	10-08-2010	02° 30'	Rukyah	11-10-2010
	Syawal	08-09-2010	-2° 50'	Istikmāl	10-09-2010
	Zulhijah	06-11-2010	01° 34'	Istikmāl	08-11-2011

<sup>68</sup> Balai Cerap Bosscha (Peneropongan Bintang Bosscha) Lembang Bandung, dahulu bernama Bosscha Sterrenwacht, didirikan oleh Nederland's Indische Sterrenkundige Vereeniging, "Bosscha Observatory-Institut Teknologi Bandung," dicapai 21 Februari 2015, <http://bosscha.itb.ac.id/en/about/access.html>

<sup>69</sup> Titik rujukan dalam melakukan hisab adalah Jakarta menggunakan *software Accurate Hijri Calculator 2.2.1* dan *Accurate Time 5.3*.

## Jadual 2.1. Lanjutan

1430	Ramadan	20-08-2009	-2° 01'	<i>Istikmāl</i>	22-08-2009
	Syawal	19-09-2009	5° 24'	Rukyah	20-09-2009
	Zulhijah	17-11-2009	5° 25'	Rukyah	18-11-2009

Sumber: Telaah dokumentasi keputusan Sidang Isbat Menteri Agama RI

Jadual di atas menjelaskan bahawa, Kemenag RI amat berpegang kepada kriteria yang telah ditetapkan, sehingga jika anak bulan tidak dalam kategori *imkān al-ru'yah*, maka Kemenag RI melakukan *istikmāl* iaitu menyempurnakan hari bulan yang sedang berjalan menjadi 30 hari.

Kesaksian rukyatulhilal yang tidak mungkin dapat di rukyah (*istihālah al-ru'yah*) atau ketinggian anak bulan kurang dari 2 darjah, maka kesaksian tersebut ditolak kerana bercanggah dengan ilmu pengetahuan semasa. Hal ini seperti terjadi pada penetapan Ramadan tahun 1433 H dan Syawal 1432 H, yang mana cerapan anak bulan di Balai Cerap Cakung<sup>70</sup> melaporkan bahawa mereka telah melihat anak bulan. Menurut hisab yang dilakukan oleh Kemenag RI bahawa pada waktu tersebut anak bulan tidak mungkin dapat dilihat, oleh itu kesaksian rukyatulhilal ditolak.

Hasil keputusan Sidang Isbat yang dilakukan pemerintah pada tahun-tahun tersebut sangat bersifat ilmiah dan tidak memihak. Terbukti bahawa Kemenag RI tetap teguh pendirian dalam mengamalkan kriteria yang telah ditetapkan. Seperti contoh pada perayaan hari raya Aidilfitri 1432 H, Kemenag RI telah menetapkan hari cuti untuk perayaan hari raya tersebut pada tarikh 30 Ogos 2011, ertiya telah dilakukan kiraan hisab bahawa ada wilayah di Indonesia yang masuk tarikh satu Syawal pada waktu tersebut. Akan tetapi dalam Sidang Isbat, setelah diperhatikan seluruh data-data hisab dan rukyah, hari raya Aidilfitri dirayakan pada tarikh 31 Ogos 2011. Keputusan tersebut

<sup>70</sup> Cakung terletak di Jalan Tipar Cakung, Cakung Barat, Jakarta Timur. Mereka melakukan rukyatulhilal di aras dua kantor Yayasan Al-Husinniyah yang diketuai oleh Ketua Umum Yayasan Al Husinniyah KH. Syafii.

diambil kerana di seluruh wilayah Indonesia anak bulan belum dalam ketinggian dua darjah.

Hasil keputusan Sidang Isbat daripada tahun 1430 sampai 1436 H tidak terpengaruh oleh kepentingan politik dan golongan, dan ini berbeza dengan hasil penyelidikan terhadap Sidang Isbat tahun 1412, 1413, 1414 dan 1418 H yang hasil keputusannya terdapat penunjuk adanya berpihak serta tidak konsisten terhadap kriteria yang diamalkan.<sup>71</sup>

### **3.6. Analisis Proses Penentuan Awal Ramadan dan Syawal oleh Kementerian Agama RI.**

Pemerintah Indonesia melalui Kemenag RI dalam melaksanakan penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia menjadikan rukyah sebagai asas dalam penentuannya. Hal ini bermakna bahawa mereka menggunakan pemahaman secara tekstual terhadap hadis rukyah dan hisab. Pemahaman model tersebut menjadikan rukyah sebagai wasilah yang tetap yang tidak dapat ditukar dengan metode lainnya.

Selama beberapa tahun data yang telah dihuraikan di atas, Kemenag RI sangat konsisten dalam menggunakan rukyah sebagai asas utama masuknya awal Ramadan dan Syawal, serta mereka tidak pernah menetapkan masa-masa tersebut dengan menggunakan hisab astronomi ataupun dengan hisab *imkān al-ru'yah*

Sedangkan penggunaan hisab oleh Kemenag RI untuk pengawalan terhadap proses pelaksanaan rukyah, hanyalah terbatas pada mengira darjah ketinggian serta kedudukan anak bulan yang bertujuan untuk memastikan kemungkinan anak bulan dapat di rukyah. Apabila terdapat pengakuan kesaksian rukyatulhilal, sedangkan anak

---

<sup>71</sup> Siti Tatmainul Qulub, "Telaah Kritis Putusan Sidang Itsbat Penetapan Awal Bulan Qamariyah Di Indonesia Dalam Perspektif Ushul Fikih," 125-126

bulan belum dalam kriteria yang dapat di rukyah, maka kesaksian tersebut dibatalkan dalam Sidang Isbat penetapan tarikh awal bulan Ramadan dan Syawal. Pembatalan tersebut atas sebab kesaksian tidak sejajar dengan kiraan hisab yang pasti, sedangkan penglihatan kemungkinan tersalah dalam melihat.

Para ulama telah membolehkan untuk mengira dengan ilmu hisab kepada kedudukan anak bulan yang boleh di rukyah. Kata-kata Al-Subki dalam fatwanya, jika hisab menunjukkan bahawa bulan tidak mungkin dapat di rukyah, maka tidak diterima kesaksian orang yang bersaksi melihatnya kerana ianya berbohong atau salah dalam melihat. Beliau berkata bahawa hisab *qaṭ’ī* (pasti) dan kesaksian dan laporan bersifat *zann* (dugaan), tidak pasti tidak boleh menandingi pasti.<sup>72</sup> Maka wajib bagi pemerintah membatalkan kesaksian laporan rukyatulhilal jika ianya menyalahi kaedah hisab, sebab itu mustahil menurut pancaindera manusia, akal dan syariah.<sup>73</sup>

Metode Kemenag RI tersebut juga disokong oleh Yūsūf al-Qaraḍāwī yang membolehkan menggunakan kaedah hisab serta alatan moden untuk menerima ataupun menolak kesaksian, karena dengan menggunakan hisab, kebenaran hasil rukyah dapat lebih diperakui daripada hanya menggunakan rukyah sahaja.<sup>74</sup>

Pemerintah Indonesia sebenarnya menjadikan hisab dan rukyah sejajar kedudukannya, kerana hasil yang diperoleh dengan kiraan hisab dapat dibuktikan dengan hasil rukyah. Oleh itu, Pemerintah membuat sebuah kriteria kemungkinan anak bulan boleh dilihat atau *imkān al-ru’yah*. Kriteria tersebut adalah ketinggian minimum

<sup>72</sup> Erti *qaṭ’ī* adalah tajam, jelas, pasti, tidak ragu dan menjadikan sesuatu dengan yang lainnya. Sedangkan *zanni* iaitu tidak kuat, ragu, sangkaan dan tidak pasti. Abd Wahāb al-Khallāf, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah, Dār al-Ḥadīth, 2002), 38-39

<sup>73</sup> Taqī al-Dīn bin ‘Alī bin Abd al-Kāfi al-Subkī, *Fatāwā al-Subkī fi Furū’ al-Fiqh al-Shāfi’ī*, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, tt) 209

<sup>74</sup> Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, "Kenampakan Anak Bulan di Teluk Kemang: Analisis Mengikuti Pandangan Fiqh Oleh Yūsūf al-Qaraḍāwī dan Perspektif Astronomi," *Jurnal Syariah* 21, No. 1 (2013), 72-72

anak bulan di atas ufuk 2 darjah, jarak minimum antara bulan dan matahari 3 darjah dan umur bulan sejak *ijtimā'* 8 jam.

Terdapat beberapa penyelidikan tentang kriteria *imkān al-ru'yah* yang diamalkan oleh Kemenag RI menurut perspektif astronomi dan falak. Sebahagian daripada pakar menerima kriteria Kemenag RI dan pakar lainnya meragukan bahkan menolaknya. Penyelidikan-penyelidikan tersebut diuraikan di bawah ini.

Menurut penyelidikan Suhardiman bahawa kriteria *imkān al-ru'yah* teruji kebenarannya baik dengan hasil rukyah mahupun menggunakan kiraan hisab. Kriteria yang digunakan oleh Kemenag RI merupakan saranan yang dicadangkan untuk tujuan mempersatukan penetapan bulan hijrah di Indonesia, sehingga dapat digunakan sebagai asas dalam pembuatan takwim hijri.<sup>75</sup>

Ditemukan juga beberapa penyelidikan terutama dalam perspektif astronomi yang meragukan kriteria *imkān al-ru'yah* Kemenag RI. J.A. Utama dan S. Siregar menyebutkan bahawa terdapat banyak kriteria *imkān al-ru'yah*, namun tiada kriteria yang dapat diamalkan secara universal antar bangsa, mereka mengatakan bahawa

“Sejatinya, kriteria di atas dimaksudkan hanya untuk penyusunan kalender hijrah, bukan untuk memastikan bahawa anak bulan (bulan yang dapat diamati pada kali pertama setelah konjungsi) dapat diamati .... Anak bulan adalah objek tipis dan redup. Secara teo ritik, hanya anak bulan dengan luas mencapai 1% atau lebih daripada luas bulan purnama yang dapat diamati. Bagi pakar astronomi batas ketinggian anak bulan dan umur bulan di atas belum mendapat verifikasi ilmiah, sehingga tidak menghairankan bila muncul keberatan. Kriteria ketinggian anak bulan minimum sebesar  $2^{\circ}$  pun hanya memastikan bahawa anak bulan berada di atas horizon dan tidak dapat dijadikan landasan bahawa anak bulan pasti dapat diamati.”<sup>76</sup>

<sup>75</sup> Suhardiman, “Kriteria Visibilities Hilal Menurut Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Kamariah (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama (KMA) tentang Penetapan Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah 1422-1432 H / 2001-2011 M)”. (Disertasi Master, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang, 2012), iv

<sup>76</sup> J.A Utama dan S. Siregar, "Usulan Kriteria Visibilitas Hilal di Indonesia dengan Model Kastner," *Jurnal Pendidikan Fisika Indonesia* 9 (Julai 2013), 198

Sebenarnya kes perbezaan penetapan awal puasa Ramadan dan Syawal di Indonesia bukanlah hanya kerana perbezaan antara hasil hisab dan rukyah tetapi perbezaan juga terjadi sesama penganut hisab dan demikian juga sesama pengamal rukyah. Kriteria yang diamalkan oleh Kemenag RI dan MABIMS secara umumnya sebenarnya hanyalah menggunakan data-data pengalaman rukyah yang telah berlaku di negara-negara ASIAN, namun tidak pernah diuji keabsahan baik dari segi astronomi mahupun bukti empirikal, sehingga terdapat beberapa kelemahan yang asas dari metode *imkān al-ru'yah* tersebut. Kelemahan-kelemahan tersebut disampaikan oleh Vivi Fitriyanti

“Selain itu juga harus dilihat bahawa kriteria MABIMS dikembangkan berdasarkan laporan-laporan rukyatulhilal yang sebahagian besar berasal dari Indonesia. Untuk hal ini Prof. Ilyas (1994) menyebutkan, dari 29 laporan rukyatulhilal selama 7 tahun berturut-turut, 80 % di antaranya harus diabaikan karena mengandung beragam kesalahan. Belakangan Dr. Djamaruddin (2000:23) juga menunjukkan hal serupa. Dari 38 laporan pengamatan anak bulan dalam kurun waktu 1962 -1997, 71 % di antaranya harus diabaikan karena mengindikasikan pengamat tidak membezakan anak bulan dengan gangguan cahaya latar depan (pantulan cahaya matahari ke pesawat, awan atau cahaya dari menara dan mercu suar) ataupun cahaya latar belakang (yakni keberadaan Venus atau Merkurius). Ini yang membuat kriteria MABIMS, meskipun sifatnya *ad-hoc*, menjadi *highly unreliable*.<sup>77</sup>

Hasil penyelidikan di atas menyebutkan bahawa konsep *imkān al-ru'yah* yang digunakan oleh Kemenag RI tidak menggunakan data-data yang valid baik secara teori mahupun praktikal. Pengesahan kriteria tersebut dihasilkan daripada hasil mesyuarat Menteri Agama MABIMS tanpa melalui persidangan ilmiah.

Kriteria yang digunakan dalam penentuan tarikh awal Ramadan dan Syawal tidak boleh hanya ditentukan berdasarkan kepada kefahaman dalil-dalil syariat sahaja, tetapi juga perlu menggunakan pendekatan astronomi. Sehingga kriteria yang dihasilkan

---

<sup>77</sup> Vivi Fitriyanti, “Penerapan Ilmu Astronomi dalam Upaya Unifikasi Kelender Hijriyah di Indonesia”, (Makalah, Annual International Conference of Islamic Studies (AICIS XII), Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2012) 2142-2143

dapat dipertanggungjawabkan secara syariat dan astronomi. Oleh kerana itu Thomas Djamaruddin mencadangkan kriteria baru sebagai penggabungan antara syariat dan kriteria astronomi moden. Kriteria tersebut adalah

“Dengan menganalisis berbagai kriteria visibilities anak bulan internasional dan mengkaji ulang kriteria LAPAN (Djamaruddin, 2000) yang didasarkan pada data rukyah di Indonesia yang di kompilasi oleh Kementerian Agama RI dan data baru rukyah di wilayah sekitar Indonesia yang di himpun Rukyatulhilal Indonesia (RHI), diusulkan kriteria baru “Kriteria Hisab-Rukyah Indonesia” sebagai kriteria tunggal hisab-rukyah di Indonesia. “Kriteria Hisab-Rukyah Indonesia” sebagai berikut: a. Jarak sudut bulan-matahari  $> 6,4^{\circ}$ . b. Beda tinggi bulan-matahari  $> 4^{\circ}$ .<sup>78</sup>

Antara sebab terjadinya perbezaan pendapat dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal antara Kemenag RI dan institusi Islam adalah disebabkan tiada kesepakatan antara Kemenag RI dan Institusi Islam terhadap kriteria yang diguna pakai.<sup>79</sup> Oleh itu sebahagian pakar falak mencadangkan agar kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS perlu untuk diubahsuai dengan menganalisis seluruh data-data hasil rukyatulhilal yang selama ini telah dijalankan oleh negara-negara di ASIAN.

Meskipun kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS diragukan keabsahan oleh sebahagian pakar falak dan astronomi, tetapi Kemenag RI telah membuktikan bahawa kriteria tersebut sejalan dengan hasil rukyah yang telah dijalankan. Laporan kesaksian rukyatulhilal yang telah disahkan oleh hakim dapat menguatkan kriteria yang telah digunakan, seperti dalam jadual di bawah ini

---

<sup>78</sup> Thomas Djamaruddin, *Astronomi Memberi Solusi Penyatuan Ummat*, 27

<sup>79</sup> Sriyatin, “Penentuan Awal Bulan Islam Di Indonesia: Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama RI Tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadan, 1 Syawal dan 10 Zulhijah”, 44

Jadual 3.2. Kesaksian Rukyatulhilal Awal Bulan Hijrah di Indonesia pada *Altitude Anak Bulan di Bawah 4 Darjah*

Tahun	Bulan	Tinggi anak bulan	Metode Penetapan	Kesaksian	Lokasi keberhasilan Rukyah
1436	Syawal	02° 34'	Rukyah	8 saksi	Gresik, Lamongan dan Bojonegoro. <sup>80</sup>
1435	Syawal	02° 17'	Rukyah	9 saksi	Gersik, Pelabuhan Ratu dan Kolaka Sulawesi Tengah <sup>81</sup>
1434	Syawal	2° 39'	Rukyah	8 saksi	Papua Barat, Makasar, Gresik dan Tegal. <sup>82</sup>
1431	Ramadan	02° 30'	Rukyah	10 saksi	Jawa timur, Jakarta, Bengkulu. <sup>83</sup>

Sumber: Analisis dokumentasi

Kemenag RI telah menerima laporan kesaksian rukyatulhilal pada kedudukan tinggi anak bulan di bawah 4 darjah daripada ramai saksi dan di tempat yang berbeza bagi menghasilkan data-data penetapan awal Ramadan dan Syawal. Kesaksian tersebut juga telah disahkan oleh hakim Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah di daerah masing-masing.

Kriteria yang digunakan oleh Kemenag RI secara realiti dapat diamalkan sebagai asas dalam penetapan tarik awal Ramadan dan Syawal, meskipun kriteria tersebut perlu diubahsuai kerana telah diguna pakai dalam masa yang sangat lama. Penambahan kriteria dan penilaian semula perlu untuk dilakukan sebagaimana hasil penyelidikan Mohammaaddin Abdul Niru dan Saadan Man Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi

“Bagi penambahbaikan kriteria Imkan Rukyah, penyelidik berpendapat data-data cerapan negatif dan positif oleh negara-negara anggota MABIMS perlu dikumpul khususnya data-data dari Malaysia dan Indonesia selepas perlaksanaan kriteria Imkan Rukyah dari tahun 1992M

<sup>80</sup> Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Penetapan Tanggal 1 Syawal 1436 H (Nombor 206, 2015)

<sup>81</sup> Lukmanul Hakim, “Hasil Sidang Isbat Penentuan 1 Syawal 1435 H Jatuh Besok -27 Julai 2014,” laman sesawang YouTube, dicapai 2 Januari 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=5GJq5CwqaTY>

<sup>82</sup> Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Penetapan Tanggal 1 Syawal 1434 H (Nombor 152, 2013)

<sup>83</sup> Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadan 1431 H (Nombor 94, 2010)

hingga 2010M. Data-data tersebut boleh dianalisis untuk mendapatkan parameter-parameter sokongan seperti relatif altitud, altitud matahari, relatif azimut dan sebagainya. Dengan itu, penambahan parameter lain mungkin boleh dilakukan dalam kriteria Imkan Rukyah supaya tidak terhad kepada sudut elongasi, umur dan altitud anak bulan.”<sup>84</sup>

Pada keadaan yang lain, Kemenag RI juga sangat konsisten dalam menolak laporan-laporan rukyah yang bercanggah dengan kriteria yang telah ditetapkan. Daripada penyelidikan terhadap hasil penetapan Kemenag RI tahun 1430-1435, Sidang Isbat telah membatalkan kesaksian rukyatulhilal sebanyak 3 kali iaitu pada penentuan 1 Ramadan 1434, 1 Ramadan 1433 dan 1 Syawal 1432. Saksi yang dapat melihat anak bulan pada tahun tersebut hanya fokus kepada satu balai cerap iaitu di Cakung Jakarta. Penolakan tersebut kerana anak bulan sudah dalam darjah yang positif tetapi belum dalam kriteria *imkān al-ru'yah*.

Hasil rukyah yang telah disahkan oleh hakim dan *qādī* mahkamah dan telah disahkan juga pada Sidang Isbat Kemenag RI dengan menggunakan bukti serta dalil yang kuat, baik secara kesaksian yang melebihi daripada tiga orang saksi dan di mananya tempat. Namun untuk menghilangkan keraguan daripada pakar astronomi seperti yang telah penulis huraikan, hendaknya dalam proses rukyah hendaklah dilengkapi dengan alatan teknologi seperti teleskop sehingga dapat merekam anak bulan yang berhasil di rukyah. Alat-alat tersebut sudah tersedia pada institusi badan hisab rukyah di daerah seluruh Indonesia, maka sangat digalakkan untuk penggunaan alat tersebut secara maksimum. Terdapat beberapa kegunaan teleskop dalam melihat anak bulan

“...Penggunaan teleskop diharuskan kerana penggunaan ini dapat membantu kesaksian anak bulan. Penetapan penggunaan ini masih menggunakan kaedah asal iaitu menggunakan mata kasar tetapi dibantu dengan menggunakan teleskop....Walaupun nas syarak telah menetapkan bahawa metode yang perlu dilaksanakan bagi sabitan anak bulan adalah

<sup>84</sup> Mohammaaddin Abdul Niru dan Saadan Man Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, "Hadis Rukyah dan Hisab dari Perspektif Astronomi dan Berdasarkan Amalan di Malaysia dan Indonesia," dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Ishak Sulaiman dan Faisal Ahmad Shah Fauzi Deraman (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 329

rukyah menggunakan mata kasar. Namun demikian, metode ini berkemungkinan berlakunya kesilapan dalam penyaksian yang dilakukan. Oleh hal yang demikian, dengan adanya instrumen astronomi iaitu teleskop ianya dapat membantu kesaksian anak bulan. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, penggunaan teleskop sebagai alat bantuan bagi melihat anak bulan didapati mampu mencapai serta memenuhi objektif untuk menentukan kenampakan anak bulan yang lebih baik. Berbanding jika hanya bergantung dengan pengamalan rukyah menggunakan mata kasar semata-mata<sup>85</sup>

Kriteria *imkān al-ru'yah* yang digunakan pemerintah merupakan penyelesaian terhadap perbezaan metode yang digunakan oleh institusi Islam di Indonesia, terutamanya antara metode hisab dan rukyah atau antara metode pemahaman tekstual terhadap hadis yang tidak menerima asas hisab dan metode pemahaman kontekstual yang menjadikan hisab dengan astronomi moden sebagai asas. Penyelesaian ini menjadikan metode rukyah dan hisab sebagai asas yang sejajar, sehingga diharapkan hasil daripada kedua-duanya sejajar.

Proses penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal yang dilakukan oleh Kemenag RI melibatkan ramai orang, yang terdiri daripada pakar astronomi, pakar hisab dan falak, pengarah daripada Institusi Islam di Indonesia, ulama dan tokoh-tokoh masyarakat. Mereka mengawal selia seluruh proses rukyatulhilal serta Sidang Isbat yang dilakukannya oleh Kemenag RI. Oleh itu, proses penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI dilakukan secara mesyuarat dengan seluruh ahli mesyuarat yang mempunyai kepakaran dalam bidang hukum agama, ilmu falak dan astronomi.

Mesyuarat adalah sebuah jalan yang diperintah oleh al-Qur'an dan diamalkan oleh Nabi SAW dalam menyelesaikan seluruh kes-kes yang terdapat dalam agama dan negara. Mesyuarat mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam penyelesaian masalah, kerana Allah SWT mengekalkan metode tersebut dalam al-Qur'an yang

---

<sup>85</sup> Nurul Kausar Nizam et al., "Penggunaan Teleskop: Kesan Terhadap Hukum Ithbat Kenampakan Anak Bulan di Malaysia," *Jurnal Fiqh* No. 11 (2014), 70-71

menjadikannya salah satu sistem daripada sistem-sistem pemerintahan Islam. Allah juga memerintahkan kepada umat Islam untuk merujuk kepada *ulī al-amr* untuk menyelesaikan kes-kes yang terjadi di antara mereka. Oleh itu, Kemenag RI telah menggunakan metode tersebut dalam menyelesaikan persoalan penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia.

Model ijтиhad dan mesyuarat yang dijalankan dalam Sidang Isbat Kemenag RI adalah sejalan dengan konsep *ulī al-amr* yang dicadangkan oleh al-Maghārī dan Muḥammad ‘Abduh. Mereka berpendapat bahawa *ulī al-amr* adalah sebuah lembaga yang terdiri dari para hakim, *amīr*, ulama, seluruh ketua dan pemimpin masyarakat yang menjadi rujukan dalam masalah kebutuhan dan kemaslahatan umat. Lembaga ini dikenal sebagai *ahl al-hall wa al-‘aqd* (pemegang kekuasaan pembahas dan menyimpulkan masalah). Pendapat ini jelas menghimpun seluruh unsur-unsur yang ada dalam kehidupan umat.<sup>86</sup>

Perbezaan pendapat adalah suatu sunnah yang Allah berikan kepada manusia, yang mana manusia patut menjadikannya sebagai satu rahmat dan bukannya jalan untuk berpecah. Oleh yang demikian, hasil Sidang Isbat penentuan awal Ramadan dan Syawal harus diterima oleh semua kalangan institusi Islam di Indonesia, dengan meninggalkan pendapat peribadi dan beralih kepada pendapat secara jemaah.

Hasil keputusan yang diambil adalah atas dasar demokrasi dan dasar mesyuarat, yang mana keputusan Sidang Isbat semestinya bersifat menjamin ikatan penyatuan umat, hal lebih penting berdasarkan perintah Allah SWT dan Rasulnya walaupun mungkin belum tentu memuaskan semua pihak.

---

<sup>86</sup> Muḥammad Abduh dan Muḥammad Rashid Ridā, *Tafsīr al-Qur'ān al-Ḥakīm* (Mesir: Majalah al-Manār, 1328 H), 5: 181 dan Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, 5:72

### **3.7. Analisis Autoriti Kementerian Agama RI dalam Penentuan Tarikh Awal Ramadan dan Syawal di Indonesia**

Kemenag RI yang merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal adalah satu organisasi yang amat penting bagi menghilangkan perbezaan yang terjadi dalam kalangan masyarakat berkenaan penetapan awal Ramadan dan Syawal. Peranan pemerintah dalam hal ini dapat membawa kepada manfaat yang sangat besar untuk umat Islam di Indonesia, terutama dalam keabsahan waktu-waktu dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya. Oleh itu, penyertaan dan kerjasama pemerintah merupakan suatu keharusan yang patut berlaku.

Pemerintahan Indonesia yang terdiri dari presiden dan wakilnya merupakan pemimpin negara Indonesia yang diundi secara langsung oleh rakyatnya. Al-Qarađāwī berpendapat bahawa sistem undi langsung sejajar dengan pemberian kesaksian. Pengundian bererti memberi kesaksian kepada calon tersebut layak untuk menjadi pemimpin. Demikian juga dengan sistem parti yang diakui sebagai sistem yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam, kerana dengan adanya sistem parti tersebut dapat menjamin keselamatan rakyat dari pemerintahan yang tidak adil.<sup>87</sup>

Jawatan Kemenag RI sebagai lembaga yang dilantik oleh Presiden Republik Indonesia, segala pengurusan persoalan agama ditugaskan kepada kementerian ini seperti perkahwinan, zakat, wakaf, haji dan sebagainya yang semestinya diikuti. Kemanag RI dalam melaksanakan tugas tersebut selalu melakukan mesyuarat dengan MUI. Oleh yang demikian, Kemenag RI berhak diberikan kuasa dan amanah untuk

---

<sup>87</sup> M. Nur Hidayat, "Otoritas Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Qamariyah Perspektif Fiqh Siyasah Yusuf Qardhawi,", 81-83

penentuan awal Ramadan dan Syawal serta umat Islam harus taat kepada keputusan tersebut.

Agama Islam mempunyai hukum Islam yang secara perinciannya terdiri daripada bidang ibadah dan bidang muamalah. Pengurusan dan penghakiman dalam bidang ibadah memerlukan suatu perincian yang mendalam. Manakala dalam bidang muamalat atau hal ehwal kehidupan masyarakat tidaklah memerlukan perincian yang mendalam sepertimana bidang ibadah, kerana hanya melibatkan prinsip-prinsip umum sahaja. Oleh itu, amalan dari prinsip tersebut dijalankan oleh negara dan pemerintah sebagai *ulī al-amr* untuk membina masyarakat dan menjaga ketertiban sosial umat Islam.<sup>88</sup>

Perbezaan pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya di Indonesia turut membawa kepada kerosakan persaudaraan (*ukhuwah Islamiyah*), bahkan membawa kepada permusuhan dan kebencian. Persoalan perbezaan tersebut selalu aktual untuk diperbincangkan mendekati puasa Ramadan dan hari raya, padahal perbezaan tersebut adalah isu yang klasik. Seorang orientalis Belanda Snouck Hugronje<sup>89</sup> menyatakan perbezaan tentang penetapan awal Ramadan dan Syawal telah terjadi begitu lama di Indonesia, bahkan kadang perbezaan tersebut terjadi antara kejiraninan kampung.<sup>90</sup>

Dalam ijtimak Majelis Ulama Indonesia (MUI) tahun 2012, telah memberikan sebuah maklumat tentang kriteria ketaatan kepada pemimpin dan batasnya:

1. Kaedah *fiqhīyyah* menegaskan: *hukm al-ḥākim ilzām wa yarfa' al-khilāf* (keputusan pemerintah bersifat mengikat dan menghilangkan kontroversi).

---

<sup>88</sup> *Ibid.*,

<sup>89</sup> Snouck Hugronje, seorang politikus Belanda yang pernah mengaku masuk Islam dan merubah Namanya menjadi 'Abdul ghafar.

<sup>90</sup> Muchtar Ali et al., *Buku Saku Hisab Rukyah*, 93-94

2. Kekuasaan adalah amanah yang diberikan Allah SWT kepada pemerintah untuk memelihara agama dan mengatur urusan dunia (*hirāsah al-dīn wa siyāsah al-dunyā*).
3. Kriteria ketaatan terhadap pemerintah adalah sebagai berikut: Pertama, kebijakan dan tindakan pemerintah tidak boleh bercanggah dengan akidah dan syariah. Kedua, kebijakan dan tindakan yang dilakukannya adalah dalam rangka mewujudkan kemaslahatan umum dan sejalan dengan *maqāṣid al-shari‘yah*. Ketiga, kebijakan pemerintah yang terkait dengan norma-norma agama telah dimesyuaratkan dengan lembaga-lembaga keagamaan.
4. Kebijakan pemerintah yang selaras dengan ketentuan agama dan kemaslahatan umum wajib ditaati. Sebaliknya, kebijakan pemerintah yang membolehkan sesuatu yang dilarang agama atau melarang sesuatu yang dibenarkan agama, tidak boleh ditaati.
5. Keputusan pemerintah dalam masalah-masalah khilafiah yang menyangkut kepentingan awam demi kemaslahatan umum, wajib ditaati. Dalam hal ini umat Islam wajib meninggalkan egoisme kelompok (*anāniyyah tā’ifiyyah*) demi persatuan dan kesatuan umat Islam.<sup>91</sup>

Tugas pemimpin di Indonesia dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal berpandukan kepada amalan yang telah Rasulullah SAW lakukan. Rasulullah SAW berperanan sebagai pemimpin negara dan agama termasuk menyatupadukan umat dalam waktu-waktu pelaksanaan ibadah termasuk Ramadan dan Syawal.

Terdapat aspek utama dan asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal yang perlu kepada ketetapan pemimpin iaitu persoalan kesaksian. Kesaksian merupakan

---

<sup>91</sup> Hasil Ijtimak Majelis Ulama Indonesia ke IV pada 29 Jun 2012 di Pondok Cipasung Tasikmalaya.

data utama yang harus dipenuhi sebagai syarat penetapan awal bulan dan semestinya data tersebut harus bersumber kepada data yang berautoriti yang alim dalam hal agama dan juga ilmu pengetahuan. Keabsahan kesaksian tidak dapat dilakukan oleh mana-mana orang atau badan melainkan oleh pakar yang telah dilantik oleh pemimpin.

Keabsahan kesaksian yang tidak sesuai dengan tatacara yang telah disepakati, semestinya menjadikan penetapan awal Ramadan dan Syawal diragui. Perkara ini telah dilarang oleh Rasulullah SAW dalam melakukan puasa pada waktu yang diragui.

Terdapat beberapa aspek negatif yang dapat berlaku apabila autoriti tersebut tidak diberikan kepada pemerintah.

Pertama: Tidak adanya kepastian masa dalam pelaksanaan ibadah. Keputusan pemerintah teramat penting kerana dapat memberi keyakinan kepada masyarakat tentang masuknya waktu dalam beribadah. Jika tugas penetapan awal Ramadan dan Syawal diberikan kuasanya kepada setiap kelompok atau institusi dalam masyarakat, maka boleh menimbulkan pelbagai tarikh penetapan waktu tersebut sehingga menyulitkan, memberi keraguan dan ketidakpastian kepada masyarakat.

Kedua: Kesahan dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya dapat terganggu disebabkan berlakunya perbezaan dalam penetapan 1 Syawal. Perbezaan ini memberi kesan dalam kesahan beribadah, kerana tarikh satu Syawal tersebut diharamkan untuk melaksanakan puasa, ini juga berlaku kepada hari-hari *tashrī* dalam bulan Zulhijah. Akibatnya, masyarakat cenderung memilih pendapat yang memudahkan mereka terutama dalam memulakan puasa Ramadan dan mengakhiri. Hal ini turut berlaku dalam penetapan hari raya Aidiladha yang mana boleh memberi pengaruh kepada hari puasa Arafat, sehinggakan terdapat anggapan dalam masyarakat bahawa

hari raya Aidiladha dan puasa Arafat yang berbeza dengan keputusan Kerajaan Arab Saudi adalah bercanggah dengan sunnah.

Ketiga: Konflik antar masyarakat. Perbezaan penetapan awal Ramadan dan Syawal menyebabkan masyarakat melaksanakannya secara berbeza sehingga memungkinkan kaum yang majoriti boleh memaksa dan tidak memberikan kesempatan kepada kaum minoriti bagi melaksanakan sembahyang tarawih dan solat hari raya, yang boleh membawa kepada terjadinya konflik dalam masyarakat yang tidak dapat dihindari.

Keempat: Hilangnya kredibiliti ulama. Hal ini diakibatkan oleh konflik yang terjadi dalam penetapan awal puasa Ramadan dan Syawal, sehingga masyarakat menilai bahawa ulama tidak mampu untuk menyelesaikan perbezaan di antara mereka. Hal ini membawa kepada anggapan bahawa golongan lain adalah salah, sehingga mempersoalkan kredibiliti ulama terbabit yang akhirnya membawa kepada hilangnya kewibawaan terhadap mereka.

Kelima: Rosak Syiar Islam. Sains dan teknologi sekarang sudah dapat membawa manusia pergi ke bulan, tetapi umat Islam terus disibukkan dengan perbezaan antara hisab dan rukyah yang tidak pernah selesai, seolah-olah agama Islam melarang umatnya dari mempelajari ilmu pengetahuan dan teknologi. Walhal, umat Islam terdahulu merupakan pelopor bagi perkembangan ilmu-ilmu pengetahuan, sehingga lahirnya ramai pakar sains Islam. Al-Quran dan hadis yang telah memberi saranan kepada umat Islam untuk terus menuntut ilmu sehingga pakar dan arif dalam ilmu pengetahuan.

Analisis secara *fiqh al-siyāsah* telah pun dibuat untuk mengetahui autoriti pemimpin dalam melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal. Penyelidikan menurut konsep *fiqh al-siyāsah* Yūsūf Qaraḍāwī telah memberi kesimpulan bahawa:

“Persoalan penetapan awal bulan merupakan ranah *ijitihad*, maka wajar terjadi perbezaan pendapat. Namun ketika persoalan tersebut sudah di adopsi dan ditetapkan oleh pemerintah maka menurut Qaraḍāwī harus tetap mengikuti pemerintah. Karena pemerintah mempunyai autoriti dalam menetapkan awal bulan Kamariah...wajib mengikut kepada pemerintah dalam penetapan awal bulan Kamariah.”<sup>92</sup>

Menurut Mazhab fiqah, terdapat tiga pendapat tentang kewajipan mengikuti pemimpin dalam memulakan puasa Ramadan dan berhari raya. Pertama, Seseorang boleh berpuasa secara tersembunyi jika melihat anak bulan Ramadan dan Syawal, disebabkan hakim menolak kesaksian nya. Kedua, saksi yang tidak disahkan oleh hakim boleh berpuasa Ramadan, namun dalam hari raya harus mengikuti pemimpin. Ketiga, wajib terhadap kaum Muslimin berpuasa Ramadan dan berhari raya mengikuti pemimpin Muslimin.<sup>93</sup>

Pendapat pertama dan kedua tersebut berlaku apabila anak bulan yang berhasil di rukyah tidak disahkan oleh mahkamah, kerana tidak memenuhi syarat kesaksian yang dikehendaki.<sup>94</sup> Dalam hal ini, dibenarkan untuk berpegang kepada rukyah sendiri, tetapi perlu dilakukan secara tersembunyi. Menurut pendekatan fiqah, majoriti ulama memberikan autoriti kepada pemimpin kaum Muslimin untuk menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal serta menetapkan kewajipan mengikuti perintah tersebut.

Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan peraturan-peraturan undang-undang di Indonesia telah memberikan kuasa kepada Kemenag RI selaku institusi yang melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal. Hadis-hadis yang telah dihuraikan juga mengisyaratkan bahawa autoriti dalam penentuan tersebut juga dilaksanakan oleh

<sup>92</sup> M. Nur Hidayat, "Otoritas Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Qamariyah Perspektif Fiqh Siyasah Yusuf Qardhawi," 89

<sup>93</sup> 'Abd al-Rahmān bin Aḥmad bin Rajab al-Ḥanbalī, *Aḥkām al-Ikhtilāf fī Ru'yah Hilāl Dhilhijjah* (Makkah al-Mukarramah: Dār 'Ālam al-Fawā'id, 1422 H), 23-64

<sup>94</sup> Abī Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shayrazī* (Riyāḍ: Maktabah al-Irshād, t.t), 6:280

pemimpin, termasuk juga dalam hal kaedah-kaedah fiqah serta aspek kemaslahatan yang sangat besar.

Enakmen Undang-undang Indonesia tidak menyebutkan perintah khas untuk patuh dan taat kepada hasil Sidang Isbat Kemenag RI. Persoalan tersebut tidaklah teramatlah ditekankan sepihiknya pemberian autoriti kepada Kemenag RI dalam melaksanakan penentuan awal Ramadan dan Syawal. Ini dapat diperhatikan dengan tiadanya peraturan khas dari undang-undang pemerintah melainkan hanyalah suatu fatwa hukum MUI yang tiada dalam peruntukan undang-undang secara formal.

Zainul Abas dalam penyelidikannya menyebutkan tentang kedudukan fatwa MUI dalam sistem pemerintahan di Indonesia

Salah satu tugasnya, MUI diharapkan melaksanakan tugasnya dalam pemberian fatwa-fatwa dan nasihat, baik kepada pemerintah maupun kepada kaum Muslimin mengenai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan keagamaan khususnya dan semua masalah yang dihadapi bangsa umumnya. Di samping itu, tidak jarang kedudukan MUI berseberangan dengan pemerintah, namun tidak jarang pula MUI terdesak oleh kebijakan pemerintah; MUI senantiasa berada di bawah tekanan untuk membela kebijakan dan program. Beberapa kasus bisa disebutkan, misalnya kasus penggunaan alat kontraseptif, larangan orang Islam menghadiri perayaan Natal (yang mengakibatkan Hamka mengundurkan diri dari ketua MUI).<sup>95</sup>

Fatwa MUI memiliki peranan yang sangat penting dalam membina kehidupan masyarakat Islam di Indonesia. Namun demikian, fatwa yang dikeluarkan oleh MUI tidak mempunyai peruntukan khas dalam undang-undang Indonesia sehingga seringkali berlaku perselisihan pendapat antara pemerintah dan MUI. Keadaan ini semakin rumit apabila autoriti fatwa tidak hanya kepada MUI, tetapi juga diserahkan kepada institusi-institusi Islam seperti Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama. Keadaan ini memberi kesan dalam keberkesanannya umat Islam Indonesia terhadap fatwa MUI.

<sup>95</sup> Zainul Abas, "Fatwa MUI dan Kajian Hukum Islam di Indonesia," dalam *Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) dalam Perspektif Hukum dan Perundang-undangan* (Jakarta: Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama RI, 2012), 59

Toleransi dalam berpendapat dan mengikuti pemahaman agama sesuai dengan keyakinan dan pilihan masing-masing dibolehkan di Indonesia selama tidak mengganggu keamanan dan ketertiban umum. Pengarah daripada Dirjen Bimas Islam Kemenag RI telah menyebutkan hal tersebut dalam membolehkan masyarakat Indonesia berbeza dalam melaksanakan awal puasa Ramadan dan hari raya.

“Kita menetapkan tanggal satu Zulhijah jatuh pada hari Selasa 15 September, erti bahawa Zulhijah atau Aidiladha akan jatuh pada tanggal 24 September hari Kamis. Kalau ada yang menetapkan atau yang meyakini bahawa tanggal satu Zulhijah itu jatuh pada besok tanggal 14 September, kita memberikan kebebasan karena tidak ada paksaan dalam masalah agama, jadi dipersilakan menurut keyakinannya. Apabila tarikh satu Zulhijah itu jatuh pada tanggal 14 erti bahawa Aidiladha jatuh pada hari Rabu tarikh 23 September, kita hormati dan kita saling hormati perbezaan-perbezaan seperti ini, kita sudah punya pengalaman yang cukup tentang hal ini, tidak perlu ini di besarkan dan tetap dijaga persatuhan dan menjaga saling menghormati sesama kaum Muslimin dan sesama warga negara.”<sup>96</sup>

Menteri Agama RI Lukamanul Hakim juga menyatakan tentang kedudukan hasil Sidang Isbat penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemenag RI dalam Hukum Negara Republik Indonesia.

“Tentu pemerintah memberikan kebebasan kepada semua kita, karena ini adalah wilayah peribadatan yang tentu tidak dalam posisi pemerintah untuk memaksa semua orang harus mengikuti. Namun demikian, pemerintah punya tanggung jawab untuk memberikan arahan untuk memberikan pedoman kapan puasa itu dimulakan. Sidang Isbat yang merupakan realisasi tindakan perintah lanjut dari undang-undang nombor 3 tahun 2006 tentang peradilan agama yang mengamanahkan kepada pemerintah untuk menetapkan satu Ramadan, satu Syawal dan satu Zulhijah. Hal itu dilakukan agar semua warga negara yang agama Islam khususnya, punya kepastian hukum, punya pegangan hukum dalam menjalankan keyakinan agamanya.”<sup>97</sup>

---

<sup>96</sup> M. Machasin (Ketua Pengarah Dirjen Bimas Islam Kementerian Agama RI), dalam Sidang Isbat awal Zulhijah 1436 H 13 September 2015, “Idul Adha Jatuh 24 September 2015”, laman sesawang *Youtube*, dicapai 15 Februari 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=OK2n3CmQ1r0>

<sup>97</sup> Lukmanul Hakim (Menteri Agama Republik Indonesia), “Konferensi Press: Hasil Sidang Isbat Penetapan 1 Ramadan 1435 H,” laman sesawang *Youtube*, dicapai 15 Februari 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=lXMaqgXe2IA>

Keputusan Menteri Agama tetap memberikan toleransi dan kebebasan terhadap umat Islam Indonesia untuk menjalankan ibadah puasa Ramadan dan hari raya sesuai dengan keyakinan masing-masing. Penetapan Kemenag RI hanya memberikan kepastian kepada umat Islam di Indonesia yang tidak mempunyai rujukan dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya.

Oleh itu *ulī al-amr* yang wajib ditaati oleh rakyat Indonesia dalam pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya bukan pemerintah sahaja, tetapi juga sesiapa sahaja sama ada kelompok atau peribadi yang diberikan autoriti oleh masyarakat untuk menetapkan tarikh awal puasa Ramadan dan Syawal. Kesimpulan ini bersesuaian dengan penyelidikan Sriyatın yang menjelaskan bahawa “Dalam autoriti sosial, umat Islam Indonesia mempunyai autoriti yang kuat dan mengikuti keputusan *uli al-amr* masing-masing, iaitu autoriti rasional, autoriti karismatik, dan autoriti tradisional”.<sup>98</sup>

Walhal, penyatuan pelaksana ibadah puasa Ramadan dan berhari raya di Indonesia tidak pernah dapat dilakukan, sebelum kesepakatan terhadap autoriti dipersetujui. Menurut penyelidikan Ahmad Wahidi, terdapat dua pendekatan yang harus dilakukan dalam penyatuan awal bulan hijrah di Indonesia iaitu pendekatan metodologi dan autoriti (kekuasaan), namun untuk mempercepat kewujudan penyatuan ini, maka pendekatan autoriti harus diutamakan terlebih dahulu sebelum pendekatan metodologi disepakati.<sup>99</sup>

Dalam konteks Negara Indonesia diharapkan kepada umat Islam untuk mengamalkan sifat *tasāmūh* (toleransi) sehingga dapat saling menghormati pendapat yang berbeza tersebut kerana perbezaan tersebut adalah rahmat.<sup>100</sup>

<sup>98</sup> Sriyatın, Penentuan Awal Bulan Islam di Indonesia: Analisa Terhadap Keputusan Menteri Agama RI tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadan, 1 Syawal dan 10 Zulhijah, 7

<sup>99</sup> Ahmad Wahidi, "Menyatukan Penentuan 1 Ramadlan, Syawal dan Dzulhijjah Di Indonesia," *Jurisdictie, Jurnal Hukum dan Syariah*, Vol. 2, No. 2 (Disember 2011), 91

<sup>100</sup> Maskufa dan Wahyu Widiana, "Titik kritis Penentuan Awal Puasa dan Hari Raya di Indonesia", 80

### **3.8. Kesimpulan**

Penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia dilakukan oleh BHR Kemenag RI. Autoriti tersebut diberikan melalui enakmen undang-undang RI dan juga fatwa daripada MUI. Dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal Kemenag RI menggunakan beberapa kriteria masuknya awal bulan Ramadan dan Syawal iaitu telah terjadinya *ijtimā‘*, *ijtimā‘* tersebut terjadi sebelum matahari terbenam pada hari terakhir bulan hijrah dan anak bulan pada hari tersebut telah memenuhi kriteria *imkān al-ru‘yah* selepas matahari terbenam.

Adapun mekanisme penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal iaitu pertama, melakukan kiraan hisab untuk memastikan kedudukan anak bulan. Kedua, melaksanakan rukyatulhilal di seluruh wilayah Indonesia. Ketiga, isbat kesaksian rukyatulhilal oleh hakim mahkamah. Keempat, melaksanakan mesyuarat Sidang Isbat.

Setelah dilakukan analisis terhadap seluruh proses penetapan awal Ramadan dan Syawal oleh Kemanag RI, yang terdiri daripada kaedah masuknya awal bulan Ramadan dan Syawal, teknik kiraan hisab, pelaksanaan rukyah, isbat kesaksian dan mesyuarat Sidang Isbat. Maka dibuat kesimpulan bahawa proses tersebut sejalan dengan perintah dan aturan yang terdapat dalam hadis..

Model pemahaman terhadap hadis rukyatulhilal dan hisab yang diamalkan oleh Kemenag RI sejalan dengan pemahaman tekstual, iaitu dengan menjadikan rukyah sebagai sebab (*illah*) dalam pelaksana puasa Ramadan dan hari raya dan menggunakan hisab untuk membantu proses rukyah dan membatalkan kesaksian rukyatulhilal.

Sidang Isbat yang dilakukan oleh Kemenag RI dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal menggunakan sistem mesyuarat yang demokrasi. Sidang Isbat diikuti oleh para pakar falak, astronomi, MUI, Institusi Islam dan perwakilan tokoh-tokoh masyarakat, sehingga keputusan Sidang Isbat merupakan keputusan yang menyatukan seluruh umat Islam Indonesia. Hadis telah memerintahkan untuk berpuasa Ramadan dan Syawal secara berjemaah bersama pemimpin kaum Muslimin, maka Kemenag RI merupakan pemimpin yang mempunyai autoriti untuk menyatukan umat Islam Indonesia dalam melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan hari raya.

Dalam konteks Negara Republik Indonesia, keputusan Menteri Agama dalam Sidang Isbat tarikh awal Ramadan dan Syawal merupakan satu perintah undang-undang untuk memberikan kepastian pelaksanaan ibadah umat Islam di Indonesia. Namun, ini tidak menjadi suatu kewajipan kepada rakyat Indonesia untuk mengikutinya, bahkan dibolehkan untuk mengikuti keputusan penentuan awal Ramadan dan Syawal daripada autoriti sosial dalam masyarakat.

## **BAB 4: PENENTUAN AWAL RAMADAN DAN SYAWAL OLEH INSTITUSI ISLAM DI ACEH**

### **4.1. Pengenalan**

Kajian ini menghuraikan tentang pemikiran bagi setiap institusi-institusi Islam di Aceh dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal. Institusi-institusi yang dipilih adalah institusi yang mempunyai pemikiran serta amalan tersendiri dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal. Institusi tersebut adalah Tarekat Syattariyah Abu Peulekung, Dayah Al-Madinatuddiniyah, Dayah Ma'hadal Ulum Diniyah Islamiyah Masjid Raya (MUDI Mesra) dan institusi masjid yang mengikuti Kerajaan Arab Saudi.

Kajian ini bermula dengan penjelasan secara singkat profil sesebuah institusi yang dipilih, selanjutnya difokuskan kepada penjelasan pemikiran serta amalan mereka dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Selain itu, pendapat institusi Islam di Aceh mengenai autoriti dan metode yang diaplikasikan oleh Kemenag RI dalam menetapkan awal Ramadan dan Syawal juga menjadi fokus daripada penjelasan bab ini.

Tujuan daripada kajian ini adalah mengenal pasti metode yang diaplikasikan oleh institusi Islam di Aceh dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal, serta mengetahui pemikiran mereka tentang autoriti dan metode yang diaplikasikan oleh Kemenag RI dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal. Adapun data yang digunakan adalah yang diperoleh menggunakan teknik temu bual dengan ketua pengarah ataupun ahli daripada institusi Islam yang dipilih.

## **4.2. Tarekat Syattariyah Abu Peulekung**

### **4.2.1. Biografi Abu Peulekung dan Tarekat Syattariyah**

#### **4.2.1.1. Biografi Abu Peulekung**

Abu Peulekung adalah penamaan yang dikaitkan kepada kampung tempat beliau menetap dan menghembuskan nafas yang terakhir iaitu Desa Peulekung Kecamatan Seunagan Kabupaten Nagan Raya Aceh. Selain dikaitkan kepada Peulekung, beliau juga terkenal dengan gelaran Habib Muda Seunagan. Nama asalnya ialah Habib Mahyeddin, ianya dilahirkan di Desa Krueng Kulu Kecamatan Seunagan Kabupaten Nagan Raya. Selain itu, beliau membesar dan menetap di Desa Mukim Tadu di daerah Kuala yang merupakan suatu tempat yang pernah dijajah oleh Holland.<sup>1</sup>

Ayahnya bernama Habib Muhammad Yasin bin Habib Abdurrahim dengan gelaran Habib Muda atau Padang Si Ali. Gelaran tersebut diberikan kerana kepakarannya dalam ilmu-ilmu agama dan keberaniannya dalam *jihād fi sabillāh* melawan askar Holland.<sup>2</sup> Manakala datuk daripada Abu Peulekung bernama Habib Abdurrahim bin Habib Abdul Qadir Rama'an bin Sayyid Athaf al-Qadiri. Mereka mengakui, gelaran habib yang digunakan menjelaskan bahawa mereka adalah keturunan Rasulullah SAW melalui salasilah daripada Abd Qadir al-Jaylani dan Ja'far al-Ṣādiq.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> “Sepak Terjang Dari Sosok Ulama Abu Habib Muda Seunangan”, *Serambi Indonesia*, Jumaat 13 November 2009, 12

<sup>2</sup> Said Syahrul Rahmad, “Tgk Padang si Ali, Ulama dan Perjuangan dari Negeri Seunagan, laman sesawang *Lintas Gayo*, dicapai 1 Ogos 2015, <http://www.lintasgayo.com/23297/tgk-padang-si-ali-ulama-dan-pejuang-aceh-dari-negeri-seunagan.html>

<sup>3</sup> Said Syahrul Rahmad, “Analisis Kritik Terhadap Tulisan Snouch Hurgronje tentang Habib Seunangan, laman sesawang *Atjeh Pos*, dicapai 1 Ogos 2015, <http://atjehpost.co/berita2/read/Analisis-Kritis-Terhadap-Tulisan-Snouck-Hurgronje-tentang-Habib-Seunagan-13274>

Abu Peulekung bersama ayah beliau merupakan individu yang sangat aktif dalam pertempuran-pertempuran melawan penjajah Holland. Sehingga ibu kandungnya telah meninggal dalam salah satu pertempuran dengan Holland di Desa Alue Bata Tadu Atas. Bahkan, beliau juga pernah tercedera terkena peluru di dahi sehingga luka tersebut dapat dilihat pada dahinya.

Selain pejuang dalam memimpin pertempuran terhadap penjajah Holland, ayahnya juga dikenal sebagai ulama yang banyak menguasai ilmu dan berjuang mempertahankan dakwah agama Islam. Abu Peulekung mempelajari ilmu agama dan politik daripada ayahnya, setelah ayahnya meninggal dunia, tugas tersebut diamanahkan kepada beliau. Pada ketika zaman di bawah kepimpinannya, ramai penuntut yang hadir untuk mendalami ilmu, sehingga beliau terkenal dalam kalangan masyarakat Aceh.<sup>4</sup>

Abu Peulekung bersama pengikutnya aktif dalam membentuk barisan pertahanan di desanya dalam mempersiapkan diri melakukan peperangan terhadap Holland. Beliau merekrut serta melatih muridnya dan masyarakat awam untuk dijadikan askar dalam berjuang melawan penjajah Holland. Selain itu, beliau juga pernah mengirim askar untuk berjihad dalam peperangan di Sidikalang Tapanuli Utara pada pencerobohan II askar Holland dan pasukan tersebut telah bergabung dengan Resimen III Divisi X Tentera Nasional Indonesia (TNI) Angkatan Darat (AD). Barisan tentera tersebut merupakan satu pasukan yang terdiri daripada murid-muridnya yang terlatih dan terpilih dibawahi pimpinan Syeikh Nanggroe selaku timbalan kepada Abu Peulekung dalam bidang pertahanan.

Setelah kemerdekaan, perjuangan Abu Peulekung diteruskan terutama dalam mempertahankan kesatuan Negara Republik Indonesia, barisan tersebut menyatakan

---

<sup>4</sup> Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

kesetiaan mereka kepada negara. Bagi menzahirkan kesetiaan tersebut, Abu Peulekung telah membentuk satu barisan tentera yang terdiri daripada pendekar pedang yang sentiasa bersiap sedia dalam melaksanakan perintah dalam mempertahankan kedaulatan Negara Republik Indonesia. Bahkan, beliau juga merupakan satu-satunya tokoh ulama yang pertama yang berada di dalam barisan parti penguasa iaitu Parti Golongan Karya (Golkar) di Aceh. Menurut catatan keluarganya, dalam satu tempoh yang pendek, sebanyak 25000 orang murid Abu Peulekung yang berada di Aceh Barat dan Selatan didaftarkan ke dalam Parti Golongan Karya (Golkar) sebagai ahli.<sup>5</sup>

Berbekalkan pengalaman dan kejayaannya dalam memperjuangkan kemerdekaan, beliau dijemput ke Istana Negara oleh Soekarno untuk diminta memberi nasihat berkaitan dengan konflik pendirian Negara Islam di Aceh. Oleh itu, di atas kejayaan beliau dalam mencapai kemerdekaan ketika di bawah pemerintahan Jepun, pencerobohan tentera I dan II dan Holland serta ketulusan hati, beliau dianugerahi “Tanda Kehormatan Bintang Jasa Utama” oleh Pemerintah Republik Indonesia yang diserahkan ketika pemerintahan Presiden BJ Habibie.

#### **4.2.1.2. Sejarah Tarekat Syattariyah Abu Peulekung**

Selain kejayaan beliau dalam bidang perjuangan memimpin perang dan perjuangan kemerdekaan, Abu Peulekung juga berjaya sebagai seorang ulama dalam menyampaikan dakwah serta ilmu agama. Gelaran Abu Peulekung dikenali dalam perjuangannya sebagai pemimpin askar rakyat dalam memperjuangkan kemerdekaan, sedangkan sebagai pemimpin atau mursyid<sup>6</sup> dari Tarekat Syattariyah di Aceh beliau dikenali dengan nama Habib Muda Seunagan.

---

<sup>5</sup> *Ibid.*,

<sup>6</sup> Perkataan mursyid sering diertikan dengan Tuan syeikh yang bermakna membimbing, sedangkan menurut istilah tasawuf iaitu seorang yang mewarisi Nabi SAW yang mampu membimbing dan menyempurnakan

Keberadaan Tarekat Syattariyah di Aceh dan Nusantara secara umum dibawa dan disebarluaskan oleh seorang ulama Aceh iaitu Syiah Kuala (1620-1693) atau lebih dikenali dengan penamaan Syeikh Abd al-Rauf bin Ali al-Jawi al-Singkili. Abd al-Rauf juga mengarang sebuah kitab yang menjadi rujukan dalam Tarekat Syattariyah iaitu ‘*Umdah al-Muhtājīn ila Suluk Maslak al-Munfaridīn*’ yang ditulis dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Arab (Jawi).<sup>7</sup> Namun, Tidak ditemukan sebarang bukti bahawa Tarekat Syattariyah yang diamalkan oleh Pengikut Abu Peulekung sekarang mempunyai hubungan sejarah atau salasilah dengan Tarekat Syattariyah yang dibawa oleh Syeikh Abd al-Rauf bin Ali al-Jawi al-Singkili.

Menurut Raja Keumangan, Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dibawa oleh Habib Abdurrahim, beliau mewarisi tarekat tersebut ketika menuntut ilmu di salah satu Pondok di Teupin Raya Kabupaten Pidie Aceh. Habib Abdurrahim tersebut terkenal dengan gelaran Habib Seunagan dan *quṭb<sup>8</sup> al-wujūd* dalam tarekatnya. Raja Keumangan mengatakan bahawa gelaran *quṭb al-wujūd* merupakan gelaran kepada wali yang telah Allah SWT berikan keistimewaan dan orang yang mendapat gelaran tersebut hanya ada sembilan orang di dunia dan Habib Seunagan adalah salah satu daripadanya.<sup>9</sup>

Perkembangan Tarekat Syattariyah yang dipimpin oleh Habib Mahyeddin atau Abu Peulekung sangat memberangsangkan apabila pengikut mereka bukan hanya sekadar di daerah Peulekung, bahkan sudah tersebar ke daerah yang lain di Aceh, seperti daerah Aceh Barat, Aceh Selatan, Tengah dan Tenggara. Oleh itu, gelaran Syaikhuna Habib

---

orang-orang yang belum sempurna. Amatullah Armstrong, *Sufi Terminology (al-Qamus al-Sufi): The Mystical Language of Islam* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1995), 159

<sup>7</sup> Damanhuri, “‘*Umdah al-Muhtājīn*’ Rujukan Tarekat Syattariyah Nusantara”, *Jurnal Studi Keislaman Ulumuna*, Vol. 17, No. 2 (Disember 2013), 313-314

<sup>8</sup> *Quṭb* bermakna kutub atau paksi, gelaran *qutb* merupakan gelaran tertinggi dalam martabat sufi, dia adalah seseorang pada setiap zaman yang merupakan puncak pengawasan Allah atas dunia ini. Nabi Muhammad SAW adalah *Kutub Indah* yang dikelilingi oleh alam-alam samawi. Amatullah Armstrong, *Kunci Memasuki Dunia Tasawuf*, terj. M.S. Nashrullah dan Ahmad Baiquni, (Bandung: Mizan, 1996), 232

<sup>9</sup> Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

Muda Seunagan juga diberikan kepadanya kerana sebagai penerus Syaikhuna Habib Seunagan serta diberikan gelaran *qutb nasbeh* dalam Tarekat Syattariyah.

Pusat Kegiatan tarekat tersebut adalah di rumah tempat beliau tinggal iaitu Desa Peulekung. Abu Peulekung mendirikan sebuah Masjid di sebelah kediamannya, yang keseluruhan aktiviti tarekat tersebut dijalankan di sana. Dana pembinaan masjid tersebut adalah hasil daripada sumbangan berupa derma, wakaf dan sedekah yang diberikan oleh masyarakat awam serta pengikut setia tarekat tersebut. Sekarang, masjid tersebut terkenal dengan nama Masjid Jamik Habib Muda Seunagan.

Seterusnya, bentuk aktiviti yang dijalankan di Masjid Jamik Habib Muda Seunagan iaitu sembahyang Jumaat yang diikuti oleh para pengikut setia tarekat dan masyarakat di sekitarnya. Perlu diketahui bahawa, Masjid Jamik Habib Muda tidak menjalankan solat wajib secara berjemaah sebagaimana masjid-masjid yang lainnya, apatah lagi pelaksanaan solat terawih pada bulan Ramadan. Manakala, laungan azan hanya berlaku ketika masuknya waktu sembahyang Jumaat. Pembacaan Khutbah Jumaat dilakukan oleh mursyid ataupun khalifah<sup>10</sup> yang dikehendaki oleh mursyid. Khutbah dilakukan dengan membaca teks yang diberikan oleh mursyid yang ditulis dengan tulisan tangan dalam Bahasa Arab. Segala aktiviti-aktiviti di masjid tersebut sudah berlangsung sejak penubuhan masjid tersebut. Bahkan, teks khutbah tersebut merupakan peninggalan daripada guru-guru Tarekat Syattariyah baik yang berasal dari Nusantara maupun negara Arab.

Selain sebagai pemimpin dalam bidang politik dan tarekat, Habib Mahyeddin juga diketahui sebagai salah seorang penghulu yang bertugas di bawah pengawasan Kemenag

---

<sup>10</sup> Khalīfah secara bahasa bermakna wakil atau pengganti, sedangkan menurut istilah tarekat adalah seorang yang telah menyelesaikan berbagai amalan-amalan tarekat dan diberi kuasa untuk membantu mursyid dalam memberikan pengajaran kepada murid. Jahid Sidek, *Shaikh dalam Ilmu Tariqah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 94

Wilayah Kabupaten Aceh Barat. Menurut Muhammad Suhail, Abu Peulekung atau Habib Mahyeddin tercatat sebagai salah seorang Pegawai Kerajaan pada Kemenag Wilayah Kabupaten Aceh Barat, menurutnya, sebelum tsunami, seluruh arkib beliau masih tersimpan di Pejabat Kemenag. Namun, apabila ditanya mengenai arkib tersebut adakah terselamat daripada bencana tsunami, Suhail pun tidak mengetahuinya secara pasti.<sup>11</sup>

Pada tarikh 14 Jun 1972, Abu Peulekung meninggal dunia dalam umur 100 tahun lebih, beliau meninggal di rumahnya dan dikebumikan di samping Masjid Jamik Abu Habib Muda Seunagan. Setelah kematiannya, mursyid tarekat tersebut di teruskan oleh Habib Quraysy dan pada ketika itu beliau berumur pada sekitar 80 tahun. Hal ini adalah bersesuaian dengan amanah yang telah dinyatakan oleh arwah ketika beliau masih hidup untuk menyerahkan segala tugas dan amanah kepada beliau Habib Quraysy.

Kini, ketua pengarah atau mursyid bagi Tarekat Syattariyah dipimpin oleh anak Abu Peulekung yang paling bongsu iaitu Abu Habib Qudrat. Pemilihan mursyid adalah melalui mesyuarat bersama dengan khalifah tarekat. Walhal, kesemua mursyid yang pernah memimpin adalah dari kalangan anak-anak Abu Peulekung sendiri. Selanjutnya, barisan pimpinan baru bagi ketua pengarah daripada tarekat tersebut juga diamanahkan kepada orang-orang yang mempunyai garis keturunan dengan Abu Peulekung.

Tarekat Syattariyah di bawah pimpinan Habib Qudrat masih aktif hingga kini dalam masyarakat Nagan Raya, amalan-amalan zikir masih terus diamalkan seperti di surau dan masjid. Zikir-zikir tersebut juga diamalkan pada acara-acara tertentu seperti majlis acara adat dan perayaan hari-hari kebesaran Islam.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Muhammad Suhail (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 17 Jun 2015

<sup>12</sup> Habib Qudrat (Mursyid Tarekat Syattariyah Abu Peulekung Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015

Seorang Imam Meunasah (surau) yang kini berkhidmat sebagai penjaga Makam Abu mengatakan bahawa beliau pernah dilantik untuk menjadi imam di surau, namun pengetahuan agamanya agak terbatas. Oleh itu, Abu Peulekung telah mengajarnya tentang ilmu-ilmu agama dan kini beliau mengamalkannya dan mewariskan segala amalan tersebut kepada generasi selepasnya.<sup>13</sup>

#### **4.2.2. Metode yang Digunakan dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal.**

Penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh pengikut Abu Peulekung telah lama dilakukan, bahkan metode dan proses dalam menetapkan tarikh tersebut merupakan hasil warisan yang telah diterima daripada datuknya Abu Peulekung atau Habib Muda Seunagan. Amalan tersebut sudah menjadi satu tradisi secara berterusan dari generasi kepada generasi sehingga kini.

Penentuan awal Ramadan dan Syawal dilakukan dengan mesyuarat yang dilakukan di Masjid Jamik Habib Muda Seunagan. Mesyuarat tersebut dipimpin oleh mursyid Tarekat Syattariyah iaitu Habib Qudrat dan diikuti oleh seluruh khalifah tarekat yang tinggal di Nagan Raya dan sekitarnya. Menurut Raja Keumangan, meskipun keputusan tersebut dilakukan dengan mesyuarat, tetapi keputusan mutlak berada pada kuasa mursyid tarekat iaitu Abu Habib Qudrat.<sup>14</sup>

Metode yang digunakan dalam penetapan tarikh awal Ramadan adalah dengan mengamalkan hisab tanpa melakukan pembuktian melalui rukyatulhilal. Metode hisab yang digunakan adalah *hisāb khamāsī* iaitu metode kiraan dengan gandaan lima. Perhitungan tersebut dilakukan dengan menambahkan lima hari daripada tarikh awal hari puasa Ramadan pada tahun yang lepas. Misalnya jika pada tahun lepas, hari awal puasa

---

<sup>13</sup> Abdullah (Bilal Masjid Jamik Habib Muda Seunagan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015.

<sup>14</sup> Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

Ramadan dilaksanakan pada hari Ahad, maka awal puasa pada tahun hadapan ditambah selama lima hari, bererti pada hari Khamis. Perhitungan ini terus digunakan untuk menentukan tarikh awal puasa Ramadan bagi tahun hadapan.<sup>15</sup>

Merujuk kepada amalan mereka, jumlah hari bulan pelaksanaan ibadah puasa Ramadan iaitu 30 hari bulan. Mereka mengakui bahawa jumlah hari bulan hijrah adakalanya berjumlah 30 atau 29 hari bulan, namun dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan mereka lebih memilih untuk berpuasa selama 30 hari dengan alasan untuk lebih berhati-hati dan selamat. Menurut mereka, Abu memerintahkan mereka melakukan sedemikian dengan tujuan untuk menghindari untuk berpuasa pada tarikh satu Syawal, kerana adalah haram berpuasa pada hari tersebut. Oleh itu, menyempurnakan bilangan hari bulan Ramadan menjadi 30 hari adalah lebih diutamakan daripada berpuasa selama 29 hari. Namun, Abu Peulekung juga tidak pernah mengajarkan tatacara untuk menentukan jumlah hari bulan hijrah itu, bilakah berjumlah 29 hari atau 30 hari.<sup>16</sup>

Seterusnya, pelaksanaan hari raya Aidilfitri adalah sejurus selesai ibadah puasa selama 30 hari dalam bulan Ramadan. Manakala, penetapan tarikh bagi hari raya Aidiladha atau 10 Zulhijah adalah mengikut kepada hari pertama berpuasa pada bulan Ramadan. Sebagai contoh, jika tarikh awal puasa Ramadan dilakukan pada hari Khamis, maka pelaksanaan hari raya Aidiladha juga adalah pada hari Khamis.<sup>17</sup>

Abu Qudrat menjelaskan bahawa dalam penetapan tarikh awal puasa Ramadan haram hukumnya memulakan pada hari Rabu dan Jumaat, demikian juga haram melaksanakan hari raya Aidiladha pada hari Rabu dan Jumaat.

<sup>15</sup> Habib Qudrat (Mursyid Tarekat Syattariyah Abu Peulekung Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015

<sup>16</sup> Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

<sup>17</sup> Habib Qudrat (Mursyid Tarekat Syattariyah Abu Peulekung Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015

Oleh itu, dalam metode *hisāb khamāsī* yang diamalkan oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dikenal dengan istilah *buleun tren* dan *buleun ek*. Praktiknya adalah jika dalam kiraan *hisāb khamāsī* menunjukkan bahawa tarikh awal puasa Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha tersesuai pada hari larangan tersebut, maka hari-hari tersebut akan dianjak sehari ke hadapan iaitu dalam istilahnya *buleun ek* atau diawalkan sehari sebelumnya yang disebut istilahnya iaitu *buleun tren*.<sup>18</sup>

Sistem dalam penggunaan *buleun ek* dan *buleun tren* tersebut digunakan dengan gandaan lima dalam jumlah tahun hijrah, maksudnya adalah lima tahun mengaplikasikan kaedah *buleun ek* dan lima tahun seterusnya kaedah *buleun tren*. Bilangan tahun tersebut sangat mudah untuk diketahui dengan hanya melihat angka terakhir daripada bilangan tahun. Tahun 1436 H merupakan tahun pertama bagi kaedah *buleun tren* sehingga tahun 1440 H, manakala bagi tahun 1430 H sehingga tahun 1435 H menggunakan kaedah *buleun ek*.<sup>19</sup>

Dengan pengamalan terhadap metode *hisāb khamāsī* tersebut, maka didapati bahawa pengikut Tarekat Syattariyah Abu Peulekung melakukan ibadah puasa Ramadan adalah berbeza satu atau dua hari dengan hasil penetapan Kemenag RI dan institusi Islam lainnya baik di Aceh mahupun di negeri yang lain di Indonesia.

Jadual 4.1. Perbandingan antara Awal Puasa Ramadan dan Hari Raya oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dan Kemenag RI

Tahun	Bulan	Kemenag RI	Pengikut Abu Peulekung	Keterangan
1436	Ramadan	Khamis 18-06-2015	Selasa, 16-06-2015	<i>Buleun tren,</i> seharusnya hari Rabu
	Aidilfitri	Jumaat 17-07-2015	Rabu, 15-07-2015	
	Aidiladha	Khamis, 24-09-2015	Selasa, 22-09-2015	

<sup>18</sup> *Ibid.*,

<sup>19</sup> *Ibid.*,

#### Jadual 4.1. Lanjutan

1435	Ramadan	Ahad, 29-06-2014	Sabtu, 28-06-2015	<i>Buleun ek,</i> seharusnya hari Jumaat
	Aidilfitri	Isnin, 28-07-2014	Ahad, 27-07-2015	
	Aidiladha	Jumaat, 26-09-2014	Sabtu, 27-09-2014	
1434	Ramadan	Rabu, 10-07-2013	Isnin, 08-07-2015	Sesuai perhitungan
	Aidilfitri	Khamis, 08-08-2013	Rabu, 07-08-2013	
	Aidiladha	Ahad, 06-10-2013	Isnin, 07-10-2013	
1433	Ramadan	Sabtu, 21-07-2012	Khamis, 19-07-2013	<i>Buleun ek,</i> Seharusnya hari Rabu
	Aidilfitri	Ahad, 19-08-2012	Jumaat, 17-08-2013	
	Aidiladha	Rabu, 17-10-2012	Khamis, 18-10-2012	
1432	Ramadan	Isnin, 01-08-2011	Sabtu 30 Juli 2011	
	Aidilfitri	Rabu, 31-08-2011	Isnin, 29-08-2011	
	Aidiladha	Ahad, 06-11-2011	Sabtu, 05-11-2011	

Sumber: kajian dokumentasi dan temu bual

Jadual di atas menjelaskan bahawa dari tahun 1432 H sehingga tahun 1435 H mengaplikasikan kaedah *buleun ek*, manakala ibadah puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha pada tahun 1432 yang seharusnya dilaksanakan pada hari Rabu dipindahkan kepada hari selepasnya iaitu Khamis. Demikian juga pada tarikh awal puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha pada tahun 1435 H yang jatuh pada hari Jumaat dimajukan kepada hari Sabtu. Berbeza halnya dengan tarikh awal puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha tahun 1436 H yang seharusnya dilaksanakan pada hari Rabu dipindahkan kepada hari sebelumnya iaitu hari Selasa, kerana pada tahun 1436 H merupakan tahun yang mengaplikasikan kaedah *buleun tren*.

Sepanjang pengamatan penulis, selama tempoh lima tahun yang digunakan oleh institusi tersebut dalam menetapkan tarikh awal bagi ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya, tidak ada satu pun tempoh masa yang ditetapkan bersamaan dengan hasil Sidang Isbat Kemenag RI. Pelaksanaan ibadah-ibadah tersebut mereka lakukan lebih awal selama 2 hari, kecuali pada pelaksanaan ibadah hari raya Aidiladha pada tahun 1433 H dan 1434 H mereka melaksanakan selepas tarikh yang ditetapkan oleh Kemenag RI.

Mereka memberikan beberapa alasan dan hujah dalam mengharamkan untuk memulakan awal puasa Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha pada hari Rabu dan Jumaat. Mereka berpendapat bahawa hari Rabu adalah hari Allah SWT menurunkan azab dan seksaan kepada orang-orang yang berbuat maksiat kepada Allah SWT, baik kepada sesebuah masyarakat ataupun individu.

Haram memulakan awal puasa Ramadan pada hari Rabu juga dihubungkaitkan dengan adat istiadat masyarakat Aceh. Dalam adat istiadat masyarakat Aceh, hari Rabu dikenali dengan *Rabu Nahas* dan hari Rabu pada akhir pekan dalam bulan Safar diistilahkan dengan *Rabu Abeh* (hari Rabu terakhir daripada hari *nahas*). Mereka mempercayai bahawa setiap hari Rabu, Allah SWT mencabut nyawa sebahagian daripada orang-orang yang melaksanakan maksiat sebagai satu bentuk daripada kemurkaan Allah SWT dan menurunkan kesialan ke dalam tubuh manusia. Sedangkan hari rabu terakhir bulan Safar hari terakhir diturunkan kesialan dan hari tersebut menjadi hari yang paling lemah dari hari-hari Rabu lainnya dalam satu tahun.<sup>20</sup>

Mereka berpendapat bahawa pada hari Rabu disarankan kepada umat Islam untuk memperbanyak sedekah, kenduri, sembahyang sunat dan membaca zikir. Dengan melaksanakan ibadah-ibadah tersebut, Allah SWT dengan keagungannya akan menjaga hambanya daripada semua kesialan dan bala yang didatangkan pada hari tersebut, serta kesialan dan bala tidak akan mendekat padanya hingga sempurna tahun.<sup>21</sup>

Oleh itu, larangan memulakan ibadah puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha pada hari Rabu adalah berkesinambungan dengan kesialan dan bala yang diturunkan pada hari tersebut. Tidaklah mungkin bulan yang sangat mulia dan berakah iaitu bulan Ramadan dimulakan pada hari diturunkannya kesialan dan demikian

---

<sup>20</sup> *Ibid.*,

<sup>21</sup> *Ibid.*, dan Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

juga berhari raya sebagai hari kemenangan dan kegembiraan dirayakan pada hari kesialan juga.

Sedangkan haram memulakan ibadah puasa Ramadan dan hari raya Aidiladha pada hari Jumaat kerana hari tersebut adalah hari raya umat Islam setiap pekan. Pada hari tersebut juga umat Islam mengerjakan solat Jumaat secara berjemaah dan bacaan khutbah di masjid. Oleh itu, tidak boleh bertemu sambutan hari raya dan bacaan khutbah hari raya Aidiladha dan khutbah Jumaat dalam satu hari yang sama.<sup>22</sup>

Alasan lain adalah, apabila wuquf jemaah haji dilaksanakan pada hari Jumaat, maka wuquf tersebut menjadi satu keutamaan bagi jemaah haji pada hari tersebut. Bahkan, boleh berlaku korban jiwa pada hari tersebut, kerana jemaah haji yang terlalu ramai. Bahkan, bagi Abu Peulekung tidak boleh menyambut hari raya Aidiladha pada Jumaat untuk menghormati kejadian tersebut.<sup>23</sup>

#### **4.2.3. Ketaatan Kepada Hasil Sidang Isbat Kementerian Agama RI**

Pada pengakhiran kehidupannya, Abu Peulekung telah berwasiat kepada pengikutnya yang setia dan menyerahkan seluruh pengikutnya kepada pemerintah Indonesia melalui Panglima Tentera Republik Indonesia pada ketika beliau dikunjungi di rumahnya,

“Abu Habib Muda itu mengatakan kepada panglima, dengan perantaraan bapak mulai hari ini, seluruh anak-anak kami (pengikut beliau) baik ada yang berada di Aceh Barat mahupun di Aceh Selatan, saya serahkan sepenuhnya kepada bapak untuk seterusnya diserahkan kepada pemerintah Indonesia. Dengan harapan agar seluruh pengikut kami itu, salah mereka dicegah, alang mereka supaya ditolong, langsung supaya mereka ditarik dan silap mereka diperingatkan, agar sah mereka itu menjadi hamba Allah dan umat Rasulullah. Katanya pada panglima, sambil menghulur tangannya berjabat bersama panglima sebagai tanda penyerahan. Sementara panglima langsung

<sup>22</sup> *Ibid.*, dan Habib Qudrat (Mursyid Tarekat Syattariyah Abu Peulekung Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015

<sup>23</sup> *Ibid.*,

menjawab, “semuanya telah saya terima.” Sesuai pertemuan itu berlangsung maka dua kali dua puluh empat jam, Abu Habib Muda dengan tenang berpulang ke rahmatullah”.<sup>24</sup>

Berdasarkan kepada penyataan tersebut, menurut Raja Kemangan seluruh pengikut Abu Peulekung taat dan patuh kepada pemerintah Indonesia dan selalu mendukung dan melaksanakan segala bentuk keputusan pemerintah yang diamanahkan kepada mereka.<sup>25</sup>

Namun begitu, pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya oleh pengikut Abu Peulekung adalah berbeza dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh pemerintah, perbezaan tersebut bukan hanya satu hari saja tetapi juga terjadi sehingga dua hari lamanya. Apabila disoal mengenai perbezaan tersebut, mereka memberikan jawapan bahawa mereka meyakini setiap yang telah ditetapkan oleh Abu, kerana proses tersebut sudah berlaku sekian lama bahkan sebelum pemerintahan Indonesia menjadi sebuah negara.<sup>26</sup>

Menurut Raja Kemangan, pengikut Abu Peulekung sangat setia kepada pemerintah, tetapi ini persoalan keyakinan dalam menjalankan perintah agama dan bukan dalam soalan ibadah puasa dalam bulan Ramadan dan hari raya sahaja, tetapi seluruh persoalan agama. Seluruh amalan agama yang telah Abu lakukan semasa beliau masih hidup, selalu dijadikan landasan dan teladan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti agama.<sup>27</sup>

Selain alasan tersebut, keengganan pengikut Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dalam meninggalkan keyakinan mereka dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal,

<sup>24</sup> “Sepak Terjang Dari Sosok Ulama Abu Habib Muda Seunangan”, 12

<sup>25</sup> Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

<sup>26</sup> *Ibid.*, dan Abdullah (Bilal Masjid Jamik Habib Muda Seunangan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015

<sup>27</sup> Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

juga disebabkan oleh kebiasaan mereka dalam meraikan hari raya iaitu pelaksanaan salat hari raya dan tradisi amalan tarekat pada hari tersebut.

Pelaksanaan Salat Sunat hari raya Aidilfitri difokuskan pada Masjid Jamik Habib Muda Seunagan, namun para pengikut daripada Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dibolehkan untuk melaksanakan solat sunat hari raya Aidilfitri di daerah masing-masing. Solat sunat hari raya Aidilfitri di Masjid Jamik Habib Muda Seunagan hanya diikuti oleh pengikut tarekat tersebut yang berada di kawasan daerah Seunagan atau Kabupaten Nagan Raya sahaja.

Berbeza dengan solat sunat hari raya Aidiladha yang pelaksanaan hanya boleh dilaksanakan di Masjid Jamik Habib Muda Seunagan dan tidak boleh dilaksanakan pada tempat yang lain. Pelaksanaan solat sunat hari raya Aidiladha ini dihadiri oleh semua pengikut Abu Peulekung di seluruh Aceh. Mereka berpegang kepada sebuah semboyan “*Haji Badan ue tanoh suci, haji arwah bak kuburan Abu*” maknanya adalah pergi Haji ke Tanah suci adalah haji badan, sedangkan menziarahi kuburan Abu Peulekung adalah haji arwah.

Abu Peulekung semasa masih hidup pernah berpesan kepada pengikutnya yang tidak menjalankan ibadah haji di Makkah, agar dapat berkumpul di masjid untuk melaksanakan salat sunat hari raya Aidiladha secara berjemaah, sehingga terjalin silaturrahim dan persaudaraan sesama penganut Tarekat Syattariyah.<sup>28</sup>

Selepas solat hari raya Aidilfitri dan Aidiladha, menjadi kesempatan bagi pengikut Abu Peulekung untuk melakukan ziarah makam *qutuh nasbeh* mereka iaitu Abu Peulekung. Pada hari tersebut, tanah perkuburan Abu Peulekung dibuka untuk masyarakat awam dan diberikan kesempatan secara bergilir untuk menziarahinya.

---

<sup>28</sup> Abdullah (Bilal Masjid Jamik Habib Muda Seunangan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015 dan Teuku Raja Keumangan (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015

Sedangkan pada hari kebiasaan perkuburan Abu tidak dibuka untuk umum dan hanya dibolehkan kepada penziarah yang mempunyai keperluan khusus.<sup>29</sup>

Kegiatan ziarah tersebut menjadi kesempatan kepada seluruh ahli tarekat untuk melakukan kegiatan-kegiatan *tawassul* serta kanduri arwah kepada Abu Peulekung. Selain itu, pada hari tersebut amalan zikir dan bacaan lainnya di dalam tarekat dilakukan oleh ahli-ahli tarekat yang pimpin oleh mursyid dan khalifah

#### **4.3. Dayah Al-Madinatuddiniyah**

Dayah berasal daripada bahasa Arab iaitu perkataan *zawiyah* yang mengandungi makna sudut, atau sudut masjid. Perkataan *zawiyah* awalnya bermaksud kepada sudut masjid yang menjadi tempat perkumpulan jemaah ahli sufi. Dalam Bahasa Aceh, penyebutan perkataan *zawiyah* berubah menjadi dayah, seperti juga perubahan madrasah menjadi *meunasah*. Istilah dayah diberikan kepada institusi pendidikan Islam tradisional di Aceh,<sup>30</sup> sedangkan di Jawa dikenal dengan istilah pesantren, sedangkan di Malaysia dinamai dengan pondok.

Terdapat empat institusi pendidikan Islam di Aceh, pertama *meunasah* atau *rangkang* iaitu sekolah tradisional pemula yang ada di setiap kampung yang mengajarkan membaca al-Qur'an dan *fardu ayn*. Kedua, madrasah atau sekolah iaitu institusi pendidikan kebangsaan atau sekolah moden. Ketiga, dayah sebagai institusi pendidikan tradisional yang lebih besar daripada *meunasah* dan *rangkang* yang mengajarkan *dirāsah al-islāmiyyah* dengan menggunakan kitab-kitab kuning berbahasa Arab.<sup>31</sup> Sedangkan

<sup>29</sup> Abdullah (Bilal Masjid Jamik Habib Muda Seunangan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2015

<sup>30</sup> M. Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh* (Jakarta: Nadia Foundation, 2003), 3

<sup>31</sup> Saifuddin Dhuhri, *Dayah: Menapaki Jejak Pendidikan Warisan Endatu Aceh* (Banda Aceh: Lhee Sagoe Pres, 2014), 21-22

Terakhir adalah pesantren moden iaitu institusi yang mengambungkan antara sekolah moden dengan dayah tradisional.

Dalam perkembangannya, dayah tradisional di Aceh di sebut juga dengan Dayah Salafiah, kerana merujuk kepada kurikulum dan metode belajar yang mereka gunakan. Sekarang ini, terdapat tiga kategori daripada Dayah Salafi di Aceh iaitu Dayah Salafi jaringan Abuya Muda Wali, kedua Dayah Darussa'adah dan terakhir Dayah Tanoeh Abeei yang merupakan Dayah klasik yang mempertahankan bangunan dan tradisi klasik.<sup>32</sup>

#### **4.3.1. Profil Dayah Al-Madinatuddiniyah**

Dayah Al-Madinatuddiniyah terletak di Desa Blang Blahdeh Kabupaten Bireuen Aceh, dengan jarak sekitar 250 kilometer dari Banda Aceh. dayah tersebut terkenal dengan dayah tradisional (salafiah) iaitu dayah yang mempertahankan sistem pendidikan pada zaman dahulu (konvensional) dan tidak menggunakan metode ajaran sekolah moden.

Dayah Al-Madinatuddiniyah mengajarkan ilmu agama seperti aqidah, akhlak, fiqah dan tasawuf dengan tumpuan kepada pembacaan kitab-kitab kuning Jawi Melayu dan Bahasa Arab. Metode pembelajaran yang diamalkan adalah metode *talaqqī* dengan menggunakan sistem terjemah iaitu guru membacakan kitab kuning dan melakukan syarahan di hadapan pelajar-pelajar dan mereka mendengar serta menulisnya.<sup>33</sup>

Dayah tersebut dibina pada tahun 1890 oleh Tgk H Imam Hanafiah, setelah beliau meninggal dunia, kepimpinannya digantikan oleh anaknya Tgk Mahmudsyah dan

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, 40

<sup>33</sup> Muhammad Thoriqussu'ud, "Model-model Pengembangan Kajian Kitab Kuning di Pondok Pesantren," *Jurnal Tajdid*, Vol. 1, No. 2 (2012), 233-235, dan Mastuhu, *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren* (Jakarta: INIS, 1994), 6-10

sekarang dayah tersebut dipimpin oleh Tgk Muhammad Amin yang merupakan cucu kepada Tgk H Imam Hanafiah.

Tgk Muhammad Amin yang terkenal dengan panggilan Tu Min tersebut yang merupakan lepasan dari Dayah Darussalam di Kampung Blang Poroh, Labuhan Hajji Aceh Selatan yang didirikan oleh Abuya Muda Wali al-Khalidi pada tahun 1942. Tgk Muhammad Amin berguru secara langsung dengan pengasas Dayah Darussalam tersebut.

Dayah Darussalam merupakan dayah yang sangat berpengaruh di Aceh, kerana seluruh dayah-dayah tradisional di Aceh mempunyai hubungan keilmuan dengan dayah tersebut. Selain berguru kepada Abuya Muda Wali, Tgk Muhammad Amin juga pernah berguru kepada Abu Hasan Krueng Kale atau dikenali dengan Nama Syeikh Muhammad Hasan al-Aasyie al-Falaki.<sup>34</sup>

Institusi Dayah Al-Madinatuddiniyah diiktiraf oleh Pemerintah Aceh, sehingga alumni dayah tersebut diberikan *shahādah* yang setaraf dengan sekolah menengah atau Madrasah Aliyah, sehingga mereka dapat melanjutkan pengajian ke universiti-universiti Islam di Indonesia. Tetapi majoriti dari mereka membuka dayah cawangan dengan menamakan dayah tersebut dengan gelaran Dayah Al-Madinatuddiniyah selepas mereka pulang ke kampung.<sup>35</sup>

Dalam tesis penyelidikan ini, terdapat tiga Dayah Al-Madinatuddiniyah yang penulis menemu bual, pertama ialah Dayah Al-Madinatuddiniyah Babussalam di Bireuen, Dayah Al-Madinatuddiniyah Darul Huda Paloh Gadenga Aceh Utara dan Dayah Al-Madinatuddiniyah Meulaboh Aceh Barat. Pengambilan dayah-dayah tersebut kerana mereka mempunyai kepakaran dan pemikiran dalam rukyatulhilal dan kiraan hisab serta

<sup>34</sup>“Dayah Almadinatuddiniyah Babussalam Blangbladeh” dicapai 12 Disember 2014, <http://sejarahkotajuang.blogspot.my/2014/10/dayah-alminatuddiniyah-babussalam.html>. Dan

<sup>35</sup> Rahmad (Alumni Dayah Al-Madinatuddiniyah dan pegawai kerajaan pada pejabat MPU Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 29 April 2015.

berperanan dalam menyediakan maklumat dalam penetapan tarikh awal bulan Ramadan dan Syawal.

Pemimpin dari Dayah Al-Madinatuddiniyah Paloh Gadeng iaitu Tgk Mustafa mempunyai jawatan sebagai ketua pengarah di Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh Utara. Pada institusi tersebut kegiatan hisab dan rukyah menjadi kuasa mereka, sehingga seluruh pelaksanaan hisab seperti hisab waktu solat, pengukuran kiblat serta melakukan rukyah awal Ramadan dan Syawal dijalankan oleh MPU Aceh Utara.

Menurut Rahmat, MPU Aceh Utara hanya bertugas menyediakan maklumat untuk penentuan awal Ramadan dan Syawal, namun kuasa dalam penetapan bukan tugas mereka. Menurutnya, masyarakat Kota Lhokseumawe, Bireun dan Aceh Utara menunggu keputusan tarikh awal Ramadan dan Syawal daripada Kemenag RI, serta mendapat pengesahan daripada Dayah Al-Madinatuddiniyah dan Dayah MUDI Mesra, kerana kedua dayah tersebut mempunyai autoriti yang kuat di dalam masyarakat tempatan.<sup>36</sup>

#### **4.3.2. Metode yang Digunakan dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Dayah Al-Madinatuddiniyah di seluruh Aceh merupakan institusi pendidikan dayah yang berpegang teguh kepada Mazhab al-Shāfi’ī dalam bidang fiqah dan berpandukan kepada aliran Maturidiyah dan al-Asy’āriyah dalam bidang kalam serta akidah. Oleh itu, dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal mereka komitmen dengan pemikiran dalam Mazhab al-Shāfi’ī.

Ulama Mazhab al-Shāfi’ī dengan berasaskan kepada Hadis telah bersepakat tentang dua metode yang digunakan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Metode

---

<sup>36</sup> *Ibid.*,

pertama adalah *ru'yah al-hilāl bi al-fī'lī* iaitu mencerap anak bulan secara langsung dengan menggunakan mata. Apabila metode pertama tidak dapat dilakukan karena sebab anak bulan terhalang oleh awan ataupun secara hisab anak bulan belum wujud, maka digunakanlah metode yang kedua iaitu *istikmāl* iaitu menyempurnakan hari bulan menjadi 30 hari.

Metode tersebut telah diamalkan oleh ulama-ulama Islam awal, sejak daripada zaman Sahabat Nabi SAW sehingga kini. Amalan tersebut merupakan amalan yang *mutawātir* yang kebenarannya tidak dapat diragukan baik menurut dalil agama ataupun akal manusia. Sedangkan metode yang lain tidak dapat dijadikan sebagai asas kerana Rasulullah SAW hanya memerintah dengan kedua metode tersebut.<sup>37</sup>

Menurut Abu Mustafa, sebab wajibnya berpuasa dalam bulan Ramadan karena telah terlihat anak bulan Ramadan atau menyempurnakan 30 hari bulan apabila anak bulan tertutup oleh awan. Sebab (*'illah*) wajibnya puasa Ramadan bersifat tetap kerana ibadah puasa Ramadan merupakan ibadah yang *ta'abbudī* sebagai bentuk kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Maka metode lainnya seperti metode *imkān al-ru'yah* atau *hisāb imkān al-ru'yah* yang diamalkan oleh Kemenag RI dan Nahdhatul Ulama (NU) tidak dapat dijadikan sebagai metode asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Demikian juga metode *hisāb wujūd al-hilāl* yang dipraktikkan oleh Muhammadiyah tidak boleh diguna pakai kerana tidak bersumber daripada dalil-dalil syarak, tetapi berasal dari pada pemikiran manusia.

Penggunaan mana-mana metode selain rukyah dan *istikmāl* tidak dibenarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar

---

<sup>37</sup> *Ibid.*,

فَالْإِنْسَانُ أَمْمَةٌ لَا يَحْكُمُهُ لَا يَحْكُمُهُ 38

Terjemahan: Nabi saw bersabda: “Kita adalah umat yang *ummī* (buta huruf), kita tidak menulis dan tidak pula mengira”

Menurut Abu Mustafa, hadis tersebut menjelaskan bahawa metode hisab tidak dapat dijadikan asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Hadis tersebut bukan bermakna hisab tersebut haram dan harus ditinggalkan, tetapi hisab tidak dapat diamalkan sebagai asas dalam menentukan tarikh awal Ramadan dan Syawal.

Larangan menggunakan hisab tetap berlaku meskipun hasil kiraan hisab telah menggunakan teori sains moden dan penyelidikan ilmiah. Ilmu pengetahuan dan sains moden sering berlaku perubahan dan tidak tetap. Dalam teori kiraan hisab sekarang, anak bulan dapat di rukyah pada ketinggian 2 darjah, namun kesimpulan tersebut tidaklah tetap, kerana pada teori sebelumnya anak boleh dilihat pada ketinggian 8 dan 4 darjah. Boleh jadi beberapa tahun hadapan, teori tersebut ditolak dengan penemuan teori-teori baru.

Hukum-hukum agama yang bersifat ibadah yang telah ditetapkan oleh dalil-dalil yang kuat, tidak dapat digantikan dengan metode lain yang dihasilkan dari penemuan sains moden, contohnya seperti ketentuan dalam bersuci daripada hadas dan najis, serta ketentuan air mutlak dan *musta'mal*. Bersuci daripada najis *mughaladah* seperti jilatan anjing harus dengan menggunakan petunjuk agama iaitu disamak dengan air tanah dan tidak boleh digantikan dengan sabun ataupun alatan basuh lainnya, meskipun penemuan

---

<sup>38</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Šawm, bab qawl al-Nabī SAW lā naktub wa lā naḥsib, No. Hadis 1913, Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Šāfiyah* (Mesir: Al-Salafiyyah, 1400), 2:33

sains moden mengatakan bahawa membasuh dengan sabun lebih bersih daripada menyamak dengan tanah.<sup>39</sup>

Penggunaan hisab dibolehkan hanya untuk mengira posisi dan darjah anak bulan yang hendak di rukyah, sehingga proses rukyah dapat dilakukan dengan mudah dan benar. Bercanggah hasil kiraan hisab dengan hasil rukyah dapat terjadi bila-bila masa, oleh kerana itu, apabila hal tersebut terjadi maka yang dijadikan asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal adalah rukyatulhilal bukan hisab, kerana asasnya adalah kaedah rukyah.<sup>40</sup>

Rukyatulhilal harus dibuktikan oleh kesaksian daripada seorang lelaki yang adil untuk memulakan puasa pada bulan Ramadan dan dua orang lelaki untuk sambutan hari raya, baik hari raya Aidilfitri mahupun Aidiladha. Kriteria saksi dalam rukyatulhilal sama dengan kriteria saksi dalam hukum Islam, tetapi kesaksian lelaki bersifat mutlak tidak boleh digantikan dengan dua orang perempuan.

Kiraan hisab yang manakah yang digunakan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah dalam mengira kedudukan anak bulan awal Ramadan dan Syawal? Menurut Abu Mustafa, hisab yang diamalkan adalah hisab yang digunakan oleh Kemenag RI. Penggunaan hisab Kemenag RI tidak hanya dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, tetapi juga penentuan arah kiblat dan penetapan waktu-waktu solat.<sup>41</sup>

---

<sup>39</sup> Abu Mustafa Paloh Gadeng, (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Darul Huda dan Ketua Pengarah MPU Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2015

<sup>40</sup> *Ibid.*,

<sup>41</sup> *Ibid.*,

#### **4.3.2.1. Proses dan lokasi Rukyah Dayah Al-Madinatuddiniyah**

Dayah Al-Madinatuddiniyah melakukan proses rukyatulhilal di seluruh Aceh dan wilayah lainnya seperti Sumatra Utara, Padang dan Batam. Di Aceh Dayah Al-Madinatuddiniyah Bireuen dan Aceh Utara melakukan proses rukyatulhilal di Kompleks PT. Arun LNG Lhokseumawe dengan posisi (Longitude 97° 8' 22" North dan Latitude 5° 11' 20" East). Tempat tersebut merupakan tempat yang paling baik di daerah Lhokseumawe untuk melakukan rukyah. Namun melakukan rukyah di Lhokseumawe dan sekitarnya terdapat kesukaran kerana lokasi terbitnya anak bulan semasa matahari terbenam terhalang dengan gunung-ganang serta bukit-bukau. Oleh itu, mereka dalam melaksanakan rukyah adakalanya harus menuju ke tengah lautan dengan menyewa perahu-perahu nelayan.<sup>42</sup>

Proses rukyatulhilal tersebut tidak hanya diikuti oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah tetapi juga oleh para pakar rukyah yang lain terutama dari Sekolah Tinggi Agama Islam Malikussaleh, Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), pakar hisab dan masyarakat awam dari daerah Lhokseumawe, Aceh Utara dan Bireuen.

Pelaksanaan rukyah tersebut menggunakan peralatan seperti teleskop dan teodolit. Tujuan penggunaan alatan tersebut untuk membantu proses rukyah sehingga dapat menghindari kesalahan-kesalahan dalam rukyatulhilal. Sejak rukyah dilakukan di lokasi tersebut, anak bulan belum pernah dilaporkan terlihat, terutama anak bulan awal bagi Ramadan dan Syawal.

Pelaksanaan rukyah di pelbagai tempat juga dilakukan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah serta dayah-dayah lainnya yang mempunyai pemahaman dan

---

<sup>42</sup> Rahmad (Alumni Dayah Al-Madinatuddiniyah dan pegawai kerajaan pada pejabat MPU Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 29 April 2015.

pemikiran yang selaras dengan Dayah Al-Madinatuddiniyah. Lokasi tersebut seperti di Aceh Selatan, rukyah dilakukan di Pantai Lhok Pawoh Kecamatan Mangeng, Pantai Padang Bakau Kecamatan Labuhan Haji Tengah dan Meukek, Pantai Aceh Barat Daya, Pantai Nagan Raya dan Meulaboh Aceh Barat.

Selain di lokasi tersebut, Dayah Al-Madinatuddiniyah juga mengikuti proses rukyah yang dilakukan oleh Kemenag RI wilayah Aceh seperti di Balai Cerap Tgk, Chiek Kuta Karang Lhoknga Aceh Besar, di Suak Geudeubang Meulaboh, Nol Kilometer Sabang, Pantai Calang, Pantai Seumelu dan Aceh Selatan.

Lokasi rukyatulhilal lebih banyak dilakukan di Daerah Pantai Barat dan Selatan Aceh daripada Daerah Utara dan Timur. Hal ini kerana daerah Utara dan timur Aceh tidak mungkin dapat menjangkau ufuk pada saat matahari terbenam kerana terhalang oleh gunung serta bukit. Sedangkan daerah selatan dan barat Aceh berhadapan langsung dengan ke Samudera Hindi, sehingga ufuk tempat terbitnya anak bulan mudah untuk dilihat.<sup>43</sup>

#### **4.3.2.2. Konsep *Matla'* yang Diamalkan**

Istilah *matla'* menurut fiqah dan ilmu falak adalah batas geografi untuk berlakunya hasil rukyah. Perbahasan terhadap konsep *matla'* amat terkait dengan apakah hasil rukyatulhilal di sebuah daerah dapat dijadikan dalil oleh daerah lainnya yang tidak dapat mencerap anak bulan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.<sup>44</sup>

Menurut ulama Mazhab al-Shāfi'I, keberhasilan mencerap anak bulan di suatu daerah hanya berlaku untuk daerah tersebut sahaja dalam satu *matla'*, kerana mereka

---

<sup>43</sup> *Ibid.*,

<sup>44</sup> Farid Ruskanda, *100 Masalah Hisab & Rukyah Telaah Syariah, Sains dan Teknologi* (Jakarta: Gema Insani, 2005), 41

berpandukan kepada konsep *ikhtilāf maṭāli'*.<sup>45</sup> Sedangkan pendapat majoriti ulama mazhab, mereka membolehkan berpandukan kepada keberhasilan rukyah pada mana-mana tempat, rukyah di suatu tempat berlaku kepada seluruh tempat di dunia, konsep ini dikenal dengan istilah *itihād al-maṭāli'*.<sup>46</sup>

Terdapat beberapa konsep batasan *maṭla'* menurut Fiqh al-Shāfi'ī iaitu pertama, jarak tempat keberhasilan rukyah dengan daerah lain berjarak 24 fasakh. Kedua, jarak *masāfah al-qasr al-ṣalah* (jarak boleh qasar sembahyang) 16 fasakh. Ketiga, satu *iqlim* (belahan bumi) dengan daerah yang berhasil melakukan rukyatulhilal. Keempat, kesamaan peluang melihat anak bulan atau kesamaan waktu terbit dan terbenam matahari serta bulan, dan berhubungan dengan garis bujur dan lintang.<sup>47</sup>

Menurut Abu Mustafa, pendapat yang dapat diamalkan untuk menjelaskan perbezaan *maṭla'* adalah kriteria keempat iaitu kesamaan peluang melihat anak bulan atau kesamaan terbit dan terbenam matahari dan bulan. Ulama fiqah memberikan batas kesamaan tersebut sejauh 24 fasakh dan 16 fasakh, namun menurutnya batasan *maṭla'* tersebut terlalu dekat dan tidak dapat diamalkan.

Seorang ulama *muta'akhirīn* iaitu Abu Makhramah memberikan batasan yang lebih jauh dan sesuai untuk diamalkan pada zaman sekarang. Menurut Abu Makhramah, jika selisih *ghurūb* antara dua tempat kurang dari lapan darjah, maka *maṭla'* kedua tempat tersebut sama untuk melihat anak bulan, namun apabila lebih daripada lapan darjah, maka *maṭla'* nya berbeza. Pendapat tersebut disebutkan dalam Kitab *Bughyah al-Murtarshidīn* karangan 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Husayn bin 'Umar.

<sup>45</sup> Abī Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū' Sharḥ al-Muhaḍdhāb li al-Shayrażī*, (Riyāḍ: Maktabah al-Iṛshād, t.t.), 6: 280

<sup>46</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2009 M / 1430 H), 2: 532 dan T. M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Pedoman Puasa* (Jakarta: Bulan Bintang, 1967), 51

<sup>47</sup> Abī Zakariyyā Yaḥyā al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muhaḍdhāb li Shayrażī*, 6: 280-281

وقال أبو مخرمة: إذا كان غروبي الشمس بمحلين قدر ثمان درج فأقل فمطلعهما متفق

بالنسبة لرؤية الأهلة. وإن كان أكثر ولو في بعض الفصول فمختلفة أو مشكوك فيه فهو

كالمختلف.<sup>48</sup>

Terjemahan: “Berkata Abu Makhramah: jika selisih waktu terbenam matahari antara dua tempat kurang daripada lapan darjah maka kedua tempat tersebut satu *matla'* dalam berlakunya rukyatulhilal. Dan jika perbezaan waktu dua tempat lebih daripada lapan darjah maka berbeza *matla'*.

Dayah Al-Madinatuddiniyah berpandukan kepada pendapat tersebut kerana pendapat tersebut adalah pendapat yang kiraannya paling jauh dan lebih sesuai untuk diamalkan daripada 24 dan 16 fasakh.<sup>49</sup>

Abu Mustafa menjelaskan makna daripada perkataan Abu Makhramah “jika terjadi selisih terbenam matahari (*tafawūt ghurūb*) antara dua tempat kurang dari lapan darjah maka itu dinamakan satu *matla'*, sedangkan jika jarak antara keduanya lebih dari lapan darjah maka kedua tempat tersebut berbeza *matla'*. Ia menyebutkan bahawa pengambilan angka lapan darjah kerana merupakan nilai terkecil dari masa atau lamanya anak bulan dapat di rukyah setelah *ghurūb*. Oleh itu, jika anak bulan berhasil di rukyah di daerah barat, maka lazimnya anak bulan juga dapat di rukyah pada bahagian timur dengan jarak kurang dari lapan darjah daripada daerah barat tersebut.<sup>50</sup>

Menurut Abu Mustafa, bilangan lapan darjah tersebut bukanlah bilangan yang tetap, tetapi bilangan tersebut berubah menurut ketinggian anak bulan di atas cakerawala

<sup>48</sup> ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husayn bin ‘Umar, *Bughyah al-Mustarshidīn* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994 M / 1414 H), 179

<sup>49</sup> Abu Mustafa Paloh Gadeng, (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Darul Huda dan Ketua MPU Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2015

<sup>50</sup> *Ibid.*,

(ufuk). Lamanya masa anak bulan dapat di rukyah di atas ufuk sangat berhubungan dengan ketinggian anak bulan saat matahari terbenam, semakin tinggi darjah anak bulan di atas ufuk, semakin lama anak bulan dapat dilihat.

Untuk mengira lamanya masa anak bulan dapat di rukyah, boleh digunakan rumus:

$$\text{Lamanya anak bulan dapat dilihat} = \text{ketinggian anak bulan} \times 4 \text{ minit.}^{51}$$

Perlu diketahui bahawa satu darjah ketinggian anak bulan, boleh dilalui dalam waktu 4 minit. Bulan seperti juga matahari, beredar pada garis orbitnya dengan kelajuan tetap, maka pakar hisab telah mengira lamanya anak bulan berada di atas ufuk dengan menggunakan rumus di atas. Kejadian *maṭla'* dengan jarak lapan darjah Abu Makhramah tersebut, apabila ketinggian anak bulan pada lapan darjah ke atas ufuk, maka anak bulan berada di atas ufuk selama 32 minit. Lamanya anak bulan dapat di rukyah adalah  $8 \times 4$  minit = 32 minit.

Misalnya ketinggian anak bulan 2 darjah maka  $2 \times 4 = 8$  minit, maka anak bulan dapat dilihat selama lapan minit, maka berlakunya *maṭla'* dalam jarak lapan minit. Semakin kecil darjah bulan semakin dekat jarak berlakunya *maṭla'*.<sup>52</sup>

Pemahaman tentang makna lapan darjah tersebut juga dijelaskan oleh Tgk. Mahmudi, maknanya iaitu jarak antara satu daerah dengan daerah lainnya sejauh lapan darjah atau lapan darjah perjalanan matahari. Satu darjah berjarak empat minit, lapan darjah bermakna 32 minit perjalanan matahari. Oleh itu, keberadaan jarak lapan darjah tersebut segaris dengan terbenam matahari iaitu dari timur ke barat, tidak sebaliknya dari barat ke timur. Menurut Tgk Mahmudi dengan jarak yang sedemikian, dua daerah dapat

<sup>51</sup> Farid Ruskanda, *100 Masalah Hisab & Rukyah*, 24

<sup>52</sup> Abu Mustafa Paloh Gadeng, (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Darul Huda dan Ketua MPU Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2015

<sup>52</sup> *Ibid.*,

berada dalam waktu Maghrib atau terbenam matahari secara bersama walaupun sebentar. Dengan demikian, anak bulan yang dilihat di suatu tempat dapat diamalkan di daerah lain sejauh 32 minit.<sup>53</sup>

Terjadi perbezaan pendapat di antara dua tokoh Dayah Al-Madinatuddiniyah dalam memahami bilangan lapan darjah tersebut. Tgk Mahmudi mengatakan bahawa bilangan tersebut merupakan bilangan yang tetap terhadap pembatasan *maṭla'*, meskipun anak bulan dapat dilihat dalam ketinggian yang berbeza-beza.<sup>54</sup> Sedangkan Abu Mustafa menyatakan bahawa *maṭla'* akan berbeza jauh dan dekatnya sesuai dengan ketinggian anak bulan yang berhasil dilihat. Semakin tinggi darjah anak bulan yang dapat di rukyah, semakin lama anak bulan dapat dilihat dan semakin jauh berlakunya *maṭla'*.

Perbezaan pemahaman kedua-dua tokoh Dayah Al-Madinatuddiniyah tersebut disebabkan perbezaan pengetahuan terhadap metode kiraan hisab Kemenag RI. Abu Mustafa merupakan ketua daripada MPU Aceh Utara yang telah banyak mendapatkan pengetahuan daripada BHR Aceh, sehingga pemahamannya sejalan dengan teori hisab. Namun, pendapat yang menyatakan bahawa angka lapan tersebut merupakan angka yang tetap merupakan pemahaman asas daripada Dayah Al-Madinatuddiyah. Kesimpulan tersebut disokong oleh amalan yang digunakan oleh dayah-dayah salafiah lainnya yang berpedoman kepada konsep *maṭla'* Abu Makhramah.<sup>55</sup>

Data-data yang berhasil dikumpulkan mengenai penetapan tarikh awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah adalah:

<sup>53</sup> Tgk Mahmudi (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Aceh Barat), dalam temu bual dengan penulis, 13 Februari 2015

<sup>54</sup> *Ibid.*,

<sup>55</sup> Tgk. Jamaluddin Wali, (Ketua Pengarah daripada Dayah Bustanul Muhaqqiqien Darussalam Labuhan Haji Aceh Selatan) dalam temu bual dengan penulis 5 Jun 2015

Jadual 4.2. Perbandingan antara Hasil Sidang Isbat Kemenag RI dan Dayah Al-Madinatuddiniyah

Tahun	Bulan	Tinggi Anak Bulan <sup>56</sup>	Pemerintah		Dayah Al-Madinatuddiniyah	
			Isbat	Bulan Baru	Isbat	Bulan baru
1436	Ramadan	-2 19	<i>istikmāl</i>	18-06-2015	<i>Istikmāl</i>	18-06-2015
	Syawal	1° 50'	Rukyah	17-07-2015	<i>Istikmāl</i>	18-07-2015
	Zulhijah	00.03	<i>istikmāl</i>	15-09-2015	<i>Istikmāl</i>	15-09-2015
1435	Ramadan	00° 05'	<i>Istikmāl</i>	29-06-2014	<i>Istikmāl</i>	29-06-2014
	Syawal	02° 17'	Rukyah	28-07-2014	<i>Istikmāl</i>	29-07-2014
	Zulhijah	0° 30'	<i>Istikmāl</i>	26-09-2014	<i>Istikmāl</i>	26-09-2014
1434	Ramadan	0° 44'	<i>istikmāl</i>	10-07-2013	<i>Istikmāl</i>	10-07-2013
	Syawal	2° 39'	Rukyah	08-08-2013	Rukyah <sup>57</sup>	08-08-2013
1432	Zulhijah	6° 04	Rukyah	28-10-2011	<i>istikmāl</i>	29-10-2011

Sumber: Analisis data dokumentasi dan temu bual

Data-data tersebut hanya diperoleh melalui maklumat secara lisan serta akhbar-akhbar dan laman sesawang, kerana mereka tidak mempunyai dokumen bertulis tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal yang mereka lakukan.

Jadual di atas menunjukkan bahawa penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah lebih banyak menggunakan metode *istikmāl* daripada rukyah. Hal ini diperakui oleh Abu Mustafa bahawa di Aceh anak bulan tidak pernah terlihat, bukan sahaja oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah tetapi oleh institusi rukyah lainnya seperti Kemenag Wilayah Aceh. Selama masa lima tahun terakhir ini, anak bulan di Aceh tidak pernah dilaporkan terlihat, kecuali hanya sekali iaitu di Aceh Selatan tapi beliau lupa bila hal tersebut terjadi.<sup>58</sup>

<sup>56</sup> Perhitungan tinggi anak bulan menggunakan software Accurate Time 5.3.9 dan Accurate Hijri Calculator 2.2.1 pada posisi kota Banda Aceh *Longitude* 95° 41' 45" East dan *Latitude* 5° 10' 10" North

<sup>57</sup> Rukyah Batam di terima "Idul Fitri di Aceh Barat Tiga Versi, laman sesawang "Serambi Indonesia" dicapai 5 Mac 2014, <http://aceh.tribunnews.com/2013/08/12/idul-fitri-di-aceh-barat-tiga-versi>

<sup>58</sup> Abu Mustafa Paloh Gadeng, (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Darul Huda dan Ketua MPU Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2015

### **4.3.3. Ketaatan kepada Hasil Sidang Isbat Kementerian Agama RI**

Perbincangan tentang ketaatan terhadap hasil Sidang Isbat Kemenag RI dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal terdapat beberapa perkara yang dijadikan isu oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah dan isu-isu tersebut dijadikan alasan oleh mereka untuk tidak berpandukan kepada penetapan Kemenag RI. Pertama ialah menolak *maṭla'* *wilāyah al-hukm* dan kedua, metode *hukm al-ḥākim* Kemenag RI dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

#### **4.3.3.1. Menolak Konsep *Maṭla'* *Wilāyah al-Hukm***

Pakar daripada Dayah Al-Madinatuddiyah berpendapat bahawa, Negara Indonesia merupakan negara yang sangat luas dari Sabang sehingga ke Maureke, yang terdiri dari tiga zon waktu iaitu waktu Indonesia Bahagian Barat (GT+7), Tengah (GT+8) dan Timur (GT+9). Akibat daripada perbezaan waktu tersebut, maka kemungkinan terjadi juga perbezaan masa tempoh malam antara tiga wilayah Indonesia, yang mengakibatkan kepada perbezaan dalam melihat anak bulan.

Abu Mustafa mengatakan bahawa Hadis Kurayb yang dijadikan sebagai dalil tentang perbezaan *maṭla'*, tidak memberikan alasan bahawa perbezaan *maṭla'* adalah terhad kepada batasan negara. Demikian juga pendapat ulama fiqah, namun penyebutan nama-nama negara dalam menjelaskan *maṭla'* hanya sebagai contoh sahaja. Demikian juga hadis-hadis tentang rukyatulhilal bersifat umum kepada umat Islam, dan tidak terhad kepada batasan daerah ataupun negara

Beliau berpendapat bahawa Negara Republik Indonesia diperakui sebagai sebuah negara, tetapi tidak dapat dijadikan sebagai satu *maṭla'* dalam menerima laporan kesaksian rukyatulhilal dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Konsep *maṭla'*, *wilāyah al-ḥukm* lahir diakibatkan sikap ingin mempertahankan sikap *ego nasionalisme*, serta tidak mempunyai landasan dari posisi syarak mahupun sains. Islam tidak pernah memberikan batasan syarak hanya dari batasan negara, tetapi Islam berlaku secara umum.

Misalnya Daerah Papua sebagai daerah yang paling Timur Indonesia diarahkan dan dipaksa untuk mengikuti rukyah yang ada di Aceh yang merupakan bahagian Barat Indonesia kerana alasan negara.<sup>59</sup> Jarak antara Aceh dengan Papua sekitar  $95^{\circ}$  BT- $141^{\circ}$  BT setara dengan 46 darjah bujur atau 184 minit. Demikian halnya juga Aceh dan Malaysia berbeza kerana perbezaan negara, sedangkan Sabang Aceh dengan Kuala Lumpur Malaysia hanya berjarak kurang dari 30 minit, sabang terletak pada  $95^{\circ}$  BT sedangkan Kuala Lumpur  $101^{\circ}$  BT setara dengan 6 darjah bujur atau 24 minit.<sup>60</sup>

Menurut data hisab, wilayah Indonesia terjadi perbezaan terbit dan terbenam anak bulan antara bahagian barat, tengah dan timur. Semasa anak bulan telah berada di atas ufuk di wilayah tengah Indonesia, belum tentu anak bulan juga telah wujud di daerah Indonesia pada bahagian barat ataupun timur. Demikian juga semasa bulan telah sampai pada darjah *imkān al-ru'yah* di wilayah Barat, manakala di wilayah timur bulan belum wujud apatah lagi dalam batasan darjah *imkān al-ru'yah*.

Perbezaan masuknya waktu solat antara wilayah di Indonesia juga berbeza kerana berbezaan waktu lebih dari 3 jam antara Indonesia bahagian barat dan timur. Misalnya, masuknya waktu Salat Maghrib di Aceh, sedangkan di Jakarta sudah selesai mengerjakan Solat Isyak dan di wilayah Maureke Papua hampir pertengahan malam. Oleh kerana itu,

---

<sup>59</sup> *Ibid.*,

<sup>60</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014* (Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013), 427

menurut pakar daripada Dayah Al-Madinatuddiyah, *matla‘ wilāyah al-hukm* tidak dapat diamalkan kerana bercanggah dengan sains, akal bahkan dalil agama.<sup>61</sup>

#### **4.3.3.2. Kritik terhadap *Hukm al-Hākim***

Majoriti masyarakat Indonesia, termasuk pemimpin dan ulama mengamalkan Mazhab Shāfi‘ī dalam pelaksanaan ibadah-ibadah, meskipun kerajaan tidak pernah menyatakan. Persoalan-persoalan agama yang berkembang di Indonesia sekarang ini bersumberkan daripada institusi-institusi agama seperti Muhammadiyah, NU, Persis, Dewan Dakwah dan institusi lainnya. Pakar ilmu agama dalam institusi tersebut berkumpul dalam satu badan iaitu Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan mereka mengamalkan Mazhab Al-Shāfi‘ī.

Menurut Abu Mustafa, MUI dan Kemenag RI bukanlah *mujtahid muṭlaq* seperti ulama mazhab yang dapat berijtihad langsung dari al-Qur'an dan hadis tanpa berhajat kepada pendapat ulama *mujtahid* lainnya. Akan tetapi, ulama dan pemerintah Indonesia adalah *muqallid* yang berijtihad harus sejajar dengan mazhab yang mereka amalkan iaitu Mazhab Shāfi‘ī.<sup>62</sup>

Oleh itu, mana-mana pendapat yang difatwakan oleh MUI dan Pemerintah Indonesia harus seiring dengan mazhab yang mereka amalkan. Hasil daripada fatwa tersebutlah yang mewajibkan kepada umat Islam di Indonesia untuk taat dan patuh kepada hasil ijтиhad atau fatwa pemimpin. Namun apabila ijтиhad atau fatwa yang dikeluarkan bercanggah dengan mazhab yang diamalkan, maka ijтиhad atau fatwa tersebut boleh tidak diikuti dan ditaati, kerana bercanggah dengan amalan kebiasaan masyarakat.

<sup>61</sup> Abu Mustafa Paloh Gadeng, (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Darul Huda dan Ketua MPU Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2015

<sup>62</sup> *Ibid.*,

Permasalahan yang berlaku dalam proses penentuan awal Ramadan dan Syawal di Indonesia adalah MUI dan Kemenag RI menolak mengamalkan konsep *ikhtilāf al-maṭāli*‘ yang merupakan konsep yang diperakui dalam Mazhab al-Shāfi‘ī dan berasaskan kepada dalil yang kuat dengan alasan satu negara dan nasionalisme.

Tujuan Kemenag RI dalam menolak mengamalkan konsep *ikhtilāf al-maṭāli*‘ kerana ingin menyatukan umat Islam Indonesia dalam memulakan tarikh puasa pada bulan Ramadan dan hari raya. Kemenag RI meninggalkan Mazhab al-Shāfi‘ī bukannya beralih kepada pendapat jumhur ulama mazhab iaitu *itihād al-maṭāli*‘, namun mengamalkan konsep *maṭla‘ wilāyah al-hukmī* yang sebenarnya tidak mempunyai landasan yang kuat baik dari konsep *ikhtilāf al-maṭāli*‘ dalam Mazhab al-Shāfi‘ī dan juga dari konsep *ittiḥād al-maṭāli*‘ dari pendapat jumhur ulama mazhab.<sup>63</sup>

Para ulama hadis telah menyebutkan hadis *maṭla‘* daripada Kurayb dalam membincangkan konsep *maṭla‘*, mereka meletakkan hadis tersebut dalam tajuk “setiap *balad* mempunyai rukyah masing-masing”. Seperti Muslim, menyebutkan hadis Kurayb dalam *bab bayān an likull balad ru‘yatuhum wa innahum idhā ra‘aw al-hilāl bi balad la yuthabit hukmuh lima ba‘īd ‘anhum* dan al-Tirmidhī menyebutkan dalam bab *mā ja’ likull ahl balad ru‘yatuhum*, demikian juga Abū Dāwūd dan al-Nasā‘ī.<sup>64</sup>

*Balad* adalah sesuatu tempat yang ada di atas permukaan bumi baik ianya mempunyai amir ataupun tidak, contohnya Makkah, Madinah dan Syam. Sedangkan *qaryah* lebih kecil dari *balad*. Manakala *dawlah* ialah kumpulan daripada *balad* atau *qaryah* yang di dalamnya siasah di jalankan. Hadis *maṭla‘* di atas menceritakan tentang rukyah di Syam dan Madinah, kedua daerah tersebut dalam satu wilayah siasah atau

<sup>63</sup> *Ibid.*,

<sup>64</sup> Muslim bin Ḥajjaj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Šaḥīḥ Muslim* (Riyāḍ: Dār Taybah, 1426 H), no. hadis 28 (1087), 1:485, Muhammad bin ‘Isā ibn Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t) 173, Abī Dawūd Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī, *Sunan Abi Dawūd* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t), 409.

kerajaan Islam, tetapi berbeza *balad*. Oleh itu, berlakunya hasil rukyatulhilal bukan dibatasi oleh batasan negara, tetapi dari terbit dan terbenam anak bulan itu sendiri.<sup>65</sup>

Demikian halnya Negara Republik Indonesia yang terdiri daripada pelbagai *balad* dan *qaryah*, namun persatuan tersebut tidak haruslah bersatu dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, kerana setiap *balad* di Indonesia mempunyai *maṭla'* masing-masing.

Aceh adalah sebuah *balad*, meskipun ianya berada dalam wilayah Negara Republik Indonesia, Aceh boleh menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal sesuai dengan hasil rukyatulhilal sendiri. Oleh itu, Dayah Al-Madinatuddiniyah seluruh Aceh dan dayah-dayah tradisional lainnya melakukan penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah dengan menerima dan menolak kesaksian rukyatulhilal dengan jalan dan metode sendiri.

Mereka mencadangkan agar Kerajaan Aceh menetapkan tarikh awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah dengan menggunakan hasil rukyah dalam mengamalkan konsep *maṭla'* lapan darjah Abu Makhramah. Hasilnya adalah pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya di Aceh dapat dilaksanakan sesuai dengan tuntutan syarak dan fiqah Mazhab al-Shāfi‘ī, sehingga kerajaan Aceh dapat mewajibkan kepada seluruh umat Islam di Aceh untuk melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan hari raya secara berjemaah.<sup>66</sup>

Pemakaian untuk melaksanakan ibadah puasa pada bulan Ramadan dan hari raya secara berjemaah dapat dilakukan kerana Kerajaan Aceh diberikan kuasa untuk melaksanakan syariat Islam secara sempurna. Hadis-hadis dan pendapat majoriti ulama

<sup>65</sup> Tgk Mahmudi (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Aceh Barat), dalam temu bual dengan penulis, 13 Februari 2015

<sup>66</sup> *Ibid.*, Abu Mustafa Paloh Gadeng, (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyah Darul Huda dan MPU Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2015

memberikan sokongan agar ibadah-ibadah tersebut dikerjakan secara berjemaah bersama pemimpin atau imam.

Sehingga saat ini, Kerajaan Aceh belum dapat melaksanakan penetapan tarikh tersebut, sehingga dalam melaksanakan ibadah puasa dalam bulan Ramadan dan hari raya masih berpandukan kepada keputusan Kemenag RI melalui Sidang isbat, meskipun proses rukyatulhilal juga dilakukan di Aceh.

#### **4.4. Dayah Ma`hadal ‘Ulum Diniyah Islamiyah Masjid Raya (MUDI Mesra)**

Dayah Mudi Mesra Samalangan merupakan dayah yang dikelompokkan kepada jenis Dayah Abuya Muda Wali, kerana deretan ketua pengarah dari pada dayah tersebut merupakan lepasan daripada Dayah Darussalam pimpinan Abuya Muda Wali. Terdapat tiga jenis dayah di Aceh pertama jaringan daripada Abuya Muda Wali, jenis ini merupakan dayah majoriti di Aceh. Kedua Dayah Darusa’adah dan ketiga Dayah Tanoeh Abeei.

##### **4.4.1. Profil Dayah MUDI Mesra.**

Institusi pendidikan Islam Dayah Ma`hadal Ulum Diniyah Islamiyah (MUDI) yang terletak di daerah Mideun Jok Masjid Raya, Kecamatan Samalanga, Provinsi Aceh, sekitar 200 kilometer daripada Kota Banda Aceh.

Dayah ini telah dibina seiring dengan penumbuhan Masjid Raya Samalanga ketika zaman Sultan Iskandar Muda, sehingga dayah ini dikenali dengan Nama Ma`hadal Ulum Diniyah Islamiyah Masjid Raya (MUDI Mesra). Pemimpin dayah yang pertama dikenali dengan Nama Faqeh Abdul Ghani, namun sejarah awal Dayah MUDI Mesra tidak dicatat.

Bermula catatan sejarah perjalanan dayah tersebut pada tahun 1927 dengan dijumpai beberapa catatan secara jelas tentang sejarah yang meriwayatkan perjalanan dan kepimpinan Dayah MUDI Mesra.

Pada tahun 1927, Dayah tersebut dipimpin oleh Tgk H. Syihabuddin bin Idris, selepas kematiannya digantikan oleh Tgk. H. Hanafiah bin Abbas atau lebih dikenali dengan gelaran Tgk Abi. Selepas beliau meninggal pada tahun 1964, pucuk pimpinan tersebut digantikan oleh menantu beliau iaitu Tgk. H. Abdul Aziz bin Tgk. M. Shaleh. Beliau digelar dengan *Abon* yang merupakan murid kepada Abuya Muda Wali pimpinan Dayah Bustanul Muhaqqiqien Darussalam Labuhan Haji Aceh Selatan.

Pada tahun 1989, melalui jalan mesyuarat bersama dengan alumni dan masyarakat, akhirnya ditetapkan bahawa dayah tersebut dipimpin oleh salah seorang menantunya iaitu Tgk. H. Hasanoel Bashry bin H. Gadeng. Pada masa kepimpinan beliau, dayah tersebut semakin berkembang dengan jumlah pelajar bertambah dengan pesat, baik dari Aceh mahupun dari luar daerah Aceh, serta pada ketika ini sudah mencapai kurang lebih 5000 orang pelajar lelaki dan wanita.

Sejak berdirinya Dayah MUDI Mesra telah mengeluarkan ramai pelajar yang tersebar ke seluruh Aceh bahkan luar Aceh, sebahagian daripada mereka mendapatkan ijazah untuk membuka dayah cawangan. Dayah-dayah cawangan daripada Dayah MUDI Mesra diberikan gelaran dengan al-Aziziyyah yang dinisbahkan kepada Tgk. H. Abdul `Aziz bin M. Shaleh, yang merupakan salah satu daripada barisan pimpinan dayah tersebut yang berhasil menjayakan dan memajukan pendidikan di Dayah MUDI Mesra. Sehingga kini catatan mengenai pembukaan Dayah al-Aziziyyah adalah sebanyak 130 cawangan di seluruh Aceh dan luar Aceh.<sup>67</sup>

---

<sup>67</sup> "Profil Dayah Mudi Mesra Samalanga", lama sesawang Dayah MUDI Mesra dicapai 25 Februari 2015 [http://www.mudimesra.com/p/blog-page\\_4288.html](http://www.mudimesra.com/p/blog-page_4288.html)

Jadual 4.3. Senarai Dayah Cawangan daripada MUDI Mesra

No.	Nama Daerah	Jumlah Cawangan
1	Banda Aceh dan Aceh Besar	11
2	Pidie	39
3	Pidie Jaya	10
4	Bireuen	21
5	Kota Lhokseumawe	4
6	Aceh Utara	25
7	Aceh Timur, Taming dan Kota Langsa	9
8	Aceh Tengah, Barat dan Selatan	9
9	Luar Aceh (Jambi dan Bekasi)	2
<b>Jumlah</b>		130

Sumber: [http://www.mudimesra.com/p/blog-page\\_4288.html](http://www.mudimesra.com/p/blog-page_4288.html)

Dayah MUDI Mesra merupakan dayah tradisional yang telah menggunakan pentadbiran moden, sehingga seluruh aktiviti-aktiviti dayah telah mempunyai sistem yang teratur yang telah digariskan, seperti sistem peperiksaan dan kenaikan tingkatan. Pendidikan di dayah tersebut juga telah diiktiraf oleh kerajaan seiring dengan sekolah menengah, meskipun menggunakan kurikulum yang berasaskan kepada kitab kuning.

Tempoh minimum pengajian di Dayah MUDI Mesra adalah selama lapan tahun iaitu satu tahun pada kelas *tajhizī*, tiga tahun kelas *āliyyah* dan 4 tahun *ma'had 'ālī*. Pelajaran yang diajarkan adalah ilmu agama Islam seperti Bahasa Arab, hadis, tafsir, fiqh, aqidah, tasawuf dan mantik serta ilmu lainnya seperti matematik, ilmu falak dan Bahasa Inggeris.<sup>68</sup>

Pada tahun 2003, dayah ini telah melahirkan ramai pelajar yang berkelulusan sarjana dan doktor falsafah pengajian Islam. Sehingga mereka menuju ke Universiti Islam dengan Nama Institut Agama Islam al-Aziziyyah. Seterusnya, semua para pelajar dapat melanjutkan pengajian mereka ke Universiti tersebut. Kini, Institut Agama Islam al-Aziziyyah telah mempunyai tiga fakulti iaitu Fakulti Tarbiyah, Syariah dan Dakwah.<sup>69</sup>

<sup>68</sup> *Ibid.*,

<sup>69</sup> "Profil IAI Al-Aziziyyah Samalanga, dicapai 22 Februari 2015, <http://iaia.ac.id/id/page/1-PROFIL-IAI-Al-Aziziyyah-Samalanga>.

#### **4.4.2. Metode yang Digunakan dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Secara umum, metode yang digunakan oleh Dayah MUDI Mesra dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal seiring dengan konsep yang diamalkan oleh Dayah Madinatuddiniyah iaitu menggunakan *rukyah hilal bi al-fi 'li* (melihat dengan mata secara langsung) dan *istikmāl* dengan menyempurnakan 30 hari apabila anak bulan tidak dapat di rukyah.

Dalil daripada al-Qur'an dan hadis serta pendapat ulama melarang penggunaan kiraan hisab dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Namun, Agama Islam tidak melarang umatnya untuk mempelajari ilmu hisab ataupun ilmu falak. Hadis mengenai "kami tidak dapat menulis dan mengira" bukanlah bermakna melarang mempelajari, tetapi hisab tidak dapat dijadikan asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Kiraan hisab dan rukyah dapat digunakan sebagai data dalam menetapkan tarikh awal bulan hijrah, namun hasil rukyah merupakan data primer dan kiraan hisab merupakan data kedua yang dapat menyokong keberhasilan rukyah. Hasil rukyatulhilal dan kiraan hisab haruslah bersesuaian dan tidak boleh berbeza. Kiraan hisab yang dijalankan bertujuan untuk memudahkan dan memastikan rukyah dapat dijalankan dengan benar, serta dapat membantu pencerapan.<sup>70</sup>

Permasalahan yang berlaku adalah apabila hasil rukyah dan kiraan hisab bercanggah, maka yang lebih didahulukan adalah kiraan hisab, kerana anak bulan yang berhasil dilihat harus dapat dibuktikan secara syariat dan akal.<sup>71</sup> Hal ini bersesuaian dengan pernyataan al-Subki bahawa:

---

<sup>70</sup> Abiya Muhammad Baidhawi H. Mukhtar (Pengarah Kiri Dayah MUDI Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015

<sup>71</sup> *Ibid.*,

قال السبكي: لا تقبل هذه الشهادة، لأن الحساب قطعي والشهادة ظنية، والظن لا

يعارض القطع وأطال في بيان رد هذه الشهادة.<sup>72</sup>

Terjemahan: “berkata al-Subkī: tidak diterima kesaksian (kesaksian yang bercanggah dengan hasil hisab), kerana hisab pasti dan kesaksian tidak pasti. Yang tidak pasti tidak boleh bercanggah dengan yang pasti dan kesaksian yang bercanggah dengan hisab boleh tidak diterima.

Rukyatulhilal merupakan perkara yang sukar, manakala menurut Abiya dibolehkan menggunakan alatan teknologi untuk mencerap anak bulan dengan syarat bahawa alatan tersebut membantu dan memperjelas anak bulan yang telah terlihat dengan mata, bukan untuk melihat benda yang tertutup atau terhalang untuk dilihat.<sup>73</sup>

Dayah MUDI Mesra dalam memahami hadis-hadis rukyatulhilal dan hisab menggunakan model kefahaman tekstual iaitu menjadikan rukyah sebagai ibadah yang *ta‘abudī* dan menjadikan rukyatulhilal sebagai sebab ‘illah dalam memulai dan mengakhiri ibadah puasa Ramadan.

Terdapat perbezaan antara Dayah MUDI Mesra dan Dayah Al-Madinatuddiniyah dalam memberikan kedudukan kiraan hisab dan rukyah. Dayah al-Madinatuddiniyah menggunakan metode *ru‘yah haqīqī* iaitu rukyah dengan mata kasar sahaja tanpa menggunakan standard *imkān al-ru‘yah* dalam menerima kesaksian rukyatulhilal. Sedangkan Dayah MUDI Mesra menerima konsep *imkān al-ru‘yah* dalam menerima laporan kesaksian rukyatulhilal. Metode yang diamalkan oleh Dayah MUDI Mesra seiring dengan metode Kemenag RI.

<sup>72</sup> Abu Bakr ‘Uthmān bin Muḥammad Shāṭṭā al-Dimyāṭī al-Shafī‘ī, *I‘ānah al-Tālibīn ‘alā Ḥāl Alfāz Fath al-Mu‘īn* (Beirut: Dar al-Fikr, 1997 M/1418 H),2:243

<sup>73</sup> Abiya Muhammad Baidhawi H. Mukhtar (Pengarah Kiri MUDI Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015

#### **4.4.2.1. Konsep *Matla'* yang Diamalkan**

Dayah MUDI Mesra berpegang kepada konsep *ikhilāf al-maṭāli'* dalam Mazhab al-Shāfi'ī dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Hal ini kerana Dayah MUDI Mesra merupakan institusi pendidikan yang istiqamah (komitmen) dengan Mazhab al-Shāfi'ī.

Dalil daripada konsep *ikhilāf al-maṭāli'* merujuk kepada hadis Kurayb yang menjelaskan bahawa perbezaan *matla'* terjadi kerana berbeza dalam melihat anak bulan. Menurut Abdullah Ibrahim (Pakar Hisab Alumni Dayah MUDI Mesra) peristiwa hadis Kurayb tersebut terjadi pada Ramadan 29 H atau 650 H. Di Syria anak bulan telah berjaya di lihat, kerana anak bulan sudah dalam darjah *imkān al-ru'yah* iaitu  $01^{\text{h}}:50':50''$  sementara di wilayah Madinah ketinggian anak bulan  $00^{\text{h}}:57':40''$ .<sup>74</sup>

Menurut Abiya Muhammad Baidhawi (seterusnya disebut Abiya) batasan konsep *ikhtilāf al-maṭāli'* yang *rājiḥ* terdapat dalam penjelasan ulama fiqah adalah dua daerah dapat dikategorikan satu *matla'* apabila anak bulan dapat di rukyah di satu tempat, maka secara biasa dapat juga di rukyah di tempat yang lain. Perbezaan *matla'* terjadi kerana perbezaan terbit dan terbenam benda-benda langit seperti bulan, matahari ataupun bintang. Namun tidak ada dalil yang kuat dari al-Qur'an dan hadis yang memberikan batas secara kuantiti atas *ikhtilāf al-maṭāli'*. Namun, pakar fiqah telah memberikan konsep batasan *ikhtilāf al-maṭāli'* iaitu sejauh 16 fasakh atau 88 kilometer dan 24 fasakh atau 222 kilometer.<sup>75</sup>

<sup>74</sup> Abdullah Ibrahim, "Pandangan Ulama Dayah Terhadap Metode Rukyatulhilal" (Makalah, Bimbingan Teknik Rukyah Hilal Awal Ramadan dan Syawal, Dinas Syariat Islam Aceh Barat 10 Disember/17 Safar 1436 H), 7-8

<sup>75</sup> Abiya Muhammad Baidhawi H. Mukhtar (Pengarah Kiri Dayah MUDI Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015 dan Abī Zakariyyā Yaḥyā al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū'* *Syarḥ al-Muhadhdhab li Shayrazī*, 6: 280-281

Menurut Abiya, batasan tersebut tidak didasarkan kepada penjelasan daripada dalil syariat yang kuat dan ilmu hisab falak, kerana batasan *maṭla'* 16 fasakh hanyalah *qiyās* kepada jarak boleh *qaṣar* solat terhadap musafir. Sedangkan sejauh 24 fasakh disesuaikan dengan lamanya masa berjalan dalam memberikan laporan rukyah sebelum terbit fajar yang ditempuh dengan kuda. Seterusnya, pendapat seorang *muta'akhirīn* iaitu Abu Makhramah dan Sayyed Uthmān al-'Alawī telah memberikan batasan *maṭla'* menurut kajian ilmu falak iaitu apabila jauh antara dua buah tempat kurang daripada 8 darjah bujur maka daerah tersebut adalah satu *maṭla'*, namun apabila lebih maka berbeza *maṭla'*.<sup>76</sup>

Angka lapan darjah tersebut adalah jarak antara dua daerah dari timur ke barat sejauh lapan darjah perjalanan matahari. Satu darjah waktu perjalanan matahari ditempuh dalam 4 minit, bermakna apabila jarak dua daerah kurang daripada 32 minit, maka disebut satu *maṭla'*, jika lebih maka *maṭla'* nya berbeza. Dengan menggunakan kiraan tersebut, dua daerah dengan satu *maṭla'* boleh berada dalam waktu *ghurūb* matahari yang sama walaupun sekejap, maka kedua daerah tersebut mempunyai kemungkinan melihat anak bulan yang sama.<sup>77</sup>

Pemikiran *maṭla'* Dayah MUDI Mesra sejalan dengan pemikiran yang dikembangkan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah iaitu berpandukan kepada konsep *maṭla'* Abu Mahkramah dalam Kitab *Bughyah al-Murtarshidīn* karya 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Husayn bin 'Umar.

Mengamalkan konsep *maṭla'* lapan darjah Abu Makhramah, maka Negara Republik Indonesia dapat dibahagikan kepada lima sehingga tujuh *maṭla'*. Justeru mengakibatkan umat Islam di Indonesia menjalankan ibadah puasa Ramadan dan hari

---

<sup>76</sup> *Ibid.*,

<sup>77</sup> *Ibid.*,

raya dalam masa yang berbeza-beza. Misalnya Aceh, dengan berpandukan kepada *maṭla'* lapan darjah tersebut, maka rakyat Aceh dapat berpuasa dan menyambut hari raya dengan berpandukan kepada rukyah daerah Riau, Batam dan Semenanjung Malaysia.

Salah satu syarat masuknya tarikh awal bulan Ramadan dan Syawal adalah dengan adanya saksi yang telah berjaya mencerap anak bulan, pembuktian kebenaran rukyah tersebut haruslah disemak oleh hakim kerajaan. Pengamalan terhadap *maṭla'* lapan darjah Abu Makhramah di Indonesia sukar direalisasikan, ini disebabkan oleh tidak adanya hakim yang ditugaskan untuk memastikan kebenaran kesaksian rukyatulhilal.

Keputusan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal haruslah dilakukan oleh hakim kerajaan, sehingga keputusan tersebut dapat dibuktikan kebenarannya serta boleh diamalkan oleh seluruh rakyat. Apabila hasil rukyah tersebut tidak disahkan oleh hakim kerajaan, maka rukyah tersebut tidak berlaku untuk masyarakat umum, tetapi hanya kepada orang-orang yang meyakini kebenaran hasil rukyah tersebut sahaja.<sup>78</sup>

Realiti yang terjadi Aceh pada masa kini, dengan tidak adanya hakim kerajaan yang diberikan tugas untuk menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal, meskipun proses rukyatulhilal dilaksanakan di seluruh Aceh. Maka konsep *maṭla'* lapan darjah Abu Makhramah tidak dapat diamalkan, meskipun pendapat tersebut merupakan pendapat yang kuat (*rājiḥ*). Pengamalan terhadap konsep tersebut boleh sahaja dilakukan, tetapi secara peribadi yang tidak boleh dijadikan hujah untuk diamalkan oleh orang lain.<sup>79</sup>

Oleh itu, terdapat pendapat yang kedua dalam Mazhab Al-Shāfi'ī apabila *ikhtilāf al-maṭāli'* tidak dapat diaplikasikan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, maka penduduk suatu negeri berpuasa dan berhari raya menurut ketetapan pemerintah atau

<sup>78</sup> ‘Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Hanbalī, *Aḥkām al-Ikhtilāf fī Ru'yah Hilāl Dhilhijjah* (Makkah al-Mukarramah: Dār ‘Ālam al-Fawā'id, 1422 H), 46-48

<sup>79</sup> *Ibid.*,

kerajaan. Menurut Tgk Abdullah Ibrahim, konsep *matla'* tidak berlaku secara mutlak tetapi terdapat perkara khas lainnya. Seperti disebutkan di dalam kitab *I'ānah al-Tālibīn*

المعنى أنه يجب الصوم على جميع أهل البلد بثبوت الرؤية عند القاضي مع قول القاضي

ثبت عندي الهمال.<sup>80</sup>

Terjemahan: “maknanya bahawa wajib berpuasa bagi penduduk seluruh negeri berdasarkan ketetapan rukyah oleh hakim (kerajaan) berserta hakim mengatakan: “anak bulan telah ada menurut ketetapan ku”.

Matan kitab di atas menjelaskan bahawa kepada seluruh rakyat suatu negeri tidak berpuasa dengan rukyah mereka sendiri, tetapi mengikuti ketetapan pemerintah.

Kata *ahl al-balad* dalam teks di atas bermakna umum tanpa terhad kepada luas, jarak, jauh atau besar kecilnya sebuah daerah. Aplikasinya dalam Negara Republik Indonesia adalah bahawa ketetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal berada pada kuasa pihak Kemenag RI dengan melakukan Sidang Isbat awal Ramadan dan Syawal berdasarkan kesaksian rukyatulhilal yang diterima oleh hakim mahkamah. Oleh itu, seluruh rakyat Indonesia dari Sabang sehingga ke Marauke diharuskan melaksanakan ibadah puasa dan sambutan hari raya menurut ketetapan pemerintah.<sup>81</sup>

Penjelasan hal tersebut secara lebih jelas terdapat dalam kitab *Tuhfah al-Muhtāj* karya Ibn Ḥajar.

<sup>80</sup> Abu Bakr ‘Uthmān bin Muḥammad Shaṭṭā al-Dimyāṭī al-Shāfi‘ī, *I'ānah al-Tālibīn 'alā Ḥāl Alfāz Fatḥ al-Mu‘īn*, 2:244

<sup>81</sup> Tgk Abdullah Ibrahim (Alumni Dayah MUDI Mesra dan Pengarah pada Dayah Babul ‘Ulum Diniyah Islamiyyah, Pidie Jaya), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2014

أثبت خالف الملال مع اختلاف المطالع لزمنا العمل بمقتضى اثباته لأنه صار رمضان

حتى على قواعدهنا<sup>82</sup>

Terjemahan: “telah ditetapkan oleh hakim anak bulan dalam *maṭla'* yang berbeza maka boleh kita beramal dengan ketetapan hakim tersebut kerana ketetapan tersebut telah menjadi awal Ramadan meskipun berbeza dengan pendapat kita.

Konsep *maṭla'* Kemenag RI dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal berbeza dengan pemikiran Dayah MUDI Mesra. Kemenag RI mengamalkan *maṭla'* *wilāyah al-ḥukm* dengan menjadikan Indonesia satu *maṭla'* menurut batas negara, bukan menurut perbezaan terbit dan terbenam anak bulan. Sedangkan Dayah MUDI Mesra lebih mengutamakan *ikhtilāf maṭāli'* dari perbezaan terbit dan terbenam anak bulan. Tetapi Dayah MUDI Mesra meninggalkan mazhab pemikiran tersebut dengan mengambil mazhab dan pemikiran negara, kerana adanya penetapan tarikh daripada pemerintah.<sup>83</sup>

Dalil lain yang diajukan oleh Dayah MUDI Mesra adalah dalam proses menerima saksi rukyatulhilal, apabila terjadi perbezaan dalam menerima dan menolak kesaksian rukyatulhilal kerana perbezaan dalam menilai keadilan seorang saksi atau perbezaan hasil kiraan hisab falak, maka hakim mempunyai kuasa untuk menerima atau menolak kesaksian tersebut. Setelah hakim memutuskan maka orang-orang yang berbeza tersebut wajib mengikuti keputusan hakim atau pemerintah.

محل الخلاف في قبول الواحد إذا لم يحکم به حاكم فإن حکم به حاكم يراه وجوب الصوم

على الكافية ولم ينقض الحاكم إجماعا.<sup>84</sup>

<sup>82</sup> Ibn Ḥajar al-Haytami, *Hawāshi Tuhfah al-Muḥtaṭ bi Sharḥ al-Minhāj* (Kaherah: Muṣṭafā Muḥammad, t.t), 3:383

<sup>83</sup> Abiya Muhammad Baidhawi H. Mukhtar (Pengarah Kiri Dayah MUDI Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015

<sup>84</sup> Zakariyyā al-Anṣārī, *Min ḥāshiyah al-‘Alīm al-‘Alāmah al-Shaykh Sulaymān al-Jamāl ‘Ala Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Al-Iḥyā al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 4:33‘

Terjemahan: “permasalahan *khilāf* dalam menerima seorang saksi terjadi apabila belum ada ketetapan hakim, maka jika telah ada ketetapan hakim dalam menerima kesaksian seorang saksi maka wajib berpuasa kepada seluruhnya dan keputusan hakim tidak dapat dibatalkan menurut ijmak”.

Daripada syarahan-syarahan di atas dapat disimpulkan bahawa dalam Fiqh al-Shāfi’ī, penentuan awal Ramadan dan Syawal ditetapkan berdasarkan konsep *ikhtilāf matāli* dengan perbezaan terbit dan terbenam anak bulan. Terdapat pandangan lain dalam Fiqh al-Shāfi’iyah, bahawa adanya pemberian kuasa kepada pemimpin untuk menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal. Pemimpin atau hakim mempunyai kuasa serta berkewajipan untuk menyelesaikan perbezaan pendapat tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal. Oleh itu, sikap terhadap mempertahankan perbezaan *matla’* dibolehkan selama belum adanya ketetapan pemerintah, apabila pemerintah telah menetapkan tarikh, maka persamaan waktu dalam menjalankan ibadah puasa Ramadan dan hari raya harus diterima, meskipun dalam *matla’* yang berbeza-beza ataupun pada negara-negara yang luas seperti Indonesia.<sup>85</sup>

Keadaan Aceh pada masa kini, taat dan patuh kepada pemerintah Indonesia terhadap penentuan awal Ramadan dan Syawal dapat disokong kerana wujudnya dalil-dalil yang membolehkan serta terdapat banyak kemaslahatannya. Meletakkan Aceh sebagai *matla’* bersendirian dalam keadaan seperti tiada hakim kerajaan, sudah tentu boleh menimbulkan banyak keraguan terutama dalam mensahihkan kesaksian rukyatulhilal, serta boleh berlaku perbezaan pendapat yang dapat merosak tali persaudaraan dan ukhuwah umat Islam.

Meskipun demikian, Dayah MUDI Mesra mencadangkan kepada kerajaan Aceh, agar dapat melakukan penetapan awal Ramadan dan Syawal secara bersendirian. Dengan

---

<sup>85</sup> Tgk Abdullah Ibrahim (Alumni Dayah MUDI Mesra dan Pengarah pada Dayah Babul ‘Ulum Diniyah Islamiyyah, Pidie Jaya), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2014 dan Abdullah Ibrahim, “Pandangan Ulama Dayah Terhadap Metode Rukyatulhilal” 7

demikian, pengamalan terhadap pendapat yang lebih *rājih* (kuat) iaitu konsep *ikhtilāf al-maṭāli'* dengan menggunakan konsep *maṭla'* lapan darjah Abu Makhramah dapat dilakukan. Kuat kuasa kerajaan Aceh boleh diberikan kerana telah adanya autoriti Kerajaan Aceh dalam menjalankan syariat Islam.

#### **4.4.2.2. Ketaatan kepada Hasil Sidang Isbat Kementerian Agama RI**

Menurut Tgk. H. Hasanoel Bashry Bin H. Gadeng selaku ketua pengarah Dayah MUDI Mesra, dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal Dayah MUDI Mesra mengikuti hasil Sidang Isbat oleh Kemenag RI. Keputusan dalam Sidang Isbat Kemenag RI selama lima tahun terakhir dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal menggunakan rukyatulhilal sebagai asas, kaedah tersebut sejalan dengan kaedah yang diamalkan oleh Dayah MUDI Mesra.<sup>86</sup>

Konsep *imkān al-ru'yah* yang selama ini dijalankan oleh Kemenag RI telah diperakui kebenarannya oleh MUI, serta pakar hisab falak moden. Konsep *imkān al-ru'yah* tersebut juga diamalkan dan dibuktikan kebenarannya oleh negara-negara di ASIAN seperti Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam.<sup>87</sup>

Pengalaman terhadap hasil rukyatulhilal di Aceh, belum ada catatan yang melaporkan bahawa anak bulan dapat dilihat menurut kriteria *imkān al-ru'yah* Kemenag RI iaitu pada tinggi anak bulan 2 darjah. Menurut Abiya, hasil rukyatulhilal di Aceh dengan menggunakan mata kasar tanpa sebarang alatan teknologi, anak bulan dapat dilihat dengan ketinggian minimum 4 darjah. Namun konsep *imkān al-ru'yah* oleh

<sup>86</sup> Tgk. H. Hasanoel Bashry Bin H. Gadeng (Pengarah Dayah MUDI Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015

<sup>87</sup> *Ibid.*,

Kemeneg RI dihasilkan daripada pengalaman rukyah di seluruh daerah di Indonesia dan di Negara ASIAN serta hukum dapat dibuat berdasarkan dengan keadaan majoriti.

Kebenaran konsep *imkān al-ru'yah* oleh pemerintah sudah dapat dibuktikan dengan kesaksian rukyatulhilal yang selama ini diterima dalam Sidang Isbat. Tetapi, dicadangkan kepada pihak Kemenag RI untuk membuktikan hasil rukyahhilal pada ketinggian anak bulan 2 darjah tersebut dengan mengambil gambar anak bulan pada masa anak bulan telah berhasil di lihat, meskipun kesaksian telah dianggap sebagai *bayinah* (bukti) yang cukup untuk penetapan awal Ramadan dan Syawal.<sup>88</sup>

#### **4.5. Institusi yang Mengikuti Hasil Ketetapan Kerajaan Arab Saudi**

Konsep pemikiran ini dibawa oleh Tgk. H. Usman Makam yang merupakan seorang ulama yang pulang dari Arab Saudi pada tahun 1913. Beliau berangkat ke Tanah Arab untuk menuntut ilmu agama saat beliau berumur lapan tahun. Pada tahun 1913, seorang *ulee balang*<sup>89</sup> Tgk. H. Been mendirikan sebuah madrasah di Gandapura Bireuen, namun ianya tidak mendapatkan orang yang dapat menjadi guru besar pada madrasah tersebut. Sehingga *ulee balang* tersebut mempunyai ide untuk meminta Tgk H. Usman Makam yang sedang berada di Arab Saudi untuk pulang ke Aceh dan menjadi guru besar di madrasah tersebut. Permintaan itu diterima oleh Tgk H Usman Makam sehingga pada tahun 1913 beliau telah pulang ke Aceh.<sup>90</sup>

Kembalinya Tgk H. Usman Makan ke Aceh dengan membawa ilmu-ilmu yang telah dipelajarinya di Arab Saudi, salah satunya adalah ilmu falak yang berhubungan dengan penentuan arah kiblat, jadual salat dan penentuan awal Ramadan dan Syawal.

<sup>88</sup> Abiya Muhammad Baidhawi H. Mukhtar (Pengarah Kiri Dayah MUDI Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015

<sup>89</sup> Gelaran pemimpin pada Masyarakat Aceh yang diberikan oleh penjajah Holland

<sup>90</sup> Fidazuwawi (Anak dari Tgk. H. Usman Makam), dalam temu bual dengan penulis, 1 November 2015

Hasil daripada hisab waktu salat tersebut masih digunakan di beberapa masjid yang ada di Bireuen.

Maklumat mengenai model hisab bagi tarikh awal Ramadan dan Syawal yang dilakukan oleh Tgk Usmam Makam tidak dapat diperoleh. Hal ini adalah hasil daripada temu bual bersama dengan ahli waris dengan penulis, mereka mengakui tidak mempelajari tentang model ilmu hisab yang beliau gunakan. Akan tetapi, dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya beliau beramal dengan ketetapan yang telah dinyatakan pemerintah Arab Saudi.

Menurut Fidazuwawi, ada beberapa alasan menurut Tgk H. Usmam Makam kenapa keputusan Arab Saudi dapat dijadikan panduan dalam penetapan tarikh awal puasa Ramadan dan hari raya terutama untuk Aceh. Pertama ialah Aceh dan Arab Saudi hanya berselisih waktu selama empat jam, sehingga Arab Saudi dan Aceh berada dalam satu malam yang sama dan dapat melaksanakan ibadah puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya dalam tempoh yang sama.

Kedua, penetapan tarikh awal Ramadan dan sambutan hari raya yang berbeza-beza sehingga melibatkan perbezaan selama beberapa hari. Oleh itu, dengan penetapan tarikh yang dinyatakan oleh pihak Arab Saudi adalah merupakan sebuah penyelesaian kepada masyarakat Aceh, untuk bersama-sama mengerjakan ibadah puasa dan sambutan hari raya.<sup>91</sup>

Selain itu, terdapat faktor-faktor yang dinyatakan oleh beberapa individu yang lain. Antaranya, pertama, kalender hijrah merupakan satu-satunya kalender yang diperakui oleh al-Qur'an dan hadis, oleh itu, proses penetapan harus melalui sumber utama iaitu wahyu. Allah SWT telah menyebut di dalam al-Qur'an tentang nama-nama

---

<sup>91</sup> *Ibid.*,

bulan dan hari serta kiraannya. Allah SWT telah menggunakan perkataan Makkah sebagai pusat bagi seluruh kegiatan umat Islam dalam ibadah dan Makkah merupakan bangunan yang pertama kali dibina di atas dunia ini seperti firman Allah.

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لِلَّذِي يُبَكِّهُ مُبَارَّكًا وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ

Al-Baqarah 3:96

Terjemahan: “sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula di bina untuk manusia (beribadat kepada Tuhan) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dihadkan) petunjuk hidayah bagi umat manusia.

Oleh demikian, telah terbukti bahawa Makkah merupakan satu tempat yang pertama kali wujud di atas muka bumi dan sebagai pusat utama dalam menetapkan tarikh bagi bulan-bulan hijrah.

Kedua, Al-Qur'an menyebutkan Makkah sebagai *umm al-qurā'* sebagai induk atau ibu yang melahirkan kota-kota yang lain selepasnya, oleh itu, dari Makkah semuanya bermula. Daerah-daerah lainnya harus mengikut keputusan pemimpin yang ada di kota tersebut, tentu sesuai berlakunya masa pada tempatan masing-masing.<sup>92</sup>

Berbeza dengan Kalender Masihi, penentuannya merupakan kesepakatan umat manusia yang berada di Samudera Pasifik, sedangkan kalender hijrah ditetapkan berdasarkan kepada wahyu yang Allah SWT turunkan di Makkah. Mereka tidak menyatakan permasalahan mengenai metode yang digunakan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, ataupun hisab mahupun rukyah, menurut mereka kedua metode

<sup>92</sup> Fauzan (Pengerusi Masjid al-'Izzah Krung Mane Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 3 Ogos 2015

tersebut dapat dibenarkan apabila telah diperakui keabsahan oleh para pakar hisab dan rukyah dan ditetapkan oleh para pemimpin umat Islam yang berada di Makkah.<sup>93</sup>

Mereka melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya bersesuaian dengan ketetapan Muhammadiyah, sehingga ada yang mengklasifikasikan mereka ke dalam golongan Muhammadiyah. Namun, jelas kelihatan apabila pelaksanaan ibadah tersebut adalah berbeza bagi Muhammadiyah dengan Arab Saudi seperti pada hari raya Aidiladha tahun 1436 H, di mana Muhammadiyah melaksanakan sehari lebih awal berbanding dengan ketetapan Arab Saudi.

Jadual 4.4. Perbandingan Awal Puasa Ramadan, Syawal dan Zulhijah antara Kerajaan Arab Saudi, Muhammadiyah dan Kemenag RI

Tahun	Bulan	Tarikh awal bulan hijrah		
		Kemenag RI	Muhammadiyah	Arab Saudi
1436	Ramadan	18-06-2015	18-06-2015	18-06-2015
	Syawal	17-07-2015	17-07-2015	17-07-2015
	Zulhijah	15-09-2015	14-09-2015	15-09-2015
1435	Ramadan	29-06-2014	28-06-2014	28-06-2014
	Syawal	28-07-2014	28-07-2014	28-07-2014
	Zulhijah	26-09-2014	25-09-2014	25-09-2014
1434	Ramadan	10-07-2013	09-07-2013	09-07-2013
	Syawal	08-08-2013	08-08-2013	08-08-2013
	Zulhijah	06-10-2013	06-10-2013	06-10-2013
1433	Ramadan	21-07-2012	20-07-2012	20-07-2012
	Syawal	19-08-2012	19-08-2012	19-08-2012
	Zulhijah	17-10-2012	17-10-2012	17-10-2012

Sumber: Telaah dokumentasi dan Ibnu Zahid Abdo el-Moeid, *Formula Ilmu Hisab*

Jadual di atas menunjukkan tempoh empat tahun pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya di Indonesia, seperti mana yang telah dijelaskan oleh penulis. Pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya bagi Muhammadiyah sering bersamaan

<sup>93</sup> Bukhari (Pengerusi Masjid al-'Izzah Krung Mane Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 3 Ogos 2015

dengan penetapan yang dilakukan oleh Kerajaan Arab Saudi, kecuali pada pelaksanaan hari raya Aidiladha pada tahun 1436 H.

Masyarakat yang mengikuti penetapan tarikh awal puasa Ramadan, Syawal dan Zulhijah oleh pemerintah Arab Saudi yang terdapat di beberapa daerah di kawasan Bireuen dan Aceh Utara. Namun, mereka tidak terkumpul dalam satu badan organisasi atau lembaga tertentu yang berstruktur (formal). Kefahaman tersebut diamalkan pada beberapa masjid antaranya ialah Masjid al-Ikhlas di Kota Bireuen, Masjid Takwa Matang Geulempang Dua, Masjid Al-Izzah Krung Mane Aceh Utara dan Masjid Babussalam Cot Mee.

#### **4.6. Kesimpulan**

Proses penentuan awal Ramadan dan Syawal di Aceh dilakukan oleh institusi Islam dengan menggunakan dua model iaitu pertama menggunakan metode tersendiri. Institusi yang melakukan model ini adalah Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dan golongan dayah tradisional Aceh iaitu Dayah Al-Madinatuddiniyah.

Tarekat Syattariyah Abu Peulekung menggunakan metode *hisāb khamāsī* tanpa melakukan rukyah dan mereka berpendapat bahawa penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal bukanlah pada kuasa kerajaan. Sedangkan Dayah Al-Madinatuddiniyah menggunakan rukyah sahaja (*ru'yah haqīqī*) dengan menggunakan *matlā'* lapan darjah Abu Makhramah. Institusi dayah ini mengakui bahawa penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal di atas kuasa kerajaan, tetapi kuasa tersebut terhad kepada konsep *matlā'*.

Manakala model kedua, menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal dengan mengikuti ketetapan daripada institusi lainnya. Mereka adalah Dayah MUDI Mesra dan institusi yang mengikuti hasil ketetapan Kerajaan Arab Saudi. Dayah MUDI Mesra

mempunyai pemikiran sejalan dengan Dayah Al-Madinatuddiniyah, tetapi mereka meninggalkan pemikiran tentang konsep *maṭla'* dan mengikuti hasil Sidang Isbat oleh Kemenag RI dalam menetapkan awal Ramadan dan Syawal dengan alasan adanya keputusan mahkamah (*hukm al-ḥākim*) dan juga berpandukan kepada pendapat kedua dalam Mazhab al-Shāfi'ī.

Sedangkan institusi yang mengikuti hasil ketetapan Kerajaan Arab Saudi tanpa mengambil berat tentang sembarang metode yang digunakan. Mereka berpendapat bahawa autoriti penetapan awal Ramadan dan Syawal berada pada kuasa pemerintah Arab Saudi, kerana di negara tersebut terdapat Masjid Haram dan Makkah yang dijadikan kiblat bagi umat Islam dan tempat bermulanya agama Islam. Oleh itu, seluruh penetapan bagi tarikh awal bulan hijrah juga haruslah dimulakan dari tempat tersebut.

## **BAB 5: PENILAIAN TERHADAP PROSES PENENTUAN AWAL RAMADAN DAN SYAWAL OLEH INSTITUSI ISLAM DI ACEH**

### **5.1. Pengenalan**

Hasil daripada kajian di dalam Bab sebelumnya, telah dikenal secara pasti beberapa proses penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh beberapa Institusi Islam di Aceh. Penemuan-penemuan tersebut perlu untuk dilakukan penilaian keabsahan menurut Hadis. Fokus kajian pada Bab empat ini ialah menganalisis hasil kajian lapangan dengan melakukan penilaian terhadap metode serta aplikasinya yang digunakan oleh institusi Islam di Aceh dalam melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Pendekatan yang digunakan dalam melakukan penilaian dan analisis adalah hadis-hadis mengenai penentuan awal Ramadan dan Syawal serta syarahannya. Penggunaan *software* hisab dan rukyah juga dilakukan untuk melakukan hisab dalam analisis terhadap penetapan awal Ramadan dan Syawal oleh institusi-institusi Islam di Aceh. Melalui analisis-analisis tersebut dapat dikenal pasti beberapa metode yang diperakui oleh hadis dan kiraan hisab moden yang digunakan oleh institusi Islam serta kekurangan dan kelebihan daripada metode-metode tersebut.

### **5.2. Analisis Metode Penentuan Awal Ramadan dan Syawal oleh Institusi Islam di Aceh**

Penentuan awal Ramadan dan Syawal di Aceh di lakukan oleh beberapa institusi iaitu Tarekat Syattariyah Abu Peulekung, Dayah Al-Madinatuddiniyah, Dayah MUDI Mesra dan Institusi Masjid yang mengikuti hasil penetapan Kerajaan Arab Saudi. Setiap

institusi ini menggunakan beberapa metode untuk menetapkan tarikh awal bagi bulan Ramadan dan Syawal.

### **5.2.1. Metode *Hisāb Khamāsī* Tarekat Syattariyah Abu Peulekung**

*Hisāb khamāsī* merupakan satu metode warisan yang setelah sekian lama diaplikasikan oleh pembawa Tarekat Syattariyah di Nagan Raya Aceh. Metode tersebut masih diamalkan dan dianggap sebagai satu metode yang baik dan pasti dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal sehingga kini.

Masyarakat yang berpaksikan kepada metode *hisāb khamāsī* terdapat di beberapa daerah di Aceh, majoriti mereka terdapat Aceh Barat, Selatan, Tengah dan Tenggara. Oleh itu, adalah satu keperluan untuk mengkaji metode tersebut dari aspek rujukan, perbincangan (argument) yang dibina dan pembuktian keabsahan terhadap pengaplikasian menurut kiraan hisab moden.

#### **5.2.1.1. Rujukan dan Dalil Penggunaan *Hisāb Khamāsī***

Dalam menjalankan seluruh aktiviti agama, pengikut Abu Peulekung hanya berpaksikan kepada kebiasaan adat istiadat yang telah dijalankan dari masa ke masa. Keseluruhan aktiviti tersebut diakui telah diamalkan oleh Abu Peulekung yang bersumber daripada datuknya Habib Abdurrahim *qutb al-wujūd* atau Habib Seunangan sebagai pembawa daripada Tarekat Syattariyah kepada mereka.

Mereka mengakui bahawa Abu Peulekung dan Habib Abdurrahim merupakan waliullah yang digelar sebagai *qutb al-wujūd* dan *qutb al-nasbeh*. Gelaran tersebut diberikan kerana mereka mendapat *kashāf* atau memperoleh ilmu secara langsung yang

bersumber dari Allah SWT (*ilmu laduni*). Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, para pengikut menjadikan kedua tokoh tersebut sebagai rujukan utama mereka dalamgiatan aktiviti-aktiviti keagamaan.

Dalam ilmu tarekat, seorang *walī quṭb* yang menjadi pemimpin tertinggi tarekat, mempunyai kedudukan yang sangat tinggi, seolah-olah ia telah mengambil alih tugas Nabi SAW dalam kehidupan agama zahir dan batin. Mereka Menyangka, *walī quṭb* diberikan kelebihan berupa keramat dengan melakukan perkara-perkara yang luar biasa.<sup>1</sup> Oleh itu, keyakinan murid tarekat kepada ajaran yang dibawakan oleh *walī quṭb* sampai pada taraf keyakinan tertinggi yang menafikan pemikiran-pemikiran lain yang datang selepasnya, meskipun lebih benar dan sahih.

Penggunaan *ḥisāb khamāṣī* dalam kalangan ulama falak tidaklah terkenal, metode tersebut tidak disebutkan dalam kitab-kitab yang muktabar baik yang berbahasa Arab mahupun Melayu. Hisab tersebut pernah digunakan sebagai metode dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Terdapat beberapa maklumat berkaitan *ḥisāb khamāṣī* yang terdapat dalam kitab ‘Ajā’ib al-Makhlūqāt karangan al-Qazwaynī (W. 682 H).

قال جعفر الصادق رضي الله عنه إذا أشكل عليك أول شهر رمضان فعد الخامس من

شهر الذي صمته في العام الماضي فإنه أول يوم شهر رمضان الذي في المقبول وقد

امتحنوا ذلك خمسين سنة فكان صحيحًا.<sup>2</sup>

Terjemahan: Ja‘far al-Ṣādiq berkata: jika kamu belum jelas mengenai awal Ramadan, maka kiralah lima hari dari bulan awal puasa Ramadan yang telah lalu, sesungguhnya hari itu menjadi awal Ramadan yang akan datang dan mereka telah mengujinya selama 50 tahun, maka hasilnya adalah benar.

<sup>1</sup> Jahid Sidek, *Shaikh dalam Ilmu Tariqah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 331-332

<sup>2</sup> Zakariyyā bin Muḥammad bin Maḥmūd al-Kūfī al-Qazwaynī, ‘Ajā’ib al-Makhlūqāt wa al-Hayawānāt wa Gharā’ib al-Mawjūdāt, (Beirut: Muasaasah al-A‘lamī, 2000), 73

Perkataan Ja‘far al-Şādiq di atas yang ditulis oleh al-Qazwaynī, disebutkan juga di dalam kitab *Nazhah al-Majālis* dalam menjelaskan tentang keutamaan bulan Ramadan

(الأولى) رأيت في عجائب المخلوقات للقزويني رحمه الله تعالى عن جعفر الصادق رضي

الله عنه خامس رمضان الماضي أول رمضان الاتي وقد امتحنوا ذلك خمسين سنة فوجدوه

صحيحاً.<sup>3</sup>

Terjemahan: “(Pertama), Saya telah menemukan dalam kitab ‘Ajā’ib al-Makhlūqāt karangan al-Qazwaynī daripada Ja‘far al-Şādiq ia berkata: lima hari dari Ramadan yang lalu adalah awal dari Ramadan yang akan datang, dan hal tersebut telah diuji selama 50 tahun, maka terbukti bahawa hal tersebut benar.

Ja‘far al-Şādiq dikenali sebagai imam ke enam dalam Mazhab Syiah. Nama lengkapnya Ja‘far bin ‘Alī bin Husayn bin ‘Alī bin Abī Ṭālib. Lahir di Makkah pada 17 Rabiulawal 83 H atau 20 April 702 M. Beliau tinggal di Madinah dan merupakan ulama yang pakar dalam ilmu Agama Islam. Beliau berguru kepada tabiin dan menjadi guru daripada Abū Ḥanīfah, Mālik, Shu‘bah dan Ibn Jurakh. Ja‘far al-Şādiq juga dijadikan sebagai rujukan dalam Mazhab *al-Ja‘fariyyah* dan digelar sebagai *al-Şādiq* kerana kebenarannya dalam meriwayatkan hadis. Kewafatan beliau di Madinah pada tahun 148 H dan ketika itu berumur 68 tahun.<sup>4</sup>

Sedangkan Al-Qazwaynī merupakan seorang ilmuwan Islam terawal dalam bidang botani, geografi, astronomi dan etnografi. Beliau dilahirkan di Parsi pada sekitar tahun 1200 M atau 600 H. Walaupun membesar di Parsi, namun beliau adalah berketurunan Arab. Beliau mendapat pendidikan awal di Baghdad dan Syria serta

<sup>3</sup> ‘Abd al-Rahmān al-Šufūrī al-Shāfi‘ī, *Nazhah al-Majālis wa Muntakhib al-Nafā’is*, (t.tp: t.p, t.t), 182

<sup>4</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, t.t), 1:310

berguru kepada seorang falsafah Islam iaitu Ibn ‘Arabī. Kitab ‘Ajā’ib al-Makhlūqāt merupakan sebuah karangan Al-Qazwaynī yang berkaitan dengan ilmu-ilmu alam serta jenis-jenis makhluk, baik yang terbukti kewujudannya dan juga makhluk-makhluk yang belum ditemukan keberadaan (fiksyen) sehingga kini.<sup>5</sup>

Merujuknya al-Şufūrī kepada perkataan al-Qazwaynī tentang *hisāb khamāṣī* tersebut, tidak bermakna persetujuan al-Şufūrī terhadap metode tersebut. Setelah menyatakan pendapat perkataan tersebut oleh Ja’far al-Ṣādiq, selanjutnya al-Şufūrī menyebutkan riwayat dari Anas bin Mālik dan ‘Alī bin Abi Ṭalib tentang doa ketika melihat anak bulan dan beliau juga merujuk kepada kitab al-Azkār al-Nawāwī. Kemudian, beliau merujuk kepada al-Zamakhsharī tentang doa ketika melihat bulan dan matahari, seterusnya beliau membuat kesimpulan.

إنما ذكرت هذه الفائدة الثانية هنا لأن الناس يعتنون برؤيه هلال رمضان أكثر من

غيره.<sup>6</sup>

Terjemahan: “sesungguhnya aku menyebutkan faedah kedua ini (tentang doa melihat anak bulan dan matahari) dalam bab ini kerana manusia yang berpedoman kepada rukyatulhilal bulan Ramadan lebih banyak dibandingkan dengan metode lain”

Al-Şufūrī memilih untuk menggunakan metode rukyah berbanding dengan metode *hisāb khamāṣī*. Hal ini dapat dilihat melalui penjelasannya tentang perbezaan *maṭla'* di antara Madinah dan Syria. Sebagai contoh di Syria, sekiranya melihat anak bulan pada Khamis malam, maka sambutan hari raya dijalankan pada hari Khamis tersebut. Begitu juga bagi penduduk Madinah sekiranya melihat anak bulan pada

<sup>5</sup> “Al-Qazwaynī, Zakariyā bin Muḥammad bin Maḥmūd”, laman sesawang *Encyclopedia.com*, dicapai, 10 Mac 2016, <http://www.encyclopedia.com/doc/1G2-2830903549.html>.

<sup>6</sup> Abd al-Rahmān al-Şufūrī al-Shāfi‘ī, *Nazħah al-Majālis*, 186

malam Sabtu, maka sambutan hari raya pada hari Sabtu. Hal ini berlaku adalah disebabkan perbezaan tempat di setiap negeri di mana anak bulan tersebut dilihat.<sup>7</sup>

Menurut penyelidik, al-Şufūwī menyebutkan pendapat Ja‘far al-Şādiq bukan bermakna menjadikan metode *hisāb khamāsī* sebagai pengganti rukyatulhilal, tetapi dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal tetap mengekalkan penggunaan kaedah rukyatulhilal sebagai asas. Sedangkan penggunaan *hisāb khamāsī* dijadikan sebagai kiraan untuk membantu pelaksana rukyatulhilal.

Merujuk kepada fiqah Ja‘far al-Şādiq, beliau menyebutkan bahawa penetapan tarikh puasa Ramadan dan Syawal haruslah dilakukan dengan metode rukyah dan *istikmāl*, bahkan tidak ditemukan dalam perbahasan beliau mengenai penggunaan kiraan *hisāb khamāsī* dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.<sup>8</sup>

Terdapat riwayat lain tentang penggunaan *hisāb khamāsī* daripada ‘Imrān al-Za‘farānī

عن عمران الزعفراني قال، قلت لأبي عبد الله عليه السلام إن السماء تطبق علينا بالعراق اليوم واليومين والثلاثة فأي يوم نصوم، قال أنظر اليوم الذي صمت من السنة الماضية وصم يوم الخامس.<sup>9</sup>

Terjemahan: “Daripada ‘Imrān al-Za‘farānī berkata: aku bertanya kepada Abi ‘Abd Allah AS sesungguhnya langit mendung di Iraq satu, dua dan tiga hari, maka pada hari apakah kami berpuasa. Ia berkata: lihatlah hari kamu berpuasa pada tahun lepas maka berpuasalah pada hari kelima”.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 193

<sup>8</sup> Muhammad Jawād Mughniyyah, *Fiqh al-Imām Ja‘far al-Şādiq: ‘Ard wa Istidlāl* (Iran: Mu'assasah Anṣāriyan, 2000), 41-43

<sup>9</sup> Abu Ja‘far Muhammad bin al-Ḥusayn bin Alī al-Tūsī, *Al-Mabsūt fī Fiqh al-Imāmiyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t) 1:257

Penyebutan penggunaan *hisāb khamāṣī* secara jelas ditemukan dalam kitab fiqah Syiah Imāmiyyah.

وقد رویت روايات بأنه إذ تحقق هلال العام الماضي عد خمسة أيام وصام يوم الخامس  
أو تتحقق هلال رجب عد تسعه وخمسون يوما ويصوم يوم الستين وذلك محمول على  
أنه يصوم ذلك بنية شعبان استظهارا فأما بنية من رمضان فلا يجوز على حال ...  
فإن مضت السنة كلها ولم يتحقق فيها هلال شهر واحد ففي أصحابنا من قال إنه  
يعد الشهور كلها ثلاثة، ويجوز عندي أن يعمل على هذه الرواية التي وردت ... لأن  
من المعلوم أنه لا يكون الشهور كلها تامة.<sup>10</sup>

Terjemahan: “telah diriwayatkan dengan banyak riwayat bahawa apabila anak bulan pada tahun lepas dapat diyakini benar, maka kirakan lima hari dan berpuasalah pada hari kelima. Atau jika anak bulan Rejab tahun lepas telah diyakini benar, maka kirakan 59 hari dan berpuasalah pada hari ke-60. Dengan menggunakan Kiraan tersebut hanya boleh untuk berpuasa pada bulan Syaaban tidak untuk berpuasa dengan niat untuk bulan Ramadan...Maka apabila tahun sudah berlalu dan pada setiap awal bulan, anak bulan juga tidak boleh di rukyah, maka sebahagian daripada mazhab kami menggunakan *istikmāl*. Dan menurut pendapat saya boleh berpedoman kepada riwayat yang telah disebutkan (*hisāb khamāṣī* dalam penentuan awal Ramadan), kerana secara kebiasaan hari bulan tidak mungkin seluruhnya sempurna (30 hari)”.

Penggunaan metode kiraan tersebut tidak bersifat mutlak, kerana menurut al-Tūsī (W 460 H),<sup>11</sup> dalam penentuan awal bulan hijrah terutama Ramadan, Syawal dan Zulhijah haruslah menggunakan rukyatulhilal, apabila keadaan langit mendung sehingga rukyah tidak dapat dilakukan, maka digunakan *istikmāl*. Penggunaan kiraan

<sup>10</sup> *Ibid.*, 257-258

<sup>11</sup> Abu Ja‘far Muhammad bin al-Husayn bin ‘Alī al-Tūsī adalah Syeikh Syiah yang digelar dengan *al-Tā’ifah* (pembesar mazhab Syiah), lahir di Khorasan 385 H. ia belajar kepada Syeikh Mufid dan Sayid Murtaḍā dan ia seorang pembesar Negeri Iran.

hisab seperti *hisāb khamāṣī* dan hisab lainnya tidak boleh digunakan untuk menentukan masa masuknya bulan Ramadan.

Menurut Al-Ṭūsī penggunaan kiraan *hisāb khamāṣī* hanya dapat digunakan dalam keadaan anak bulan tidak dapat di rukyah di seluruh dunia pada seluruh bulan hijrah dalam tahun yang sedang berjalan, sehingga hari bulan menjadi tiga puluh hari seluruhnya, maka untuk memulakan puasa Ramadan dibolehkan menggunakan kiraan *hisāb khamāṣī*. Hal tersebut kerana hari bulan hijrah tidaklah semuanya berjumlah 30 hari dalam satu tahun, dan mesti ada hari bulan yang berjumlah 29 hari. Pendapat tersebut hanya didebak oleh al-Ṭūsī.<sup>12</sup>

Oleh itu, majoriti literature yang menyebutkan penggunaan *hisāb khamāṣī*, tidak menjadikan kiraan tersebut sebagai asas dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal. Mereka tetap mengekalkan rukyatulhilal sebagai kaedah asas dan kaedah *istikmāl* jika rukyatulhilal tidak boleh dilakukan. Penggunaan *hisāb khamāṣī* hanyalah dilakukan jika anak bulan tidak boleh di rukyah dalam masa yang lama.

Menurut penyelidik, amalan terhadap *hisāb khamāṣī* dalam perspektif al-Ṭūsī mustahil untuk diamalkan pada zaman sekarang, kerana dalam mazhab Syiah Imāmiyah mereka berpedoman kepada konsep *ittihād al-matāli'* dalam menerima hasil rukyatulhilal, sehingga kesaksian rukyatulhilal dapat diterima di mana-mana tempat di seluruh dunia.

Periwayatan dan pengamalan metode *hisāb khamāṣī* masyhur di kalangan mazhab Syiah Sahaja, meskipun beberapa ulama selain Syiah menyebutkan riwayat tersebut. Beberapa ulama meragukan kesahihan riwayat tentang penggunaan *hisāb khamāṣī* bersumber daripada Ja‘far al-Ṣādiq sebagaimana pendapat Ibn Taymiyah

---

<sup>12</sup> Abu Ja‘far Muḥammad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al-Ṭūsī, *Al-Mabsūt fī Fiqh al-Imāmiyah*, 258

وقد يقارب هذا قول من الإسماعيلية بالعدد دون الملال، وبعضاً منهم يروي عن جعفر الصادق جدواً يعمل عليه وهو الذي افتراء عليه عبد الله بن معاوية. وهذا الأقوال خارجة عن دين الإسلام، وقد برأ الله منها جعفراً وغيره.<sup>13</sup>

Terjemahan: “Perkataan yang paling dekat adalah daripada Ismā‘īliyah yang menggunakan kiraan hisab tanpa melakukan rukyah. Sebahagian daripada mereka meriwayatkan bahawa metode kiraan tersebut daripada Ja‘far al-Ṣādiq, tetapi itu hanyalah perkataan dusta ‘Abd Allāh bin Mu‘āwiyyah. Dan perkataan-perkataan ini telah keluar daripada Agama Islam, dan Allah telah membebaskan Ja‘far dan lainnya”.

Berpedoman kepada perkataan Ibn Taymiyah di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa riwayat pengamalan terhadap *hisāb khamāṣī* dapat diragui sebagai maklumat yang sahih yang bersumber daripada Ja‘far al-Ṣādiq. Sekiranya maklumat tersebut berasal daripada riwayat yang mendapatkan kebenaran, namun tidak diberikan kebebasan dalam menggunakan metode *hisāb khamāṣī* untuk menggantikan rukyah dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dalam menjelaskan hadis hisab mengelompokkan golongan yang berpegang terhadap hisab dan meninggalkan rukyah termasuk kepada kelompok *rafiḍah*.<sup>14</sup> Menurut Yūsūf Qaraḍāwī, Ibn Ḥajar tidak menjelaskan siapa yang dimaksudkan dengan *rafiḍah*, Yūsūf Qaraḍāwī mengatakan barangkali yang dimaksudkan ialah Syiah Ismā‘īliyah kerana sebahagian daripada mereka menggunakan hisab serta meninggalkan rukyah.<sup>15</sup>

<sup>13</sup> Ahmad Ibn Taymiyyah, *Majmu‘ Fatāwā* (Madinah: Mujma‘ al-Mulk Fahd, 2004 M / 1425 H), 25:133

<sup>14</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997 M/1418 H), 4:151-152

<sup>15</sup> Tidak dijelaskan oleh Ibn Ḥajar siapa yang di maksud dengan *rafiḍah*, Yūsūf Qaraḍāwī mengatakan barangkali yang di maksud iaitu Syiah Ismā‘īliyah kerana mereka yang menggunakan hisab. Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Kayf Nata ‘āmal Ma ‘a al-Sunnah al-Nabawiyah: Ma ‘ālim wa Dawābiṭ*, (Virginia: al-Ma‘had al-‘Ālam al-Fikr al-Islamī, 1990), 146

Berpedoman kepada huraian dan penjelasan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa sumber rujukan amalan penggunaan metode *hisāb khamāsī* bersumber daripada golongan Syiah. Pengamalan terhadap *hisāb khamāsī* di kalangan Syiah tidak bersifat mutlak menggantikan kaedah rukyatulhilal, namun kaedah rukyatulhilal tetap dikenakan sebagai kaedah asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

### **5.2.1.2. Analisis Aplikasi daripada Kiraan *Hisāb Khamāsī* Tarekat Syattariyah Abu Peulekung**

Terdapat dua aplikasi daripada hasil *hisāb khamāsī* yang diamalkan oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung iaitu aplikasi metode *hisāb khamāsī* dengan menggunakan *bulenn ek* dan *buleun tren* dalam masa lima tahun. Kedua, menyempurnakan 30 hari seluruh hari bulan Ramadan pada setiap tahun.

#### **Aplikasi pertama: Analisis penggunaan kaedah *bulenn ek* dan *buleun tren***

Pengaplikasian metode *hisāb khamāsī* dengan menggunakan *buleun ek* (hari bulan diajak ke hadapan) dan *buleun tren* (hari bulan diawalkan) dalam tempoh selama lima tahun adalah disebabkan wujudnya larangan dengan menetapkan awal tarikh bagi bulan Ramadan dan Syawal pada hari Rabu dan Jumaat. Manakala, bagi pengiraan hisab pula, sekiranya tarikh awal bulan Ramadan jatuh pada hari Rabu atau Jumaat, maka akan dilewatkan selama sehari (*buleun ek*) ataupun diawalkan sehari (*buleun tren*).

Pengaplikasian metode *hisāb khamāsī* dengan *buleun ek* dan *buleun tren* tidak ditemui pada mana-mana rujukan yang menjelaskan metode *hisāb khamāsī* dan juga tidak ditemukan daripada perkataan Ja‘far al-Şādiq serta sembarang perkataan ulama lainnya.

Berdasarkan hadis-hadis metode penentuan awal Ramadan dan Syawal serta pengaplikasian yang telah dikaji pada bahagian awal tidak menemui sebarang bentuk larangan dengan memulakan ibadah puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha pada hari Rabu dan Jumaat.

Di dalam *al-Kutub al-Sittah* ditemukan beberapa penjelasan tentang hari Rabu. Antaranya ialah yang terdapat di dalam Sunan Ibn Mājah yang diriwayatkan oleh daripada Ibn ‘Umar.

عن ابن عمر؛ قال: يا نافع... فإني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول:

فاحتجموا على بركة الله يوم الخميس. واجتنبوا الحجامة يوم الأربعاء والجمعة والسبت

ويوم الأحد تحريرا. واحتجموا يوم الاثنين والثلاثاء، فإنه اليوم الذي عاف الله فيه أئوب

من البلاء. وضربه بالبلاء يوم الأربعاء. فإنه لا يجدو جذام ولا برص إلا يوم الأربعاء،

أو ليلة الأربعاء.<sup>16</sup>

Terjemahan: “maka bekam oleh kalian untuk mengharap keberkatan dari Allah pada hari Khamis, Jauhi melakukan bekam pada hari Rabu, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Melakukan bekam oleh kalian pada hari Isnin dan Selasa, kerana pada hari itu adalah hari saat Allah menyelamatkan Nabi Ayyub AS dari bala yang ditimpak pada hari Rabu. Kerana sesungguhnya tidaklah penyakit kusta akan mendekati kecuali pada hari Rabu atau malam Rabu”.

Riwayat lain yang membincangkan tentang keburukan pada hari Rabu disebut oleh al-Qurṭubī menafsirkan surah *al-Qamar*

<sup>16</sup> Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṭib, bab fī ayy al-ayām yahtajim, No. hadis 3487 dan 3488, al-Albāni memberikan taraf hadis tersebut *ḥasan*. Ibn Abi Ḥātim dan majoriti ulama mengatakan hadis tersebut *da’if* dan *Munkar*. Lihat ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘arif, t.t), 583, dan ‘Umar bin Husayn ‘Uthmān Falatah, *Al-Waḍ’u fī al-Hadīth* (Damshiq: Maktabah al-Ghazālī, 1981 H / 1401 H), 2:386

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرِصَرًا فِي يَوْمٍ نَّحْنُ مُسْتَعْرِ

Al-Qamar 54:19

Terjemahan: “Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang, pada hari nahas yang terus berlanjutan”.

Perkataan “يَوْمٌ نَّحْنُ مُسْتَعْرِ” pada ayat di atas difahami dalam riwayat al-Zajjāj bahawa hari tersebut adalah hari Rabu, demikian juga Ibn ‘Abbās mengatakan bahawa hari nahas yang diturunkan kepada pauk ‘Ād adalah hari Rabu. Pendapat tersebut juga disokong oleh Mujāhid dan Qatādah dalam menafsirkan *yawm naḥṣ* dalam surah *Fuṣilah* 41:16. Mereka meriwayatkan bahawa hari nahas diturunkan kepada puak ‘Ād selama tujuh malam lapan hari berterusan, dimulakan pada hari Rabu dan berakhir pada hari Rabu.<sup>17</sup>

Pendapat yang lain mengatakan bahawa orang-orang menyebutkan hari Rabu tersebut dengan *al-a'jāz* atau *ayām al-'a'jūz* penamaan tersebut merujuk kepada surah *al-Hāqqah* 69:7 كَأَنَّهُمْ أَغْجَارٌ تَخْلُ خَاوِيَةٌ (seolah-olah mereka: batang-batang pohon kurma yang (tumbang) lompang).<sup>18</sup>

Kepercayaan tidak baik pada hari Rabu berdasarkan kepada dalil tersebut dapat dihakim apabila wujud beberapa peristiwa baik yang berlaku seperti mana disebut dalam hadis daripada Jābir

<sup>17</sup> Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Bakr al-Quṭubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006 M / 1428 H), 20:87 dan 18:402

<sup>18</sup> Ismā‘īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Adīm* (Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000 M/1421 H),

أن النبي صلى الله عليه وسلم دعا في مسجد الفتح ثلاثة يوم الاثنين ويوم الثلاثاء ويوم

الأربعاء فاستجيب له يوم الأربعاء بين الصالاتين فعرف البشر في وجهه قال جابر:

فلم ينزل بي أمر مهمٌ غليظٌ إِلَّا توحَّيْتُ تلك الساعة فأدعوه فيها فأعرف الإجابة.<sup>19</sup>

Terjemahan: “bahawa Nabi SAW berdoa di dalam Masjid al-Fath selama tiga hari iaitu pada hari Isnin, Selasa dan Rabu, maka dikabulkan doa Nabi SAW di hari Rabu antara dua solat (Solat Zuhur dan Asar), hal tersebut diketahui dari kegembiraan wajah beliau. Jābir berkata: tidaklah suatu perkara penting yang berat pada saya kecuali saya memilih waktu tersebut untuk berdoa dan doa saya dikabulkan”.

Menurut al-Qurṭubī, bagaimana boleh dikatakan bahawa hari Rabu merupakan hari nahas, padahal pada hari tersebut Allah SWT menerima doa Nabinya dan Sahabat Nabi SAW seperti Jābir. Pada hari Rabu antara waktu Zuhur dan Asar menurut para ulama merupakan salah satu waktu yang dimakbulkan doa bagi sesiapa sahaja yang berdoa pada ketika itu. Oleh itu, hari nahas tersebut diberikan hanya kepada puak ‘Ād sahaja yang derhaka kepada Allah SWT dan Rasulnya, bukan kepada Rasulnya dan orang-orang yang beriman. Pemikiran yang beranggapan bahawa hari Rabu menjadi hari nahas sepanjang masa adalah pendapat yang tidak mempunyai sokongan daripada dalil.<sup>20</sup>

Manakala, di dalam riwayat Muslim daripada Abu Hurayrah, Nabi SAW bersabda bahawa pada hari Rabu Allah SWT menciptakan nur (cahaya).

عن أبي هريرة... وخلق المكره يوم الثلاثاء. وخلق النور يوم الأربعاء.<sup>21</sup>

<sup>19</sup> Hadis Riwayat Aḥmad bin Ḥanbal, No hadis 14499, Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥānbal , *Al-Musnad* (Mesir: Dār al-Ḥadīth, 1995 M / 1416 H), 11: 484, hadis tersebut juga diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam al-Adāb al-Mufrad. Al-Albānī mengatakan hadis tersebut *hasan* No. hadis 704/542, Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Saḥīḥ al-Adāb al-Mufrad li Imām al-Bukhārī* (Arab Saudi: Maktabah al-Dalīl, 1997 M / 1418 H), 262

<sup>20</sup> ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Bakr al-Quṭubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, 20:89

<sup>21</sup> Hadis Riwayat Muslim, Kitab Ṣifah al-Qiyāmah wa al-Jannah wa al-Nār, bab ibtida’ al-khalq, No. hadis 27 (2789), Muslim bin Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysabūri, *Saḥīḥ Muslim* (Riyāḍ: Dār Taybah, 1426 H), 2: 1285

Terjemahan: "...menciptakan yang makruh (yang tidak disukai) pada hari Selasa, menciptakan cahaya pada hari rabu".

Seterusnya, Tarekat Syattariyah Abu Peulekung memberikan alasan bahawa larangan menetapkan tarikh awal Ramadan pada hari Rabu adalah kerana merupakan *uroe nehah* iaitu hari yang diturunkannya azab, kemalangan, kehinaan dan juga hari yang sangat lemah secara batin serta ramai manusia yang tertimpa kehinaan. Keyakinan tersebut boleh dikaitkan dengan hadis riwayat Ibn Mājah di atas dan juga tafsiran ayat kepada perkataan *yawm naḥṣ*.

Menurut penulis, larangan tersebut mempunyai hubung kait dengan amalan budaya masyarakat Aceh yang menjadikan hari Rabu sebagai *rabu abeh* dan *rabu nehah*. Sehingga pada hari tersebut mengadakan "*ritual tolak bala*" (kegiatan menghilangkan bahaya) iaitu untuk mencegah daripada kemalangan dan musibah dan kemuncak kepada acara tersebut adalah pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar. Akan tetapi kegiatan ini sudah banyak ditinggalkan oleh umat Islam Aceh kerana bercanggah dengan dalil-dalil agama.<sup>22</sup>

Oleh itu, tidak ditemukan alasan yang kuat dan sahih yang memberikan maklumat bahawa hari Rabu merupakan hari yang tidak baik. Meskipun terdapat hadis daripada Ibn ‘Umar yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah tentang larangan melakukan bekam pada hari Rabu, tetapi majoriti ulama memberikan kualiti *da’if* bahkan *munkar*. Demikian juga tidak adanya wujud larangan memulakan puasa Ramadan dan berhari raya pada hari Rabu.

Manakala larangan berpuasa pada hari Jumaat menurut penganut Tarekat Syattariyah Abu Peulekung kerana termasuk kepada hari raya umat Islam setiap pekan

<sup>22</sup> Zainun Yusuf, "Ikut Tradisi Tolak Bala, Pengunjung Pedati Lokasi Wisata di Abdya", dicapai 10 Februari 2016, <http://aceh.tribunnews.com/2015/12/09/ikuti-tradisi-tolak-bala-pengunjung-padati-lokasi-wisata-di-abdfa>

selain hari raya Aidilfitri dan Aidiladha. Di dalam kitab-kitab hadis ditemui beberapa hadis yang menjelaskan puasa pada hari Jumaat, sepetimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah.

عن النبي صلى الله عليه وسلم. قال: لا تختصوا ليلة الجمعة بقيام من بين الليالي. ولا

تختصوا يوم الجمعة بصيام من بين الأيام. إلا أن يكون في صوم يصومه أحدكم.<sup>23</sup>

Terjemahan: “Janganlah kamu mengkhususkan malam Jumaat dengan solat malam tertentu yang tidak dilakukan pada malam-malam lainnya. Janganlah pula mengkhususkan hari Jumaat dengan puasa tertentu yang tidak dilakukan pada hari-hari lainnya kecuali jika ada puasa yang dilakukan kerana sebab ketika itu”.

Matlamat hadis tersebut melarang melakukan ibadah seperti solat dan puasa yang dikhkususkan pada hari Jumaat. Majoriti ulama mazhab mengatakan makruh berpuasa khusus pada hari Jumaat, kecuali puasa tersebut bertepatan dengan ibadah puasa sunat lainnya, seperti hari Arafat, ‘āshūrā, ayyām bayd dan puasa sunat lainnya.<sup>24</sup>

Akan tetapi tidak ada sebuah ketentuan yang melarang untuk memulakan puasa pada bulan Ramadan dan hari raya Aidiladha pada hari Jumaat. Terdapat beberapa riwayat yang menyatakan bahawa pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan sahabat menyambut hari raya pada hari Jumaat, iaitu:

...قال أبو عبيد: ثم شهدت مع عثمان بن عفان، فكان ذلك يوم الجمعة، فصلى

قبل الخطبة، ثم خطب فقال: يا أيها الناس، إن هذا يوم قد اجتمع لكم فيه عيدان،

<sup>23</sup> Hadis Riwayat Muslim, Kitab Ṣiyam, bab karāhah ṣiyām yawm al-Jum‘ah munfaridan, No. hadis 148 (1144). Muslim bin Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1: 507

<sup>24</sup> Abī Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shayrazī* (Riyāḍ: Maktabah al-Irshād, t.t.), 6:479

فمن أحب أن يتضرر الجمعة من أهل العوالي فليتضرر، ومن أحب أن يرجع فقد أذنت

25م

Terjemahan: ...Berkata Abū ‘Ubayd aku juga pernah merayakan hari raya dengan ‘Uthmān bin ‘Affān dan hari tersebut adalah hari Jumaat. Kemudian ‘Uthmān solat hari raya sebelum khutbah. Lalu dia berkhutbah dan berkata, “Wahai sekalian manusia. Sesungguhnya ini adalah hari di mana terkumpul dua hari raya, siapa sahaja yang tidak menetap ingin menunggu solat Jumaat, maka silakan. Namun siapa sahaja yang ingin pulang, maka silakan dan telah aku izinkan”.

Menurut Syamsul Anwar, pernah berlaku sambutan hari raya bersesuaian dengan hari Jumaat pada zaman Rasulullah SAW. Dengan menggunakan kaedah “hubungan hadis dengan ilmu astronomi”, Syamsul membuat kesimpulan, bahawa pelaksanaan sambutan hari raya pada hari Jumaat pernah dilakukan oleh Nabi SAW iaitu pada hari raya Aidiladha tahun ke lapan hijrah yang bertepatan dengan tarikh 29 Mac 630 M, sedangkan sambutan hari raya Aidilfitri tidak pernah dilaksanakan pada hari Jumaat pada zaman Nabi SAW.<sup>26</sup>

Kiraan tahun dan bulan adalah bersesuaian dengan hukum alam, sehingga awal bulan Ramadan dan Syawal boleh ditetapkan pada mana-mana hari yang bersesuaian dengan kiraan hisab ataupun rukyatulhilal. Oleh itu, tidak ada dalil yang melarang untuk memulakan puasa Ramadan pada hari Rabu dan Jumaat, demikian juga sambutan hari raya Aidiladha.

<sup>25</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Adāhī, bab ma yu’kal min luhūm al-adāhī wa ma yutazawwad minhā, No. hadis 5572, Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ* (Mesir: Al-Salafiyyah, 1400), 4:11-10

<sup>26</sup> Syamsul Anwar, *Hari Raya dan Problematika Hisab-Rukyat* (Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2008), 39-40

## **Aplikasi kedua: Menyempurnakan 30 hari seluruh hari bulan Ramadan pada setiap tahun.**

Tarekat Syattariyah Abu Peulekung menyempurnakan jumlah hari pada bulan Ramadan selama 30 hari dalam menetapkan tarikh awal bagi bulan Syawal. Mereka mengaplikasikan kaedah tersebut dengan penuh berhati-hati serta menyempurnakan bulan Ramadan selama 30 hari adalah lebih baik daripada mengurangi bilangan hari berpuasa. Konsep berhati-hati tersebut membawa maksud agar tidak berlaku perkara haram sepatutnya larangan berpuasa pada tarikh satu Syawal.

Sikap berhati-hati dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal tidak dibolehkan, kerana awal dan akhir bulan Ramadan haruslah dapat dibuktikan dengan dalil yang pasti iaitu rukyah ataupun hisab moden. Sikap berhati-hati dalam memulakan tarikh awal Ramadan yang telah dilarang oleh Nabi SAW, sehingga Nabi SAW melarang memulakan puasa sebelum Ramadan (akhir bulan Syaaban) sebelum masuknya Ramadan. Di dalam hadis larangan tersebut disebut juga yawn shakk, sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَتَقدَّمُنَّ أَحَدُكُمْ  
رَمَضَانَ بِصَوْمَ يَوْمٍ أَوْ يَوْمَيْنِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمَهُ فَلَيَصُمُّ ذَلِكَ الْيَوْمَ<sup>27</sup>

Terjemahan: “dari Abī Hurayrah RA. Nabi SAW bersabda: “Janganlah seorang dari kalian mendahului bulan Ramadan dengan berpuasa satu atau dua hari kecuali apabila seseorang sudah biasa melaksanakan puasa (sunat) maka pada hari itu dia dibolehkan untuk melaksanakannya”.

<sup>27</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-siyām, bab lā yutaqaddam Ramaḍān bi ṣawm yawm wa lā yawmayn, No. hadis 1914, dan Muslim, Kitab Ṣiyām, bab lā tuqaddimū Ramaḍān bi ṣawm yawm wa lā yawmayn, No. hadis 21:1082. Al-Bukhārī, *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 2:34, dan Muslim al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* 1: 483.

### **5.2.1.3. Menguji Keabsahan Kiraan *Hisāb Khamāsī* Tarekat Syattariyah**

#### **Abu Peulekung**

Metode *hisāb khamāsī* yang digunakan oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan hari raya perlu diuji kebenarannya secara ilmiah. Penilaian keabsahan terhadap metode tersebut merujuk kepada kriteria penetapan tarikh awal bulan Ramadan dan Syawal menurut Kemenag RI. Kriteria tersebut ialah pertama, *ijtimā‘ (conjunction) qabl al-ghurūb* (*ijtimā‘* sebelum terbenam matahari) sebagai syarat awal dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Kedua, kedudukan anak bulan berada di atas ufuk selepas terbenam matahari dalam keadaan *imkān al-ru'yah*.<sup>28</sup>

Pengujian kebenaran tersebut menggunakan *software hisab* dan *rukyah* yang telah banyak digunakan untuk membantu melaksanakan *rukyatulhilal*, adapun *software* tersebut adalah *Accurate Time 5.3* dan *Accurate Hijri Calculator 2.2.1*.

Waktu yang akan diuji adalah Ramadan, hari raya Aidilfitri dan hari raya Aidiladha pada tahun 1436 H dengan titik rujukan ialah Kota Nagan Raya iaitu Suka Makmue Aceh.

Jadual 5.1. Perbandingan antara Kemenag RI dan Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dalam Penetapan Tarikh 1 Ramadan 1 Syawal dan 10 Zulhijah Tahun 1436 H

Bulan	Kementerian Agama RI	Abu Peulekung
Ramadan	Khamis 18 Jun 2015	Selasa, 16 Jun 2015
Aidilfitri	Jumaat 17 Julai 2015	Rabu, 15 Julai 2015
Aidiladha	Khamis 24 September 2015	Selasa 22 September 2015

Sumber: Analisis dokumentasi dan temu bual

Titik rujukan hisab: Suka Makmue Nagan Raya, *Latitude* (garisan lintang):  $4^{\circ} 10' 29.331''$  N dan *Longitude* (garisan bujur):  $96^{\circ} 29' 58.709$  E, Time Zone: +7.<sup>29</sup>

<sup>28</sup> Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014* (Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013), 396

<sup>29</sup> Kementrian Agama RI, *Ilmu Falak Praktik* (Jakarta: Kementrian Agama RI, 2013), 229

## **Tarikh 1 Ramadan 1436 H**

Menggunakan titik rujukan di atas, maka menurut hasil kiraan hisab daripada *Software AHC 2.2.1.*, *ijtimā'* terjadi pada hari Selasa 16 Jun 2015 pada pukul 21:05:13 WIB (waktu Indonesia bahagian Barat). Pada tarikh 16 Jun 2015 Matahari terbenam pada pukul 18:45:20 WIB dengan azimuth: 293:28:19. Manakala, anak bulan terbenam pada hari tersebut pada pukul 18:42:6, dengan *altitude/tinggi* anak bulan -3:14:19, dengan Azimuth: 288:33:30, umur anak bulan: -2:19:52 dan beza terbenam antara matahari dan bulan -0:3:14.

Hasil daripada kiraan hisab di atas menunjukkan bahawa pada hari Selasa tarikh 16 Jun 2015 terjadi *ijtimā'* pada pukul 21:05:13 WIB. Oleh itu, dapat dikenal pasti bahawa hari Selasa tersebut belum masuk kepada bulan yang baharu, tetapi masih dalam akhir bulan Syaaban. Apabila rukyah pada malam tersebut dilakukan, maka tidak mungkin anak bulan boleh di rukyah dengan cara apa pun kerana kedudukan anak bulan di bawah ufuk. Oleh demikian, pihak Kemenag RI menyempurnakan selama 30 hari pada bulan Syaaban, sehingga 1 Ramadan jatuh pada hari Khamis 18 Jun 2015.

Sedangkan Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dengan menggunakan kiraan *hisāb khamāsī* menetapkan tarikh awal Ramadan pada Selasa 16 Jun 2016. Dapat dipastikan bahawa kiraan hisab bagi *ijtimā'* adalah terjadi pada tarikh 16 Jun 2015 pukul 21:05 WIB dan bulan pada kedudukan negatif di bawah ufuk. Oleh itu, awal puasa Ramadan yang mereka lakukan bertarikh 29 Syaaban 1436 H menurut kiraan hisab Kemenag RI. Mereka melaksanakan ibadah puasa pada bulan Ramadan adalah awal dua hari daripada masyarakat Indonesia secara umum.

### **Tarikh 1 Syawal 1436 H (Hari Raya Aidilfitri)**

Pengikut Abu Peulekung menyempurnakan ibadah puasa pada bulan Ramadan selama 30 hari sepanjang tahun. Mereka memulakan puasa Ramadan pada hari Selasa 16 Jun 2015 dan menetapkan 1 Syawal pada hari Rabu 15 Julai 2015. Sedangkan Kemenag RI menetapkan 1 Syawal pada hari Jumaat tarikh 17 Julai 2015.

Seterusnya, *ijtimā'* dalam penetapan satu Syawal terjadi pada hari Khamis 16 Julai 2015 pada pukul 8:24:24 WIB. Sewaktu matahari terbenam pada pukul 18:50:2, sedangkan anak bulan terbenam 19:9:14 dengan *altitude* (tinggi) anak bulan 1:58:2, umur anak bulan 10:25:38. Berdasarkan titik rujukan tersebut kedudukan anak bulan belum memenuhi kriteria *imkān al-ru'yah*, namun berdasarkan titik rujukan rukyah lainnya di Indonesia seperti titik rujukan Pelabuhan Ratu di Pulau Jawa telah memenuhi kriteria *imkān al-ru'yah*. Oleh itu, Kemenag RI menetapkan tarikh 1 Syawal dengan menggunakan metode rukyah iaitu 17 julai 2015

Pelaksanaan hari raya Aidilfitri oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung adalah bertarikh 15 Jun 2015. Oleh itu, pelaksanaan hari raya Aidilfitri 1 Syawal tersebut belum terjadinya *ijtimā'*, sedangkan *ijtimā'* terjadi pada keesokan harinya yang bertarikh 16 Jun. Oleh itu, 1 Syawal yang diyakini oleh pengikut Abu Peulekung adalah bertarikh 28 Ramadan 1436 H.

### **Tarikh 10 Zulhijah 1436 (Hari Raya Aidiladha)**

Tarikh hari raya Aidiladha pada 10 Zulhijah oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung adalah pada 22 September 2015, bermakna tarikh 1 Zulhijah jatuh pada tarikh 12 September 2015.

Hisab dilakukan dengan menggunakan *AHC 2.2.1* menunjukkan bahawa *ijtima'* 1 Zulhijah terjadi pada hari Minggu iaitu 13 September 2015 pada pukul 13:41:24 WIB. Pada hari tersebut matahari terbenam pada pukul 18:34:27 WIB, sedangkan anak bulan terbenam pada pukul 18:44:17 WIB dengan ketinggian (*altitude*)  $-0^{\circ}6'22''$ . Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa di Aceh pada tarikh 13 September 2015 anak bulan belum wujud secara hisab dan belum dapat di rukyah, sehingga 1 Zulhijah dapat dipastikan pada tarikh 15 September 2015.

Berpandukan kepada hasil hisab awal bulan Zulhijah 1436 H, dapat dipastikan dengan jelas bahawa pada tarikh 12 September yang telah diperakui sebagai 1 Zulhijah oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung adalah bertarikh pada 28 Zulkaedah menurut kiraan hisab. Sedangkan pada tarikh 22 September yang diakui sebagai 10 Zulhijah oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung merupakan tarikh 8 Zulhijah.

Tarikh 1 Ramadan, 1 Syawal dan 1 Zulhijah menurut kiraan *hisāb khamāṣī* yang digunakan oleh pengikut Tarekat Syattariyah Abu Peulekung di Aceh, setelah dianalisis dengan *software* hisab rukyah, mereka menetapkan tarikh tersebut sebelum terjadi *ijtimā'*. Hasil tersebut bercanggah dengan kriteria awal bulan menurut hisab bulan hijrah moden dan menurut kriteria masuknya awal bulan menurut Kemenag RI.

Kiraan *hisāb khamāṣī* yang diamalkan oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung di Aceh tidak dapat dijadikan asas dalam menetapkan tarikh awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah kerana kiraan hisab tersebut tidak pasti. Seterusnya metode *hisāb khamāṣī* dilihat daripada data-data yang digunakan dan kiraan hisab yang dihasilkan dapat disimpulkan bahawa metode *hisāb khamāṣī* termasuk di dalam kategori *hisāb 'urfī*.

*Hisab ‘urfī* iaitu sistem kiraan kalendar hijrah berdasarkan kiraan rata-rata dari peredaran bulan mengelilingi bumi dan ditetapkan secara konvensional.<sup>30</sup>

Secara metodologi, sebenarnya sistem perhitungan dengan menggunakan *hisāb ‘urfī* dikenali dalam ilmu falak. Dalam perkembangannya, ilmu hisab memiliki dua aliran iaitu *hisāb ‘urfī* dan *hisāb haqīqī*. Kiraan dengan menggunakan *hisāb ‘urfī* belum pasti dan hasilnya belum dapat dikatakan tepat dan pasti, oleh itu, tidak dapat dijadikan sebagai asas dalam pelaksanaan ibadah-ibadah dalam Islam termasuk puasa Ramadan dan hari raya.<sup>31</sup>

Sedangkan *hisāb haqīqī* adalah sistem perhitungan yang berdasarkan kepada peredaran bulan dan bumi yang sebenarnya. Hisab ini berdasarkan kepada sistem *ijtimā‘* bumi, bulan dan matahari, di mana penetapan tarikh awal bulan hijrah dikira berpandukan ketika terjadinya *ijtimā‘ haqīqī*. Data-data yang digunakan dalam metode *hisāb haqīqī* selalu berkembang seiring dengan kemajuan sains, teknologi dan hasil-hasil penelitian astronomi moden.

Walhal, metode *hisāb khamāsī* yang digunakan oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung sebenarnya hanya untuk membuat ramalan serta perkiraan tentang masuknya awal Ramadan dan Syawal. Seharusnya, setelah proses kiraan dengan menggunakan *hisāb khamāsī* dilakukan, hasil tersebut hanya dapat dijadikan dasar untuk melakukan rukyatulhilal, sebagai cara untuk membuktikan kebenaran hisab tersebut.

Seperti yang telah dijelaskan pada landasan teori, alasan ulama melarang menggunakan hisab dalam menetapkan tarikh awal Ramadan dan Syawal kerana kiraan hisab belum dapat diperakui kebenarannya, baik secara cerapan maupun secara ilmu

<sup>30</sup> Susiknan Azhari, *Ensiklopedi Hisab Rukyah*, 79

<sup>31</sup> Susiknan Azhari, *Pembaharuan Pemikiran Hisab di Indonesia: Studi atas Pemikiran Sa'adoe'ddin Djambek* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002), 23-24

pengetahuan moden. Demikian juga pendapat ulama yang membolehkan penggunaan hisab, hanyalah hisab yang benar dan pasti serta dapat diuji kebenarannya secara ilmiah.

Dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh pengikut Abu Peulekung seharusnya tidak hanya menggunakan metode *hisab khamāsī* sebagai metode tunggal, tetapi harus diikuti oleh metode-metode pembuktian yang lain seperti rukyatulhilal ataupun menggunakan kiraan hisab kontemporari. Oleh itu, menyempurnakan bulan Ramadan selama 30 hari sepanjang tahun tidak harus dilakukan, kerana kepastian bilangan bulan tersebut sudah dapat dilakukan dengan menggunakan rukyatulhilal sebagai mana yang telah Nabi SAW perintahkan.

Merujuk kepada biografi pembawa Tarekat Syattariyah iaitu Habib Abdurrahim, Habib Muhammad Yasin dan Abu Peulekung, sangatlah wajar mereka menggunakan metode *hisāb khamāsī* pada zaman mereka. Menurut analisis penulis ada beberapa faktor yang menjadi latar belakang penggunaan metode tersebut oleh mereka.

Pertama adalah faktor geografi Peulekung yang terletak pada daerah bukit dan gunung, serta kehidupan mereka sebagai pejuang kemerdekaan dalam melawan penjajahan Holland dan Jepun yang selalu bersembunyi di daerah hutan atau gunung. Dengan bentuk geografi tersebut, proses pengamatan anak bulan sebagai tanda masuknya dan berakhirnya bulan hijrah tentu tidak dapat dilakukan, kerana ufuk terhalang oleh bukit dan gunung.

Meskipun rukyatulhilal mesti dilakukan, mereka harus pergi ke daerah pesisir atau pantai. Dengan terbatasnya pengangkutan pada masa tersebut, kekurangan alatan komunikasi dan terjadinya perang, maka cara tersebut sangatlah mustahil untuk dilakukan.

Maka, terbuktilah bahawa pengikut Tarekat Syattariah Abu Peulekung sekarang ini, sebahagian besar berada di daerah pergunungan atau Aceh bahagian tengah seperti Aceh Tengah, Gayo Luwes, Tenggara, Nagan Raya dan sebahagian daerah pergunungan Aceh Barat seperti Kecamatan Panton Reu. Oleh itu, hisab merupakan satu-satunya pilihan yang dapat mereka gunakan.

Faktor kedua adalah perkembangan ilmu hisab di Indonesia, sebelum kemerdekaan dan beberapa tahun selepasnya, masih pada tahap penggunaan *hisāb ‘urfī*. Penggunaan hisab dengan perhitungan astronomi telah pun digunakan seperti kitab *Sullam al-Nariyyīn* pada tahun 1925 M /1344 H oleh Muhammad Mansur bin Abdul Hamid. Namun kiraan hisab dalam kitab tersebut juga belum menggunakan sepenuhnya perhitungan Astronomi moden dan penyebaran kitab tersebut pun terhad hanya di kalangan akademik sahaja terutama di daerah pulau Jawa.<sup>32</sup>

Penggunaan hisab kontemporari dengan pendekatan astronomi moden di Indonesia bermula pada masa Sa’adoe’ddin Djambek (1911-1977). Pada tarikh 16 Ogos 1972 Kemenag RI menubuhkan sebuah Badan Hisab dan Rukyah (BHR) sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap penentuan awal Ramadan dan Syawal, penentuan arah kiblat, hisab waktu sembahyang di Indonesia. BHR tersebut dipimpin oleh Sa’adoe’ddin Djambek yang berpusat di Jakarta. Melalui penumbuhan badan inilah dijadikan sebagai langkah awal bagi perkembangan ilmu hisab moden di Indonesia.<sup>33</sup>

Abu Peulekung selaku penyebar ajaran Tarekat Syattariyah di Peulekung meninggal pada tanggal 14 Jun 1972. Pada masa tersebut, ilmu hisab moden masih dalam tahap pertumbuhan dan hanya dikenali dalam kalangan ahli universiti sahaja.

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, 99

<sup>33</sup> *Ibid.*, 101

Proses penetapan awal Ramadan dan hari raya oleh pemerintah selaku *ulī al-amr* baru dimulakan saat BHR tersebut di bina pada tahun 1972. Oleh itu, sangatlah wajar, Abu Peulekung selaku individu yang menyokong dan taat kepada pemerintah, tiada berpandukan keputusan pemerintah dalam menetapkan tarikh awal puasa Ramadan dan sambutan hari raya kerana pemerintah pada ketika itu tidak melaksanakan proses tersebut dalam tempoh pemerintahannya.

#### **5.2.1.4. Perbandingan Pengamalan *Hisāb Khamāsī* di Indonesia**

Di Indonesia penggunaan metode *hisāb khamāsī* dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha juga dilakukan oleh Pondok Mahfiludluror, KH Ali Wafa, di Desa Suger Kidul, Kecamatan Jelbuk dan Kabupaten Jember. Mereka juga berpegang kepada kitab *Nazhah al-Majālis wa Muntakhib al-Nafā'is* yang ditulis oleh ‘Abd al-Rahmān al-Šufūrī al-Shāfi’ī. Penggunaan metode tersebut dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha adalah seawal penubuhan pondok pesantren tersebut pada tahun 1826.<sup>34</sup>

Pondok Mahfiludluror melaksanakan puasa Ramadan sehari lebih awal berbanding dengan tarikh yang telah diputuskan oleh Kemenag RI. Seperti puasa Ramadan 1436 H, Pondok Mahfiludluror menetapkan tarikh satu Ramadan Rabu 17 Jun 2015, sedangkan Kemenag RI telah menetapkan pada hari Khamis 18 Jun 2015.<sup>35</sup>

Selain itu, Tarekat Syattariyah Abu Peulekung menggunakan metode *hisāb khamāsī* dengan menetapkan tarikh awal Ramadan lebih awal sehari iaitu pada hari Selasa 16 Jun 2015. Selama tiga tahun berturut-turut tarekat ini mendahulukan sehari

<sup>34</sup> “Sebahagian Warga Jember dan Bondowoso Mulai Berpuasa”, di capai 10 Oktober 2015, <http://news.okezone.com/read/2015/06/17/340/1166845/sebahagian-warga-jember-dan-bondowoso-mulai-berpuasa>

<sup>35</sup> *Ibid.*,

lebih awal bermula pada tahun 1434 sampai tahun 1436. Berlaku persamaan penetapan tarikh oleh pengikut Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dan Pondok Pesantren Mahfiludluror iaitu pada tahun 1435.

Jadual 5.2. Perbandingan antara Pengamalan *Hisāb Khamāsī* di Indonesia

Tahun/bulan	Tarekat Syattariyah Abu Peulekung	Pondok Pesantren Mahfiludluror	Kementerian Agama RI
Ramadan 1436	Selasa, 16 Jun 2015	Rabu, 17 Jun 2015 <sup>36</sup>	Khamis 18 Jun 2015
Ramadan 1435	Sabtu 28 Jun 2014	Sabtu, 28 Jun 2014 <sup>37</sup>	Ahad, 29 Jun 2014
Ramadan 1434	Isnin, 8 Julai 2013	Selasa, 9 Julai 2013 <sup>38</sup>	Rabu, 10 Julai 2013

Sumber: Analisis dokumentasi

Faktor persamaan tersebut adalah merupakan suatu kebetulan sahaja bagi keduanya, dan ini bukanlah bererti mereka mengaplikasikan metode *hisāb khamāsī* secara bersama-sama. Hal ini dapat dibuktikan ibadah puasa yang dilaksanakan pada bulan Ramadan tahun 1436 H dan tahun 1434 H adalah berbeza selang sehari.

Pada asasnya, mereka menggunakan teknik kiraan yang sama iaitu gandaan lima, jika berpuasa pada bulan Ramadan tahun lepas dimulakan pada hari Selasa maka tahun hadapan jatuh kepada hari Sabtu. Aplikasi kiraan tersebut diamalkan oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung dan Pondok Pesantren Mahfiludluror. Namun, wujudnya perbezaan bagi Tarekat Syattariyah Abu Peulekung kerana menggunakan kaedah larangan memulakan berpuasa pada hari Rabu dan Jumaat dengan mengaplikasikan sistem *buleun tren* dan *buleun ek*.

Sebagai contoh, pengikut Tarekat Syattariyah Abu Peulekung, dengan kiraan *hisāb khamāsī* melaksanakan puasa Ramadan tahun 1436 H iaitu pada hari Selasa.

<sup>36</sup> “Sebahagian Warga Jember dan Bondowoso Mulai Berpuasa”, dicapai 10 Oktober 2015, <http://ramadan.antaranews.com/berita/501927/sebahagian-warga-jember-dan-bondowoso-mulai-puasa>

<sup>37</sup> “Ini Cara Unik Jamaah Tentukan Awal Ramadan beda dari Pemerintah”, dicapai 10 Oktober 2015, <http://www.djogjasumberberita.com/ini-cara-unik-jamaah-tentukan-awal-ramadan-beda-dari-pemerintah/>

<sup>38</sup> *Ibid.*,

Seharusnya mereka memulakan ibadah puasa tersebut pada hari Rabu, oleh kerana hari tersebut merupakan hari larangan dalam memulakan ibadah puasa Ramadan, maka kaedah *buleun tren* digunakan iaitu diawalkan sehari daripada hari tersebut. Demikian juga pada penetapan tarikh awal puasa pada bulan Ramadan 1435 H, seharusnya dijalankan pada hari Jumaat, namun dilewatkan sehari menjadi hari Sabtu kerana mengikut kaedah *buleun ek*.

Metode kiraan *hisāb khamāsī* oleh Pondok Pasantren Mahfiludluror adalah berbeza dengan kiraan *hisāb khamāsī* oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung. Selain itu, terdapat juga beberapa persamaan bagi kedua aliran tersebut iaitu hari tarikh awal bagi ibadah puasa pada bulan Ramadan, dijadikan sebagai hari dalam sambutan hari raya Aidiladha. Kedua-dua institusi tersebut juga menyempurnakan bilangan hari bulan Ramadan menjadi 30 hari.

#### **4.1.2. Metode *Ru'yah bi al-Fi'lī* Dayah Al-Madinatuddiniyah**

Metode *ru'yah bi al-fi'lī* adalah melihat anak bulan awal hijrah dengan menggunakan mata sahaja tiada menggunakan alat bantuan penglihatan. Metode ini telah dibina oleh seluruh dayah di Aceh dalam penetapan tarikh awal puasa Ramadan dan Syawal. Pemikiran tersebut dipertahankan kerana kuatnya mereka dalam berpandukan kepada pemahaman Fiqh al-Shāfi'ī dalam soalan ibadah.

Rukyatulhilal yang diamalkan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah adalah rukyatulhilal tanpa menggunakan sembarang alatan teknologi sebagai asas. Alatan teknologi yang digunakan hanya untuk membantu memperjelas anak bulan yang telah berhasil di rukyah, sehingga mengurangi kesalahan dalam rukyatulhilal.

Demikian juga dalam penggunaan kiraan hisab yang dibolehkan hanya untuk mengira dan mengetahui kedudukan anak bulan, sehingga memudahkan proses rukyatulhilal yang hendak dilaksanakan. Mazhab ini berpendapat bahawa, kiraan hisab tidak boleh menolak kesaksian rukyatulhilal, meskipun anak bulan yang telah berhasil di rukyah dalam perspektif ilmu hisab belumlah dalam kedudukan *imkān al-ru'yah*, ataupun wujud di atas ufuk.

Pemikiran *ru'yah bi al-fi'lī* yang diamalkan oleh Dayah al-Madinatuddiniyah tersebut, dihasilkan daripada melakukan kefahaman hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal secara tekstual. Rukyah dalam kefahaman teknikal bersifat *ta'abbudī*, yang *'illah* (sebab) masuknya awal Ramadan dan Syawal tidak dapat diperbaharui dan diubahsuai dengan pendekatan hisab moden.

Amalan rukyatulhilal pada akhir bulan Syaaban, Ramadan dan Zulkaedah dalam mazhab ini mempunyai nilai ibadah, sehingga berbeza nilainya dengan rukyatulhilal pada bulan hijrah lainnya. Oleh itu, pelaksanaan rukyatulhilal tetap dilaksanakan, meskipun kedudukan anak bulan menurut kiraan hisab berada di bawah ufuk atau belum pada kriteria *imkān al-ru'yah*. Amalan tersebut merupakan pengamalan terhadap hadis rukyatulhilal, sehingga jika pun kaedah *istikmāl* digunakan, tetap berdasarkan kepada rukyatulhilal bukan kepada kiraan hisab.

Dayah Al-Madinatuddiniyah sangatlah konsisten dalam mengamalkan konsep tersebut, ini terbukti melalui hasil penentuan awal Ramadan dan Syawal yang telah mereka isbat. Penggunaan kaedah *istikmal* tetap digunakan jika anak bulan tidak dapat di rukyah, meskipun secara kiraan hisab, anak bulan sudah pada kriteria *imkān al-ru'yah*.

Jadual 5.3. Penetapan Tarikh Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah Dayah Al-Madinatuddiniyah pada Kedudukan Anak Bulan *Imkān al-Ru'yah*

Tahun	Bulan	Tinggi Anak Bulan <sup>39</sup>	Pemerintah		Dayah Al-Madinatuddiniyah	
			Isbat	Bulan Baru	Isbat	Bulan baru
1437	Ramadan	3° 13'	Rukyah	06-06-2016	<i>Istikmāl</i>	07-06-2015
1436	Syawal	1° 50	Rukyah	17-07-2015	<i>Istikmāl</i>	17-07-2015
1435	Syawal	02° 17'	Rukyah	28-07-2014	<i>Istikmāl</i>	29-07-2014
1432	Zulhijah	6° 04	Rukyah	28-10-2011	<i>Istikmāl</i>	29-10-2011

Sumber: Analisis dokumentasi

Tidak pernah ada laporan menyatakan bahawa anak bulan kelihatan di Aceh, oleh itu Dayah Al-Madinatuddiyah selalu melakukan metode *istikmāl* meskipun anak bulan sudah berada pada darjah yang tinggi. Mereka juga tidak pernah menetapkan tarikh awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah pada keadaan kedudukan anak bulan di bawah ufuk menurut kiraan hisab, sehingga penetapan mereka tidak pernah lebih awal dibandingkan dengan penetapan Kemenag RI. Kebiasaan mereka melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan hari raya adalah bersamaan dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh Kemenag RI atau terlewat selama satu hari.

Secara metodologi, amalan metode *ru'yah bi al-fi'lī* Dayah Al-Madinatuddiniyah adalah sejajar dengan metode yang diamalkan oleh Kerajaan Arab Saudi, meskipun hasil penetapan awal Ramadan dan Syawal antara kedua mereka berbeza. Kerajaan Arab Saudi memang menggunakan Kalendar *Umm al-Qurā* yang dihasilkan daripada kiraan hisab, tetapi mereka dalam penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah adalah merujuk kepada *ru'yah bi al-fi'lī* atau *ru'yah haqqīqī* sebagai asas dan meninggalkan kiraan hisab.<sup>40</sup>

Hasil penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Kerajaan Arab Saudi menurut ‘Awdah sering bercanggah dengan kiraan hisab falak, hal tersebut disebabkan kerana

<sup>39</sup> Perhitungan tinggi hilal menggunakan software Accurate Time 5.3.9 dan Accurate Hijri Calculator 2.2.1 pada posisi kota Banda Aceh *Longitude* 95° 41' 45" East dan *Latitude* 5° 10' 10" North

<sup>40</sup> Syamsul Anwar, *Diskusi & Korespondensi Kalender Hijrah Global* (Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2014), 172

sering diterima satu orang saksi dalam rukyatulhilal, sedangkan kedudukan anak bulan dibawa ufuk.<sup>41</sup> Hasil daripada penyelidikan Ayman Kordi seorang pakar hisab dari King Saud Universiti menyatakan bahawa selama 40 tahun hasil penetapan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah oleh Kerajaan Arab Saudi, 87 peratus salah dan bercanggah dengan kaedah hisab dan astronomi.<sup>42</sup>

### **5.1.3. Metode *Imkān al-Ru'yah* Dayah MUDI Mesra**

Mazhab *imkān al-ru'yah* bertujuan untuk penyatuan antara metode hisab dan rukyah dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Dua pemikiran tersebut selalu menjadi sebab yang mendasari perbezaan dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal di Indonesia, sehingga dengan mengamalkan metode *imkān al-ru'yah*, pengikut hisab dan rukyah tiada harus meninggalkan prinsip mereka masing-masing.<sup>43</sup>

Konsep *imkān al-ru'yah* merupakan hasil perbincangan satu kefahaman terhadap hadis rukyatulhilal dan hisab awal bulan hijrah. Kefahaman tersebut tidak hanya mengambil berat kepada kiraan hisab astronomi sahaja, tetapi memperhatikan kepada hasil rukyatulhilal, sehingga rukyah dan kiraan hisab mempunyai fungsi yang selari dalam pelaksanaan penetapan awal Ramadan dan Syawal.

Metode *imkān al-ru'yah* dihasilkan daripada pendekatan sains moden dalam memberikan kefahaman terhadap hadis rukyatulhilal dan hisab. Pendekatan tersebut dilakukan dengan mengekalkan makna tekstual hadis rukyatulhilal dan menjadikan

<sup>41</sup> Muhammad Shawkat Awdah, “al-Hilal Bayn al-Ḥisab al-Falakiyyah wa al-Ru’yah, dikemas kini 09 November 2006, laman sesawang *Islamic Crescents’ Observation Project*, dicapai 17 April 2014, [http://www.icoproject.org/article/2004\\_crescent.html](http://www.icoproject.org/article/2004_crescent.html), 12

<sup>42</sup> Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU*, 121

<sup>43</sup> Thomas Djamaruddin, *Astronomi Memberi Solusi Penyatuan Ummat* (Bandung: Lembaga Penerangan dan Antariksa Nasional (LAPAN), 2011), 10-11

sains moden sebagai kaedah dalam menjayakan amalan rukyah, bukan menggantikan rukyah.

Kaedah *imkān al-ru'yah* di Indonesia juga diguna pakai oleh Nahdlatul Ulama (NU), namun kaedah tersebut hanya digunakan dalam menolak kesaksian rukyatulhilal. Menurut pedoman hisab dan rukyah NU, hasil rukyatulhilal dapat dibatalkan dengan dua syarat, pertama, jika pakar hisab dengan menggunakan kiraan hisab yang pasti sepakat menyatakan bahawa anak bulan belum dapat di rukyah, kedua pakar hisab yang menyatakan maklumat tersebut mencapai batasan *mutawātir*.<sup>44</sup>

Analisis kesejarahan amalan hisab dan rukyah NU, awalnya NU tidak menerima kaedah *imkān al-ru'yah*, sehingga pada kedudukan anak bulan berapa pun, laporan rukyatulhilal tetap diterima. Namun, setelah melalui masa yang lama, NU menerima konsep *imkān al-ru'yah*, tetapi hanya untuk menerima ataupun menolak kesaksian rukyatulhilal.<sup>45</sup>

Muhammadiyah pernah menggunakan kaedah *imkān al-ru'yah* sekitar tahun 1845, selanjutnya kaedah tersebut ditinggalkan dan digantikan dengan kaedah *ijtimā'* *qabl al-ghurūb*. Kaedah *ijtimā'* *qabl al-ghurūb* berpaksikan kepada hasil *ijtimā'* sebelum matahari terbenam, tanpa mengambil perhatian terhadap kedudukan anak bulan, kaedah ini digunakan sampai pada tahun 1937. Tahun 1938, kaedah tersebut diubahsuai dengan mengambil berat terhadap kedudukan anak bulan selepas terjadinya

<sup>44</sup> Lajnah Falakiyah PBNU, *Pedoman Rukyah dan Hisab Nahdlatul Ulama* (Jakarta: Penerbit Lajnah Falakiyah PBNU, 2006), 39

<sup>45</sup> Maskufa dan Wahyu Widiana, "Titik kritis Penentuan Awal Puasa dan Hari Raya di Indonesia". *Jurnal Ahkam*, Vol. XII, No. 1 (Januari 2012), 73

*ijtimā' qabl al-ghurūb*, kaedah tersebut disebut dengan hisab hakiki *wujūd al-hilāl*<sup>46</sup> dan digunakan sampai sekarang.<sup>47</sup>

Malaysia telah menggunakan kaedah *imkān al-ru'yah* bersamaan dengan disahkan kaedah tersebut dalam Muktamar yang bertajuk “Anak Bulan Bagi Penentuan Permulaan Bulan Hijrah” di Istanbul tahun 1978. Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Melayu telah melakukan beberapa perubahan terdapat kaedah tersebut, sehingga tahun 1992 kaedah *imkān al-ru'yah* MABIMS diterima dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Pada tahun 1995, Jawatan Teknikal Kalendar Islam telah menetapkan penggunaan kaedah *imkān al-ru'yah* untuk semua bulan hijrah, menggantikan kaedah *wujūd al-hilāl*.<sup>48</sup>

Terdapat empat perilaku umat Islam dalam menggunakan dalil syarak dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal iaitu: Pertama, perilaku yang hanya menggunakan hadis rukyatulhilal sahaja, seperti konsep *ru'yah hilāl bi fi'ilī* yang diamalkan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah. Kedua, perilaku liberal yang menggunakan hisab sebagai pengganti rukyah dengan menggunakan al-Qur'an sebagai dalil asas dan menggunakan kefahaman kontekstual terhadap hadis rukyatulhilal serta hadis hisab. Ketiga, perilaku yang tengah-tengah (mutawassitah). Keempat, perilaku yang hanya menggunakan tradisi warisan tanpa mempertimbangkan dalil syarak dan hisab moden, seperti amalan Tarekat Syattariyah Abu Peulekung.

Pengamalan konsep *imkān al-ru'yah* termasuk kepada perilaku mutawassitah iaitu pertengahan antara kaedah rukyah dan hisab, tidak terlalu fanatik terhadap hisab

<sup>46</sup> Kriteria masuknya awal bulan hijrah menurut kaedah *wujūd al-hilāl* adalah telah terjadinya *ijtimā' qabl al-ghurūb* dan semasa matahari terbenam, kedudukan anak bulan berada di atas ufuk meskipun sekejap. Majelis Tarjih Dan Tajdid PP Muhammadiyah, *Pedoman Hisab Muhammadiyah* (Yogyakarta: Majelis Tarjih dan Tajdid PP Muhammadiyah, 2009), 87

<sup>47</sup> Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU*, 128-129

<sup>48</sup> Samad bin Haji Abu et al, “Kaedah Penentuan Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah di Malaysia”, dalam *Kaedah Penentuan Awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah di Malaysia*, ed. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004), 9-10

dan juga rukyah. Konsep *imkān al-ru'yah* tetap mengamalkan petunjuk Rasulullah SAW tentang rukyatulhilal dan tidak mengesampingkan isyarat al-Qur'an tentang peredaran bulan, serta hisab moden yang boleh menjadikan bukti (*bayinah*) daripada rukyah.

Problem masalah yang dihadapi dalam menggunakan kaedah *imkān al-ru'yah* ialah wujudnya perbezaan dalam mengaplikasikan daripada kaedah tersebut. Aplikasi pertama, penggunaan konsep *imkān al-ru'yah* sebagai batasan minimum pengakuan hasil rukyatulhilal. Sedangkan aplikasi kedua digunakan sebagai standard kriteria sahaja, maka jika bercanggah dengan hasil rukyatulhilal pada kedudukan anak bulan belum *imkān al-ru'yah*, maka hasil rukyah yang diterima.

Problem lain dari kaedah *imkān al-ru'yah* adalah tiada kaedah tetap yang boleh digunakan. Kaedah *imkān al-ru'yah* sangat berpandukan kepada keadaan geografi dan cuaca pada setiap daerah, sehingga banyak tawaran terhadap kriteria tersebut seperti MABIMS, Mohammad Ilyas, SAAO, Muhammad Shawkah 'Awdah.

Kriteria MABIMS yang digunakan sekarang oleh Negara Islam ASIAN telah pun dilakukan penilaian semula, sehingga menghasilkan kriteria-kriteria baru seperti contohnya penyelidikan Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi. Penyelidikan tersebut bertujuan untuk menilai semula kriteria *imkān al-ru'yah* MABIMS. Ianya mencadangkan sebuah kriteria baru untuk dapat menggantikan kriteria MABIMS yang boleh diamalkan oleh ketiga negara iaitu *altitud* 03 darjah dan *elogasi* 05 darjah.<sup>49</sup>

Problem lainnya yang berlaku dalam penggunaan *imkān al-ru'yah* iaitu kaedah tersebut tidak dapat diguna pakai dalam pembuatan takwim hijrah antar bangsa kerana

---

<sup>49</sup> Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, "Penilaian Semula Kriteria Kenampakan Anak Bulan di Malaysia, Indonesia dan Brunei, (Tesis Kedoktoran Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), ii

kriteria *imkān al-ru'yah* berbeza-beza pada setiap daerah, serta daerah awal mula terjadinya *imkān al-ru'yah* di seluruh bumi berubah dari bulan ke bulan.<sup>50</sup>

### **5.3. Analisis Terhadap Aplikasi dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

#### **5.3.1. Konsep *Matla'* Lapan Darjah Bujur**

Dayah Al-Madinatuddiniyah dan MUDI Mesra bersepakat bahawa penentuan awal Ramadan dan Syawal perlu merujuk kepada isbat (ketetapan) pemerintah atau hakim. Tujuan daripada isbat tersebut adalah untuk membuktikan kebenaran hasil daripada rukyatulhilal. Mereka juga bersepakat bahawa syarat utama untuk mengikuti pemimpin dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal adalah isbat hakim menggunakan rukyah sebagai asas dan bukan menggunakan hisab.

Dayah Al-Madinatuddiniyah berpedoman kepada konsep *ikhtilāf maṭāli'* dalam menerima laporan rukyatulhilal. Jarak *matla'* yang diamalkan adalah konsep yang diusulkan oleh ulama *muta'akhirīn* iaitu Abū Makhramah dalam kitab *Bughyah al-Murtashidīn*. Konsep tersebut adalah apabila selisih perbezaan *ghurūb* matahari antara dua tempat kurang dari lapan darjah, maka *matla'* kedua tempat tersebut sama untuk rukyatulhilal dan jika lebih dari lapan darjah, maka *matla'* adalah berbeza.

Menurut Suhrawardi Ilyas, pengamalan konsep *matla'* lapan darjah tersebut apabila adanya pengakuan terhadap konsep *imkān al-ru'yah* pada tinggi anak bulan 8 darjah, oleh itu, anak bulan kemungkinan dapat di rukyah sejauh 8 darjah bujur juga. Tempoh masa anak bulan dapat di rukyah ialah  $8 \times 4 = 32$  minit (1darjah = .4 Minit), sehingga jarak 32 minit tersebut bersifat tetap. Namun konsep *imkān al-ru'yah* atau

<sup>50</sup> Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Rāziq, *Kalender Kamariah Islam Unifikatif*, terj. Syamsul Anwar (Yogyakarta: Itqan Publishing, 2013), 7-8

*wujūd al hilāl* selalu berlakunya perkembangan semasa ke semasa, dan negara-negara Islam khususnya bagi kawasan ASIAN lebih merujuk kepada ketinggian anak bulan 2 darjah. Maka, jauh dan dekatnya *matla'* boleh berubah selaras dengan perkembangan konsep *imkān al-ru'yah*.<sup>51</sup>

Pengujian terhadap konsep *matla'* lapan darjah yang digunakan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah dapat dilakukan dengan menguji data rukyah yang diamalkan oleh Dayah tersebut. Penentuan awal Ramadan dan Syawal dengan menggunakan rukyah dilakukan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah pada penentuan 1 Syawal 1434 H.

Keberhasilan rukyah 1 Syawal 1434 pada titik rujukan kota Batam longitude  $104^{\circ} 2' 18.731''$  E.<sup>52</sup> Anak bulan berhasil di rukyah pada ketinggian 2 darjah 39 minit.<sup>53</sup> Oleh itu, lamanya masa anak bulan dapat di rukyah adalah 09 minit 56 saat.<sup>54</sup> Berlakunya hasil rukyah menurut kriteria ini boleh diamalkan apabila perbezaan masa terbenam matahari antara dua tempat tidak lebih daripada 09 minit 56 saat. Sedangkan perbezaan terbenam matahari (*tafāwūt al-ghurūb*) antara Banda Aceh dan Batam adalah 39 minit.<sup>55</sup> Maka Batam dan Aceh tidak dapat dijadikan satu *matla'* dalam penetapan awal Syawal 1434 H.

Dayah Al-Madinatuddiniyah dalam menjalankan konsep *matla'* lapan darjah bujur tidak sejalan dengan kaedah kiraan terbabit. Oleh itu, konsep *matla'* lapan darjah Abu Makhramah yang dijalankan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah tidak mengambil berat terhadap kedudukan anak bulan. Berlakunya hasil rukyah dapat diperakui apabila

<sup>51</sup> Suhrawardi Ilyas (Pensyarah Kanan pada Jabatan physics Fakulti Sains MIPA Universiti Syiah Kuala Banda Aceh dan Anggota Badan Hisab Rukyah Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 11 Disember 2014

<sup>52</sup> Muchtar Ali et al., *Buku Saku Hisab Rukyah* (Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013), 119

<sup>53</sup> Hisab menggunakan AHC 2.2.1

<sup>54</sup> Mengira lamanya anak bulan dapat dilihat = ketinggian anak bulan \* 4 minit Farid Ruskanda, *100 Masalah Hisab & Rukyah Telaah Syariah, Sains dan Teknologi* (Jakarta: Gema Insani, 2005), 24

<sup>55</sup> Longitude Kota Batam adalah  $104^{\circ} 2' 18.731''$  E, sedangkan kota Banda Aceh  $95^{\circ} 19' 49.920$  E. Jarak antara Kota Batam dan kota Banda Aceh secara garis bujur adalah sekitar 9 darjah

perbezaan masa terbenam matahari antara dua tempat, tidak lebih daripada 8 darjah membujur atau berbezaan *tawāfiṭ al-ghurūb* selama 32 minit.

Hasil ijтиhad Dayah Al-Madinatuddiniyah dengan menggunakan *maṭla'* lapan darjah dapat mendatangkan keraguan dan ketidakpastian terhadap masa dalam pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya. Khabar tentang kenampakan anak bulan dan proses penetapan awal bulan tidak dapat diketahui secara terperinci. Seperti terjadi pada pelaksanaan hari raya puasa pada tahun 1434 H.

Berdasarkan keterangan diperoleh Serambi, pada Rabu (7/10) petang, pihak ulama dan Pemkab melihat bulan di pantai Suak Geudebang, Kecamatan Samatiga. Namun ulama menyatakan tidak melihat bulan, sehingga pada Rabu malam, puluhan masjid di Aceh Barat tetap melaksanakan salat Tarawih. Namun tiba-tiba pada pukul 22.00 WIB malam, kembali disimpulkan, bahawa bulan sudah dapat disaksikan di Batam, sehingga diputuskan hari raya pada Kamis (8/10).<sup>56</sup>

Khabar tentang masuknya satu Syawal diterima ketika umat Islam sudah melaksanakan solat tarawih, maklumat tersebut tidak menghuraikan secara jelas proses, lokasi dan kesaksian keberhasilan rukyatulhilal.

Menurut Kamil Syafruddin, kebenaran hasil rukyah yang terjadi di Batam pada Syawal 1434 H tersebut sudah dicuba untuk dibuktikan keabsahan. Hasil pembuktian dilakukan dengan mempersoalkan hal tersebut kepada BHR Kemenag Batam. Daripada hasil data yang mereka terima, bahawa tidak adanya laporan anak bulan dapat di rukyah di Batam pada tarikh 7 Oktober 2013. Meskipun rukyah tersebut benar telah terjadi, kerana kedudukan anak bulan sudah berada dalam keadaan *imkān al-ru'yah*, namun maklumatnya bersifat tertutup dan tidak dilaporkan.<sup>57</sup> Demikian halnya juga kesaksian rukyatulhilal Syawal 1434 H yang diterima oleh Kemenag RI dalam Sidang Isbat, tidak

<sup>56</sup> Aidilfitri di Aceh Barat Tiga Versi” laman sesawang *Serambi Indonesia*, dicapai 27 Februari 2015, <http://aceh.tribunnews.com/2013/08/12/idul-fitri-di-aceh-barat-tiga-versi>

<sup>57</sup> Kamil Syafruddin (pengurus/anggota Badan Hisab dan Rukyah Aceh Barat) pada temu bual dengan penulis, 10 Disember 2015

adanya kesaksian rukyatulhilal di Batam yang diterima, namun kesaksian rukyatulhilal yang diterima adalah Papua Barat, Makasar, Gresik dan Tegal.<sup>58</sup>

Menurut Dayah Mudi Mesra, berlakunya konsep *matla'* Abu Makhramah tersebut sangat dipengaruhi oleh ada dan tidaknya hakim atau *qādī* yang dapat memeriksa kebenaran hasil rukyatulhilal, sehingga dapat dijadikan asas dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal. Oleh itu, Dayah Mudi Mesra meninggalkan pendapat tersebut dan beralih kepada pendapat *wilāyah al-hukm*, kerana tersedianya syarat dalam ijтиhad untuk melaksanakan penentuan awal Ramadan dan Syawal. Hasil ijтиhad tersebut dapat menghilangkan keraguan terhadap hasil rukyah, sehingga dapat mengekalkan kebenaran serta tercapai kemaslahatan sesama umat Islam.

Sedangkan Dayah Al-Madinatuddiniyah tetap teguh pendirian berpegang terhadap *matla'* Abu Makhramah dengan memeriksa kesaksian rukyatulhilal dan menetapkan tarikh awal puasa Ramadan dan hari raya secara tersendiri.

Sikap Dayah MUDI Mesra yang meninggalkan konsep *matla'* Abu Makhramah tersebut merupakan jalan yang baik. Namun mereka tidak meninggalkan pendapat tersebut secara mutlak, kerana menurut mereka, konsep *matla'* Abu Makhramah tetap boleh diamalkan sekiranya adanya pemimpin ataupun hakim yang melakukan isbat kesaksian rukyatulhilal. Oleh itu, Dayah Mudi Mesra dan Dayah Al-Madinatuddiniyah mencadangkan agar pemerintah Aceh yang telah melaksanakan syariat Islam untuk dapat membuat kanun penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal secara tersendiri dan terasing daripada Kemenag RI.

Cadangan yang dicadangkan oleh kedua dayah tradisional terbesar di Aceh tersebut amat sukar untuk diwujudkan bahkan mustahil. Konsep *matla'* yang diamalkan

---

<sup>58</sup> Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Penetapan Tanggal 1 Syawal 1434 H (Nombor 152, 2013)

tersebut tidaklah lagi menjadi perbincangan di kalangan para pakar falak. Konsep tersebut sudah ditinggalkan kerana tidak sesuai dengan temuan sains dan astronomi modern.

Konsep *maṭla'* yang sedang dikembangkan sekarang adalah *maṭla'* yang bertujuan untuk menciptakan kalender Islam antar bangsa, bahkan negara-negara ASIAN pun telah membina kaedah untuk bersatu dalam penetapan tarikh awal bulan Islam terutama Ramadan, Syawal dan Zulhijah, bukan menjadikan negara-negara Islam berpecah lagi kepada daerah yang lebih kecil dari pada negara.

Hujah daripada Dayah Al-Madinatuddiniyah tersebut sangat dipengaruhi oleh metode mereka dalam memahami hadis-hadis tentang hisab dan rukyatulhilal serta *maṭla'*. Metode pemahaman yang mereka lakukan adalah secara textual dengan menggunakan kitab-kitab fiqah klasik, sedangkan pendekatan kontekstual dengan ilmu pengetahuan dalam konsep *maṭla'* ini dipergunakan, tetapi merujuk kepada penemuan sains lama. Model tersebut merupakan salah satu ciri daripada produk fiqah pondok pesantren tradisional yang menjadikan kitab kuning sebagai tradisi mereka.<sup>59</sup>

Ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan dalam mengaplikasikan pendekatan sains dalam kajian hadis, sehingga pemahaman tersebut dapat membawa kepada pemahaman yang memenuhi maksud daripada lafaz. Ilmu sains sering mengalami perkembangan dari masa ke masa, sehinggalah penemuan bagi setiap kebenaran tidaklah tetap, sedangkan hadis terdapat unsur wahyu yang bersifat tetap dan manakala selain daripadanya bersifat berubah. Oleh itu, pendekatan sains tersebut harus berasaskan kepada ruang lingkup ilmu hadis dan tidak boleh berdiri sendiri. Teori-teori

---

<sup>59</sup> Habibullah Bahmi, "Menggugat Nalar Fiqh Pesantren," *Al-Ahkam* 6 no.2 (2011), 1

ilmiah yang digunakan adalah teori ilmiah yang semasa yang bersumberkan daripada penyelidikan yang benar dan tepat.<sup>60</sup>

Mempertahankan konsep rukyah sebagai sebuah metode telah disokong oleh *qarinah* yang jelas di dalam hadis dan juga pemikiran ulama baik moden dan kontemporari. Berbeza dengan konsep *maṭla'*, tidak ada sebuah *qarinah* yang jelas di dalam dalil, baik yang bersumber daripada al-Qur'an maupun hadis yang memberikan pemahaman yang boleh diamalkan. Kesemua ulama hanya melakukan kiraan dan agakan sahaja sesuai dengan kondisi perkembangan pengetahuan pada zaman masing-masing. Oleh itu, kefahaman hadis tentang *maṭla'* haruslah menggunakan pendekatan sains secara mutlak, sedangkan sains tersebut terus berkembang dari masa ke masa.

### **5.3.2. *Maṭla' Wilayah al-Hukm***

Konsep *maṭla'* yang dikembangkan dalam kajian fiqh hisab dan rukyah adalah *maṭla'* kawasan (*ikhtilāf al-maṭāli'*) dan *maṭla'* global (*itihād al-maṭāli'*). Perbezaan *maṭla'* dalam penetapan takwim hijrah diperakui adanya menurut sains dan dalil syariat, hal tersebut kerana sistem bumi, bulan dan matahari tidak memungkinkan bumi dijadikan satu *maṭla'*. Akan tetapi tidak adanya sebuah batasan *maṭla'* secara kuantiti yang ditawarkan baik dalam fiqh maupun hisab falak yang boleh diamalkan secara pasti.

Tawaran *maṭla' wilayah al-hukm* merupakan sebuah penyelesaian dengan cara kompromi kerana tiada sebuah batasan *maṭla'* secara kuantiti. Maka *maṭla' wilayah al-hukm* dipandang boleh diamalkan kerana berpandukan kepada *ulī al-amr* dalam wilayah siasah negara. Konsep *matla' wilayah al-hukm* secara praktikal dapat menyatukan

---

<sup>60</sup> Ali Akbar, "Kontribusi Teori Ilmiah Terhadap Penafsiran," *Jurnal Ushuluddin* 23, No.1 (Jun 2015), 42

perbezaan dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal dengan mengikuti hasil ketetapan pemerintah.<sup>61</sup>

Konsep *maṭla'* *wilāyah al-hukm* menjadi sebuah masalah baru di Indonesia, terutama konsep ini tidak mempunyai dukungan yang kuat daripada kitab-kitab kuning fiqah yang menjadi kekhasan fiqah di Indonesia. *Maṭla'* *wilāyah al-hukm* tidak mempunyai dasar dalil yang kuat daripada konsep *ikhtifāl maṭāli'* dan *itihād maṭāli'*.<sup>62</sup>

Persoalan lain berlaku apabila terjadi berbezaan kedudukan anak bulan antara daerah-daerah di seluruh wilayah Indonesia. Di sebahagian wilayah Indonesia, kedudukan anak bulan sudah dalam kriteria *imkān al-ru'yah*, sedangkan sebahagian yang lain belum mencapai darjah *imkān al-ru'yah*, hal ini terjadi seperti pada penentuan tarikh satu Syawal 1436 H.

Di wilayah timur Indonesia, kedudukan anak bulan pada ketinggian satu darjah, demikian juga di daerah barat Indonesia, seperti Aceh dengan tinggi anak bulan 1 darjah 50 minit, berbeza dengan daerah tengah Indonesia yang sudah mencapai 2 darjah lebih. Dengan menggunakan kriteria *maṭla'* *wilāyah al-hukm*, Kemenag RI menetapkan tarikh satu Syawal dengan berpandukan kepada kedudukan anak bulan di wilayah tengah Indonesia yang telah mencapai darjah *imkān al-ru'yah*.

Menurut Susiknan Azhari, konsep *maṭla'* apabila dihubungkaitkan dengan persoalan *nation state* (negara dan bangsa) masih mempunyai masalah besar dari

---

<sup>61</sup> Imron Rosyadi, “Matlak Global dan Regional (Studi tentang Keberlakuan Rukyah Menurut Fiqh dan Astronomi”, (Makalah, Annual International Conference on Islamic Studies XII (AICIS XII), Peringkat Antar Bangsa, UIN Sunan Ampel Surabaya, 2012).

<sup>62</sup> Nugroho Eko Atmanto, Aktualisasi Matla' Wilāyah al-Hukm Dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah)”, (Disertasi Master, UIN Walisongo, Semarang, 2013), 113-114

pandangan ilmu falak, terutama mazhab rukyah ataupun hisab. Meskipun secara kaedah fiqah dan *uṣūl fiqh* penggunaan kaedah *maṭla' wilāyah al-ḥukm* dapat diselesaikan.<sup>63</sup>

Menurut penyelidik, Sikap masyarakat dan institusi Islam yang mempertahankan kefahaman dan konsep tersendiri, serta menolak hasil yang telah ditetapkan oleh pihak Kemenag RI terhadap penetapan awal Ramadan dan Syawal secara mesyuarat, dapat merosak syiar Islam. Perilaku tersebut juga dapat merosak pelaksanaan syariat Islam di Aceh, terutama dalam pengakuan terhadap hukum-hukum Islam yang telah dijadikan sebagai sebuah kanun. Hukum-hukum hasil ijtihad pemimpin dapat diperakui sebahagian daripada hukum Islam dan tidak wujud dan tersebar amalan-amalan hukum yang bercanggah dengan kanun negara.<sup>64</sup>

### **5.3.3. Mengikuti Ketetapan Kerajaan Arab Saudi**

Tiada sebuah Hadis Nabi SAW dan syarahan para ulama dalam kitab-kitab yang muktabar, baik fiqah maupun hadis yang menjadikan Arab Saudi sebagai satu-satunya negara yang mempunyai kuasa dalam menetapkan tarikh awal bulan hijrah. Demikian juga tidak ada dalil khas yang menjelaskan kewajipan untuk mengikuti ketetapan pemerintah Arab Saudi dalam pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya, kecuali bagi mereka yang menetap di negara tersebut, ataupun orang-orang yang melaksanakan ibadah haji ataupun umrah.

Adapun dalil al-Qur'an yang dijadikan sebagai hujah iaitu surah *al-Baqarah* 2:96 dan pada perkataan *umm al-qurā* dalam surah *al-Syūrā* 42:7 serta surah *al-An'am* 6:92, tidaklah memberikan makna kewajipan untuk mengikuti kerajaan Arab Saudi dan

<sup>63</sup> Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU*, 96 dan Nugroho Eko Atmanto, Aktualisasi Matlak Wilayah Dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah, 113

<sup>64</sup> Analiyah, "Ulil Amri dan Kekuatan Produk Hukumnya (Kajian Terhadap Perspektif Teungku Dayah Salafi Aceh Besar)", *Jurnal Analisa* 21, No. 02, (Disember 2014), 276

memberikan kuasa mutlak kepada mereka. Bahkan, tidak ditemukan sebarang pentafsiran daripada pakar tafsir, baik klasik maupun moden yang telah melakukan pentafsiran yang sedemikian.

Temu pakar II untuk pengkajian perumusan kalendar Islam di kota Rabat Republik Maroko pada tarikh 15-16 Oktober 2008 telah mencadangkan Kalendar *Umm al-Qurā* sebagai salah satu bentuk kalendar yang ideal.<sup>65</sup> Namun Kerajaan Arab Saudi hanya menggunakan kalendar tersebut untuk keperluan pentadbiran serta pengurusan negara sahaja dan bukannya sebagai penentuan kepada hari-hari untuk beribadah seperti bulan Ramadan, hari raya puasa, hari raya korban dan ibadah haji.<sup>66</sup> Masa-masa khas tersebut menjadi kuasa kepada *Majlis al-Qadā al-‘Alā* untuk menetapkan berasaskan kepada rukyatulhilal. Bahkan, pihak majlis tersebut menetapkan ketiga-tiga bulan tersebut berbeza dengan tarikh yang terdapat di dalam Kalendar *Umm al-Qurā*.

Saranan untuk mengikuti ketetapan Arab Saudi sudah pernah diusulkan oleh Hasbi ash-Shiddieqy,<sup>67</sup> beliau juga berpendapat bahawa hasil rukyah pada satu tempat boleh dirujuk oleh mana-mana negara.<sup>68</sup> Tujuannya adalah untuk menyatukan umat Islam terhadap pelaksanaan puasa Ramadan dan hari raya. Namun, saranan tersebut ditolak oleh pakar falak pada masa tersebut, kerana dianggap bercanggah dengan kaedah falak dan hisab moden.<sup>69</sup>

Wahbah al-Zuhaylī mengatakan bahawa perbezaan waktu malam antara negara-negara Islam di seluruh dunia sekitar sembilan jam, maka sangat disarankan negara-

<sup>65</sup> Keputusan dan Rekomendasi Temu Pakar II Untuk Pengkajian Kalendar Islam, Rabat 15-16 Oktober 2008, dalam Syamsul Anwar, *Hisab Bulan Kamariah: Tinjauan Syar'i tentang Penetapan Awal Ramadan Syawwal dan Dzulhijja* (Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2012 M/1433 H), 145-153

<sup>66</sup> Mulai tarikh 1 Oktober 2016 Kerajaan Arab Saudi tidak lagi menggunakan kalendar hijrah dalam pentadbiran negara, tetapi menggunakan Kalendar Masih.

<sup>67</sup> Hasbi ash-Shiddieqy, "Perbedaan Mathla' Tidak Mengharuskan Berlainan Hari Memulai Puasa," *Suara Muhammadiyah* No.9, May 1972.

<sup>68</sup> T. M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Pedoman Puasa* (Jakarta: Bulan Bintang, 1967), 51

<sup>69</sup> Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU*, 89-90. Susiknan Azhari, *Pembaharuan Pemikiran Hisab di Indonesia*, 15

negara Islam untuk melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan hari raya dalam masa yang sama, dan dengan menjadikan keberhasilan rukyah di suatu tempat dapat dijadikan panduan kepada negara-negara Islam lainnya.

Konsep yang dibawa oleh Wahbah al-Zuhaylī tersebut berkemungkinan membolehkan Indonesia dan negara-negara ASIAN melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya secara bersama dengan negara-negara di Timur Tengah termasuk Kerajaan Arab Saudi. Tetapi, Wahbah al-Zuhaylī tidak memberikan autoriti khusus kepada Arab Saudi dan menjadi kewajipan untuk mengikuti mereka.<sup>70</sup>

Konsep kalender Islam antarabangsa yang diguna pakai, dapat memungkinkan negara-negara ASIAN melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya secara bersama dengan Arab Saudi. Seperti Kalendar tiga zon Mohammad Ilyas iaitu zon timur (Asia – Pasifik-Australia) zon tengah (Asia – Afrika – Eropah) dan zon Barat (Amerika). Contoh lainnya adalah Universal Hejrah Calendar (UHC) Oleh Komite Mawaqit di Arab Union for Astronomy and Space Science (AUASS) yang merupakan kalendar Bi zon yang membahagikan kepada dua zon iaitu zon Barat (Amerika) dan Timur (Asia, Afrika, Eropah dan Australia).<sup>71</sup>

Kebersamaan dengan Kerajaan Arab Saudi dalam pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya di antara negara-negara ASIAN khasnya Indonesia mungkin terjadi menurut konsep kalender Islam antar bangsa, dan juga bagi mengamalkan konsep *itihād matāli‘*. Hal tersebut bukanlah bermakna memberikan autoriti kepada Kerajaan Arab Saudi sebagai kuasa utama dalam penetapan tarikh awal bagi bulan-bulan tersebut, dan seluruh dunia diharuskan untuk mengikuti keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak Arab Saudi. Akan tetapi, negara-negara Islam boleh

<sup>70</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Beirut: Dār al-Fikr, 2009 M / 1430 H),

<sup>71</sup> Mutoha Arkanuddin, “Hisab Rukyah Awal Bulan Hijriyah”, laman sesawang Rukyah Hilal Indonesia, dicapai 7 Marc 2013, <http://rukyatulhilal.org>, 6-10

melakukan mesyuarat dengan memperhatikan data-data astronomi dan rukyatulhilal, sehingga mereka dapat melaksanakan ibadah puasa dan sambutan hari raya dalam tarikh yang sama.

#### **5.4. Kesimpulan**

Institusi Islam di Aceh dalam melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal menggunakan tiga metode iaitu *hisāb khamāsī*, *ru'yah bi fi'lī*, dan *imkān al-ru'yah*. Sedangkan dalam mengaplikasikan metode tersebut mereka menggunakan konsep *matla'* Abu Makhramah, *matla'* *wilāyah al-hukm* dan sebahagian lain mengikuti keputusan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Dengan menggunakan hadis-hadis tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal, ulasan oleh para ulama dan penggunaan kiraan hisab dengan menjalankan *software* hisab rukyah, maka dilakukan penilaian terhadap metode yang diamalkan oleh setiap institusi Islam di Aceh. Hasilnya adalah:

1. Penggunaan *hisāb khamāsī* oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung tidak berasaskan kepada kefahaman daripada hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal, bahkan proses yang digunakan dalam penentuan tarikh awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah adalah bercanggah dengan Hadis-hadis Nabi SAW.

Hasil kiraan *hisāb khamāsī* adalah tidak benar dan pasti menurut piawaian kriteria masuknya tarikh awal Ramadan, Syawal dan Zulhijah yang telah ditetapkan oleh Kemenag RI. Oleh itu, dari segi data yang digunakan dan hasil kiraan hisab yang didapatkan, maka *hisāb khamāsī* dikelompokkan

sebagai *hisab ‘urfī*. Penggunaan hisab tersebut dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal haruslah dibuktikan melalui rukyatulhilal ataupun kiraan *hisāb haqīqī* kontemporari.

2. Metode *ru’yah bi fi’lī* dan *imkān al-ru’yah* yang diamalkan oleh Dayah al-Madinatuddiniyah dan Mudi Mesra merupakan hasil daripada kefahaman mengenai hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal secara tekstual. Konsep *ru’yah bi fi’lī* yang digunakan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah pula terdapat banyak kelemahan, antaranya adalah menolak segala teori ilmiah dan alatan teknologi terkini dalam proses rukyatulhilal, sehingga mereka mengamalkan konsep *istikmāl* meskipun anak bulan sudah boleh di rukyah. Manakala konsep *imkān al-ru’yah* pula menjadikan sains dan alatan teknologi terkini untuk memudahkan proses rukyatulhilal, sehingga hasil rukyah dapat diperakui baik menurut perspektif sains mahupun dalil agama.
3. Dayah al-Madinatuddiniyah dan MUDI Mesra mempunyai pemikiran yang sama tentang teori *matla’*. Mereka mengamalkan *matla’ lapan* darjah bujur oleh Abu Makhramah. Padahal pengamalan terhadap konsep *matla’ lapan* darjah Abu Makhramah, haruslah diikuti dengan pengakuan terhadap kriteria *imkān al-ru’yah* pada ketinggian anak bulan lapan darjah. Oleh itu, pengamalan terhadap konsep *matla’ lapan* darjah bujur tidak bersesuaian dengan perkembangan sains dan ilmu falak semasa.
4. Indonesia dan negara-negara lainnya di Asia dapat melaksanakan tarikh puasa Ramadan dan hari raya secara bersama dengan ketetapan Arab Saudi menurut konsep kalender Islam antar bangsa, akan tetapi bukan bermakna bahawa autoriti penetapan tarikh awal bulan hijrah tersebut berada dalam kuasa mereka. Dalil agama yang berasal daripada al-Qur'an dan hadis yang dijadikan sebagai

satu hujah untuk memberikan autoriti kepada Kerajaan Arab Saudi, tidak mempunyai asas, kerana tidak disokong oleh pakar tafsir yang muktabar dalam kitab-kitab mereka. Amalan tersebut juga tidak disokong oleh kajian ilmiah tentang konsep *matla'*, terutama konsep *matla'* yang bertujuan pembuatan kalender Islam antar bangsa.

5. Institusi-institusi Islam di Aceh tidak menggunakan pendekatan sains dalam memahami hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal. Pemahaman yang mereka lakukan terhadap hadis tersebut hanya dengan menggunakan pendekatan bahasa dan fikah klasik sahaja, padahal memahami hadis tersebut dengan pendekatan sains moden haruslah dilakukan, meskipun kefahaman tekstual bahasa dan normatif tetap dipertahankan.

Kefahaman dalil-dalil agama haruslah bertujuan kepada seluruh umat Islam atau universal, sikap fanatik terhadap kelompok dan mazhab haruslah ditinggalkan. Oleh itu, kefahaman terhadap hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal haruslah dilakukan dengan pendekatan yang relevan dan semasa, sehingga kefahaman dan keterangan yang dihasilkan dapat diamalkan pada masa kini dan bermanfaat kepada seluruh umat Islam.

## BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN

### 6.0. Pengenalan

Huraian dan analisis yang dilakukan secara mendalam berdasarkan kepada bekalan data yang diterima, serta kaedah penyelidikan ilmiah yang dilakukan adalah merupakan satu wahana dalam merungkap jawapan terhadap objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji. Oleh itu, fokus pada huraian bab ini adalah dengan menyatakan kesimpulan daripada hasil penemuan kajian terhadap objektif yang telah dinyatakan pada awal kajian, serta dapat merumuskan dan mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan kajian penyelidik iaitu penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Institusi Islam di Aceh menurut Hadis Nabi SAW.

### 6.2. Rumusan Kajian

Rumusan daripada hasil kajian ini yang telah dilakukan adalah:

#### 6.2.1. Menganalisis Hadis-hadis Penentuan Awal Ramadan dan Syawal dalam *al-Kutub al-Sittah*

Hasil daripada *takhrīj hadīth* yang telah dilakukan baik secara lafaz ataupun *mawdū‘*, ditemukan beberapa bentuk daripada *matan* hadis tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal yang dapat dikelompokkan kepada dua tajuk utama. Pertama, hadis tentang metode penentuan awal Ramadan dan Syawal yang terdiri daripada hadis kaedah rukyatulhilal. Hadis-hadis kaedah rukyah memiliki beberapa bentuk lafaz iaitu hadis

memerintahkan dan melarang melaksanakan puasa Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri sebelum melaksanakan rukyatulhilal dan hadis *istikmāl*. Hadis-hadis tersebut sebahagian besar bersumberkan daripada Ibn ‘Umar, Abū Hurayrah, Ibn ‘Abbās. Manakala matan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar mempunyai lafaz yang sema.

Kedua, hadis hisab awal bulan hijrah yang diriwayatkan hanya oleh Ibn ‘Umar sahaja. Hadis hisab awal bulan hijrah dijadikan sebagai dalil bagi kalangan penyokong mazhab rukyah sebagai asas larangan penggunaan hisab dalam penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal. Sedangkan bagi pihak penyokong kaedah hisab, menjadikan hadis hisab awal bulan hijrah sebagai ‘illah (sebab hukum) yang membolehkan untuk menggunakan hisab sebagai pengganti rukyatulhilal.

Ketiga, hadis tentang jumlah hari bulan hijrah 29 dan 30 hari. Hadis tersebut terdapat dua puluh sanad dalam *al-kutub al-sittah*, semuanya bersumber daripada lima orang sahabat Nabi SAW iaitu Ibn ‘Umar (W 73 H), ‘Abd Allāh bin Mas’ūd (W.32 H), Sa‘ad bin Abī Waqqāṣ (W 55 H), Ibn Abbās dan Abū Hurayrah. Ibn ‘Umar merupakan perawi terbanyak iaitu sepuluh hadis, Sa‘ad bin Abī Waqqāṣ meriwayatkan tujuh hadis, sedangkan Ibn Mas’ūd, Abū Hurairah dan Ibn Abbās masing-masing meriwayatkan satu hadis.

Keempat, hadis kesaksian rukyatulhilal, yang terdiri daripada hadith kesaksian seorang saksi dalam kesaksian rukyatulhilal bulan Ramadan, dua saksi dan banyak saksi untuk kesaksian rukyatulhilal bulan Ramadan dan Syawal. Hadis kesaksian seorang saksi rukyatulhilal bulan Ramadan diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās terjadi perbezaan di antara ulama tentang kualiti serta pemahamannya. Hadis tersebut dijadikan hujah oleh kalangan Mazhab Shāfi’ī meskipun majoriti ulama mengatakan hadis tersebut adalah *mursal*.

Analisis hadis kesaksian rukyatulhilal menggunakan konsep *bayinah* dapat dibuat kesimpulan bahawa kesaksian rukyatulhilal bukanlah metode yang kekal dalam penetapan kemunculan anak bulan, tetapi metode tersebut dapat digantikan dengan kiraan hisab moden. Hal tersebut kerana melihat anak bulan boleh mendatangkan kesilapan disebabkan melihat anak bulan adalah perkara rumit, oleh itu kiraan hisab dapat membatalkan hasil rukyah kerana hisab lebih pasti (*qat'i*) dan rukyah boleh diragukan (*zann*).

Kelima, hadis *maṭla'* anak bulan yang hanya diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas. Hadis tersebut dijadikan sebagai hujah oleh kalangan Mazhab al-Shāfi'i dalam konsep *ikhtilāf al-maṭāli'*. Majoriti ulama memasukkan hadis tersebut kepada kesaksian rukyatulhilal, bukan *maṭla'*, sehingga mereka berpedoman kepada hadis rukyatulhilal yang bersifat umum yang menghasilkan konsep *al-ittiḥād al-maṭāli'*. Dalil daripada hadis dan al-Qur'an tidak memberikan batasan secara kuantiti *ikhtilāf al-maṭāli'* dalam rukyatulhilal, oleh itu pemahaman hadis *maṭla'* anak bulan harus difahami dengan bantuan ilmu falak dan astronomi moden.

Keenam, hadis larangan berpuasa pada bulan Ramadan pada hari yang diragukan. Kelima, hadis yang memerintahkan kepada umat Islam untuk berpuasa secara berjemaah. Hadis-hadis tersebut memberikan peranan kepada hakim atau pemimpin untuk melakukan penetapan awal Ramadan dan Syawal, sehingga penetapan tersebut mempunyai kekuatan hukum dan umat Islam dapat melakukan puasa Ramadan dan hari raya secara berjemaah. Oleh itu lahirlah konsep *maṭla' wilāyah al-hukm* yang kini dirujuki oleh negara-negara Islam dalam memberikan fatwa tentang penetapan awal Ramadan dan Syawal.

Kefahaman terhadap hadis-hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh para ulama terbahagi kepada dua iaitu kefahaman secara tekstual dan kontekstual. Kefahaman

secara tekstual menjadikan rukyatulhilal sebagai satu ibadah sehingga metode tersebut haruslah diterima secara *ta‘abudī* dan *darurī* dan tidak dapat diubahsuai menurut perkembangan ilmu hisab dan astronomi moden. Pengamalan terhadap model pemahaman tersebut menjadikan mereka berbeza dalam menerima hasil kiraan hisab dalam penentuan awal puasa di bulan Ramadan dan hari raya. Kelompok pertama adalah berpegang kepada *ru’yah bi fi ‘lī* sahaja. Kelompok kedua tetap berpaksikan kepada rukyah tetapi menggunakan kaedah *imkān ru’yah* untuk menerima dan menolak kesaksian rukyatulhilal.

Mereka memberikan beberapa hujah dalam menolak menggunakan kiraan hisab sebagai asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Pertama, tidak ada dalil syariat memerintahkan untuk berpedoman kepada hasil Hisab. Kedua, hasil hisab hanyalah kiraan dan agakan sahaja. Ketiga: Tidak semua orang menguasai ilmu hisab.

Model kefahaman kedua adalah memahami hadis dengan pemahaman kontekstual. Pemahaman ini dilakukan dengan pendekatan *fahm al-hadīth, fiqh*, dan *uṣūl al-fiqh*. Mereka memberikan beberapa hujah dalam membolehkan menggunakan hisab sebagai asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Pertama, dengan menggunakan kaedah *fahm al-hadīth* terutama *asbāb al-wurūd*, mereka membuat kesimpulan bahawa hukum asas dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal dengan menggunakan hisab. Kedua, keadaan sosial masyarakat pada zaman Nabi SAW tidak mendukung untuk menggunakan ilmu hisab. Ketiga, kaedah hisab lebih pasti daripada hasil rukyatulhilal. Keempat, adanya berubahnya hukum penggunaan rukyatulhilal kepada kiraan hisab kerana perubahan *‘illah* (sebab). Kelima, kiraan hisab dapat mewujudkan kalender Islam antar bangsa.

Sikap ulama pakar hisab falak berbeza pendapat dalam menerima kiraan hisab dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal, mereka berbeza pandangan mengenai

sejauh manakah kiraan hisab tersebut boleh digunakan. Kelompok pertama mereka meninggalkan rukyah seluruhnya dan menggantikannya dengan hisab astronomi moden seperti metode *wujūd al-hilāl*. Kelompok kedua menggunakan hisab astronomi moden tetapi berpandukan kepada konsep *hilāl* dalam perspektif rukyah atau dikenali dengan istilah kenampakan anak bulan (*hisāb imkān al-ru'yah*).

#### **6.2.2. Menganalisis Proses Penentuan Awal Ramadan dan Syawal oleh Kementerian Agama Republik Indonesia**

Kemenag RI menggariskan tiga kriteria tibanya tarikh awal Ramadan dan Syawal. Pertama, telah terjadinya *ijtimā'* awal bulan hijrah. Kedua, peristiwa *ijtimā'* terjadi sebelum matahari terbenam (*ijtimā' qabl al-ghurūb*) pada akhir daripada tarikh bulan hijrah. Ketiga, kedudukan anak bulan telah berada di atas ufuk selepas matahari terbenam dalam keadaan *imkān al-ru'yah*. Ketiga-tiga kriteria di atas haruslah terpenuhi dalam satu masa, apabila salah satu kriteria tidak terpenuhi, maka digunakan metode *istikmāl* iaitu menyempurnakan hari bulan menjadi 30 hari.

Adapun kriteria *imkān al-ru'yah* yang digunakan oleh Kemenag RI adalah pada waktu matahari terbenam ketinggian anak bulan di atas ufuk paling rendah 2 darjah dan sudut *elogasi* (jarak lengkung) bulan dengan matahari minimum 3 darjah atau semasa anak bulan terbenam, umur anak bulan minimum 8 jam dikira sejak terjadinya *ijtimā'*.

Terdapat beberapa langkah yang dilakukan oleh Kemenag RI dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Pertama, melakukan kiraan hisab dengan menggunakan kiraan *hisāb haqiqī* kontemporari. Kedua, melakukan rukyah di seluruh wilayah Indonesia. Ketiga isbat kesaksian rukyatulhilal oleh mahkamah syariat atau pengadilan agama pada tempat rukyah dilaksanakan. Keempat, Sidang Isbat untuk menetapkan awal

Ramadan dan Syawal yang diikuti oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI), Institusi Islam, pakar hisab dan astronomi daripada universiti dan masyarakat awam. Sidang Isbat tersebut diketuai oleh Menteri Agama RI yang bertempat di Jakarta.

Dalam menjalankan kriteria tersebut, Kemenag RI menjadikan hasil rukyah sebagai asas dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal. Sedangkan kiraan hisab digunakan untuk mengira kedudukan anak bulan, sehingga laporan keberhasilan rukyatulhilal pada kedudukan anak bulan yang belum pada darjah *imkān al-ru'yah* ditolak, meskipun kesaksian tersebut telah disahkan oleh pengadilan agama atau mahkamah syariah tempatan. Kajian dokumentasi terhadap hasil Sidang Isbat dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal yang bermula pada tahun 1430 sampai 1436 H, Kementerian Agama RI telah menolak kesaksian rukyatulhilal pada Syawal 1432 dan Ramadan 1433.

Konsep *imkān al-ru'yah* yang diamalkan oleh Kemenag RI menjadi perbincangan dalam kalangan pakar hisab dan astronomi. Mereka berpendapat bahawa kriteria tersebut masih belum memenuhi kriteria kenampakan anak bulan dalam teori astronomi moden, sehingga banyak pakar yang meragukan kebenaran hasil rukyatulhilal Kemenag RI.

Analisis terhadap isbat penetapan kebenaran kesaksian yang telah dilakukan, Kemenag RI telah menerima banyak saksi dari pelbagai tempat pada keadaan anak bulan yang diragukan oleh pakar astronomi. Oleh itu, pihak Kemenag RI perlu menambah beberapa alatan lain seperti alatan teknologi baru yang dapat merakam anak bulan yang telah berjaya untuk dilihat, sehingga pembuktian tersebut dapat diajukan dalam Sidang Isbat. Walhal, hasil Sidang Isbat oleh Kemenag RI sesuai dengan perintah dalil syariat dan diterima oleh para pakar hisab dan astronomi.

Autoriti keputusan adalah berpihak kepada Kemenag RI dalam penetapan tarikh awal Ramadan dan Syawal di Indonesia. Autoriti tersebut diberikan melalui Undang-Undang dan juga fatwa MUI. Namun, dalam konteks Negara Indonesia, autoriti tersebut bukanlah mutlak berlaku, kerana umat Islam di Indonesia diberikan kebebasan untuk membuat pemilihan berdasarkan kesesuaian autoriti sosial mengikut keyakinan dan pemikiran masing-masing.

### **6.2.3. Mengenal Pasti Proses Yang Dijalankan Oleh Institusi Islam Di Aceh Dalam Penentuan Awal Ramadan dan Syawal**

Terdapat tiga institusi di Aceh selain daripada Kemenag RI yang melakukan penentuan awal Ramadan dan Syawal, iaitu Tarekat Syattariyah Abu Peulekung, Dayah Al-Madinatuddiniyah, Dayah MUDI Mesra dan institusi Masjid yang mengikuti hasil ketetapan Kerajaan Arab Saudi. Institusi-institusi tersebut menggunakan metode yang berbeza dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Tarekat Syattariyah Abu Peulekung menggunakan kaedah kiraan *hisāb khamāṣī* iaitu kaedah hisab dengan kiraan gandaan lima. Mereka mengharamkan untuk memulakan puasa Ramadan dan sambutan hari raya Aidiladha pada hari Rabu dan Jumaat. Oleh itu, sekiranya tarikh tersebut berlaku pada tarikh yang diharamkan, maka pemilihan dilakukan berdasarkan kepada dua bentuk iaitu diawalkan sehari pada tarikh yang diharamkan (*buleun tren*) ataupun dilewatkan sehari (*buleun ek*). Kaedah *buleun ek* dan *buleun tren* digunakan secara bergantian dalam masa lima tahun. Manakala, penetapan awal Syawal dengan memenuhi bilangan hari dalam bulan Ramadan iaitu 30 hari, dan hari selepasnya merupakan tarikh satu Syawal.

Penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung adalah awal sehari mahupun dua hari lebih berbanding dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh Kemenag RI. Hal ini adalah berkaitan dengan metode yang menjadi amalan mereka dan doktrin tarekat yang mereka yakini, serta tiada akuan mereka terhadap autoriti Kemenag RI.

Dayah Al-Madinatuddiyah menggunakan *ru'yah hilāl bi al-fī'lī* dengan menggunakan *maṭla'* lapan darjah bujur Abu Makhramah tanpa menggunakan kiraan *imkān al-ru'yah*. Dayah Al-Madinatuddiyah menolak hasil penetapan awal Ramadan dan Syawal Kemenag RI disebabkan kerana Kemenag RI tidak mengamalkan kaedah *maṭla'* yang *rājih*. Konsep *maṭla'* yang digunakan oleh Kemenag RI tidak mempunyai asas daripada konsep *maṭla'* dalam Mazhab al-Shafi'i dan juga majoriti ulama mazhab lainnya.

Sedangkan Dayah MUDI Mesra juga mempunyai pendapat yang sejalan dengan Dayah Al-Madinatuddiyah. Akan tetapi, mereka meninggalkan pendapat tersebut dan berpegang kepada kaedah Kemenag RI dengan alasan adanya *hukm al-hākim* dan untuk menyatukan umat Islam di Indonesia.

Berbeza bagi institusi yang berpandukan kepada hasil ketetapan Kerajaan Arab Saudi, mereka meyakini bahawa penentuan awal Ramadan dan Syawal berada pada autoriti Kerajaan Arab Saudi. Hal ini adalah disebabkan kedudukan negara tersebut yang memiliki Masjid al-Haram dan Makkah yang merupakan tunjang kiblat kepada umat Islam seluruh dunia. Oleh itu, penetapan tarikh awal hijrah haruslah bermula daripada tempat tersebut.

#### **6.2.4. Melakukan Penilaian Terhadap Metode-Metode Penentuan Awal**

##### **Ramadan dan Syawal Oleh Institusi Islam Di Aceh**

Hasil daripada penilaian terhadap metode yang digunakan oleh Institusi Islam di Aceh dapat disimpulkan bahawa kiraan *hisāb khamāsī* yang digunakan oleh Tarekat Syattariyah Abu Peulekung tidak bersumberkan daripada kefahaman terhadap hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal, bahkan amalan-amalan mereka dalam mengaplikasikan hisab tersebut bercanggah dengan hadis Nabi SAW. Setelah dilakukan penilaian keabsahan terhadap hasil kiraan hisab tersebut, maka kiraan *hisāb khamāsī* termasuk kepada *hisāb ‘urfī*.

Analisis terhadap literatur-literatur yang menjelaskan *hisāb khamāsī* dapat disimpulkan bahawa, amalan kiraan tersebut bersumber daripada Syiah Imāmiyah dan Ismā‘īliyah. Amalan terhadap *hisāb khamāsī* oleh sebahagian penganut Syiah tidak digunakan sebagai pengganti daripada kaedah rukyatulhilal, tetapi digunakan ketika rukyatulhilal tidak dapat dilakukan secara berterusan. Oleh itu, penggunaan *hisāb khamāsī* dan meninggalkan amalan rukyatulhilal sebagaimana yang diamalkan oleh penganut Tarekat Syatariyah Abu Peulekung tidak bersumberkan kepada kaedah pengamalan yang sebenarnya.

Sedangkan metode *ru’yah bi al-fī’lī* dengan menggunakan konsep *matla’ lapan* darjah Abu Makhramah yang diamalkan oleh Dayah Al-Madinatuddiniyah bersumberkan daripada kefahaman hadis Nabi SAW secara textual. Namun kefahaman mereka terhadap hadis penentuan awal Ramadan dan Syawal bersumberkan kitab-kitab fiqah klasik bukannya daripada teori-teori ilmiah semasa. Oleh itu, metode yang mereka gunakan tidak seiring dengan kaedah pendekatan sains dalam memahami hadis Nabi SAW.

Penggunaan terhadap konsep *maṭla'* lapan darjah Abu Makhramah tanpa adanya *hukm al-hākim* dapat memberikan keraguan terhadap hasil isbaṭ kesaksian rukyatulhilal. Maklumat tentang penetapan awal Ramadan dan Syawal tidak dapat memberikan keyakinan yang pasti kerana maklumat tersebut disampaikan dengan jalan yang tidak *mutawātir*.

Sedangkan konsep *imkān al-ru'yah* dalam *maṭla'* *wilāyah al-hukm* yang diamalkan oleh Dayah Mudi Mesra sejalan dengan konsep yang diamalkan oleh Kemenag RI. Namun konsep tersebut tidak meyakinkan seluruh umat Islam di Indonesia kerana kenampakan anak bulan di seluruh wilayah Indonesia berbeza-beza.

Pendapat yang mengharuskan berpedoman kepada Kerajaan Arab Saudi dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal telah diusulkan oleh beberapa pakar, terutama yang menggunakan *itihāt al-maṭāli'*. Namun pemikiran tersebut telah dibantahi oleh pakar hisab falak moden. Akan tetapi, dalam konsep pembuatan kalendar antarabangsa memberikan peluang kepada Negara-negara ASEAN untuk dapat melakukan puasa Ramadan dan hari raya bersamaan dengan Kerajaan Arab Saudi. Namun demikian, ini bukan bermakna bahawa autoriti penetapan awal bulan hijrah tersebut berada dalam kuasa mereka. Dalil agama yang berasal dari al-Qur'an dan hadis yang dijadikan sebagai hujah untuk memberikan autoriti kepada Kerajaan Arab Saudi, tidak mempunyai asas yang kuat daripada pakar tafsir yang muktabar dalam kitab-kitab mereka.

### **6.3. Cadangan dan Saranan**

Berdasarkan hasil penemuan penyelidikan ini, maka beberapa cadangan kepada kajian selanjutnya serta saranan dalam tujuan penyatuan awal puasa Ramadan dan hari raya di Aceh khasnya dan umat Islam secara umum, dapat diutarakan seperti di bawah.

### **6.3.1. Cadangan Penyelidikan lanjutan baik secara teori ataupun praktikal**

Kesimpulan hasil penyelidikan yang dihasilkan masih sangat terbuka untuk dikaji ulang serta dikritik, kerana kajian ini masih mengandungi beberapa keterbatasan dari segi teori maupun metodologi.

Hadis-hadis yang dianalisis dalam penyelidikan ini hanya hadis-hadis teori tentang penentuan awal Ramadan dan Syawal dalam *al-kutub al-sittah*. Penyelidikan lanjutan hendaknya perlu menemukan dan menganalisis hadis-hadis yang bersifat praktikal seperti realiti perbezaan pelaksanaan awal puasa Ramadan dan hari raya pada zaman Nabi SAW dan zaman Sahabat dengan menggunakan kitab-kitab hadis selain daripada *al-kutub al-sittah*.

Penilaian terhadap metode yang digunakan oleh institusi Islam hanyalah berasaskan kepada hadis dan kriteria awal bulan hijrah Kemenag RI. Oleh itu, penyelidikan kepada pendekatan dan perspektif lain perlu untuk dilakukan seperti sejarah, ilmu falak, sosiologi, antropologi dan hukum Islam terutama dalam ruang lingkup kajian lapangan yang lebih luas.

Kajian terhadap bentuk kefahaman dan penilaian terhadap hadis-hadis yang berhubungan dengan sains perlu dikaji kembali, sama ada secara pemerhatian dan teori, terutama dalam menyatukan hubungan antara hadis dan sains. Sehingga hadis-hadis dapat diberikan syarahan secara benar menurut ilmu hadis dan tidak bercanggah dengan teori-teori ilmiah semasa.

### **6.3.2. Saran kepada Institusi Islam di Aceh**

Institusi Islam di Aceh hendaklah mengikuti seluruh perkembangan kajian dalam hisab dan rukyatulhilal terkini, terutama yang dikembangkan oleh BHR Kemenag RI, sehingga pengetahuan tersebut dapat bermanfaat dalam memberikan fatwa penetapan awal Ramadan dan Syawal.

Pengarah dan ahli daripada institusi Islam di Aceh hendaklah mengikuti hasil keputusan Kemenag RI dalam menetapkan awal Ramadan dan Syawal kerana keputusan tersebut dapat mendatangkan manfaat yang besar untuk umat Islam di Indonesia dan umat Islam lainnya secara umum. Contohnya terbinanya ukhuwah antar masyarakat, menambah kekhusukan dalam beribadah dan syiar Islam.

### **6.3.3. Kementerian Agama RI**

Kemenag RI hendaklah memberikan pembelajaran kepada institusi Islam dan masyarakat Aceh dalam penetapan awal Ramadan dan Syawal. Pembelajaran tersebut boleh diberikan dengan memasukkan kepada kurikulum ilmu hadis serta ilmu falak pada institusi-institusi pendidikan Islam, dan dapat juga dilakukan secara tidak formal seperti ceramah-ceramah agama.

Kemenag RI hendaklah juga melakukan kajian akademik dan pemerhatian kembali terhadap metode yang selama ini digunakan terutama terhadap konsep *imkān al-ru'yah*, dan *maṭla' wilāyah al-hukm*, sehingga dengan kajian tersebut dapat mewujudkan penyatuan umat Islam dalam menetapkan awal Ramadan dan Syawal. Kajian yang dilakukan mesti mengambil kira keadaan sosial masyarakat, politik serta kemaslahatan umat Islam seluruhnya.

#### **6.3.4. Saran Kepada Kerajaan Aceh**

Kerajaan Aceh dan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh (MPU) hendaknya memberikan masukkan terhadap perkembangan kajian-kajian ilmu keagamaan terutama ilmu hadis terhadap institusi-institusi dayah tradisional di Aceh. Sehingga Kajian-kajian ilmu agama tidak hanya terfokus kepada kitab kuning fiqah klasik sahaja, tetapi juga kitab-kitab tulisan ulama moden dan kontemporari.

#### **6.3.5. Saran kepada Umat Islam**

Umat Islam di Aceh haruslah mengenal secara pasti institusi-institusi Islam yang mempunyai metode yang baik serta kepakaran dalam hisab dan rukyah awal bulan hijrah. Namun, sebaiknya pelaksanaan ibadah puasa Ramadan dan hari raya Syawal berdasarkan kepada hasil keputusan Kemenag RI.

Umat Islam secara umum hendaklah mewujudkan satu usaha kepada penyatuan umat Islam sedunia dalam mewujudkan sebuah kalendar Islam secara antarabangsa, di samping sokongan yang padu oleh semua pihak terutama bagi golongan berpengaruh seperti ahli politik bagi menjayakan penyatuan ini.

### **6.4. Penutup**

Terdapat tiga model penentuan awal Ramadan dan Syawal oleh institusi Islam di Aceh iaitu mengikuti hasil penetapan yang dikeluarkan oleh Kemenag RI dalam Sidang Isbat, melakukan penetapan dengan menggunakan metode sendiri dan mengikuti penetapan daripada pihak Kerajaan Arab Saudi. Kesemua proses isbat tersebut melalui kitaran kriteria dan dalil yang berbeza, sama ada yang berasaskan kepada dalil agama yang benar

ataupun tidak. Oleh itu, ketegasan dari aspek sikap amatlah diperlukan oleh semua pihak terutamanya Majelis Permusyawaratan ulama (MPU) Aceh, Kerajaan Aceh serta Kemenag RI dalam memberikan kefahaman dan pendidikan kepada semua institusi Islam di Indonesia dalam mewujudkan kesepakatan dalam melaksanakan dan menetapkan tarikh awal ibadah puasa Ramadan dan sambutan hari raya Aidilfitri secara seragam.

Kemenag RI tidak hanya memberikan hujah dalam penetapan tarikh awal puasa pada bulan Ramadan dan sambutan hari raya dari perspektif syariah sahaja, tetapi juga melakukan kajian secara akademik dan empirikal terhadap kriteria yang digunakan dan merangka kanun yang dapat menyokong penetapan tarikh awal bagi bulan Ramadan dan Syawal di Indonesia.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwanī, *Hāwashi Tuhfah al-Muḥtaj bi Sharḥ al-Minhāj*, Mesir:  
Muṣṭafā Muḥammad, t.t.
- ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*,  
Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006 M / 1428 H.
- ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Muflīh al-Ḥanbali, *Al-Mubdi‘ Sharḥ Muqni‘*, Beirut: Dār  
al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1998 M / 1418 H.
- ‘Abd al-Raḥmān al-Ṣufūrī al-Shāfi‘ī, *Nazhah al-Majālis wa Muntakhib al-Nafā’is*, t.tp:  
t.p, t.t.
- ‘Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Hanbalī, *Aḥkām al-Ikhtilāf fī Ru'yah Hilāl  
Dhilhijjah*, Makkah al-Mukarramah: Dār ‘Ālam al-Fawā'id, 1422 H.
- ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Husayn bin ‘Umar, *Bughyah al-Mustarshidīn*,  
Beirut: Dār al-Fikr, 1994 M / 1414 H.
- Abdul Aziz Dahlan, "Kalender Kamariah," dalam *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: PT.  
Ichtiar Baru Van Hoeva, 1997.
- Abdul Mustaqim, *Ilmu Ma'anil Hadith: Paradigma Interkoneksi berbagai Teori dan  
Metode Memahami Hadith Nabi*, Yogyakarta: IDEA Press, 2008.
- Abdullah Ibrahim, "Pandangan Ulama Dayah Terhadap Metode Rukyatulhilal"  
(Makalah, Bimbingan Teknik Rukyatulhilal Awal Ramadan dan Syawal, Dinas  
Syariat Islam Aceh Barat 10 Disember/17 Safar 1436 H.)

Abd Wahāb al-Khallaf, *'Ilm Usūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2002.

Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazunayn, *Sunan Ibn Mājah*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.

Abī 'Abd Raḥmān bin Shu‘ayb bin ‘Alī, *Sunan al-Nasā'ī*, Riyāḍ: Dār al-Ma‘ārif, t.t.

Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardi, *Al-Hāwī al-Kabīr fi Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994 M / 1414 H.

Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Khalf bin ‘Abd al-Mālik, *Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī li ibn Baṭṭāl*, Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, t.t.

Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Ḥaqq al-‘Aḍīm Ābādī, *Awn al-Ma‘būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd*, Madinah: Muḥammad ‘Abd al-Husayn, 1967 M/1388 H.

Abī Bakr ‘Abd al-Razzaq bin Ḥammām al-San‘ānī, *al-Muṣannaf*, Beirut: Maktabah al-Islāmī, 1972 M/1391 H.

Abī Bakr Aḥmad bin al-Husayn bin ‘Alī al-Bayhaqī, *Al-Sunan al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003 M / 1424 H.

Abī Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzi al-Jaṣṣāṣ, *Aḥkam al-Qur'ān*, Beirut: Dār Aḥyā' al-Tūrath al-‘Arabī, 1992 M/ 1412 H.

Abī Dawūd Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.

Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Muṣṭaṣfā fi ‘Ilm al-Usūl*, Mesir: al-Āmiriyah, 1324 H.

Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Aḥmad al-Wāḥidī al-Naysābūrī, *Asbāb al-Wurūd*, Mesir:

Mu'assasah al-Ḥalabi wa Shirkah li al-Naṣr, t.t.

Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Aynī, *Al-Bināyah fī Sharḥ al-Hidāyah*, Beirut:

Dār al-Fikr, 1990 M / 1411 H.

Abī Zakariyya Muḥyī al-Dīn bin Sharf al-Nawāwī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-*

*Muhadhdhab li al-Shayrazī*, Riyāḍ: Maktabah al-Irshād, t.t.

Abū al-‘Ulā Muḥammad ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Rahīm al-Mubarakfūrī, *Tuhfah al-*

*Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī*, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyah, t.t.

Abī al-Walīd Sulaymān bin Khalf bin Sa‘ad bin Ayyūb al-Bājī, *Al-Muntaqā Syarḥ*

*Muwata’ Mālik*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999 M / 1420 H.

Abū Bakr ‘Uthmān bin Muḥammad Shaṭṭā al-Dimyāṭī al-Shaffī‘i, *I‘ānah al-Tālibīn ‘alā*

*Ḥāl Alfāz Fatḥ al-Mu‘īn*, Beirut: Dār al-Fikr, 1997 M/1418 H.

Abū Ja‘far Muḥammad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al-Ṭūsī, *Al-Mabsūt fī Fiqh al-Imāmiyah*

Beirut: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.

Abū Muḥammad Abd al-Mahdī bin Abd al-Qadīr bin Abd al-Hādī, *Metode Takhrij*

*Hadith*, terj. S. Aqil Husin Munawwar dan Ahmad Rifqi Muchtar, Semarang:

Toha Putra Group, 1994.

Agus Purwanto, “Purnama: Parameter Baru Penentuan Awal Bulan Qamariyah”. dalam

*Prosiding Seminar Nasional Hilal 2009: Mencari Solusi Kriteria Visibilitas*

*Hilal 2009 dan Penyatuan Kalender Islam dalam Perspektif Sains dan Syariah*,

ed. B. Dermawan, N. Sopwan dan M. Raharto, Bandung: Kelompok Keilmuan

Astronomi dan Observatorium Bosscha, FMIPA-ITP, 2009.

Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997 M/1418 H.

Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, t.t.

Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Īṣābah fi Tamyīz al-Ṣaḥābah*, Beirut: Dār al-Jīl, 1992 M / 1412 H.

Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥānbāl, *Al-Muṣnād*, Mesir: Dār al-Ḥadīth, 1995 M / 1416 H.

Aḥmad bin Muḥammad bin Qudamah, *Al-Kāfi*, t.tp: Dar Hadr, 1998 M / 1417 H.

Aḥmad bin Muḥammad bin Qudamah, *Al-Mughnī*, Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997 M / 1417 H.

Aḥmad Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatāwā*, Madinah: Mujamma‘ al-Malik Fahd, 2004 M / 1425 H.

Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Mesir: al-Bāb al-Halabī, 1946.

Aḥmad Shākir, *Awā'il al-Shahr al-‘Arabiyyah*, t.tp: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1939 M / 1358 H.

Ahmad Wahidi, "Menyatukan Penentuan 1 Ramadhan, Syawal dan Dzulhijjah Di Indonesia," *Jurisdictie, Jurnal Hukum dan Syariah*, Vol, 2, No. 2, (Disember 2011).

Ali Abdul Razaq, *Islam dan Dasar Pemerintahan: Sebuah Kajian tentang Kedudukan Khalifah dan Kerajaan Islam*, terj. Al Mustaqeem Mahmod Radhi dan Farhan Afendi, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), 2000.

Ali Akbar, "Kontribusi Teori Ilmiah Terhadap Penafsiran," *Jurnal Ushuluddin* 23, No.1 (Jun 2015).

Ali Imron, "Pemaknaan Hadith-Hadith Hisab-Rukyat Muhammadiyah dan Kontroversi yang Melingkupinya," *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu Al-Qur'an dan Hadis* 15 No.1, (Januari 2014).

Amatullah Armstrong, *Kunci Memasuki Dunia Tasawuf*, terj. M.S. Nashrullah dan Ahmad Baiquni, Bandung: Mizan, 1996.

Amatullah Armstrong, *Sufi Terminology (al-Qamus al-Sufi): The Mystical Language of Islam*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1995

Analiansyah, "Ulil Amri dan Kekuatan Produk Hukumnya (Kajian Terhadap Perspektif Teungku Dayah Salafi Aceh Besar)", *Jurnal Analisa* 21, No. 02, (Disember 2014).

Anshoruddin, *Sidang Penetapan Penyaksian Rukyah Hilal*, Kertas Kerja Orientasi Calon Penitenta Pengganti di Wisma Bahagia Surabaya 29 Julai-5 Ogos 2007.

Atang Abdul Hakim dan Jail Mubarok, *Metodologi Studi Islam*, Bandung: Rosda, 2007.

'Ayid bin Fadghūsh bin Jazā' al-Ḥārithī, *Ikhtiyarāt Shaykh al-Islām Ibn Taymiyah al-Fiqhīyyah*, Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbayliyyā, 2007 M / 1429 H.

Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Aynī, ‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ  
*al-Bukhārī*, Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001 M / 1421 H.

Chuan Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill, 2006.

Damanhuri, “‘Umdah al-Muhtājīn Rujukan Tarekat Syattariyah Nusantara”, *Jurnal Studi Keislaman Ulumuna*, Vol. 17, No. 2 (Disember 2013).

Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Kemenag RI, *Almanak Hisab Rukyah*, Jakarta: Kemenag RI, 2010.

Enakmen Undang-Undang Pengadilan Agama dan Mahkamah Syariah, No. 3 tahun 2006 (Pasal No.52A).

Enakmen Undang-undang tentang Pengadilan Agama dan Mahkamah Syariah Republik Indonesia (Pasal 52A No. 3, 2006).

Fahad bin Nāṣir Ibrāhīm al-Sulaymān, *Majmu‘ Fatāwā wa rasā’ il Faḍīlah al-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ al-‘Uṣhaymīn*, Riyāḍ: Dār Thurayyā, 2003 M / 1423 H.

Faisal Ahmad Shah dan Jawiah Dakir, "Pendekatan Tekstual dalam Memahami Hadis Nabi SAW: Satu Analisis," dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Ishak Sulaiman dan Faisal Ahmad Shah Fauzi Deraman, Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011.

Farid Ruskanda, *100 Masalah Hisab & Rukyah Telaah Syariah, Sains dan Teknologi*, Jakarta: Gema Insani, 2005.

Fatchur Rahman, *Ikhtishar Mushthalahul Hadith*, Bandung: PT Alma'arif, 1974.

Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arabī*. Mesir: Dār al-Ma‘ārif, t.t.

Habibullah Bahmi, "Menggugat Nalar Fiqh Pesantren," *Al-Ahkam* 6 No.2 (2011).

Habiburrahman, "Ithbat dan Aplikasinya dalam Pelaksanaan Ibadah, makalah, Seminar Penyatuan Awal Waktu Shalat Shubuh, Peringkat Antar bangsa, Fakulti Syariah dan Hukum Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, 15 Mei 2013.

Hasbi ash-Shiddieqy, "Perbedaan Mathla' Tidak Mengharuskan Berlainan Hari Memulai Puasa," *Suara Muhammadiyah* No.9, May 1972.

Hasna Tuddar Putri, "Pemikiran Syeikh Abbas Kutakarang tentang Hisab Penentuan Awal Bulan Hijrah", Disertasi Master, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang Indonesia, 2013.

Ibn Ḥajar al-Haytami, *Hawāshī Tuhfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj*, Mesir: Muṣṭafā Muḥammad, t.t.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqītīn 'an Rabb al-'Ālamīn*, Mesir: Dār al-Ḥadīth, 2006 M / 1427 H.

Ibrāhīm Ta al-Qaysī dan Ḥamdī Muḥammad Murād ‘Alī Ḥasan ‘Alī al-Ḥalabī, *Mawsū‘ah al-Ahādīth wa al-Aثار al-Dā’ifah wa al-Mawdū‘ah*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, 1999 M / 1419 H.

Ichтиjanto, *Almanak Hisab Rukyah*, Jakarta: Bulan Bintang, 1981.

Ijtimak Majlis Ulama Indonesia ke IV pada 29 Jun 2012 di Pondok Cipasung Tasikmalaya.

Imron Rosyadi, “Matlak Global dan Regional (Studi tentang Keberlakuan Rukyah Menurut Fikih dan Astronomi”, Makalah, Annual International Conference on Islamic Studies XII (AICIS XII), Peringkat Antar Bangsa, UIN Sunan Ampel Surabaya, 2012.

Ismā‘īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Adīm*, Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000 M/1421 H.

J.A. Utama dan S. Siregar, “Criteria of Hilal Visibility in Indonesia by Using Kaster Model”, *Jurnal Pendidikan Fisika Indonesia* 9 (Julai 2013).

Jahid Sidek, *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.

Jalāl al-Dīn al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn ‘bin Abī Bakr al-Suyūtī, *Tafsīr al-Jalalayn* t.tp: Dār Ibn Kathīr, t.t.

Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi Ma’thūr*, Mesir: Markaz Hijr li Buhūth wa Dirasāt al-‘Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003 M /1424 H.

Jamāl al-Dīn Abī al-Hajjāj Yūsūf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983 M / 1403 H.

Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Rāziq, *Kalender Kamariah Islam Unifikatif*, terj. Syamsul Anwar, Yogyakarta: Itqan Publishing, 2013

Kamāl al-Dīn bin Mūsā al-Dumayrī, *Hayāh al-Hayawān al-Kubrā*, Beirut: Dār Talath, 1992.

K. Miller, *Communication Theories: Perspective, Processes, and Contexts*, 2nd Ed, New York: McGraw-Hill, 2005.

Kementerian Agama RI, *Pertelaan: Konferensi Kementerian, Departemen Jawatan Agama Seluruh Indonesia*, Jakarta: Kementerian Agama, 1950.

Kementerian Agama RI, *Ilmu Falak Praktik*, Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013.

Keputusan Fatwa Majlis Ulama Indonesia tentang Penetapan Awal Ramadan, Syawal, dan Zulhijah, (No. 2 tahun 2004).

Keputusan Mahkamah Agung RI NO: KMA/095/X/2006.

Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Pembentukan Pengurus Badan Hisab dan Rukyah Kementerian Agama (Nombor 56 Tahun 2010).

Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Penetapan Tanggal 1 Syawal 1436 H (Nombor 206, 2015).

Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Penetapan Tanggal 1 Syawal 1434 H (Nombor 152, 2013).

Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadhan 1431 H (Nombor 94, 2010).

Keputusan Menteri Agama RI Tentang Pembentukan Badan Hisab dan Rukyah Departemen Agama, 16 Ogos 1972 (No.77/1972).

Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, 1997.

Kusaeri dan Suprananto, *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*, Yogyakarta: Graha Ilmu, 2012.

Lajnah Falakiyah PBNU, *Pedoman Rukyah dan Hisab Nahdlatul Ulama*, Jakarta: Penerbit Lajnah Falakiyah PBNU, 2006.

Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: Remaja Rosdakarya, 2008.

Lukman Abdul Mutalib dan Wan Abdul Fattah Wan Ismail, “Al-Qarinah: antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina)”, *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 2, (2012).

Maḥmūd al-Taḥān, ‘Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd, Beirut: Dār al-Qur’ān al-Karīm, 1979.

Maḥmūd Taḥān, *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth*, Iskandariyā: Markaz al-Hady li al-Dirāsah, 1415 H.

M. Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh*, Banda Aceh: Nadia Foundation, 2003.

M. Ngalim Purwanto, *Prinsip-prinsip dan Teknik Evaluasi Pengajaran*, Bandung: Remaja Rosdakarya, 2010.

M. Nur Hidayat, Otoritas Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Qamariyah Perspektif Fiqh Siyasah Yusuf Qardhawi, *Jurisdictie, Jurnal Hukum dan Syariah*, Vol. 3, No. 1, (Jun 2012).

M. Qurash Shihab et al., *Ensiklopedia al-Qur'an: Kajian Kosakata*, Jakarta: Lentera Hati, 2007

M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*, Jakarta: Lentera Hati, 2002.

M. Syuhudi Ismail, *Metodologi Penelitian Hadis Nabi*, Jakarta: Bulan Bintang, 2007.

Majlis Tarjih Dan Tajdid PP Muhammadiyya, *Pedoman Hisab Muhammadiyah*, Yogyakarta: Majelis Tarjih dan Tajdid PP Muhammadiyah, 2009.

Maskufa dan Wahyu Widiana, "Titik kritis Penentuan Awal Puasa dan Hari Raya di Indonesia". *Jurnal Ahkam*, Vol. XII, No. 1 (Januari 2012).

Mastuhu, *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren*, Jakarta: INIS, 1994.

Md. Khair Md. Taib, *Takwim Hijriah Khamariah*, Bangi: UKM, 1987.

Mohammad Ilyas, *Sistem Kalendar Islam dari Perspektif Astronomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

Mohammaddin Abdul Niri, et.al, Kesan Penggunaan Hitungan Astronomi dan Alatan Moden dalam Cerapan Hilal di Malaysia: Satu Penelitian, *Jurnal Fiqh*, No. 9 (2012).

Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, "Kenampakan Anak Bulan di Teluk Kemang: Analisis Mengikuti Pandangan Fiqh Oleh Yūsūf al-Qaradāwī dan Perspektif Astronomi," *Jurnal Syariah* 21, No. 1 (2013).

Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, "Penilaian Semula Kriteria Kenampakan anak bulan di Malaysia, Indonesia dan Brunei, Tesis Kedoktoran Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.

Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Mohammad Abdul Niri dan Saadan Man., “Hadith Rukyah dan Hisab Dari Perspektif Astronomi dan Berdasarkan Amalan di Malaysia dan Indonesia”, dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman dan Faisal Ahmad Shah, Kuala Lumpur, APIUM Universiti Malaya, 2011.

Muchtar Ali et al., *Buku Saku Hisab Rukyah*, Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013.

Muchtar Ali et al., *Ephemeris Hisab Rukyah 2014*, Jakarta: Kementerian Agama RI, 2013.

Muchtar Salimi, “Visibilitas Hilal Minimum: Studi Komparatif Antara Kriteria Kementerian Agama RI dan Astronomi, *Jurnal Penelitian Humaniora*, Vo. 6, No. 1 (2005).

Muhammad Bassām Rushd al-Zayn, *al-Mu'jam al-Mufahras li Ma 'āni al-Qur'ān al-'Adīm*, Damshiq: Dār al-Fikr, 1995 M / 1416 H.

Muhammad al-Ghazālī, *Al-Sunnah al-Nabawiyah: Bayna Ahl al-Fiqh wa Ahl al-Hadīth*, Kaherah: Dar al-Shurūq, 1989.

Muhammad 'Alī bin Muhammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*, Riyāḍ: Dār Ibn al-Qayyim, 2005 M / 1426 H.

Muhammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurṭubī, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, Beirut: Dār Ibn Hazm, 2006 M / 1427.

Muhammad bin Ibrāhīn bin Abī Shaybah, *Al-Muṣannaf*, Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2004 M / 1425 H.

Muhammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *Al-Umm*, t.tp: Dār al-Wafā, 2001 M / 1422 H.

Muhammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Riyād: Maktabah al-Ma‘arif, t.t.

Muhammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*. Mesir: Al-Salafiyyah, 1400 H.

Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wil Āy al-Qur’ān*, Beirut: Jāmi‘ al-Ḥuqūq al-Maḥfūḍah, 2003.

Muhammad Fuad ‘Abd al-Bāqī, *Al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1364 H

Muhammad Jawād Mughniyyah, *Fiqh al-Imām Ja‘far al-Ṣādiq: ‘Ard wa Istidlāl*, Iran: Mu'assasah Anṣāriyan, 2000.

Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā‘ al-Ghalīl fī Takhrīj Ahādīth Manār al-Sabīl*, Beirut: al-Maktabah al-Islamī, 1979 M / 1399 H.

Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ al-Adāb al-Mufrad li Imām al-Bukhārī*, Arab Saudi: Maktabah al-Dalīl, 1997 M / 1418.

Muhammad Nasril, “Ketaatan terhadap Keputusan Pemerintah Indonesia dalam Penentuan Awal Ramadhan dan Syawal Menurut Perspektif Siyāsah Syar’iyah, Disertasi Master: Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, 2014.

Muhammad bin Maṭar al-Zahrānī, *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah Nash’atuh wa Taṭṭuwāruh* (Riyād: Maktabah Dār Minhāj, 1426 H).

Muhammad Rashīd Rīdā, “Ithbāt Sharh al-Ramaḍān wa Bahth al-‘Aml Fīh wa Ghayrīh bi al-Ḥisāb”, *Majalah al-Manār* 1 (1345 H / 1927 M).

Muhammad Sidqī bin Aḥmad al-Burnū dan Abū al-Ḥarith al-Ghazzī, *Mawsū‘ah al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, Riyāḍ: Maktabah al-Tawbah, 1998 M / 1418 H.

Muhammad Thoriqussu'ud, "Model-model Pengembangan Kajian Kitab Kuning di Pondok Pesantren," *Jurnal Tajdid* Vol. 1, No. 2 (2012).

Muhyiddin Khazin, *Ilmu Falak Dalam Teori dan Praktik*, Jakarta: Buana Pustaka, 2008.

Munzier Suparta, *Ilmu Hadits*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2003.

Muslim bin Ḥajjaj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Riyāḍ: Dār Ṭaybah, 1426 H.

Muṣṭafā Aḥmad Al-Zarqā, *Al-‘Aql wa al-Fiqh fi Fahm al-Ḥadīth al-Nabawī*, Damshiq: Dār al-Qalm, 2002 M / 1423 H.

Muṣṭafā Aḥmad Al-Zarqā, *Fatāwā Muṣṭafā Aḥmad Al-Zarqā*, Damshiq: Dār al-Qalam, 2004.

Nasrul Haroen, *Ushul Fiqh*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1997.

Nugroho Eko Atmanto, Aktualisasi Matlak Wilayatul Hukmi Dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah)", Disertasi Master, UIN Walisingo, Semarang Indonesia, 2013.

Nurul Kausar Nizam et al., "Penggunaan Teleskop: Kesan Terhadap Hukum Ithbat Kenampakan Anak Bulan di Malaysia," *Jurnal Fiqh* No. 11 (2014).

Oman Fathurohman SW, "Hisab Awal Bulan Kamariah Sistem Ephemeris Hisab Rukyat", Makalah, Orientasi Hisab Rukyah se Sumatera Utara dan Aceh, Medan, 2011.

Putri Hasna Tuddar, "Redefinisi Hilal dalam Perspektif Fikih dan Atronomi," *Al-Ahkam* 22 No. 1 (2012).

Radzuan Bin Nurdin, "Pembentukan Takwim Hijri Berdasarkan Hilal dan Kepentingannya Terhadap Permasalahan Fiqh di Malaysia", Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam University Malaya, 2010.

Rayyan Tawfīq Khalīl, "al-Taqniyyah al-‘Ilmiyyah wa Atharuhā fi Taghyir al-Ḥukm al-Fiqhī Thubūt al-Hilāl Anamūdhājan," *Kuliyyah al-‘Ulūm al-Islamiyyah* 8 No.2 (2014).

Rupi'i Amri, "Upaya Penyatuan Kalender Islam di Indonesia (Studi atas Pemikiran Thomas Djamaruddin), *Ishraqi*, Vol. 10, No. 1, (Jun 2012).

Saifuddin Dhuhri, *Dayah: Menapaki Jejak Pendidikan Warisan Endatu Aceh*, Banda Aceh: Lhee Sagoe Pres, 2014.

Şālih bin Mansūr al-Jarbu‘, *Ikhtiyārāt Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah al-Fiqhīyyah*, Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbayliyyā, 2009 M / 1430 H.

Samad bin Haji Abu et al, "Kaerah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijah di Malaysia", dalam *Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijah di Malaysia*, ed. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004.

Sepak Terjang Dari Sosok Ulama Abu Habib Muda Seunangan", *Serambi Indonesia*, Jumat 13 November 2009

Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *al-Furūq*, Beirut: Mu'assasah Risālah 2003 M / 1424 H.

Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī, *Al-Dhakhyarah*, t.tp: Dār al-Maghrib al-Islamī,

1994

Shihāb al-Dīn al-Sayid Maḥmūd al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Adīm wa al-Sab ‘u al-Mathānī*, Beirut: Aḥyā al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad al-Qalyūbī, *Hāshiyah al-Qalyubī ‘alā Sharḥ Jalāl al-Dīn al-Mahallī*, Beirut: Dar Ihyā', t.t.

Siti Tatmainul Qulub, "Telaah Kritis Putusan Sidang Itsbat Penetapan Awal Bulan Qamariyah Di Indonesia Dalam Perspektif Ushul Fikih," *Jurnal Al-Ahkam* 25, No.1 (April 2015).

Sriyatın Sadık, *Perkembangan Ilmu Falak dan Penetapan Awal Bulan Qamariyyah dalam Menuju Kesatuan Hari Raya*, Surabaya: Bina Ilmu, 1995.

Sriyatın, "Penentuan Awal Bulan Islam Di Indonesia (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama RI tentang Penetapan Tanggal 1 Ramadhan, 1 Syawal dan 10 Zulhijjah)", Tesis Kedoktoran, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2012.

Şubḥī al-Ṣāliḥī, *Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalahuh*, Beirut: Dār ‘Ilm al-Malayin, 1977.

Suhardiman, "Kriteria Visibilitas Hilal Menurut Pemerintah dalam Penetapan Awal Bulan Kamariah (Studi Terhadap Keputusan Menteri Agama (KMA) tentang Penetapan Awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah 1422-1432 H / 2001-2011 M)", Disertasi Master, Institut Agama Islam Negari Walisongo, Semarang Indonesia, 2012.

Suharsimi Arikunto, *Prosedur Penelitian: Suatu Pendekatan Praktik*, Jakarta, PT Rineka Cipta, 2006.

Susiknan Azhari, "Karakteristik Hubungan Muhammadiyah dan NU dalam Menggunakan Hisab dan Rukyah", *Jurnal Al-Jami'ah*, Vol. 44, No. 2 (2006 M/1427 H).

Susiknan Azhari, *Ensiklopedi Hisab Rukyah*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2008.

Susiknan Azhari, *Kalender Islam ke Arah Integrasi Muhammadiyah-NU*, Yogyakarta: Museum Astronomi Islam, 2012.

Susiknan Azhari, *Pembaharuan Pemikiran Hisab di Indonesia: Studi atas Pemikiran Sa'adoe'ddin Djambek*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002.

Suwandojo Siddiq, "Studi Visibilitas dalam Periode 10 Tahun Hijrah Pertama (622-631 CE) Sebagai Kriteria Baru Untuk Penetapan Awal Bulan-Bulan Islam Hijriyah" dalam *Prosiding Seminar Nasional Hilal 2009: Mencari Solusi Kriteria Visibilitas Hilal 2009 dan Penyatuan Kalender Islam dalam Perspektif Sains dan Syariah*, ed. B. Dermawan, N. Sopwan dan M. Raharto, Bandung: Kelompok Keilmuan Astronomi dan Observatorium Bosscha, FMIPA-ITP, 2009.

Syamsul Anwar, "Metode Usul Fikih Untuk Kontekstualisasi Pemahaman Hadith-hadith Rukyah," *Tarjih dan Tajdid* 11 No. 1 (2013 M / 1434 H).

Syamsul Anwar, "Upaya Terkini Penyatuan Penanggalan Islam Di Tingkat Dunia", Makalah, Stadium General Program Pascasarjana UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 15 September 2011 M /17 Syawal 1432 H.

Syamsul Anwar, *Diskusi & Korespondensi Kalender Hijrah Global*, Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2014

Syamsul Anwar, *Hari Raya dan Problematika Hisab-Rukyat*, Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2008.

Syamsul Anwar, *Hisab Bulan Kamariah: Tinjauan Syar'i tentang Penetapan Awal Ramadhan Syawal dan Zulhijah*, Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2012 M/1433 H.

Syamsul Anwar, *Interkoneksi Studi Hadis dan Astronomi*, Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2011.

Syuhudi Ismail, *Hadis Nabi yang Tekstual dan Kontekstual: Telaah Ma'ani al-Hadis tentang Ajaran Islam yang Universal, Temporal dan Lokal*, Jakarta: Bulan Bintang, 1994.

Tanṭawī Jawharī, *Al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

T. M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Pedoman Puasa*, Jakarta: Bulan Bintang, 1967.

Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatāwā Ibn Taymiyyah*, Riyāḍ: Majma‘ al-Mālik, 2004 H / 1425 H.

Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn Taymiyyah, *Al-Fatāwā Al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987 M / 1408 H.

Taqī al-Dīn bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi al-Subkī, *Fatāwā al-Subkī fī Furū‘ al-Fiqh al-Shāfi‘ī*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.

Thomas Djamaruddin, *Astronomi Memberi Solusi Penyatuan Ummat*, Bandung: Lembaga Penerbangan dan Antariksa Nasional (LAPAN), 2011.

‘Umar ‘Abd al-Mun‘im Salīm, *Taysīr ‘Ulūm al-Hadīth li al-Mubtadi’īn*, Tanṭā: Dār al-Diyā’, 2000.

‘Umar bin Husayn ‘Uthmān Falatah, *Al-Wad‘u fī al-Hadīth*, Damshiq: Maktabah al-Ghazālī, 1981 M / 1401 H.

Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Kayf Nata ‘āmal Ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyyah: Ma‘ālim wa Dawābiṭ*, Virginia: al-Ma‘had al-‘Ālam al-Fikr al-Islamī, 1990.

Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Al-Siyāsah al-Syari‘iyah*, Mesir: Maktabah Wahbah, 1419 H.

Zainul Abas, "Fatwa MUI dan Kajian Hukum Islam di Indonesia," dalam *Fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI) dalam Perspektif Hukum dan Perundang-undangan*, Jakarta: Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama RI, 2012.

Zakariyyā al-Anṣārī, *Min Ḥāshiyah al-‘Ālim al-‘Alāmah al-Shaykh Sulaymān al-Jamal ‘Ala Sharḥ al-Minhaj*, Beirut: Al-Iḥyā al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Zakariyyā bin Muḥammad bin Maḥmūd al-Kūfī al-Qazwaynī, ‘Ajā’ib al-Makhlūqāt wa al-Ḥayawānāt wa Gharā’ib al-Mawjūdāt, Beirut: Muasaasah al-A‘lamī, 2000.

Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, Beirut: Dār al-Fikr, 2009 M / 1430 H.

Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Waṣīṭ fī Uṣūl al-Fiqh al-Islamī*, Damaskus: Dār al-Kitāb, 1978.

## Laman Sesawang

“Al-Qazwini, Zakariya Ibn Muhammad Ibn Mahmud”, laman sesawang *Encyclopedia.com*, dicapai, 10 Mac 2016,  
<http://www.encyclopedia.com/doc/1G2-2830903549.html>.

“Bosscha Observatory-Institut Teknologi Bandung,” dicapai 21 Februari 2015,  
<http://bosscha.itb.ac.id/en/about/access.html>.

“Dayah Almadinatuddiyah Babussalam Blangbladeh” dicapai 12 Disember 2014,  
<http://sejarahkotajuang.blogspot.my/2014/10/dayah-alminatuddiniyah-babussalam.html>.

“Hari Ini, Mayoritas Muslim Aceh, Idul Fitri”, leman sesawang “*Waspada*” dicapai 5 Mac 2014 .

“Idul Fitri di Aceh Barat Tiga Versi, laman sesawang “*Serambi Indonesia*” dicapai 5 Mac 2014, <http://aceh.tribunnews.com/2013/08/12/idul-fitri-di-aceh-barat-tiga-versi>.

“Ini Cara Unik Jamaah Tentukan Awal Ramadhan beda dari Pemerintah, dicapai 10 Oktober 2015, <http://www.djogjasumberberita.com/ini-cara-unik-jamaah-tentukan-awal-ramadan-beda-dari-pemerintah/>

“Ini Lokasi Pelaksanaan Pengamatan Hilal Ramadlan 1436 H”, laman sesawang *Kemenag RI*, dikemaskini 15 Jun 2015, dicapai, 8 Ogos 2015,  
<http://www.kemenag.go.id/index.php?a=berita&id=268169>.

“Profil Dayah Mudi Mesra Samalanga”, lama sesawang Dayah MUDI Mesra dicapai 25 Februari 2015 [http://www.mudimesra.com/p/blog-page\\_4288.html](http://www.mudimesra.com/p/blog-page_4288.html).

“Profil IAI Al-Aziziyah Samalanga, dicapai 22 Februari 2015, <http://iaia.ac.id/id/page/1-PROFIL-IAI-Al-Aziziyah-Samalanga>.

“Sebagian Warga Jember dan Bondowoso Mulai Berpuasa”, di capai 10 Oktober 2015, <http://ramadhan.antaranews.com/berita/501927/sebagian-warga-jember-dan-bondowoso-mulai-puasa>.

“Visi dan Misi Kementerian Agama,” laman sesawang *Kemenag RI*, dicapai 3 Mac 2015, <http://www.kemenag.go.id/index.php?a=artikel&id=12433&t=181>.

Ahmad Izuddin, “Pusat Observatorium Tgk. Chiek Kuta Karang Aceh, laman sesawang *Kemenag RI*, dicapai 12 Disember 2015, <http://bimasislam.kemenag.go.id/post/opini/pusat-observatorium-bulan-pob-tgk-chiek-kuta-karang-aceh>.

Ibnu Zahid Abdo el-Moeid, *Formula Ilmu Hisab*, dikemas kini 2013 di capai 15 Oktober 2014, <https://www.scribd.com/doc/242405147>.

Kamus Dewan, ed. Keempat, lama sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*, dicapai 09 Ogos 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=penilaian>.

Kamus Dewan, ed. Keempat, lama sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*, di capai 4 march 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=autoriti>

Kamus Dewan, ed. Keempat, lama sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*, dicapai 09 Ogos 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=penetapan>.

Kamus Dewan, ed. Keempat, lama sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*, dicapai 09 Ogos 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=perspektif>.

Lajnah Falakiyah Persiapkan Alat Rukyat, laman sesawang *Nahdlatul Ulama*, dikemaskina 26 Jun 2014, di capai 24 Februari 2015,  
<http://www.bangsaonline.com/berita/3030/lajnah-falakiyah-persiapkan-alat-rukyat>.

Lukmanul Hakim (Menteri Agama Republik Indonesia), “Konferensi Press: Hasil Sidang Itsbat Penetapan 1 Ramadhan 1435 H,” laman sesawang Youtube, dicapai 15 Februari 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=lXMaqgXe2IA>.

Lukmanul Hakim, “Hasil Sidang Isbat Penentuan 1 Syawal 1435 H Jatuh Besok -27 Juli 2014,” laman sesawang *Youtube*, dicapai 2 Januari 2016,  
<https://www.youtube.com/watch?v=5GJq5CwqaTY>.

M. Machasin (Ketua Pengarah Dirjen Bimas Islam Kementerian Agama RI), dalam Sidang Isbat awal Zulhijah 1436 H 13 September 2015, “Idul Adha Jatuh 24 September 2015”, laman sesawang *Youtube*, dicapai 15 Februari 2016,  
<https://www.youtube.com/watch?v=OK2n3CmQ1r0>

Muhammad Shawkah ‘Awdah, al-Taqwīm al-Hijrī al-‘Ālamī, laman sesawang *Islamic Crescents’ Observation Project*, dicapai 17 April 2014,  
<http://www.icoproject.org/paper.html>.

Muhammad Shawkah ‘Audah, Taṭbiqāt Tiknulujiyyā al-Ma’lumāt li I’dād Taqwīm Hijrī ‘Ālamī, laman sesawang *Islamic Crescents’ Observation Project*, dicapai 17 April 2014, <http://www.icoproject.org/paper.html>.

Muhammad Shawkat ‘Awdah, al-Hilāl Bayn al-Ḥisabāt al-Falakiyyah wa al-Ru’yah, (2004), laman sesawang *Islamic Crescents’ Observation Project*, dicapai 20 November 2014, [http://www.icoproject.org/pdf/2004\\_crescent.pdf](http://www.icoproject.org/pdf/2004_crescent.pdf).

Mutoha Arkanuddin, “Hisab Rukyah Awal Bulan Hijriyah”, laman sesawang Rukyah Hilal Indonesia, dicapai 7 Mac 2013, <http://rukyatulhilal.org>.

Rukyah Batam di terima “Idul Fitri di Aceh Barat Tiga Versi, laman sesawang “*Serambi Indonesia*” dicapai 5 Mac 2014, <http://aceh.tribunnews.com/2013/08/12/idul-fitri-di-aceh-barat-tiga-versi>.

Said Syahrul Rahmad, “Analisis Kritik Terhadap Tulisan Snouch Hurgronje tentang Habib Seunangan, laman sesawang *Atjeh Pos*, dicapai 1 Ogos 2015, <http://atjehpost.co/berita2/read/Analisis-Kritis-Terhadap-Tulisan-Snouck-Hurgronje-tentang-Habib-Seunagan-13274>.

Said Syahrul Rahmad, “Tgk Padang si Ali, Ulama dan Perjuangan dari Negeri Seunagan, laman sesawang *Lintas Gayo*, dicapai 1 Ogos 2015, <http://www.lintasgayo.com/23297/tgk-padang-si-ali-ulama-dan-pejuang-aceh-dari-negeri-seunagan.html>.

Sebagian Warga Jember dan Bondowoso Mulai Berpuasa”, di capai 10 Oktober 2015, <http://news.okezone.com/read/2015/06/17/340/1166845/sebagian-warga-jember-dan-bondowoso-mulai-berpuasa>.

Sejarah Kementrian Agama,” laman sesawang *Kemenag RI*, dicapai 3 March 2015, <http://www.kemenag.go.id/index.php?a=artikel&id=12432&t=181>.

Sharf al-Quḍāh, Thubūt al-Shahr al-Qamarī Bayn al-Ḥadīth al-Nabawī wa al-‘Ilm al-Ḥadīth, laman sesawang *Islamic Crescents’’ Observation Project*, dicapai 17 April 2014, [www.icoproject.org/pdf/sharaf\\_1999.pdf](http://www.icoproject.org/pdf/sharaf_1999.pdf).

Zainun Yusuf, “Ikut Tradisi Tolak Bala, Pengunjung Padati Lokasi Wisata di Abdy”, dicapai 10 Februari 2016, <http://aceh.tribunnews.com/2015/12/09/ikuti-tradisi-tolak-bala-pengunjung-padati-lokasi-wisata-di-abdy>.

### **Temu bual**

Abdullah (Bilal Mesjid Jamik Habib Muda Seunangan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Juni 2015.

Abiya Muhammad Baidhawi H. Mukhtar (Pengarah Kiri MUDI Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015

Abu Mustafa Paloh Gadeng, (Pengarah Dayah Al-Madinatuddinnyah Darul Huda dan Ketua Majlis Pemusyawaratan Ulama (MPU) Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2015

Alfirdaus, (Setiausaha Badan Hisab dan Rukyah Kemenag Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2015.

Bukhari (Pengerusi Mesjid al-‘Izzah Krung Mane Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 3 Ogos 2015

Fauzan (Pengerusi Mesjid al-‘Izzah Krung Mane Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 3 Ogos 2015

Fidazuwawi (Anak dari TGK. H. Usman Makam), dalam temu bual dengan penulis, 1 November 2015.

Habib Qudrat (Mursyid Tarekat Syattariyah Abu Peulekung Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 18 Jun 2015.

Kamil Syafruddin (pengurus/anggota Badan Hisab dan Rukyah Aceh Barat) pada temu bual dengan penulis, 10 Disember 2015.

Muhammad Suhail (cucu daripada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 17 Jun 2015.

Rahmad (Alumni Dayah Al-Madinatuddiniyyah dan pegawai kerajaan pada pejabat Majlis Pemuswaratan Ulama Aceh Utara), dalam temu bual dengan penulis, 29 April 2015.

Suhrawardi Ilyas (Pensyarah Kanan pada Jabatan physics Fakulti Sains MIPA Universiti Syiah Kuala Banda Aceh dan Anggota Badan Hisab Rukyah Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 11 Disember 2014.

Teuku Raja Keumangan (cucu kepada Abu Peulekung), dalam temu bual dengan penulis, 19 Jun 2015.

Tgk. Abdullah Ibrahim (Alumni Dayah MUDI Mesra dan Pengarah pada Dayah Babul ‘Ulum Diniyah Islamiyyah, Pidie Jaya), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2014.

Tgk. Mahmudi (Pengarah Dayah Al-Madinatuddiniyyah Aceh Barat), dalam temu bual dengan penulis, 13 Februari 2015.

Tgk. H. Hasanoel Bashry Bin H. Gadeng (Pengarah Dayah Ma‘had al ‘Ulum Diniyyah Islamiyah (MUDI) Mesra), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015.

Tgk. Jamaluddin Wali, (Ketua Pengarah daripada Dayah Bustanul Muhaqqiqien Darussalam Labuhan Haji Aceh Selatan) dalam temu bual dengan penulis 5 Jun 2015.